

PENTADBIRAN AWAM MALAYSIA

JILID 2

WAN AZMI RAMLI

DSS (S'pore), CSWE (London),
C.P.S.O. (Swansea), M.Sc. (Econ)
in Applied Social Studies (Cardiff, Wales, U.K.)



GOLDEN BOOKS CENTRE SDN. BHD.

Lot 4.1, Tingkat 4, WISMA SHEN,
149, Jalan Masjid India,
50100 Kuala Lumpur.

Tel: 2939862/2939864/2931661/2933661

Fax: 03-2928035

Penerbit:
GOLDEN BOOKS CENTRE SDN. BHD.

Lot 4.1, Tingkat 4, WISMA SHEN,
149, Jalan Masjid India,
50100 Kuala Lumpur.
Tel: 2939862/2939864/2931661/2933661
Fax: 03-2928035

Hakcipta:
Wan Azmi Ramli

Cetakan Pertama: 1996

Dicetak oleh:
Syarikat Percetakan Ihsan, Kuala Lumpur.

ISBN:

983-72-0315-3 (Kulit Nipis)

983-72-0314-5 (Kulit Tebal)

M
354.595
WAN

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, salinan foto, perakaman atau seumpamanya, tanpa izin terlebih dahulu daripada Golden Books Centre Sdn. Bhd.

M
903826

- 4 DEC 1997

Perpustakaan Negara
Malaysia

Untuk:

ZAITON ABDUL MAJID

dan

MARIAM YUSOF

juga

**Wan Nur Shahida
Wan Seri Bani
Wan Khairil Anwar
Wan Rus Sarina
Wan Syahril Azhar
Wan Nur Aida**

dan

Wan Syaridatul Syahariah

Penghargaan:

Dalam menyediakan buku ini, saya amat terhutang budi kepada Cik **Leong Mei Yee**, B.A. (Hons.), Dip.Ed. (UKM, Bangi) 1993/94, yang banyak membantu, berbincang dan tolong menyemak teks ini.

Jutaan terima kasih!

Wan Azmi Ramli

BAHAGIAN DUA

— *Orang yang berjiwa kotor sahaja yang boleh dan rela bersubahat dan bersekongkol dengan orang "kotor" —*

W.A.R.



KANDUNGAN

Halaman

| | | |
|----|--------------------------------|-----|
| 18 | ETIKA PENTADBIRAN | 1 |
| | CONTOH-CONTOH KLASIK | |
| | PERKHIDMATAN SONGSANG | |
| | 1) <i>Dilemma</i> Perkhidmatan | |
| | 2) <i>A Cover-Up</i> | |
| | 3) Operasi Mawar | |
| 19 | PENUTUP | 299 |
| | S.S.B. | |



ETIKA PENTADBIRAN

CONTOH-CONTOH KLASIK PERKHIDMATAN SONGSANG

Etika atau tatasusila pentadbiran:

Masalah etika pentadbiran (atau pengurusan) melahirkan pelbagai perkara yang lebih rumit daripada masalah kuno (dan tertua) mengenai rasuah (*corruption*) dalam agensi awam/organisasi kerajaan. Ianya boleh dilihat dari sudut tiga dimensi, iaitu: etika kaedah/cara dan pencapaian; etika kepentingan peribadi menyalah-gunakan hak awam; dan etika bagaimana hendak mentakrif dan mengekalkan minat awam (*public interest*).

Demi pencapaian matlamat dengan menghalalkan cara, yakni, tidak kira cara apa digunakan asalkan hasrat hati atau matlamat (baik atau buruk) dapat dicapai *by hook or by crook* dalam Bahasa Inggeris dan lazimnya '*by crook*', dengan cara pincang dan tidak jujur. Demi kepentingan peribadi (atau kelompok sekepentingan) mengorbankan segala '*at public expense*' — menggunakan kemudahan rasmi (hak kerajaan – hak awam) untuk mencapai maksud dan niat jahat yang tersirat. Dan selok-belok menyakinkan semua (para pegawai kerajaan/orang ramai) dengan secara beramai-ramai menabur fitnah, pesona, dan tohmah begitu realistic sekali dengan cereka yang diada-adakan sebagai "bukti" sah. Lalu mudahlah pihak "atasan" dipersongsangkan kerana sifat tercela – dengki, cemburu, khianat – yang menjadi prinsip pegangan dan anutan mereka!

Etika pentadbiran dan kemurnian seni pengurusan dipersetankan, dilacuri oleh segolongan "petualang" handalan dengan kepintaran bertohmah, kebijakan berfitnah, kekukuhan kekeluargaan dalam pentadbiran menggunakan pengaruh, "sihir" (ilmu hitam), dan sepakatan menggunakan strategi khianat dan taktik hina lagi durjana menghancurkan perkhidmatan dalam satu tenaga "kejijikan" bersama, *and the majority always wins!!*

Renungan (1)

MY BOSS & I

When I take a long time —

I am slow.

When my boss takes a long time

He is thorough.

When I don't do it —

I am lazy.

When my boss doesn't do it

He is too busy.

When I do something without being told —

I am trying to be smart.

When my boss does the same —

that is initiative

When I please my boss —

I'm apple — polishing.

When my boss pleases his boss —

He's co-operating.

When I do good,

my boss never remember.

When I do wrong,

*he never forget.**

* Petikan yang sumbernya tidak dapat dikesan!
(Begitulah — serba salahnya)

Renungan (2)

Ubah Sikap Negatif — Eric Chia

Kritikan terbuka Pengarah Urusan Perwaja Steel Sdn. Bhd., Tan Sri Eric Chia, terhadap sikap dengki yang didakwa menjadi penghalang utama kepada kemajuan orang Melayu untuk muncul sebagai kuasa korporat menarik perhatian ramai.

Ada yang menyokong kenyataan tersebut sebagai satu realiti yang sudah lama berlaku namun tidak kurang juga yang melenting dan melatah. Malah ada di kalangan tokoh korporat Melayu mengkritik kenyataan Eric Chia.

Kata mereka, kenyataan itu keterlaluan.

Ketika menyatakan pandangannya dalam sebuah rencana yang disiarkan oleh majalah *Mastika* (terbitan Kumpulan Utusan) keluaran Januari lalu, Eric Chia antara lain membidas sikap korporat besar Melayu yang didakwa-nya kurang prihatin terhadap nasib usahawan baru.

Katanya, **sikap enggan** membantu orang lain adalah antara manifestasi perangai buruk orang Melayu yang didorong oleh perasaan benci.

Menurut Eric Chia, walaupun pandangannya itu sensitif, itulah hakikat yang berlaku kepada orang Melayu dalam bidang perniagaan.

Malah katanya, korporat besar Melayu masih beranggapan bahawa tanggungjawab pembangunan itu terpikul di bahu kerajaan dan bukan tugas mereka.

Katanya, korporat Melayu tidak peka seperti golongan korporat Cina yang sentiasa mahu menghulurkan tangan membantu rakan-rakan sebangsa mereka yang baru mencari tapak berniaga.

Bagaimanapun, katanya, di Perwaja, beliau mengetepikan semua prasangka tersebut, termasuk masalah perkauman.

Kata Eric Chia, orang Melayu juga mempunyai keistimewaan. Mereka mudah dibentuk, lembut hatinya dan paling jelas orang Melayu memiliki perawakan yang *simple*.

Katanya, setelah tujuh tahun bersama orang Melayu di Perwaja, mereka yang muda daripadanya sudah dianggapnya seperti anak sendiri dan kepada anak-anak Melayu yang mula mencari tapak di syarikat itu, Eric Chia membentuk mereka seperti anak sendiri.

Baginya, tanggungjawab membantu kaum bumiputera untuk maju dalam bidang korporat merupakan sebahagian daripada tugas yang harus beliau pikul demi memberi peluang kepada mereka yang berpotensi untuk berjaya.

Malah Eric Chia percaya, sekiranya kita ingin melihat wujudnya sebuah negara Malaysia yang maju dan harmoni pada abad mendatang, penglibatan semua kaum dalam semua sektor perniagaan mesti digalakkan.

Katanya, orang Melayu mesti berniaga. Konsep satu perniagaan untuk satu bangsa harus dimansuhkan dan orang Melayu harus sedia belajar dan menerima hakikat bahawa modal yang paling penting dalam dunia niaga ialah pengalaman.

Untuk mengetahui pandangannya mengenai sindrom sikap di kalangan orang Melayu yang membantutkan kemajuan mereka serta mendekati falsafah kerja dan aspirasi masa depannya, wartawan *Mingguan Malaysia*, **ZAINAL RASHID AHMAD** mewawancara Eric Chia di pejabatnya baru-baru ini.

Sikap negatif orang Melayu

Seperti saya katakan dulu, korporat besar Melayu banyak yang tidak sanggup meluangkan masa untuk membantu atau mengajar usahawan baru cara-cara untuk berniaga. Sama ada mereka benar-benar tidak ada masa atau sengaja tak mahu tolong, itu saya tak pasti.

Selain dengki, masalah orang Melayu juga didorong oleh sikap mereka yang kurang berminat untuk belajar atau menerima kaedah orang lain untuk dijadikan contoh. Tetapi antara lain, masalah yang paling serius ialah tiadanya sikap bersungguh-sungguh.

Saya selalu mendengar orang Melayu berkata, kita cubalah dulu dan kalau gagal kita bungkus kain baju dan balik kampung. Mereka selalu berfikir bahawa kalau gagal mereka kena balik ke asalnya.

Pandangan ini salah kerana kalau kita gagal, kita harus mencuba lagi. Kita tidak boleh berpegang kepada keyakinan kalau kita gagal bererti kita gagal selama-lamanya. Gagal bagi saya, kena usaha lagi. Kita kena terus cuba untuk dua kali atau berapa kali sampai berjaya.

Bagaimanapun generasi sekarang lebih berani dan mahu mencuba.

Faktor sejarah juga membantu kita melihat beberapa masalah yang menyebabkan orang Melayu agak kurang terdedah kepada dunia perniagaan. Kolonialisme British telah menetapkan bahawa orang Melayu mesti tinggal di kampung dan bekerja di sektor pertanian.

Manakala orang Cina walaupun hanya menjadi 'tukang jual' sahaja kepada barang-barang yang keuntungan niaganya dikuasai oleh syarikat-syarikat Inggeris tetapi mereka mempunyai pendedahan awal tentang arus berniaga di negara ini.

Orang Melayu sebagai penduduk asal di negara ini pada awalnya hanya berbangga dengan ladang atau kebun warisan keluarga mereka. Justeru itu mereka lebih senang mengusahakan kelapa sawit atau tanah sawah.

Tetapi orang Cina lain. Faktor sejarah membantu mereka bersikap lebih agresif.

Sebagai pendatang pada waktu itu, mereka tidak memiliki apa-apa. Mereka datang dengan azam dan harapan untuk mempertaruhkan nasib serta mencari taraf hidup yang lebih baik.

Mereka berasal dari kesusahan dan mereka perlu berjuang untuk keluar daripada kesusahan.

Bagi mereka usaha dalam berniaga adalah antara hidup atau mati. Kalau tak berjaya ertinya mati. Itu saja. Tak ada istilah kalau gagal mari kita balik kampung.

Masalah Melayu serius

Bila saya bercakap tentang Melayu tidak menolong Melayu, matlamatnya bukan setakat usik-usik. Saya serius dan bagi saya perkara tersebut berlaku.

Saya bergaul rapat dengan orang Melayu, terutama setelah saya datang ke Perwaja. Hubungan saya rapat bukan setakat dengan para pekerja malah saya berkawan dengan isteri, anak-anak dan emak bapa pekerja saya.

Saya berjalan di kawasan perumahan pekerja Perwaja dan berbual mesra dengan keluarga mereka.

Saya hairan dan selalu bertanya, dari mana orang Melayu mewarisi sikap suka dengki walaupun pada hakikatnya mereka amat baik, mesra dan *simple*.

Bagi saya orang Melayu boleh maju dan pergi jauh untuk menjadi satu bangsa yang berjaya.

Pekerja perlu dihormati

Ketika saya diarahkan untuk menerajui Perwaja dan bekerja di Kemaman, Terengganu, terdapat tiga perkara pokok yang menjadi pegangan dan prinsip kerja saya.

Pertama, saya tidak akan berdebat atau masuk campur dalam soal yang melibatkan kepentingan dan sensitiviti agama para pekerja. Lebih 90 peratus pekerja saya di sana adalah Islam dan mereka berpegang teguh terhadap nilai-nilai agama mereka.

Kedua, saya tidak akan menjatuhkan air muka pekerja saya di khalayak ramai sekalipun dia hanya seorang mekanik rendah. Bagi saya, orang Melayu sanggup mati kerana maruahnya. Kita tidak boleh mengajar orang Melayu kalau kita memulakan pelajaran kita dengan menjatuhkan maruah mereka.

Ketiga, jangan sesekali dikaitkan perihal martabat keluarga kalau kita marahkan mereka. Ini pantang besar orang Melayu.

Mereka mungkin menyerang kita seperti harimau lapar kalau keluarga mereka dicerca atau dihina.

Tiga falsafah ini menjadi garis panduan saya ketika bekerja dengan orang Melayu.

Kerja kuat bukan bodek

Sikap dengki orang Melayu juga membuat mereka malas bekerja dan takut untuk saling tegur-menegur. Mereka tidak mahu kerja kuat kerana takut disindir oleh rakan-rakan mereka dengan kata-kata 'kaki bodek bos'.

Justeru itu, persekitaran yang begini membuatkan mereka tidak mahu bekerja kuat dan saya hairan apakah ini 'budaya Melayu'.

Ada kalanya apabila melihat rakan mereka tersilap atau bersikap negatif, mereka tidak berani menegur kerana takut dituduh sombong.

Apatah lagi kalau mereka baru naik pangkat, mereka tidak mahu menegur kesilapan pekerja bawahan kerana bimbang dituduh 'lupa diri' atau sombong.

Di Perwaja, saya suruh mereka tegur siapa saja yang silap tetapi dengan pendekatan yang baik. Saya tidak galakkan pekerja dimarahi di khalayak ramai atau menyebut hal-hal sensitif seperti agama, adat atau kaum keluarganya.

Tegur dalam pendekatan saya ialah memberikan pelajaran yang baik untuk mereka yang melakukan kesilapan. Tegur harus dengan penjelasan dan didikan serta cara yang boleh diterima oleh pekerja.

Pengalaman di Perwaja

Walaupun hanya tujuh tahun di sini, tetapi cabaran dan pengalaman di Perwaja amat istimewa. Pergaulan dan kemesraan saya dengan orang Melayu amat akrab. Saya menerima mereka sebagai keluarga.

Saya belajar mendekati orang Melayu serta mendalami perasaan dan kelebihan mereka. Ya, mereka memang istimewa. Hatinya lembut dan ramah. Paling jelas mereka amat *simple*.

Saya sedih untuk meninggalkan Perwaja tetapi kedatangan saya ke sini hanya sebagai doktor. Ketika saya masuk, Perwaja hampir "maut" tetapi sekarang sudah pulih. Sebagai doktor apabila pesakit sudah baik, saya kenal angkat kaki.

Saya rasa, orang baru perlu menerajui Perwaja bila semuanya sudah selesai. Kalau saya terus di sini maka saya melakukan kesilapan. Perwaja boleh pergi lebih jauh dari apa yang dicapainya sekarang dan saya tidak wajar menyekat kemampuan Perwaja.

Saya sayangkan Perwaja dan ketika membincangkan hal-hal mengenai perlunya saya berundur dan masanya sudah tiba untuk orang mudanya pula mengambil alih perjuangan Perwaja, saya sendiri rasa sedih. Saya pernah bercakap hal ini dengan beberapa orang kerani dan saya hampir menangis kerana sedih.

Bagaimanapun bagi saya, masa harus berakhir dan bila tiba masanya saya harus berundur.*

* Korporat Melayu dengki dan enggan tolong rakan - MM 26/2/95 hlm. 11

CONTOH-CONTOH KLASIK PERKHIDMATAN SONGSANG

Setelah saya menentengahkan **teori robot** dengan *kaedah pentadbiran* berserta *ciri-ciri pentadbir pincang* dengan menyelami segala aspek pentadbiran awam, maka dalam Bahagian Dua ini saya bentangkan tiga contoh klasik kesongsangan dan kepincangan pentadbiran AKIBAT rasa dengki, khianat, cemburu, iri hati — yang tidak jauh bezanya dengan apa yang dikatakan oleh Eric Chia di Perwaja itu. Bukan saja dari segi korporat tetapi dari sudut perkhidmatan dan pentadbiran awam (malah juga swasta) ianya wujud. Bukan tidak ada orang Melayu yang baik hati dan mahu melihat organisasi atau agensinya maju dan berjaya TETAPI sikap negatif si ketua/boss Melayu di peringkat Ibu Pejabat dan Kementerian yang boleh mendurjajankan segala.

Apa yang hendak saya paparkan ini adalah pahit-maung yang telah saya sendiri lalui akibat segala macam khianat, tohmah dan fitnah kakitangan/boss kerana cemburu, dengki, malas dan 1001 lagi "masalah" yang mereka sahaja dan Tuhan maha mengetahuinya. Tiga contoh klasik ini — (1) "*dilemma perkhidmatan*". Laporanannya mendapat dua jenis reaksi sensitif iaitu:

- **Laporan orang gila** — Aishah Ghani, Menteri Kebajikan Am, Malaysia.
- **Ingat orang luar buat fitnah kepada kementerian kita** — Dato' Yahya Hj. Talib, Ketua Setiausaha Kementerian
- **Macam baca novel khayal** — Abdullah Malim Baginda, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat.
- **Kalau tahu mereka yang buat surat fitnah kepada Menteri, boleh diambil tindakan tatatertib** — Abu Bakar b. Ahmad, BCK, Penasihat Undang-undang Negeri Kedah.
- **Laporan sungguh berani. Mereka yang hendak mengambil tindakan tatatertib atas Pengarah itu, 'stupid'** — Hj. Ahmad Pirun, Ketua Cawangan Odit Kedah
- **Kalau cetak boleh jadi 'best seller'** — Hj. Muhammad Ishak, Ketua Penolong Setiausaha Cawangan Perkhidmatan, Kedah.

(2) *A Cover-up* — mangsa B.C.A. dan

(3) *Operasi Mawar & Scape-goat* KKM.

Apa yang telah berlaku itu — kepincangan, *intrigue*, pakat berpakat untuk menjatuhkan seseorang, cemburu *publiscity*, dengki, tolong-menolong memburukkan (kerana takut kena tindakan) dan beraneka jenis kesongsangan, ketempangan, dengan pelbagai cara tipu helah yang menyakinkan ini, kini sudah lebih sedekad berlalu dan pada saya, ianya adalah suatu sejarah hitam perkhidmatan dalam pentadbiran awam, yang diharapkan semoga ianya tidak berulang lagi di mana-mana jua pun.

Sayogia dimaklumkan, segala laporan itu disebarikan secara meluas kerana, saya teguh dengan prinsip: '**berani kerana benar**', tidak kira siapa dan di mana. Segalanya dilakukan demi kepentingan perkhidmatan dan bukan peribadi, tanpa gentar wa-ima apa pun berlaku, kerana Allah SWT maha mengetahui. Apa yang diamanahkan saya laksanakan, suatu tanggungjawab duniawi dan ukhrawi itu. Itu saja!



18 (1) DILEMMA PERKHIDMATAN

Laporan ini wujud atas perbuatan kakitangan Pegawai/Pembantu Kebajikan Masyarakat di seluruh Negeri Kedah Darul-aman yang membuat surat tuduhan kepada YB Menteri Kebajikan 'Am Malaysia sambil mendapat reaksi bersemangat dan luar biasa dari Kementerian Kebajikan 'Am, Malaysia.

Pada hemat saya, adalah *unethical* bagi saya membongkarkan segala kelemahan, kepincangan dan penyelewengan yang begitu ketara dan berleluasa berlaku dalam perkhidmatan di Negeri Kedah ini. Malangnya, saya tidak ada jalan lain lagi bertindak kerana segala ini juga adalah atas desakan Kementerian yang begitu ghairah dan pantas bertindak tanpa usul periksa, oleh itu, punyai perasaan *bias* terhadap saya.

Dengan rasa hati yang paling dukacita saya terpaksa mengutarakan segala yang berlaku selama ini di Negeri ini - - - - ini disebabkan bekas Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri ini ialah sahabat ikrab saya dan tidaklah menjadi hasrat saya memburuk-burukkan mana-mana pihak, melainkan menyatakan, melaporkan apa yang sebenarnya berlaku yang hinggakan menjadi kepincangan dan mencacatkan perkhidmatan. Ini saya tidak sanggup melihat berleluasa terus berlaku di dalam perkhidmatan di mana saya yang mengepalainya - - - - mewakili Kementerian dan Negeri, yang dipikulkan ke atas bahu saya segala tanggungjawab itu.

Sebelum saya menjawab secara lebih mendalam segala tuduhan dan tohmahan yang dilemparkan ke atas saya - - - - yang wujud atas sebab cara dan gaya mereka memainkan peranan (pada hemat saya, kalau terlalu banyak "main peranan", lama-lama jadi "peran" kata orang Kedah, jadi "down", jadi pelawak tanpa semangat tanggungjawab, oleh itu peranan bukan boleh dimain-mainkan malah harus menjalankannya dengan rasa penuh tanggungjawab 100%) di Negeri ini - - - - izinkan saya memberi pengenalan dalam penulisan saya ini, dari itu, dapatlah pihak YB/Dato'/Tuan membuat satu analisis yang lebih rasional, dengan fikiran yang tenang, perasaan yang lapang dan tindakan yang jitu - demi keadilan pada mereka yang terlibat dan menjaga maruah Jabatan/Kementerian.

Pengenalan:

Pada pertengahan bulan Oktober 1981, saya ditukarkan dari Bahagian Latihan, Kementerian Kebajikan 'Am, ke Kedah untuk memikul tanggungjawab selaku Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri. Apabila saya datang, semasa hendak menyerah tugas dan mengambilalih tugas, satu kejadian malapetaka berlaku di sebuah Daerah. Pihak Dato' Leong, selaku Pengerusi J/Kuasa Tetap Hal Ehwal Kebajikan/Malapetaka Negeri Kedah yang tergesa-gesa datang dari Kulim telah sampai jam 9.30 pagi tetapi Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) berkenaan tidak sampai, hinggalah jam 12.30 tengahari dan yang datang cuma Pembantunya. Ini jelas menunjukkan sikap semua pihak yang bertanggungjawab itu.

Apabila saya mengambilalih tugas dan pentadbiran, saya banyak dengar sungutan-sungutan semua pihak yang tidak puashati. Memandangkan nadi penggerak disesuatu perkhidmatan ialah **Bahagian Pentadbiran**, saya menjemput seluruh kakitangan Pentadbiran untuk berbincang hati-ke-hati dengan mereka agar segala rasa tidak puashati itu dapat dihapuskan demi kepentingan perkhidmatan, dan untuk bekerjasama dengan lebih erat dan menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan penuh rasa muhibbah dan berminat. Syukur Alhamdulillah, pihak Pentadbiran - - - dari Pelayan Pejabat hingga ke Kerani Besarnya - - - menyahut seruan ikhlas saya menyambut cabaran untuk kerja lebih dedikasi, tekun dan berani. Oleh itu, tidak lagi, insya 'Allah, wujud kerja yang sengaja dilengah-lengahkan. Ini saya ucapkan syabas kepada mereka. **Tidak wujud konflik antara mereka dengan saya disebabkan mereka ikut nasihat Pentadbiran dan era baru yang saya ketengahkan.**

Ini berlaku, mungkin disebabkan mereka selama ini tidak terlalu bebas dan punyai disiplin. Mereka ditempatkan di satu bangunan di mana Bahagian pentadbiran dan Bahagian Professional bertugas. Mereka sedia ikut nasihat demi kepentingan perkhidmatan dan kakitangannya. Oleh itu, selepas bincangan, nasihat, tunjuk ajar dan bila saya buat susulan, segala yang dinasihatkan itu, diambil tindakan. Oleh itu, tidak wujud pergeseran antara mereka dengan saya, selaku rasmi ataupun peribadi. **Mereka tidak cemas, tidak gentar, tidak takut kepada "Tuan" Pengarah walaupun dari jam 8.00 pagi sampai 4.00 petang tiap hari di depan hidung Pengarah.**

Oleh itu, segala "query" audit yang tidak diambil tindakan sejak tahun 1978, kepincangan-kepincangan perkhidmatan, pengawasan dan kelolaan dapat dibereskan hasil usaha gigih kakitangan Pentadbiran - - - demi melihat perubahan dan kemajuan dalam perkhidmatan. Sekarang tidak timbul lagi tindakan lewat oleh mana-mana Bahagian dalam Pentadbiran - - - perkhidmatan, kewangan, taip-menaip, pengurusan wang

amanah dan sebagainya. Ini, secara langsung, mendaratkan manfaat kepada klien (orang yang memerlukan pertolongan/bantuan Jabatan) dan juga kepada para Pegawai dan Pembantu - - - yang membuat komplaint ini.

(Sila lihat lampiran Minit Mesyuarat dan query dari pihak Audit untuk mendapat penjelasan yang lebih terperinci).

Sesudah memahami dan meneliti tindak-tanduk para kakitangan (**pekerja luar**), satu mesyuarat untuk membincangkan masalah hati-kehati pun diadakan di Alor Setar - - - yang memakan masa dari 9.00 pagi sampai 7.00 petang. Dalam perjumpaan memahami masalah ini, tiap Pegawai dan Pembantu, Waden dan Penguasa diberi peluang bercakap dan buat apa saja ulasan/desakan yang mereka fikir perlu dan mustahak. Ini dibuat untuk melatih mereka supaya berani bercakap di mesyuarat dan membahaskan hujjah-hujjah yang diketengahkan itu.

Selain dari memahami dan meneliti masalah di tiap Daerah dan Pegawai/Pembantu yang menghadapinya, saya juga menegaskan dalam *address* kepada saya selaku Pengarah, usahlah digunakan perkataan "Tuan". Saya kurang senang dengan sanjungan itu. Cuma panggil saya "Encik" sahaja - - - ini, pada hemat saya, lebih sesuai dalam masyarakat orang-orang Timur kita ini. Dan tidak usahlah menggunakan perkataan "You" dan "I" kepada sesiapa pun, lebih-lebih lagi kepada klien dan Pegawai Daerah/Wakil Rakyat. Bahasa "saya" dan "encik/puan" adalah lebih baik dan bersopan. Juga tentang tatatertib, tingkahlaku, adat sopan, saya beri penekanan khas, kerana Pegawai kita punyai hubungan langsung dengan orangramai, oleh itu perlu hati-hati dalam cara mereka bercakap, berlagak, cara berpakaian dan sebagainya demi menjaga maruah diri, imej Jabatan dan namabaik Kementerian yang mereka wakili di sini.

Dalam mesyuarat/perjumpaan ini, **saya telah beri nasihat, tunjuk ajar, membina semangat dan minat agar kakitangan di Negeri Kedah ini boleh saya harap dan banggakan. Saya juga menekankan tentang sikap saya - - - lebih-lebih lagi apa yang saya tak suka: berkasar pada klien/orangramai (sikap tak bertanggungjawab); datang ke Pejabat lewat, balik awal; PKMD membebankan kerja ke atas bahu Pembantunya, (tanpa semangat bekerjasama); tidak ambil kisah/peduli kelohan rakyat yang susah dan miskin; tidak atau lewat melayani surat-surat rasmi, dari Wakil Rakyat, dari Jabatan/Kementerian; dan kerja yang sambil-lewa sahaja.**

Dalam bincangan ini, saya telah tegaskan yang segala kepincangan dan penyelewengan saya tidak akan bersubahat, tidak akan "*take things for granted*" malah akan saya halusi secara terperinci dan mendalam.

Saya begitu bangga apabila saya dengar cara Pegawai/Pembantu bekerja

dan menurut mereka, kerja banyak dan mereka sangat sebok, syabas! Inilah cabaran. Inilah yang saya mahu, oleh itu tidak akan wujud masalah kerana semua PKMD/Pegawai/Pembantu rajin menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Segala nasihat, tunjukajar dan garis panduan diberi untuk diambil tindakan secara lebih dinamis. Dan ini adalah janji-janji kakitangan seluruh Negeri Kedah dalam menghadapi era baru dan cabaran dalam perkhidmatan ini.

Sesudah nasihat dan garis panduan diberi dan mengatakan ketegasan saya, saya pun buat lawatan ke Daerah-Daerah --- dengan rasa gembira dan hati terbuka melihat kakitangan yang rajin dan gigih usaha membangunkan rakyat itu. Saya gembira mereka menyambut cabaran ini dengan berani!

MALANGNYA, apabila saya melawat Daerah-Daerah, saya tergamam, terperanjat, malu dan kecewa mempunyai kakitangan yang walaupun sudah diberi nasihat, tunjukajar, malah ketegasan yang pihak mereka sedia maklum sikap saya yang bekerja tidak hirau masa dan ketika, mereka seolah-olah tidak peduli, tidak bertanggungjawab, tidak ada minat dan semangat untuk bekerja demi meningkatkan keupayaan/kebolehan klien-klien yang susah dan punyai 1001 masalah itu.

Saya tergamam melihat keadaan mereka --- ada yang lebih klien dari klien, saya terperanjat begini caranya mereka menjalankan kerja harian; saya malu begini sikapnya pegawai/pembantu saya dan kecewa mereka ada di sini, dipertugas khas untuk kerja kebajikan pada rakyat, tetapi yang timbul ialah kejiikan (saya akan huraikan satu persatu kelak).

Sebelum saya buat lawatan di Pejabat-Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, saya buat kunjungan hormat kepada semua Dato'/Tuan Pegawai Daerah, kepada YB Wakil-Wakil Rakyat dan juga Ketua-Ketua Kaum di Bandar mau pun di Luar Bandar. Bincangan penuh ikhlas dan jujur diadakan dengan mereka ini untuk mendapat gambaran yang lebih terang dan nyata.

Saya tidak percaya apa yang saya dengar, apa pandangan orang ramai/Pegawai utama Kerajaan terhadap Pegawai/Pembantu Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah - - - yang **kononnya** "mereka bekerja teruk dan kuat itu"!

Gambaran yang saya terima, huduh, cacat dan tempang. Kakitangan kita dituduh tidak cekap, tidak *creative*, tidak bertanggungjawab malah tidak sesuai menjawat jawatan PKM untuk menolong rakyat - - - satu komment yang sangat pedas yang saya terima. Segala ini wujud atas kejadian-kejadian yang berlaku seperti:-

Tidak pernah dengar suara dalam mana-mana mesyuarat Pembangunan/Tindakan di peringkat Daerah; tidak ada projek yang manfaat selain dari

Beri Bantuan saja; atau bila berlaku bencana alam/malpetaka; berlaku kebakaran di depan hidung ($\frac{1}{2}$ batu dari Pejabat) tapi tidak tahu; Pegawai Daerah bertindak bila berlaku kebakaran kerana PKMD tidak ada dan tindakan diambilnya 3 – 4 hari selepas kejadian; bila Wakil Rakyat pergi ke pejabat untuk berjumpa dengan PKMD/Pegawai, mereka sering tidak ada di pejabat - - - kejadian ini terlalu kerap tidak ada di Pejabat oleh itu tidak dapat berjumpa; kejadian dan aktiviti yang diwujudkan oleh pihak MPKM, Masyarakat, pihak PKMD tidak ambil hirau, tidak tahu, tidak ada *interest* - - - oleh itu tidak wujud hubungan mesra antara Pegawai kita dengan masyarakat setempat, dan sebagainya.

Apabila saya di Pejabat dan meneliti tugas dan tanggungjawab tiap kakitangan dari pagi hingga ke petang - - - yang selama ini tidak pernah dilakukan oleh mana-mana Pegawai kanan dalam perkhidmatan mereka - - - mereka rasa cemas, takut. **Rupa-rupanya, selama ini, mereka terlalu bebas dan senang-lenang bekerja, sambil lewa.**

Hendak datang ke Pejabat lewat dan balik awal, tidak siapa hirau; hendak keluar siasat dan "ponteng" pun, PKMD tidak tahu (kerana semua sama-sama tahu rahsia masing-masing oleh itu "*mind your own business*"); **fail-fail** tidak diambil tindakan, **tidak disiasat** dan walaupun sudah disiasat, berbulan-bulan tidak dirakam, tidak dicatat atas kertas tertentu melainkan contengan sahaja atas kertas kotor (*rough paper*) yang comot terlekat di dalam fail; tidak ada susulan, tidak ada rancangan tertentu seolah-olah mereka bersenang-lenang dan selesa menggunakan, apa yang saya istilah, "system katak" - - - sekali ingat, sekali lompat; bila terdesak, baru bergerak dan bila dikaitkan katak di bawah tempurung, **mereka laksana "juara" yang berkhayal, seronok suka tanpa cabaran, tanpa pedulikan penderitaan dan airmata rakyat di pedalaman yang serba tak mampu dan dicengkam kemiskinan.**

Saya rasa takjub, hairan dan pelek para PKMD/Pegawai/Pembantu ini yang heboh perkatakan mereka kerja banyak, kerja terok tetapi apabila saya *check* tugas mereka secara realiti dan terperinci, saya kecewa apabila saya dapati **ada PKMD keluar pejabat (rasmi) dalam sebulan hanya sehari.** Hitong panjang kerja Pegawai/Pembantu di Negeri Kedah ini hanya 6 hari dalam sebulan - - - **tugas yang paling ketara yang dapat saya saksikan ialah pergi buat bayaran Bantuan Am** dan lain-lain bantuan yang berupa kewangan. Itu saja kerja mereka yang mereka kata terok itu. Dan akhir bulan, menyediakan "*Return*" — statistik bulanan, untuk Kementerian.

Inipun ada antara PKMD berani menafi dan menyatakan mereka sebok melayan klien (orang ramai). Saya mengambil kesempatan ini tunggu di Pejabat dari pagi hingga ke petang dan seharian menunggu itu, ada Daerah

seorang pun klien tak datang berjumpa dengan PKMD, dan ada pula yang cuma seorang dua klien saja yang datang - - - yang boleh diuruskan oleh Kerani atau Pembantu saja.

Apabila saya buat lawatan ke Daerah-daerah, saya semak fail-fail - - - dengan cara ini, saya boleh *check* cara kakitangan di peringkat Daerah dan Ibu Pejabat menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka selama ini. Sistemnya kelam-kabut! **Banyak fail yang hilang**, yang tidak diambil tindakan, dan "yang" macam-macam lagi.

Juga kakitangan Jabatan menjalankan tugas tidak mengikut peraturan. Mereka, selama ini, kerja ikut seronok sesuka hati sahaja. Walaupun mereka tahu segala peraturan kewangan tetapi mereka tidak mengikutinya. Satu contoh yang aneh ialah: seorang **PKMD bawa wang dalam envelop/beg berpuluh ribu, bersendirian (tanpa eskort Polis) pergi bermotosikal atau menaiki teksi ke Pusat-pusat Bayaran bantuan dan membayarnya**. Pusat-pusat bayaran pula dipilih ditepi jalanraya yang memudahkannya "menghambur wang" dan senang mendapatkan kenderaan - - - **Pusat-pusat yang dipilih khas demi memudahkannya bukan untuk memudahkan orang kampung** - - - klien yang susah dan daef itu. Keadaan sebegini berlaku seluruh negeri Kedah.

Bila ditanya, Pegawai/Pembantu ini menyalahkan orang lain (Polis/Pegawai Daerah) tetapi apabila saya bincang dengan pihak OCPD dan Tuan-tuan Pegawai Daerah (di mana tidak ada kenderaan) pihak Pejabat Daerah sedia bekerjasama dan pihak Polis memang pun menjadi tanggungjawab mereka dalam hal eskort mengenai wang Kerajaan ini. Perkara sebegini berlaku sekian lama seolah-olah tidak ada peraturan dan sebabnya mengapa ini berlaku, pihak tuan sedia maklum! **Tanpa eskort Polis, senang mereka merayau dan melakukan sesuatu ikut sekehendak hati**.

Apa implikasinya, terhadap Kerajaan Negeri dan Persekutuan sekiranya sesuatu yang tak diingini berlaku? Khasnya imej Jabatan dan Kementerian? Soalan retorik ini tidak perlu diberi jawapan.

Saya tidak hanya melihat dan meneliti kes-kes fail. Saya bawa fail-fail tertentu dan melawat ke rumah klien dengan PKMD/Pembantu berkenaan. Dengan cara ini, saya dapati lain yang ditulis, lain pula kehendak rakyat. Ada yang buat projek membela itek, bila saya melawat, klien tidak suka membela itek, tetapi cenderung membela ayam; ada yang rekemen mengadakan tilam/buaian dll. pada projek Pusat Jagaan Harian *home-based*, bila saya melawat, didapati tuan rumah tidak suka segala cadangan itu dan tidak setuju - - - dan macam-macam lagi perakuan yang tidak jujur, tidak matang dan tidak dihalusi.

Cara tindakan saya ini sungguh menakutkan mereka yang malas

bekerja, yang 'melawat' dan buat laporan di bawah rendangan pohon dan berkhayal sendirian dengan sangkaan orang lain tak tau dan klien pun buta huruf. Ini cara **tidak jujur, tidak amanah - - - menipu dan menyeleweng**. Saya tidak gemar para kakitangan yang bersikap seperti ini. Saya tidaklah meluluskan sesuatu projek pembangunan sosial tanpa selidikan dan kajian/perancangan yang teliti kerana tiap sen yang hendak saya belanjakan itu adalah wang rakyat yang diamanahkan kepada saya selaku Pengarah. Dan saya harus hati-hati dan tegas dalam soal ini, dan perlu memahami/melihat sendiri.

Beberapa banyak fail-fail tidak ada bukti lawatan dibuat tetapi tuntutan hitungan batu dibuat dan wangnya pun diterima. Dalam diary rasmi lawatan dibuat untuk tuntutan tetapi buktinya tak ada (fail kosong).

Bila saya *check* diary rasmi, saya gelihati membaca berbagai-bagai ulasan, rajah, kiraan *mileage* dll. yang berupa peribadi - - - "*shopping*" *birthday party* dan sebagainya, bukan kes-kes lawatan dan tugas rasmi yang dirakamkan.

Saya juga dapati, adalah menjadi satu amalan, dan galak pegawai/pembantu di Negeri Kedah ini melakukannya, ialah **beri bantuan tanpa kelulusan rasmi**; walaupun pihak **Audit berulang kali memberi teguran**, nampaknya, mereka tidak hirau. Mereka **gemar "backdate" bantuan** - - - misalnya bantuan yang luput bulan Mac, diteruskan juga bantuan 3-4 bulan dan diulangkaji pada Julai/Ogos dan dilulus undur ke belakang mulai Mac - - - satu cara tidak mengikut nasihat Audit dan peraturan kewangan. Bayaran tanpa kebenaran dan tidak sah.

Apabila pihak Audit buat lawatan ke Pejabat di Daerah, beberapa pertanyaan dibuat. Ini dicuainya. Memakan masa yang lama untuk dijawab. Bila berjawab, segalanya telah diambil tindakan dan beres, menurut surat-surat jawapan. PKMD dan pihak Pengarah (waktu itu) pun tulis seperti apa yang diberitahu kepadanya. Bila saya semak segala itu, rupa-rupanya tindakan tidak beres, tidak patuh pada ulasan/kehendak Audit. Jelas **PKMD menipu Pengarah dan Pengarah pula**, tanpa usul periksa, percaya pada kakitangannya, "**membohongi**" audit. **Sistem kerja pentadbiran saya, tidak seperti ini - - - saya check habis-habisan sebelum saya jawab. Ini menggugat kedamaian jiwa para pegawai yang tidak bertanggungjawab itu - - -** rasa selesa dan harmoni, tulis dan jawab apa saja selama ini, yang saya tidak mudah terima, sembarangan.

Ini memeningkan otak kepala mereka yang bekerja tidak ada peraturan itu selama sekian lama ini.

Seolah-olah ada satu pakatan sulit, saya khuatir mengapa ada **PKMD** yang **takut** pada pembantu dan driver. **Driver menyimpan Land-Rover** Jabatan di **rumahnya**, bukan di Balai Polis atau mana-mana tempat yang

lebih selamat. **PKMD tidak berani menegur Pembantu/driver.** Oleh itu, tiap kakitangan buat kerja menyendiri, ikut sekehendak hati dan seselesa rasanya. Kalau rajin, syukur, kalau malas, apa nak buat, Pegawai tak berani buka mulut, **oleh itu tidak ada penyeliaan yang sistematik selaku Pegawai Kerajaan yang berkhidmat untuk masyarakat.** Berpunca dari ini, wujudlah sikap tidak *dedicated* - - - Pembantu menipu Pegawai dan Pegawai "mainkan" Pengarah - - - ini, punya "*spiral effect*", kesan sampingan yang lonjak-melonjak. Saya khuatir teori yang saya sarankan dalam buku saya "Pengurusan" - - - "teori kelawar" (Bab 5) menjadi kenyataan dalam perkhidmatan yang seperti ini - - - yang selama ini dibiarkan begitu saja tanpa seliaan dan kawalan tertentu, yang telah membentuk sikap yang beku, negatif dan passif, oleh itu, **takut pada perubahan dan cabaran!**

Disebabkan kerja yang terlalu *relaxed* tanpa peraturan dan perlibatan (*commitment*) maka segala yang patut diambil tindakan, tidak siapa hiraukan. Misalnya:

- i) Laporan Tahunan Jabatan - - tidak diusahakan sejak tahun 1978;
- ii) Akaun wang amanah - - tidak lengkap dan "*interest*"nya tidak dimasukkan sejak tahun 1978 - - yang juga memeningkan Audit;
- iii) Tidak ada bilik gerakan yang lengkap dan kemaskini sebagai nadi penggerak;
- iv) Kes-kes yang didaftar sejak tahun 1980 masih tidak diendahkan. Misalnya di Langkawi dari 200 kes hingga kini yang belum disiasat hampir 100 kes tahun 1980 tidak diambil tindakan apa pun; "Kebajikan" apakah namanya ini?

Begitupun di Daerah-Daerah lain;

- v) Rayuan kepada YAB Perdana Menteri tidak diendahkan. Lapornya "dangkal". PKMD tidak hirau walaupun klien cuma tinggal lebih kurang 15 km. saja dari Pejabat. Ia mahu rumah klien runtuh baru diberi bantuan, baru layak jadi klien pejabat, mendapat bantuan.
- vi) PKMD tidak tinggal di Daerahnya - - ini menyulitkan pentadbiran dan hubungan dengan orang ramai.
- vii) Sikap pegawai kanan cuba mengembalikan wang peruntukan yang tidak habis dibelanja.
- viii) Tidak ada latihan kakitangan yang tersusun dan sistematik.

Saya ingin menyentuh secara mendalam tentang iv, v, vi dan vii itu nanti.

Teori Pengurusan:

Setelah mengkaji, meneliti dengan menganalisis sikap negatif para pegawai/pembantu di Negeri Kedah ini, mau tidak mau, saya terpaksa menggunakan

"kuasa jentolak" untuk menggerakkan mereka dari lamunan dan tanggungjawab, yang "sluggish" yang tidak cekap disebabkan sikap mereka sendiri itu, harus di "overhauled" - - dari segi *personnel* dan pentadbiran.

Dalam sistem pengurusan, menghadapi masalah kakitangan seperti ini, saya menggunakan teknik "the short-sharp-shock treatment".

Dalam awal-awal lagi, saya **perlu tegas** untuk menggerakkan mereka, sekalipun dalam proses ini, mereka "tergamam/terkejut" - - kejutan ini penting demi untuk "to get things done" yang betul. Ini dilakukan berpandukan kajian yang berasaskan bukti yang nyata pada prestasi kakitangan yang tidak memuaskan itu, yang juga akan merugikan Kerajaan dan tidak menguntungkan rakyat jelata, yang rata-ratanya tak berkemampuan.

Saya tidak hanya menyentuh pada "service delivery" yang passif, yang tidak ada perancangan dan daya kreatif, malah saya menekan-utamakan apakah kesannya kepada rakyat - - "impact" ini sangat mustahak dalam pembangunan masyarakat demi memamatkan perkhidmatan kita terus wujud dan berkembang untuk kebajikan masyarakat. Kalau ini kita gagal membuktikannya, kita hanya wujud, bak kata pepatah Melayu, "hidup segan, mati tak mau". Oleh itu, jangan kita salahkan orang lain kalau orang memandang rendah kepada perkhidmatan kita dan kepada para kakitangan kita yang kononnya bertaraf *professional* itu. Inilah cabarannya!

Dalam "treatment" saya itu, saya harus hati-hati dan sedia menghadapi risikonya. Tindakan saya harus berupa sementara, tegas dan "tajam" (biar hingga menusuk hati) dan "mengejutkan" (dari lamunan keselesaan yang hingga melupakan penderitaan rakyat) serta kesedaran dan keinsafan di kalangan kakitangan yang seolah-olah peka pada tangisan derita rakyat, yang buta pada kenyataan di depan batang hidungnya, dan yang beku pada perasaan simpati terhadap jatuh bangunnya rakyat miskin, yang seharusnya mereka dampingi, mereka bimbing dan mereka tolongi seberapa yang boleh agar dapatlah berdikari. Segala nasihat, segala tunjuk ajar, malah segala amaran rupa-rupanya masuk ke telinga kiri tetapi keluar dari telinga kanan. Tak berkesan. Pi mai pi mai dok tang tu jugak, kata orang Kedah.

Teknik ini tidak hirau kepada siapa - - ianya mementingkan kepada kejutuan perkhidmatan, kepada tahap prestasi yang meningkat (baik) serta usaha yang gigih. Yang masih tidak mahu menerima kenyataan, yang masih berleka dan berdegil untuk berubah (setelah dirundingi, dinasihati, ditunjukajar, malah pula diberi cabaran dan amaran) harus di "lanyak". **Dimarah bukan kerana benci, bukan kerana perselisihan peribadi**, malah untuk **membersihkan** yang kotor, **membetulkan** yang menyeleweng **menegakkan** yang tempang **DEMI kepentingan perkhidmatan**.

Halacara konflik seperti ini adalah mustahak kerana ianya menggugat perasaan, mendesak tindakan dan menguji cabaran para kakitangan - - yang baik diberi pujian dan yang malas diberi "amaran". Oleh itu, kesannya lebih mendalam dan *effectnya lasting*.

Iniilah teori yang saya praktikkan, mementingkan unsur-unsur insan, nilai dan peradaban, sesuai dengan adat resam kita orang-orang Timur pada kewibawaan dan "setia" pada perkhidmatan.

Penyeleweng, pemalas, petualang tidak ada tempat dalam perkhidmatan yang seperti ini, yang menyaranakan pentadbiran yang bersih, cekap, bertanggungjawab dan licin.

Isu 1.2.1982: (Rujuk juga LAMPIRAN 18.8 dan 18.8 - i)

Segala tohmahan yang dibuat kepada YB Menteri Kebajikan "Am mengenai betapa "terkejutnya" (KASIHAN!) mereka ini mendapati ramai pegawai dari lain-lain Jabatan kerana mereka tidak tahu menahu hal ini, dan mengenai *exploitasi* - - sila lihat surat-surat lampiran berkenaan.

Segala tindakan yang dibuat oleh Ibu Pejabat ialah **hasil dari bincangan dengan Pegawai Kanan** saya, bukan selaku "kukubesi". Segala tindak-tanduk itu punyai satu Jawatankuasa khas yang mengelolakan hari persidangan itu - bukan dikelolakan oleh saya seorang secara peribadi.

(sila lihat minit persidangan)

Semasa ucapan/ulasan/bincangan dibuat oleh Para Penceramah bagaimana mereka boleh menyumbangkan kepakaran demi dapat kerjasama dengan kebajikan masyarakat dalam halacara bersepadu, **saya dapati ramai kakitangan** (lebih-lebih lagi PKMD - Pegawai Keb. Masyarakat Daerah) **tidak begitu ambil berat**, tidak hirau dan ada yang mengelamun, mengantuk, tidak berminat dan sambil bercakap-cakap sesama mereka - lagak yang kurang sopan!

Para jemputan tidak didera (mereka bukan kanak-kanak) malah bebas keluar masuk, dan ada di antara mereka yang pinta dimaafkan, keluar dan kemudiannya balik semula. Sebabnya semua penceramah di jemput sewaktu pagi ialah kerana liputan akhbar dan T.V; memahami masalah dan mengerti selok-belok perjalanan tiap Jabatan, agensi sukarela yang memberi khidmat kepada masyarakat - - dan ini mereka akui, bermanfaat dan sambil itu, jemputan makan tengah hari beramai-ramai.

Sewaktu rehat, kakitangan disuruh pergi sembahyang di Bilik Sembahyang di tepi Dewan Mesyuarat, Tapian Gelanggang itu. Masa secukupnya diberi kalau mereka tak wirit panjang-panjang. Disebabkan makanan yang lazat-lazat disediakan untuk mereka (yang harganya melebihi *eligibility* tuntutan elaun harian Pembantu) dengan itu kelak mereka tidaklah tergesa-gesa pergi cari tempat makan di luar, nanti dalam kelam-kabut itu kelak mereka tercekek dan mati terbeliak - - - kerana pula dituduh terlampau nak cepat, takutkan Tuan Pengarah.

Dah makan enak-enak, rehat panjang-panjang, seronok-suka berpesta-pesta di Alor Setar, dengan bayaran makanan mengikut kelayakan tuntutan elaun harian masing-masing. Para peserta dari Ibu Pejabat (Alor Setar) disebabkan mereka tidak dapat menuntut elaun harian, mereka dipinta (dan mereka bayar dengan segala senang hati) bayar ala-kadar saja. Walaupun saya dikehendaki membayar \$10/- sahaja, tetapi pada hari tersebut, memandangkan para jemputan yang hadir, saya dengan sukarelanya memberi \$20/- (Lampiran bayaran berketat). Disebabkan mereka yang datang dari Daerah-Daerah (luar dari Alor Setar) membayar makanan masing-masing, mereka layak dan berhak buat tuntutan elaun harian. Oleh itu, apa lagi yang tak kena?

Disebabkan sikap mereka semasa perjalanan ceramah itu, **saya mencabar** mereka. Lepas selesai ceramah, akan diadakan "brain-storming session" (sessi pemerasan otak) untuk menguji tahap kecapaian dan *understanding* kakitangan - lebih-lebih lagi, **para PKMD nya**. Mereka yang tahu dan faham teknik latihan saya di Kementerian, gementar mendengar ini. **Semasa rehat, mereka mengambil kesempatan untuk berkomplot dan protes beramai-ramai.**

Balik ke Pejabat Kebajikan Masyarakat, (setelah lebih 1 jam berihat) mereka datang beramai-ramai (di kepalai oleh Pembantu-Pembantu) **dengan sikap angkoh**, tidak mahu lagi diadakan perbincangan. Sekiranya pihak PKMD dan Pegawai Kanan menyatakan dan berbincang tentang mereka terlalu leleh lesu untuk terus berbincang, saya sedia membenarkan tetapi caranya perbuatan mereka tidak betul. **Ini buat saya "marah"** kerana PKMD sepatutnya beri nasihat kepada Pembantu-Pembantu mereka, sebaliknya bersubahat dan menjadi seolah-olah penghasut. Dalam keadaan mereka yang sudah laksana "mob" yang angkuh, saya menyatakan mungkin tindakan tatatertib akan diambil jika mereka berdegil terus balik tanpa persetujuan apa-apa lagi. Mereka tidak hirau, lalu terus pulang beramai-ramai sepakat.

Disebabkan masih banyak perkara terbengkalai, semua PKMD terpaksa dipanggil bermesyuarat semula pada 3.2.1982 (minit berkenaan dilampirkan).

Saya susul tindakan terhadap PKMD dan PKMD susul tindakan terhadap Pembantu-Pembantu mereka. **Sebabnya saya susul tindakan ini ialah untuk mengetahui kejadian sebenarnya dan siapakah dalang**, sebenarnya. Malangnya disebabkan semua terlibat secara langsung, mereka bersepakat 100% untuk menjawab dengan satu nada (- - - dan semua surat-surat yang saya terima adalah senada.) Ini jelas menunjukkan ada seorang dua yang bermurah hati mendraftkan jawapan dan mengedar keliling agar semua Pegawai/Pembantu ikut caranya. Disebabkan rasa bersalah dan takut

diambil tindakan tatatertib, mereka pun patuh pada nada surat si-petualang itu dan seperti robot, segalanya dicatat. Dengan cara ini, mereka yakin, disebabkan mereka adalah *majority*, mustahil tindakan tatatertib boleh diambil. Disamping itu, **mereka mengirim surat kepada YB Menteri** dengan ditandatangani beramai-ramai. Ini juga menunjukkan betapa berkesannya si "dalang" ini keliling seluruh Negeri Kedah mendapatkan tandatangan para kakitangan - - mungkin ia pergi atas urusan Kerajaan, mana tau! Oleh kerana seluruh kakitangan terlibat pada 1.2.82, maka mereka terdesak untuk menandatangani *petition* menentang Pengarah dengan pelbagai tohmahan, fitnah "*exaggeration*" beda'ah dan sebagainya, untuk menguatkan tuntutan mereka agar Pengarah segera ditukarkan - - macam cerita kartoon.

Saya penuh yakin **bukan kesemuanya** para kakitangan yang **punya sikap negatif**, beku dan passif, takut menghadapi cabaran. Ada di antara mereka yang matang dan berusaha gigih menjalankan tanggungjawab mereka, tetapi malang sekali, disebabkan dua-tiga orang yang menjalankan peranan "dalang", bak kerbau, peribahasa kita pernah berkata, membawa lumpur, habis kumpulannya terpalit - - - mengotorkan kawan-kawannya dan mencemarkan perkhidmatan yang sudah sememangnya pun penuh dengan kelemahan berbagai-bagai bidang.

Saya mau perkara sebegini diperbetulkan, diperkemaskan, dipereleakkan dan dipertinggikan mutu dan maruah Jabatan. Untuk menjayakan ini, kerja mestilah lebih kuat, lebih rajin, lebih bertanggungjawab, berani dan penuh keyakinan diri. Ini ada pihak yang takut, yang gentar kerana **sudah sekian lama mereka dalam keadaan "honeymoon period", yang buat mereka lalai, leka, malas dan terlalu mementingkan diri semata**. Seolah-olah kerja untuk diri dan keluarga, bukan untuk rakyat - - - dan mereka ambil kesempatan "menyeleweng" dari dasar, "menipu" rakyat yang tidak berdosa, dan tidak mengerti apa. Dan mereka seronok berkelakuan begini.

Kedatangan saya ke Negeri Kedah buat hidup mereka yang selama ini penuh damai dan syok, semakin tergugat. Bukan saja saya mahu dengar kerja mereka banyak, TETAPI saya mahu BUKTI, saya mahu melihatnya sendiri!

Inilah yang menimbulkan konflik dalam jiwa mereka, yang menjadi duri di atas kerusi empok mereka - - - tak boleh lama-lama bontot terpaku atas kerusi, malas hendak keluar menyiasat kes di tengah panas/hujan. Tidak boleh tunggu klien datang - - - mereka kena pergi menemui rakyat yang miskin di kawasan pedalaman. Inilah tugas mereka dan jikalau tugas ini tidak sedia dipikul, dijalankan dengan rasa insaf dan bertanggungjawab, kedudukan mereka tergugat. Sudah rasa tidak selamat dan tidak tenteram lagi. Jalankan tugas bila ada komplaint, bila ada orang buat bisling, kalau

mereka diam, kita pun diam - - - amalkan "sistem katak" yang saya sarankan itu.

Ini saya tidak boleh terima hanya untuk menjadi Pegawai yang disukai, disayangi, saya belot pada tanggungjawab saya, menjadi pengkhianat pada rakyat. Adalah "*morally wrong*" bagi saya membelakangi rakyat yang saya kasih dan dipertanggungjawabkan untuk menolong daripada menyebelahi kakitangan yang hanya pentingkan diri mereka sahaja. Kakitangan ini diberi gaji lumayan untuk menjalankan kerja kebajikan oleh itu tidak ada sebab mengapa mereka ini harus cuai dan lalai kepada tanggungjawab itu. Dalam soal tugas dan tanggungjawab, tidak ada kompromi. Jangan penipuan jadi amalan yang merugikan rakyat dan merosakkan imej Kerajaan. Ini saya tidak rela dilakukan oleh sesiapa pun kakitangan saya di Negeri Kedah ini dan jika ia berani melakukannya juga, ia haruslah menghadapi akibatnya. Jangan salahkan orang lain.

Rancangan Bantuan Sekolah yang saya lakukan secara besar-besaran di seluruh Negeri Kedah ialah bertujuan menguji kelayakan, cara organisasi kakitangan dan saya agak puashati tetapi tahap pencapaian masih lemah. Namun begitu, saya sedia memaafkan (surat pekeliling di lampirkan). Niat jujur saya rupa-rupanya, masih ada pengkhianat yang hendak merosakkan imej Jabatan terus-terusan. Mereka tidak mahu melihat perubahan dan kejayaan. Mereka menabur fitnah dan memburuk-burukkan nama Pengarah selaku peribadi kepada para pegawai Kerajaan, bukan sahaja di Negeri Kedah ini tetapi juga di merata Negeri di samping peringkat Kementerian. Ada pegawai kanan di peringkat Kementerian yang sudah terkena cucukan jarum fitnah itu dan punyai sikap "*bias*" terhadap saya. Saya tidak gentar kerana Tuhan "maha adil" dan maha mengetahui. Semoga yang menyebarkan fitnah akan kelak menerima balasannya jua.

Saya hairan sikap kakitangan yang mengaitkan berbagai-bagai isu dan menggunakannya secara membutatuli. Misalnya perkara yang saya "mengeksplotasikan" kakitangan dalam soal memberi mereka makan dan memaksa bayaran itu (perkara ini telah juga disentuh). Sayogia dimaklumkan bahawa sebelum mengadakan persidangan tersebut, satu jawatankuasa ditubuhkan - - - yang berkaitan dengan sambutan (para jemputan); para wartawan/radio-TV; menjadi "*M.C.*", hiasan dan penyediaan makanan. Segala yang diambil tindakan itu TIDAKLAH paksaan saya, malah setelah dibincang dan dipersetujui. Para kakitangan diberi makan dengan mewah - - minuman pagi dan kueh-mueh, makanan tengahari serta buah-buahan dan minuman petang berserta kueh-mueh juga. Ada sampai yang terberak-berak. Saya difahamkan, tidak ada para peserta yang makan tidak cukup (malah makanan berlebihan) atau

tidak berselera makan. Semuanya bukan main berselera - - - jadi apakah yang nak dikomplaintkan lagi?

Mengenai "protokol" pula, apa yang berlaku selepas perasmian majlis oleh YB Dato' Leong Pengerusi J/Kuasa Tetap Hal Ehwal Kebajikan dan Malapetaka, Kedah ialah saya dipinta untuk memberi penjelasan lanjut mengenai konsep halacara bersepadu ini (*integrated approach*). Itu saja. Ini bukan Persidangan Dewan Rakyat.

Saya dukacita dituduh mencari "publisiti" dengan mencengkam kakitangan bawahan. Buat diri saya, saya tidak perlu publisiti secara peribadi, saya terkenal bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di Brunei dan Indonesia atas buku-buku ilmiah dan novel-novel ciptaan saya. Oleh itu, saya secara peribadi, tidak perlu publisiti murah sebegitu. Yang saya buat hanya-sanya untuk menaikkan imej Jabatan dan mengharumkan nama Kementerian menerusi sebaran 'am dan penulisan saya. Mungkin dalam hal ini, ada orang pula yang cemburu hati dan dengki - - - pandai *comment* itu dan ini, ada-ada saja yang tak kena tetapi mereka sendiri mufis pada idea, pandangan cetek dan fikiran buntu bercelaru. Orang-orang seperti ini hanya layak menjadi "*petition-writer*" sahaja, seperti apa yang mereka telah buktikan sekarang ini.

Mengenai jamuan makan bagi meraikan seorang Pegawai yang akan berpindah, jemputannya datang kepada saya secara mendadak dan tiba-tiba. Disebabkan saya telah pun ada hal-hal peribadi yang harus diselesaikan sewaktu masa keluar pejabat (saya tidak suka menjalankan urusan peribadi semasa pejabat) saya pinta Timbalan saya hadir mewakili saya dan mohon maaf. Beliau juga telah memberitahu Majlis hal ini. Lepas itu, saya bincang panjang-lebar dan memberi nasihat-nasihat kepada Pegawai ini yang akan bertugas di Asrama Rusila, Terengganu.

Saya rasa, adalah **lebih baik** jika pihak **tuan** buat satu **kajiselidik** mengenai ini kerana pada hemat saya, **segala kata-nesta mengikut sentimen seperti ini bukan sahaja jahat, tetapi immoral dan terhina**. Dalam mereka bekerja keras menjatuhkan saya, hingga terpaksa berkonferen di tepi Pantai Merdeka (semoga dapat memerdekakan hidup mereka) yang tiba-tiba terancam oleh sikap saya mahu melihat bukti mereka bekerja lebih gigih, jujur, amanah dan cekap - - - seperti saranan pemimpin sanjungan kita, YAB Dato' Seri Dr. Mahathir itu - - - mereka gentar menghadapi cabaran. **Di tepi Pantai Merdeka mereka mengumpat dan merosakkan imej yang saya bina**. Satu irony! Pelek tetapi benar!!

Catatan Kakitangan (Lampirannya, berketat):-18.8 & 18.8 - i:

Menyentuh mengenai "*diary*" tak rasmi yang dirakam begitu terperinci (sayogia dimaklumkan juga, mereka inilah yang sangat malas merakam fakta

dan data ke dalam fail-fail apabila telah buat lawatan dan menuntut elau). Saya bangga rakaman mereka, kali ini sungguh **detail** tetapi sangat *unprofessional* kerana mereka ada-adakan yang tiada, dan menokok-tambah agar kepedihan dan kekesatan kata-kata ini sampai menusuk ke tulang hitam. Dan jika diteliti secara ilmiah, tohmahan ini begitu ketara dan jelas menunjukkan senget sebelah -- -- ketempangan fakta dan data, buat seluruh "surat teriak" ini cacat dan "tak berairmata". Hipokrasinya, jelas! Yang membuat saya berani kata begini ialah **SEBABnya tiada dihuraikan**. Kalau diibaratkan manusia, ia tak ada kepala! Oleh itu, **mereka cakap dengan kepala lutut** sahaja. *Nonsense!*

Apabila saya membaca rakaman insiden itu, saya gelihati kasihan bercampur marah kerana mereka bijak memutarbelitkan kata-kata. Syabas! Cara "kepandaian" mereka inilah yang buat saya marah kerana mereka tidak jujur dan banyak ketika membuktikan mereka malas. Inilah juga yang menjadikan kepincangan dalam perkhidmatan -- -- yang saya sering usaha sedaya upaya memperbetulkannya. Mereka tidak ada inisiatif, tidak ada semangat. Sikap mereka penuh dengan "*self-pity*", dan gemar menyalahi orang lain. Tanggungjawab diabaikan tanpa "*conscience*" dan iman.

Bekas Pengarah dahulu, ialah kawan ikrab saya. Saya hormatinya dan sanjung tinggi kesahsihannya. Kepada sesiapa saja yang saya bercakap, malah dalam mesyuarat 9/11 itu pun, saya menyatakan yang beliau ke Besut kerana kenaikan pangkat. Tidak ada orang lain yang lebih layak untuk dihantar ke sana memandangkan beliau pernah bertugas dengan Biro Narkotik, pernah ke Amerika dll. lagi oleh itu sangat kena pada tempatnya. Pegawai-pegawai di Kementerian sedia maklum pandangan saya ini -- -- kerana kita sering berbincang mengenai "siapa-layak-ke-mana". Tidak ada niat lain, jauh sekali menjatuhkan maruah kawan baik saya yang tak berdosa itu.

Teknik melaga-lagakan Pegawai Kanan dengan saya sering mereka giat usahakan malangnya mereka masih belum berjaya 100% lagi. (sila teliti lampiran berkelat).

Mengenai seorang Pegawai yang lari dari tugasnya dan tinggal Pejabat dalam kelim-kabut yang ianya jadi PKMD, memang saya dengan jujur melahirkan rasa tidak puashati. Rasa ini juga saya rakamkan pada surat saya kepada beliau dengan salinannya kepada Ketua barunya itu. (Sila teliti surat-surat dalam lampiran). Saya tidak suka bermuka-muka. Saya tidak pegang prinsip orang Barat, kalau pun benci, dipanggil sayang, misalnya "*I hate you, darling*". Pada saya, kalau tak betul, saya kata tak betul. Tepat dan tegas. Itu saja. *Simple*.

Mengenai laporan Pegawai berijazah ini, pihak tuan bolehlah rujuk laporan berkenaan dalam simpanan Kementerian. Tidak perlu saya ulas panjang-panjang.

Soal nama, tidak penting. Saya pinta mereka jangan bahasakan saya "Tuan", panggil "Encik" sahaja, seperti saya terhadap mereka. Bukan saya banggakan nama saya. Tak pernahpun.

Sesiapa yang kenal saya mesti terkejut mendengar saya menggunakan perkataan "awak" itu. Saya tidak suka perkataan itu dan tidak pernah dalam hidup saya menggunakannya. Saya sering guna nama "Encik/Cik"..., tidak "awak" yang ditohmahkan itu. Pun perkataan "aku". Saya gunakan perkataan "saya". Inilah kebiasaan saya. Orang semua tahu, cuma yang buat fitnah ini saja yang "pekak" sedikit dalam bahasa "gagapnya", ditenggelami perasaan sentimennya. Saya sedia hadiahkan kepadanya satu "hearing-aid" jika ia perlu, demi kepentingan perkhidmatan, sukar orang pekak jadi Pegawai Kebajikan Masyarakat - - - menyulitkan rakyat, nanti lain klien cakap lain pula dalam rakaman dan tindakannya!

Untuk maklum YB/Dato'/Tuan, saya adalah orang Melayu beragama Islam. Saya sangat pegang teguh pada tatasusila, adat-resam dan nilai hidup yang diterima masyarakat. Saya tidak akan melahirkan kata-kata seperti yang tercatat pada 12/12 jam 1.45 petang itu dan menuduh seorang gadis makan "berkoyan-koyan" (entah dari mana mereka diilhamkan perkataan itu). Munasabahkan "lebih baik beri bantuan dari sembahyang kerana sembahyang boleh qadza"?

Joke atau kelakar yang paling menggelikan hati ialah tentang kononnya saya menengking "kurang ajar, awak lebih baik balik jual tuak" yang sebenarnya saya "marah" seorang Pegawai lelaki yang cuai menjalankan tugas menyiasat satu kes, yang duduk di belakang kedai tuak, cuma ½ batu dari Pejabat. Sudah lebih setahun, kes ini tidak diambil tindakan sedangkan, kalau pergi berjalan kaki pun, cepat sampai (tanpa tunggu Van jabatan). Itulah bagaimana soal "kedai tuak" terbabit.

Saya juga kagum bagaimana saya dilaga-lagakan dengan Timbalan. Saya sedia maklum, "Hindu" itu adalah agama bukan bangsa. Hubungan saya dengan Pegawai Kanan ini adalah baik dan mesra dan beliau seorang pekerja yang rajin dan usaha.

PKMD Kulim (tuduhan 26/11/81) dan PKMD Pendang (tuduhan 11/1/82) adalah orang yang sama. (Akan saya huraikan dengan lebih lanjut mengenai "pertukaran" kelak).

Soal "daftar" dan **lencana nama** (*name tag*) juga ditimbulkan. Saya bersyukur kerana selama 20 tahun perkhidmatan saya, belum pernah saya ke Pejabat lewat. Biar semasa saya menjadi Pegawai biasa, PKMD, Penolong Pengarah atau Pengarah. Semasa di Kementerian, pukul 7.00 pagi saya sudah ada di Pejabat dan balik hingga malam (waktu melatih kakitangan). Di Negeri Kedah jam 7.30 pagi saya sudah ada di Pejabat dan

balik lewat petang. Tetapi pada si "busuk hati" masih tidak puas hati. Insyallah, telah saya buat tempahan agar sistem "punch card" digunakan kerana saya amat tertarik sistem ini. Syabas pada mereka yang merancang dan melaksanakannya.

Mengenai lencana nama, saya pernah dengar yang para kakitangan yang punyai hubungan dengan orang ramai, sering berkasar. Saya (selepas berbincang dan diputuskan) mengambil keputusan agar semua pegawai yang punyai hubungan langsung dengan orang ramai memakai lencana - - saya tidak memakai kerana saya bukan pekerja kes dan tugas serta tanggungjawab saya agak berbeza. (Kemudian, saya pun turut pakai juga).

Dengan keadaan mereka yang keterlaluan seperti ini, saya tidak hairan kalau pula mereka akan mendesak YB Menteri supaya Pengarah juga pergi siasat kes-kes bantuan am dan buat bayaran atau semasa duduk di Pejabat, buat daftar orang cacat atau ganti jadi "receptionist". Akan bertambah anehlah keadaan yang sudah pun aneh ini.

Munasabahkah mereka yang handal-handal dan "loyar buruk" ini boleh dimarah sesuka hati saya? Kalau tanpa sebab, takkanlah mereka nak duduk diam-diam dan terima tipis-bulatnya? Mereka akan melenting! Kalau sampai begitu dahsyat kena "hamun, maki" pun diam juga, mestilah kesalahan mereka lebih besar dari itu, lebih dahsyat kepincangan, penyelewengan buat mereka kaku, bisu dan layu tak berani buka mulut. **Soalnya: Apa yang telah mereka lakukan selama ini???**

Susulan Kementerian:

Semasa bincangan saya dengan pihak Kementerian Kebajikan Am, beberapa pertanyaan dibuat mengenai pertukaran kakitangan - - - khususnya PKMD. Gambarannya yang diberi seolah-olah berlaku ketidakadilan dan tindakan kukubesi.

Untuk makluman, pertukaran kakitangan **diberitahu dua bulan sebelum** tarikhnya dikuatkuasakan. Mereka yang terlibat adalah seperti di dalam lampiran berkelat.

Mengapakah perubahan ini berlaku?

Adalah menjadi hasrat saya melihat **tiap PKMD, Pegawai dan Pembantu duduk dan bertugas di Daerahnya - - - bukan 30 - 40 km dari tempat ia bekerja**. Ini demi mengelakkan segala tuduhan dan kecaman para Pegawai Kerajaan, YB Wakil Rakyat da juga lain-lain rakyat yang memerlukan tindakan segera dari Jabatan kita, tetapi tidak dapat disebabkan pegawainya tinggal jauh dari situ, di daerah lain.

Misalnya: **PKMD Jitra, PKMD Pendang, PKMD Kuala Nerang duduk di Alor Setar**. Mereka berulang-alik tiap hari. PKMD Pendang

pula, untuk pergi bertugas di pejabatnya di Pendang, ia buat tuntutan-tuntutan perbatuan, dan diluluskan tiap bulan. Saya tidak suka amalan salah seperti ini terus dibiarkan berlaku di bawah pentadbiran saya. Oleh itu, **disebabkan juga mereka ini didapati tidak cekap dan banyak kepincangan berlaku, mereka terpaksa ditukar - - - cuma tukar tempat bekerja** tetapi dari segi perbelanjaan, tidak wujud kerana sememangnya mereka sudah ada dan tinggal di Alor Setar.

Kulim punyai banyak masalah dan ini dilaporkan oleh Dato' Pengerusi J/K Tetap Hal Ehwal Kebajikan/Malpetaka Negeri Kedah. Apabila beliau hendak ditukarkan, **beliau menggunakan sebuah cawangan UMNO yang mendesak saya tarik balik arahan pertukaran itu**, kalau tidak, mereka akan meminta jasa baik YAB Dato' Seri Menteri Besar. Saya jelaskan bahawa sekiranya cawangan UMNO berkenaan sayangkan kawan mereka itu, haruslah dibiarkan ditukar kerana jika perkara ini sampai ke pengetahuan YAB Dato' Seri, **saya terpaksa huraikan satu persatu sebab-sebab pematutan pertukarannya** itu. Ini akan merosakkan imejnya. Mendengar penjelasan saya itu, mereka pun tidak jadi mendesak dan setuju pandangan saya, demi kepentingan perkhidmatan dan orang awam.

Di samping itu, ada juga beberapa orang pegawai meminta di tukarkan dan setelah meneliti dan mengkaji keadaan tempat dan kedudukan, saya setuju.

Di Langkawi, cuma terdapat seorang pegawai. Ini tidak begitu adil. Oleh itu saya susul pertanyaan sekiranya ada sesiapa yang mahu ke Langkawi selaku PKMD dan **seorang pegawai dari Jitra sedia ke sana menyambut cabaran - - -** itupun saya beri masa seminggu padanya, untuk berbincang dengan keluarga. Oleh itu, pemergiannya ke Langkawi adalah atas kemahuannya sendiri. **Tidak ada paksaan samasekali.**

Seperti yang telah saya katakan, ada PKMD pergi ke Pejabat lewat dan balik awal. Ini dilaporkan oleh Tuan Pegawai Daerah sendiri. Dan YB Wakil Rakyat pula sangat "seksa" hendak berjumpa dengan PKMD kita kerana **mereka jarang ada di Pejabat. Sering keluar. Tetapi diary rasmi yang saya semak menunjukkan mereka tak ke mana-mana, tak keluar menyiasat kes. Oleh itu, ke mana mereka menghilang?...** t.s.t. sajalah!

Ada pula Pejabat kita di Daerah yang tidak ada buku daftar kedatangan sejak beberapa tahun. Sungguh aneh. Dan pegawai yang menjadi "Ketua" di sini adalah bekas Kerani Besar Jabatan Kebajikan Masyarakat, kononnya ia tidak ada buku daftaran kedatangan kerana Ibu Pejabat tak beri kepadanya - - - satu "excuse" yang tidak bertanggungjawab. Dan bodoh.

Di pejabat-pejabat, keadaan buku-buku daftaran begitu kelam-kabut sekali, seolah-olah tidak ada sistem. Buat apa saja, sesuka hati - - - kerana

tidak pernah pegawai kanan datang dan semak secara mendalam. Bila saya buat ini, mereka terkejut. Dan takut!

Sebabnya PKMD Pendang tidak mahu duduk di Pendang ialah kerana Pejabat itu tidak selesa. Itulah saya di beritahu. Yang menghairankan saya bila saya melawat di dalam satu bangunan itu juga terdapat beberapa Pejabat yang lain - - - Pejabat Kerajaan, seperti Pejabat Ugama. Kalau Pejabat-pejabat lain boleh duduk dan bekerja di dalam bangunan itu, mengapakah pula Pegawai Kebajikan Masyarakat dapati tempat itu tidak layak baginya? Perkara ini saya tidak mahu melihat berulang lagi dan oleh itu, PKMD mestilah duduk di daerahnya. Kalau Pegawai Daerah boleh tinggal di tempat seperti itu maka tidak ada sebab mengapa pegawai-pegawai kita dapati tidak sesuai baginya. Kalau masih teguh bersikap begini, sudah tentu tidak sesuai menjadi PKMD yang kononnya mahu tolong rakyat yang miskin dan melarat di daerahnya itu. Sikap sebegini perlu diubah dan dikikis buang jauh-jauh. Ianya sudah tidak sesuai lagi di zaman ini!

Kejujuran (dan amanah):

Yang saya sangat pegang teguh ialah kejujuran kakitangan oleh itu unsur jujur itu berkaitan dengan amanah juga. **Seseorang yang jujur senang dipercayai kerana ia amanah.** Nilai ini perlu ditanam dengan kukuh. Malang sekali, kejujuran kakitangan saya di Negeri ini menjadi satu tandatanya - - - ini berpunca dari tindaktanduk mereka sendiri.

Contohnya:

Apabila saya melawat Daerah, saya buat "spot check" kepada kes-kes dengan membuat lawatan bersama Pegawai/Pembantu berkenaan ke rumah klien/atau projek yang hendak diusahakan. Saya dapati, **ada pegawai yang tidak tahu di mana letaknya rumah-rumah/kawasan itu** dan pula saya sesat jalan. Kerana pegawai berkenaan "terlupa" rumah klien. Atau tak pernah sampai ke rumah klien?

Banyak lawatan yang dibuat tetapi **tidak ada rakaman, tidak ada susulan, tidak ada tindakan.** Satu kes, lawatan di buat ulang-berulang tetapi fail masih tak tercatat. Tidak ada bukti lawatan dibuat tetapi tuntutan elaun dibuat. Bayaran-bayaran yang dibuat tidak dicatat di dalam fail-fail oleh itu saya tidak tahu bayaran bantuan telah di buat atau tidak.

Yang paling aneh dan takjub, **di Jitra, orang mati pun masih boleh menerima bantuan 'am.** Perbuatan terkutuk seperti inilah yang saya mahu basmi habis-habisan, biar diserang hingga ke akar umbinya. Saya tidak rela keadaan hina seperti ini berlaku dan berulang lagi. ... tetapi, saya dapati tentangan hebat: Mengapa?

Ini buat saya tidak faham dan menimbulkan berbagai-bagai soalan dan tandatanya. **Kalau mereka jujur, kerja mereka baik dan teratur, mereka tidak perlu gentar,** tidak usah takut. Tetapi kini mereka takut,

terkejut - - - "shocked" yang sekian lama ini mereka bekerja dengan selesa dan syok - - - damai dan tenteram dan harmoni dan selesa. Manakal tidak kalau apa nak buatpun, tak siapa tegah, tak siapa hirau dan jauh sekali nak kena "marah".

Sekarang saya uji, saya kaji, saya selidik dan saya melawat bukan saja ke pejabat, malah ke rumah-rumah klien secara mendadak. "Mungkin" mereka ini kkuatir, saya akan dapat fail dan pergi melawat kubur atau jirat - - - orang yang dah mati, yang dah pindah masih lagi "mendapat" bantuan. Ini saja sebab yang boleh saya fikir mengapa para kakitangan kerja luar begitu takut, gentar, gelisah bila saya berada di Negeri ini oleh itu mereka beramai-ramai buat fitnah sedaya-upaya supaya saya segera ditukarkan keluar dari Kedah Darul-Aman ini!

Kejadian hina yang berlaku di Jitra itu, yang menjatuhkan imej Jabatan dan nama baik Kementerian Kebajikan Am, bukanlah yang pertama dan terakhir. Lanya banyak berlaku dan kita sedia maklum. Pelbagai tindakan telah diambil seboleh-bolehnya, **saya tidak mahu perkara tidak jujur dan tidak amanah itu berulang** dan berlaku lagi oleh mana-mana kakitangan. Oleh itu, para kakitangan perlulah didedahkan kepada teknik dan proses tindakan yang sistematik dan tegas, mewujudkan rasa kesedaran dan keinsafan serta penglibatan dan perlibatan kakitangan demi kepentingan rakyat yang takberkemampuan, yang cacat, yang menderita.

Segala ini adalah tanggungjawab yang mesti dijalankan bukan kerja sewenang-wenang, **bukanlah kita ini organisasi sukarela. Organisasi sukarela pun ada peraturan**, kalau 3-4 kali ahli jawatankuasanya tidak hadir mesyuarat tanpa sebab, ia harus disingkirkan, namanya digugurkan dari senarai ahli. Ini Organisasi Sukarela. Tetapi **kita adalah Jabatan Kerajaan dan kalau kitatangan kita seleweng**, secara langsung pula **Kerajaan mendapat nama buruk**. Adilakah ini? Bukan Kerajaan yang perlu disalahkan tetapi pegawai-pegawai yang seperti inilah yang masih belum insaf, yang "mainkan" Kerajaan, patut diambil tindakan tatatertib!

Yang paling memeranjatkan saya ialah apa yang berlaku di **Langkawi** (dan mungkin di daerah-daerah lain juga). Tiap bulan, laporan bulanan dimajukan ke Ibu Pejabat. Tetapi Pegawai Kanan yang diberi kuasa seolah-olah tidak peduli pada perangkaan yang diterimanya itu.

Dalam bulan Januari saya dapati Langkawi punya ratusan kes-kes yang tidak dilawati, tidak diambil tindakan. Bila saya semak daftaran dan kerja, didapati Pegawai di Langkawi tidak ambil berat untuk cuba mengurangkan bilangan kes-kes atau beritahu Ibu Pejabat keadaan sebenarnya. **Sikap mereka saya dapati, suka sorok dan tipu keadaan sebenar** oleh itu, jika saya tidak "*check*" betul-betul, saya juga tidak tahu dan terus tertipu!

Saya telah nasihat tindakan mesti di ambil segera, mereka mengaku tetapi hanya pengakuan kosong. Mereka tidak hirau, tidak pedulikan kes-kes itu seolah-olah itu cuma ratusan kertas-kertas yang tidak berguna, bukan manusia yang menderita menanti bantuan kerajaan.

Bila keadaan ini didapati tidak diambil tindakan, pada awal bulan April saya kerahkan 4 Pegawai lagi dari Alor Setar, Sik, Sungei Petani dan Jitra untuk seminggu berada di Langkawi (bersama 2 Pegawai di sana) dimestikan siap kesemua **200 kes yang tidak dipedulikan, antaranya, hampir 70 kes didaftarkan sejak tahun 1980 (Dua tahun tidak diambil tindakan!!)**

Saya sangat menghormati pendinamisan kepimpinan YAB Dato' Seri Menteri Besar, apatah lagi Langkawi adalah kawasan pilihanraya YAB Dato' Kama Jaya itu. Bukan itu saja, Langkawi juga terdapat banyak rakyat yang miskin dari kaum melayu. Kalaulah berita buruk ini diketahui parti lawan, ianya akan menjadi isu yang hangat - - - masalah kemiskinan rakyat senang membakar semangat rakyat, kiranya ini berlaku, tidakkah kita yang menjadi petualang?

Oleh itu, saya tidak tunggu mendengar komplaint, sungutan, desakan orangramai baru hendak terburu dan tergesa mengambil tindakan. Saya tidak boleh bekerja dalam keadaan kelam-kabut tanpa perancangan yang matang dan *pro-active* jauh ke hadapan. Enam pegawai saya di Langkawi bekerja selama seminggu untuk membereskan kelalaian mereka itu dan mesti siap pada hari Sabtu 10/4 apabila saya ke Langkawi untuk meneliti kes-kes dan memberi kelulusannya terus.

Pada pagi 10/4 itu, sebelum ke Pejabat, saya berjumpa dengan Penolong Pegawai Daerah dan berbincang dengannya. Dalam bulan itu, saya difahamkan bahawa laporan kerja yang beres telah diberi kepada Pegawai Kemajuan Negeri sekian lama oleh Pegawai saya. Kononnya, tidak ada kes-kes tunggakan.

Saya terperanjat mendengar sikap **Pegawai** saya yang **tidak jujur, membohongi Pegawai Daerah dan Pegawai Kemajuan Negeri** padahal rancangan "*task force*" ini saya anjurkan secara mendadak TANPA mendapat permintaan dari PKMD berkenaan. Mereka sorok kenyataan dan jika sikap saya mudah mempercayai cakapan mereka, saya juga turut tertipu dan akibahnya, rakyat yang susah itulah, yang rugi.

Apa yang berlaku di Langkawi berlaku juga (saya yakin) di daerah-daerah lain!

Kejadian di Kulim lagi aneh, di mana melibatkan Dato Leong Man Kai, Pengerusi J/Kuasa Tetap Hal Ehwal Kebajikan/Malapetaka Negeri Kedah. Di sini, saya anggap **sebagai sabotaj** (sila lihat surat berkenaan). Saya dukacita **sikap tidak jujur dan menipu yang ditunjukkan oleh**

PKMD Kulim - - - dalam keadaan-keadaan "genting" menghadapi pilihanraya.

Apa yang berlaku di **Baling** Tg. Pari, Sri Ketangga, Batu 8, Cherok Bendang, **lebih dahsyat**. Saya terpaksa menenangkan keadaan apabila rakyat mulai gelisah dan menuduh-nuduh Kerajaan. Saya tidak mahu dijadikan isu politik yang akan menjejaskan nama baik Kerajaan Barisan Nasional. Disebabkan ianya melibatkan Pegawai-pegawai tinggi di Jabatan-jabatan lain, laporan lisan secara *detail* telah saya beri kepada S/usaha Keselamatan Negeri, Encik Mohd. Khalil.

(**Sikap Timbalan saya** dalam hal ini menimbulkan keraguan! - sila lihat surat berkenaan dalam lampiran).

Sikap tidak ambil kisah, tidak hirau itu seolah-olah sebatikan dalam jiwa para pegawai di Negeri ini. Mereka tidak ambil berat surat dari Jabatan Perdana Menteri (lampiran berkelat) atau dari siapa pun. Laporan yang dibuat oleh Pembantu begitu dangkal tanpa pula apa-apa ulasan dari PKMD. Beliau hanya menjadi wakil perojok macam **postman**.

Kes Mat Lazim dua kali mendapat perhatian Jabatan Perdana Menteri dan Pegawai Daerah tetapi PKMD tidak kisah. Laporan bagaikan "*bias*". Begitupun surat jawapan Timbalan waktu itu. Dan bila saya melihatnya, saya khuatir sesuatu yang tak betul berlaku. Saya terus pergi melawat dengan Pembantu berkenaan.

Apa yang saya lihat, menyedihkan!

Saya beri "*lecture*" panjang kepada Pembantu itu: tentang sikap, tentang tanggungjawab, tentang minat dan semangat dan "tentang" berbagai-bagai lagi. Ia mengharap penama (Mat Lazim) itu menjadi klien pejabat, menunggu rumahnya menyembah bumi (runtuh) baru layak diberi bantuan. Ini sikap yang sangat salah, yang saya tak suka melihat samasekali. Oleh itu, bantuan segera saya beri agar perkara seperti ini tidak berulang lagi (sila lihat surat-surat berkelat).

Bila saya balik ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kubang Pasu dan bertanya hal ini kepada **PKMD** nya, beliau **tidak tahu hal di Daerahnya** dan begitu tegas tidak mahu beri sokongan kepada klien tersebut tanpa pergi melihat dan menganalisis sendiri. Ia berasaskan laporan yang begitu dangkal! Bila saya beritahu beliau, ia terperanjat. Inilah **sikap yang negatif**.

Mujurlah klien tidak heboh-heboh kepada *mass media*, kalau tidak, akan lebih memalukan!

Sikap seperti itu pada hemat saya, tidak jujur pada perkhidmatan (di samping tidak amanah) melainkan mementingkan diri sendiri sahaja tanpa hirau nasib orang lain yang mereka dipertanggungjawabkan.

Bolehkah cara ini, berkesan?

(Saya tidak menyentuh "ketidak jujur" Bahagian Pentadbiran, sebelum kedatangan saya ini).

Di sebabkan saya mahir di dalam Teknik Latihan, saya memberi perhatian khas dalam bidang ini di peringkat Negeri. Sistem Latihan kakitangan disusun dengan rapi agar kakitangan akan lebih cekap, lebih berani dan lebih bertanggungjawab menghadapi masalah dan bersama (klien) menyelesaikannya. Lebih-lebih lagi konsep pembangunan masyarakat hala - projek (pengembangan kemahiran, pembinaan semangat dan pembangunan sosial) juga halacara bersepadu..

Nota:

Membaca surat "fitnah" kepada YB Menteri itu, lebih-lebih lagi mengenai tuduhan PKMD. Kulim yang mengatakan saya marah T. PKMN, En. G. Muniandy menerusi telefon - - -

"Awak bodoh..."

Pada pagi 13/4 saya menjemput En. G. Muniandy dan En. Osman Salleh (PKM (K & K)) dan bertanyakan adakah beliau dengar tuduhan fitnah seperti itu.

En. G. Muniandy menjawab bahawa ia tidak dengar dan saya tidak mengatakannya, disaksikan oleh En. Osman Salleh, seorang Pegawai Kanan di Ibu Pejabat.

Pada 15/4 saya pinta beliau menulisnya secara bersurat, beliau enggan dan ubah fikirannya. Saya faham keadaan ini kerana beliau tidak mahu menyinggung perasaan "comradeship" dan oleh itu beliau tidak tegas. Sikap seperti ini melibatkan kelicinan tugas dan tanggungjawabnya di Jabatan ini.



INIKAH BALASANNYA:



KEMENTERIAN KEBAJIKAN AM, MALAYSIA
(MINISTRY OF WELFARE SERVICES MALAYSIA),
TINGKAT 5-16, WISMA SHEN,
JALAN MASJID INDIA,
KUALA LUMPUR

Telefon: 925011
925184
925264

Kawat: WELDEP

En. Wan Azmi b. Ramli,
Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah,
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah,
Alor Setar,
KEDAH

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: KEA.O.P.1115/ (21)

Tarikh: 20hb. Februari, 1982

Tuan,

Aduan Tidak Puashati Kakitangan Atas
Kepimpinan Pengarah Kebajikan
Masyarakat Negeri, Kedah

Berhubung dengan perkara di atas adalah saya diarah memaklumkan bahawa suatu surat rayuan yang mengandungi aduan-aduan tidak puashati atas kepimpinan tuan sebagai Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri, Kedah telah diterima oleh Y.B. Menteri Kebajikan Am pada 30hb Januari, 1982, Disertakan bersama-sama ini butir-butir aduan tersebut.

2. Sukacitalah kami jika tuan memberi ulasan/penjelasan mengenai aduan-aduan tersebut dalam tempuh 14 hari daripada penerimaan surat ini untuk memastikan samada terdapat kes "prima facie" bagi mengambil tindakan ke atas tuan. Sekiranya tuan tidak memberi penjelasan/ulasan dalam tempuh tersebut Kementerian akan menganggap bahawa aduan-aduan yang diterima itu sebagai benar dan tindakan boleh diambil ke atas tuan.

3. Sila akui penerimaan surat ini serta merta.

Sekian, terimakasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

t.t

(IMAM BAWEH BIN MD. HALIM)
Bahagian Perkhidmatan & Perjawatan,
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Kebajikan Am,
Malaysia.



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH

IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT,
NEGERI KEDAH,
ALOR SETAR

TELEFON
Telefon : 723322
Pengarah : 720326
Rumah : 722013

Ruj. Tuan: KKA.O.P.1115/(23)

Ruj. Kami: (4a) dlm. JPM (K) 445

Tarikh: 23/3/82.

Y.B Dato Ketua Setiausaha
Kementerian Kebajikan Am
Malaysia (u.p. En. Inan Bawah)

Yang Berusaha Dato',

Bkn: Aduan Tidak Puashati Kakitangan

Rojo' surat YB Dato KKA.O.P.1115/(21) tanggal 20.2.1982. Saya rasa dukacita hingga ke hari ini lampirannya masih belum saya terima untuk saya menjawab secara bertulis. Saya juga telah menghubungi melalui telefon beberapa kali tetapi "aduan" tersebut masih belum di hantar juga. Tolonglah kirim segera agar keadilan dapat tercapai. Sekian.

Terima Kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

t . t

(Wan Azmi Ramlil)
Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri,
Kedah



KEMENTERIAN KEBAJIKAN AM, MALAYSIA
 (MINISTRY OF WELFARE SERVICES MALAYSIA),
 TINGKAT 5-16, WISMA SHEN,
 JALAN MASJID INDIA,
 KUALA LUMPUR

Telefon: 925011
 925184
 925264

Kawat: WELDEP

En. Wan Azmi D. Ramli,
 Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri,
 Kedah,
 Alor Setar,
 KEDAH

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: KKA.O.P.1115/(23)

Tarikh: 31hb. Mac, 1982.

Tuan,

Aduan Tidak Puashati Kakitangan Atas Kepimpinan
 Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri, Kedah

Saya adalah merujuk kembali kepada surat
 Kementerian ini Bil. KKA.O.P 115/(21) bertarikh
 20hb. Februari, 1982 dan mengedarkan bersama-sama
 ini Salinan Aduan terhadap tuan untuk ulasan.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

t.t

(IMAM BAWEH BIN MD. HALIM)
 Bahagian Perkhidmatan & Perjawatan,
 b.p. Ketua Setiausaha,
 Kementerian Kebajikan Am,
 Malaysia.

Pandangan YB Tuan Yang Arif, Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah:

Perbuatan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah secara menulis surat layang kepada YB Menteri Kebajikan 'Am Malaysia ini telah saya dapatkan pandangan dari pelbagai pihak yang mahir mengenai pengurusan dan pentadbiran.

Cara mereka lakukan ini, jelaslah salah dan tidak mengikut peraturan seperti yang lazimnya dilakukan oleh Pegawai Awam - - melalui saluran tertentu. Mereka harus menghantar surat tersebut kepada Dato' KSU atau Tuan KPKM melalui PKMN (Pengarah). Sekiranya saya tidak majukan surat berkenaan, barulah mereka tulis terus kepada Dato' KSU dengan salinannya kepada PKMN oleh itu, terbuktilah Pengarah engkar patuh pada peraturan yang termaktub itu. Bukan dengan cara menulis terus kepada YB Menteri. Cara ini adalah tidak kena pada peraturan, amalan yang salah, dan tidak seharusnya mendapat perhatian pihak atasan.

Pada pihak saya sekalipun, saya ada juga beberapa orang pegawai/kerani yang menulis surat sulit terus kepada saya selaku Pengarah tanpa melalui saluran tertentu (PKMD) oleh itu, saya kembalikan surat-surat berkenaan kepada si pengirim dan menasihatinya patuh pada peraturan. Inilah amalan pentadbiran yang betul. Sekiranya saya melayani mereka seperti kaedahnya dengan Kementerian sekarang maka berlakulah kelam-kabut dan kiranya saya di pihak yang benar maka wujudlah perasaan seolah-olah Kementerian menyebelahi pihak yang "bersalah" dan cara ini membunuh semangat gigih Pengarah. Pihak Kementerian harus teliti, halusi dahulu, tidak begitu ghairah hendak mengambil tindakan kerana walaupun saya Pegawai Persekutuan, tetapi disebabkan pangkat Pengarah itu di bawah Kerajaan Negeri, mungkin cara begini menyinggung perasaan Kerajaan Negeri - - kerana saya bertungkus-lumus di Negeri ini dan pihak YAB Dato' Seri Menteri Besar, YB Dato' Setiausaha Kerajaan dan YB Dato' Pegawai Kewangan (juga Dato' Leong, Pengerusi J/Kuasa Tetap Hal Ehwal Kebajikan/Malpetaka) sedia maklum.

Menurut pandangan YB. Tuan Yang Arif Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah, perbuatan kakitangan kita itu adalah salah. Salah pada peraturan dan amalan pentadbiran juga Bab D - Kelakuan dan Tata tertib. Sekiranya pihak Kementerian tahu nama-nama mereka yang buat surat layang itu, tindakan tata tertib harus diambil ke atas mereka. Saya yakin, pihak Tuan tahu siapakah mereka ini - - seperti yang di dalam Lampiran A itu, tetapi dirahsiakan daripada saya. Oleh itu, ini memudahkan lagi tindakan Kementerian.

Pihak kakitangan harus punyai disiplin. Kiranya mereka tidak ada disiplin dan bertindak sesukahati, implikasinya akan menyulitkan pen-

tadbiran, merosakkan pengurusan dan menyusahkan rakyat. Disiplin adalah mustahak dan ianya harus dipatuhi, kalau tidak Jabatan akan lingkup.

Saya yakin, Kementerian, demi kepentingan perkhidmatan tidak pandang ringan ulasan YB Tuan Yang Arif itu.

Pemerhatian dan perakuan:

Dalam *profession* kerja sosial, sering kita menggunakan ungkapan kata "*agent of social change*", "*catalyst*", "*innovator*" kepada peranan Pegawai Kebajikan Masyarakat. Tetapi, apabila saya "*put it to test*", saya uji dan cabar mereka, mereka takut, kurang yakin, lari dari kenyataan, sebaliknya berpakat beramai-ramai, berkomplot menentang *establishment*. Satu sikap yang negatif dan terhina.

Untuk mengubah masyarakat, diri sendiri perlu berubah - - - kepada satu sikap yang lebih mencabar dan tahap yang lebih sempurna. Malangnya, "*agent*" perubahan sosial kita ini selaku penghalang dan penentang pada perubahan itu, pada hemat saya, selepas saya halusi dan alami di Negeri ini. Sekiranya kita terus beralah, terus bersikap "tidak - apa" maka segala cogan kata itu hanyalah menjadi satu slogan kosong yang tidak punyai apa-apa erti - - - walaupun maknanya besar tetapi tidak ada isi. Kosong! Benda yang kosong tidak akan dapat melahirkan apa-apa yang berkesan dan berfaedah.

Saya malu mengatakan bahawa cara pegawai kita melakukan kerja, lebih-lebih lagi oleh mereka yang berijazah, tidaklah menunjukkan apa-apa prestasi yang tinggi. Ada pembantu lebih berminat, lebih gigih dan rajin bekerja dengan laporan sosial yang baik dari pegawai berijazah dan ikhtisas itu. Seolah-olah dengan mempunyai ijazah buat mereka semakin "malas" dan "*sluggish*". Semasa saya di Bahagian Latihan, Kementerian Kebajikan 'Am, saya buat kajian tiap *theses* yang disediakan oleh para penuntut (kakitangan kita) di Jabatan Pembangunan Sosial di Universiti Sains Malaysia. Saya pernah menyatakan kepada Pengarah Bah. Latihan, En. Mohd. Yusoff bin Zabidin yang nilai *theses* mereka agak rendah. Sekiranya saya menjadi Pensyarah (pernah diura-urakan saya dipinjamkan ke USM menjadi anggota tenaga jurulatih/pensyarah) jangankan mereka itu mendapat ijazah kepujian, mendapat kelulusan pun masih belum tentu. *Standard* harus dijaga dan dikawal. Dan analisis saya itu kini nyata sekali dan tepat apabila saya melihat sikap, prestasi dan kesahsiah para pegawai itu menjalankan tugas di Negeri ini. Mereka cuma berselindung dan sembunyi di sebalik secebis kertas ijazah mereka itu tanpa semangat dan minat membangunkan rakyat yang mereka dipertanggungjawabkan mengusahakannya.

Bersikap kasar adalah bertentangan dengan jiwa saya tetapi apabila saya

didesak oleh keadaan dan terpaksa melakukannya demi menimbulkan kesedaran dan keinsafan di kalangan kakitangan sambil berpegang teguh pada teori dan teknik pengurusan, saya tidak ada lain jalan lagi untuk bertindak. Sekali pun dalam bertindak demi kepentingan pentadbiran awam itu, saya dituduh dan ditohmahkan, difitnah beranikan rupa, saya rela hadapi kerana saya berpendapat yang benar itu tetap benar dan akhirnya kita sama-sama akan ketahuinya juga.

Saya berpegang teguh pada disiplin - - - segi peribadi (kerana ianya bermula dari ini), segi pentadbiran/pengurusan, dan segi sosial hubung tindak sesama manusia).

Apabila saya datang ke Negeri ini, seolah-olah saya terpaksa mengajar mereka dari A hingga ke Z, dari "alif" sampai ke "ya". Surat-menyurat, eja-mengeja, tatatertib, tatasusila, nilai dan peradaban terpaksa semua saya ajar kerana mereka ini saling hubung dengan manusia - - - yang kaya dan yang miskin; yang elitis dan yang butahuruf; yang berketurunan Raja dan orang yang biasa dan "yang" berbagai-bagai lagi.

Apabila klien datang ke Pejabat, seolah-olah tidak siapa hirau. Mereka sering kelihatan merayau dan tertunggu-tunggu berkecamok di tepi Pejabat - - - tepatnya, duduk dekat Jamban dan di tepi tempat *parking* motokar para pegawai kerajaan. Saya tidak suka melihat klien-klien Jabatan terbiar begitu kerana menimbulkan pemandangan yang tidak baik kepada orangramai. Mereka disuruh tunggu di dalam pejabat dan tiap kakitangan bertanggungjawab melayan klien-klien yang miskin dan punyai masalah ini.

Disiplin, yang menjadi tonggak sikap saya, tidak seharusnya kita abaikan. Saya setuju dengan orang yang tegas dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Itulah sebabnya, semasa saya di KKA dahulu kegelisahan kakitangan menjadi-jadi, kononnya Tuan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kebajikan 'Am terlalu "*strict*". Mereka hingga buat surat dan tandatangani beramai-ramai untuk berjumpa dengan YB. Menteri, bekas Pegawai Kerja, dan seorang kawan saya, datang meminta saya menandatangani "*petition*" itu. Setelah membaca suratnya, saya enggan menurunkan tandatangan kerana saya teguh dengan prinsip disiplin saya itu dan sangat bersetuju dengan sikap Tuan T.KSU. Dan semua orang pun tahu, Pegawai Kerja lalai dan malas menjalankan tugasnya, fail-fail bertimbun di dalam biliknya hinggakan menjadi lantukan kerja, oleh itu sangat kena pada masanya beliau ditukarkan. Ini adalah demi kepentingan perkhidmatan dan kebaikan pentadbiran awam.

Penyakit yang berlaku di Kementerian kini menjalar ke Negeri Kedah (malah saya difahamkan, telah juga menyusup masuk ke Negeri-Negeri lain).

Yang bersalah, terus menulis surat fitnah kepada YB. Menteri - - - seolah-olah mereka tidak percaya lagi kepada Dato' KSU, tidak yakin lagi kepada Tuan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, kerana mereka tahu, mereka akan dapat layanan dan tindakan terus dari Menteri.

Dalam politik, "*majority, wins*". Tetapi dalam urusan pentadbiran, sekalipun mereka yang terbanyak, kalau mereka tidak mengikut peraturan, mereka memperolok-mainkan Perintah "Am Bab D, mereka membelakangi PKMN, KPKM dan Dato' KSU, maka amalan salah seperti ini tidak seharusnya diberi galakan. Mereka harus dihukum, mereka harus diajar "*a bitter lesson*" agar perkara ini menjadi contoh tauladan dan sempadan kepada mereka yang suka menulis "*petition*" menyalahi orang lain sedangkan diri sendiri yang bersalah tidak disedari.

Segala yang berlaku ini adalah tugas pentadbiran. Adalah tidak adil membebankan YB Menteri dengan hal-ehwal remeh-temeh pergeseran kakitangan malas, yang juga wujudnya dari sikap mereka, perbuatan mereka, penyelewangan dan penipuan, kelalaian dan kemalasan mereka sendiri. Sekiranya surat-surat seperti itu pergi terus ke meja YB. Menteri, ianya patut dihumban turun kepada si pengirim yang pengecut menghadapi kenyataan - - yang berselindung di sebalik tipu muslihat dan mainan licik. Mereka harus dididik dan diajar cara amalan Pentadbiran yang betul, seperti yang telah saya lakukan di peringkat Negeri ini.

Sekiranya pihak Kementerian melayani surat petualang seperti ini, apa perasaan Kementerian sekiranya saya pula, selaku Pengarah, tulis terus kepada YB Menteri? Kalau tidak dibenarkan, Kementerian bersikap berat sebelah dan tidak adil kepada Pengarah yang mewakili Kementerian di peringkat Negeri. Kementerian, dalam hal ini, mestilah bertegas, tidak kira siapa!

Saya kuatir, sekiranya pihak KKA menerima dan bertindak surat-surat kepada YB Menteri seperti ini, ianya akan menjadi bak barah kronik dalam pengurusan - - - sistem "enjit-enjit semua", bak teknik "*merry-go-round*" yang tidak akan ke mana-mana, cuma memeningkan kepala dan menyakitkan hati. Apabila disiplin sudah tidak ada lagi, maka jadilah seperti pengurusan di Barat - - - hancur lebur, oleh itu, kiranya kita jujur menghadapi cabaran "memandang ke Timur", disiplin harus kukuh, tanpa cabar-mencabar. Tegak tidak bererti tak boleh lentur (*inflexible*) dan ketegasan itulah yang harus dijaga di peringkat Negeri - - - peringkat pelaksana. Kalau tidak, kitalah yang menjadi pengkhianat kepada niat murni dan jujur YAB Perdana Menteri kita yang dinamis itu. Kita jangan berdolak-dalik menyalahi orang lain, seperti dongeng...bangau - oo - bangau...!

Menyentuh tentang kejujuran, apabila saya membaca tuduhan/

tohmahan kakitangan saya yang "cerdik" itu, saya agak musykil, was-was, seolah-olah ada sesuatu yang tak kena. Saya menyangka mesti ada penipuan berlaku kerana surat "teriak" mereka (cuma "*crocodile's tears*", kata "Mat Salleh") tidak ditandatangani. Malah dibuatnya lampiran. Sangkaan saya itu rupa-rupanya tepat sekali apabila saya buat selidikan, didapati, ada ramai kakitangan yang tandatangan terlebih dahulu tanpa mengetahui apa kandungan yang hendak difitnahkan kepada YB Menteri. Kononnya kerana mereka di bawah satu bumbung, mereka mestilah bersepakat dan berkerjasama, lalu kertas berkenaan pun diperedarkan setelah ditaip terlebih dahulu nama-nama mereka, cuma dimestikan tandatangan sahaja - - - oleh itu, Bahagian Pentadbiran pun, yang mulanya cemas kerana terpaksa kerja kemas, licin dan teratur, tidak boleh keluar-masuk pejabat sesuka hati, terpesong dan terpedaya oleh komplot yang bersekepentingan diri itu. Dengan keyakinan, bila ramai menandatangani lebih membuktikan kesalahan Pengarah oleh itu cepatlah niat buruk mereka, terlaksana.

Syukur Alhamdulillah! Niat kotor dan busuk mereka ini akhirnya terbuka juga pekong di dada mereka - - - yang tersembunyi rahsia anika cemaran dan tidak kejujuran! Mereka beramai-ramai pergi mengumpat Pengarah di tepi Pantai Merdeka (mujurlah Allah tidak turunkan bala! - - - *ha'u - - - zubillah - - - hi - - - min - - - zaaliq*).

Saya bersyukur ke Hadzrat Illahi tiap niat yang tidak jujur itu mendapat risiko yang tidak baik. Niat mereka hendak menjatuhkan dan mengotorkan nama saya itu kini saya puashati dapat menjawab hujjah mereka satu per satu - - - bukan sekadar menjawab tetapi dengan bukti sahih data dan fakta, untuk dilihat, dikaji dan dianalisis secara rasional. Bukan omong-omong kosong.

Seandainya pihak YB/Dato'/Tuan masih tidak berpuashati, silalah datang ke Negeri Kedah ini dan buat pertanyaan - - - BUKAN tanya saya, tanyakan para YB Wakil-wakil Rakyat, Dato'/Tuan-tuan Pegawai Daerah dan rakyat tentang prestasi saya selama 6 bulan saya di Negeri Kedah. Pun tanyalah para Pegawai Tinggi, Dato' dan YAB di Negeri ini sebelum terlintas dihati nubari tuan untuk mengambil tindakan terhadap saya - - - dan saya sedia pergi hingga ke Mahkamah Tinggi sekalipun.

Saya sangat berharap agar pihak Kementerian mengambil tindakan tegas agar perkara yang kurang sihat seperti ini tidak berulang lagi. Sepatutnya mereka ini telah saya ambil tindakan tatatertib atas segala ketidakjujuran, tidak cekap dan bertanggungjawab, cuai, lalai, tetapi saya cuma beri nasihat, tunjukajar, panduan dan apabila masih punyai sikap negatif, barulah mereka kena "marah", kena gertak - - - itu sebabnya mereka tidak berani melawan kerana kepincangan yang mereka lakukan agak *serious*. Mereka tahu oleh itu mereka tidak berani buat secara langsung sebaliknya menaburkan fitnah

dan beda'ah merosakkan maruah jabatan dan kementerian secara diam-diam, sulit-sulit.

Saya penuh yakin, pihak Kementerian tidak memandang ringan pandangan jujur YB Tuan Yang Arif Penasihat Undang-undang Negeri Kedah itu. Tindakan disiplin yang tegas harus pihak tuan ambil terhadap mereka di dalam "Lampiran A" - - - yang kononnya saya tak tau, tetapi saya tau. (Para Pegawai Negeri dihantar senarainya kepada Dato' SUK).

Saya ingin pengesyorkan bahawa mereka ditukarkan ke Institusi-institusi kita seluruh Negara (kerana mereka takut memikul tanggungjawab sebagai "*field workers*" dan telah merosakkan dan mencemarkan imej Jabatan) dan sebagai ganti, pegawai-pegawai di Institusi dihantar ke Kedah. Beri masa sebulan pada saya untuk melatih dan meningkatkan semangat dan minat, keupayaan dan kemampuan mereka agar menjadi "*field workers*" yang lebih baik dan bertanggungjawab, lebih jujur, beradat dan beradap sopan.

Hingga ke tahap ini, Kementerian kita mestilah bersikap lebih dinamis, tegas, jujur dan disinilah terletaknya "*credibility*" dan "*integrity*" Kementerian, disinilah wujudnya keutuhan dan kewibawaan Kementerian. Sekiranya ini tidak dapat dilakukan (oleh sesuatu sebab) saya khuatir, suatu hari nanti, Kementerian kita akan dituduh sebagai "**Weakling**"! Kiranya apa yang berlaku di Negeri Kedah Darul Aman ini tidak diambil tindakan dengan tegas dan berani, saya bukanlah terlalu pesimistik apabila saya katakan, petaka akan menimpa perkhidmatan kita dan bukan saja kita yang rugi, tetapi lebih-lebih lagi rakyat jelata yang tidak berdosa itu.

Sekian, wassalam.

Berkhidmat untuk Bangsa dan Negara.

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(Wan Azmi Ramli)

PKMN, Kedah

Lampiran
18 (1)

**Majlis Perjumpaan Bagi Kali Pertama
Di antara PKMN Dengan Kakitangan Di Bahagian
Pentadbiran Ibu Pejabat dan Kota Setar pada
12.11.1981 jam 9.20 pagi di Bilik Mesyuarat
Ibu Pejabat**

Yang hadir:

- | | |
|------------------------------------|-----------------------------------------|
| 1. Encik Wan Azmi Ramli | - Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri. |
| 2. Encik G. Muniandy | - Timbalan Pengarah. |
| 3. Encik Abd. Hamid bin Hj. Shuib | - Kerani Besar. |
| 4. Encik Yahaya Hamid | - Kerani Kewangan I. |
| 5. Encik Husni Zain b. Hj. Hussein | - Kerani Wang Amanah. |
| 6. Cik Zalilah binti Saad | - Kerani Kewangan II. |
| 7. Cik Mazlipah binti Ismail | - Kerani Persuratan. |
| 8. Cik Syaripah Asiah bt. Syed Ali | - Kerani Penghantar Surat. |
| 9. Puan Hasmah bt. Shamsudin | - Jurutaip. |
| 10. Tuan Syed Zainuddin Syed Idrus | - Penyelenggara Setor. |
| 11. Cik Leong Yuet Meng | - Kerani Am Daerah Kota Setar. |
| 12. Cik Khatilah bte. Khalid | - Kerani Akhlak. |
| 13. Encik Mohd. Radzai b. Osman | - Pelayan Pejabat Daerah Kota Setar. |
| 14. Cik Zarina binti Ahmad | - Operator Telefon. |

Ucapan Tuan Pengarah.

Tuan Pengarah dalam ucapannya telah mengucapkan terima kasih kepada sekalian yang hadir. Tujuan perjumpaan ini adalah untuk beliau mengenalkan secara dekat semua kakitangan pentadbiran dan mengetahui akan masalah-masalah dalam menjalankan tugas-tugas supaya dapat diatasi segala masalah-masalah tersebut. Sayogia diingat bahawa Bahagian Pentadbiranlah yang menjalankan peranan yang penting dalam sesuatu pejabat. Oleh itu beliau menghendaki dan berharap agar sekalian kakitangan dalam bahagian ini menjalankan tugas masing-masing dengan berhati-hati, jujur dan sebaik-baik. Beliau juga menekankan tentang soal tatatertib dalam pejabat dan berharaplah semua pegawai datang ke pejabat terlebih awal. Seterusnya beliau meminta tiap-tiap seorang mengenalkan dirinya dan jawatannya serta memberitahu masalah yang dihadapinya.

2. Perkara berbangkit.

- (i) Kerani Persuratan

Beliau menghadapi dua masalah seperti berikut:-

- a) Fail-fail yang telah diambil tindakan atau yang hendak dirujuk kepada pegawai-pegawai lain yang berkenaan tidak melaluinya, ini menyebabkan beliau tidak mengetahui akan peredaran fail-fail.
 - b) Fail baru kadangkala dibuka sendiri oleh pegawai. Oleh itu diminta fail-fail baru yang hendak dibuka hendaklah dirujuk kepadanya dan diberitahu akan tajuk fail yang hendak dibuka itu supaya ia dapat mendaftar dalam buku daftar fail.
- (ii) Kerani Wang Amanah.
Masalahnya ialah ia tidak dapat membetulkan perbezaan yang dikemukakan oleh Odit kerana Penyata dari tahun 1978 lagi tidak betul dan tak pernah dibuat. Walau bagaimana pun ia akan cuba membetulkannya. Tuan PKMN mahukan Penyata atau *return* yang dikemaskinikan dalam masa 10 hari dan Penyata dibuat untuk Juru Odit.
- (iii) Kerani Kewangan I.
Masalah yang dihadapi olehnya ialah peruntukan perjalanan Persekutuan yang tidak mencukupi sehingga akhir tahun, permohonan telah diminta dari Kementerian.
- (iv) Kerani Kewangan II.
Masalah yang dihadapi oleh pegawai ini ialah setengah pegawai selalu menanya tentang tuntutan-tuntutan mereka dan mahukan tuntutan tersebut dipercepatkan pembayarannya. Arahan PKMN tiap-tiap pegawai hendaklah menghantar boucer-boucer tuntutan mereka sebelum 10 haribulan tiap-tiap bulan berikut, jika didapati mereka menghantar lewat pulangkan balik boucer-boucer itu (jika lewat, tanpa alasan yang munasabah).
- (v) Penyelenggara Setor.
Beliau bertanya samada boleh atau tidak diteruskan menyediakan minuman dalam pejabat seperti yang diadakan sekarang. Tuan PKMN telah membenarkan supaya diteruskan, tetapi pegawai hendaklah datang ke bilik mesyuarat untuk minum dan makan di masa rehat dan bersihkan tempat tersebut selepas makan – 15 minit diuntukkan masanya.
- (vi) Jurutaip.
Masalahnya ialah pegawai-pegawai dan pekerja sukarela menggunakan mesin taip yang ada di atas mejanya. Ini menyebabkan beliau terpaksa duduk di tempat lain. Arahan Tuan PKMN mesin taip hendaklah diletak di atas meja lain dan mesin taip ini tidak boleh digunakan sesuka hati oleh pegawai luar.

(vii) Kerani Am Kota Setar.

Beliau meminta Kipas Angin, Mesin Kira-kira dan juga Peti Wang (*Cash Box*). Beliau juga ingin mengetahui siapakah PKMD yang bertanggungjawab memangku jawatan PKMD yang telah dikosongkan oleh Encik Abd Rahim bin Che Awang. Beliau juga bertanya adakah boleh dituntut bayaran beca jika beliau menggunakan kereta sendiri untuk pergi ke Bank untuk urusan rasmi. Tuan PKMN memberitahu bahawa PKMD Kota Setar akan ditetapkan dalam sedikit hari lagi. Lain-lainnya sedang diambil tindakan.

(viii) Kerani Akhlak.

- (a) Beliau menimbulkan masalah mesin taip yang selalu rosak dan keadaan pejabat yang tidak selesa kerana tidak ada kipas angin.
- (b) Beliau juga merungut tentang beban kerja yang ditanggungnya dan meminta supaya diletakkan seorang Jurutaip di daerah Kota Setar kerana Pekerja Sukarela yang ada di situ sering diambil membuat kerja-kerja oleh pegawai-pegawai di Ibu Pejabat. Selain dari itu beliau juga bersungut tentang adanya pegawai-pegawai lain yang memberi arahan kepadanya sedangkan ia hanya bertugas di bawah seorang Pegawai Akhlak sahaja yang mana ini tidak diingini. Beliau juga ada menimbulkan masalah peribadinya.

Ulasan PKMN

- a) Beliau menekan tentang perhubungan baik di antara pegawai-pegawai dalam Jabatan dan jangalanlah hal-hal pejabat di bawa balik ke rumah dan hal-hal rumah dibawa ke pejabat. Juga perhubungan dengan orang-orang awam hendaklah bersofan santun. Jika ada apa-apa masalah hendaklah dibincang di dalam perjumpaan seperti ini agar masalah-masalah tersebut dapat diatasi. Segala masalah-masalah yang disuarakan dalam perbincangan hari ini akan dibawa ke dalam perbincangan Pegawai-pegawai dan Pembantu yang akan datang.
- b) Beliau mengingatkan semua kakitangan hendaklah datang ke pejabat tepat pada waktunya iaitu sebelum atau tepat pukul 8.00 pagi. Kalau ada sebab-sebab yang tak dapat dielakkan untuk hadir ke pejabat lewat dari pukul 8.00 pagi, telefon dahulu beritahu.
- c) Elakkan diri dari menggunakan bahasa Inggeris. Gunakan bahasa Melayu dengan sepenuh-penuhnya sebagai rakyat yang taat setia dan ini sejajar dengan aspirasi Negara.

- d) Beliau berpuas hati dengan perbincangan ini dan sedikit sebanyak dapat mengetahui akan kedudukan perjalanan pentadbiran dan seterusnya beliau tidak teragak-agak untuk mengambil sebarang tindakan tatatertib sekiranya berlaku sebarang penyelewengan dalam menjalankan tugas-tugas.
- e) Beliau juga mencadangkan tiap-tiap pegawai dibuat Lecana Nama untuk dipakai.
- f) Bayaran gaji hendaklah dibuat dengan cek masing-masing. Semua kakitangan yang bergaji lebih dari \$300.00 diminta membuka akaun di Bank dan beritahu nombor akaun kepada Kerani Besar, selewat-lewatnya pada bulan Disember 1981. Majlis tamat pada jam 10.50 pagi.

Kerani Besar
Ibu Pejabat Kebajikan Masyarakat,
Kedah, Alor Setar.

s.k

- Timbalan
- PKMD, Kota Setar
- PKM Keluarga & Kanak-kanak
- PKM Pemulihan Am

Lampiran 18 (1) .2

Telefon: A. Setar 721577

Bil. Surat Kami: (6)/SS/25

Bil Surat Tuan: (152) dalm. JKM(M) 30
bth. 12.9.1979.

JABATAN ODIT,

ALOR SETAR

4hb Disember, 1979

Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Negeri Kedah,
Alor Setar

Tuan,

Pemeriksaan odit ke atas kira-kira
untuk jangkamasa 25.8.75 - 25.6.79
Pejabat Kebajikan Masyarakat Kbg. Pasu

Terimakasih di atas surat tuan tersebut. Berikut adalah lanjutan dari surat jabatan ini bil. (3)/SS/25 bertarikh 9.7.1979 untuk ulasan tuan selanjutnya.

Perenggan 2 - Bantuan Am

2. Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah adalah bertanggungjawab bagi memastikan kes-kes bantuan am telah diulangkaji dan beliau hendaklah menurunkan keputusannya di ruangan X yang disediakan itu. Sila beri ulasan.

Perenggan 3 - Penyelenggaraan Fail-fail Bantuan

3. Sila tuan pastikan pada masa-masa hadapan bahawa tiap-tiap fail bantuan ada dikawal, diator dan dikemaskinikan supaya mudah dikesan, serta nombor-nombor kes atau failnya adalah bersamaan dengan daftar penyelenggaraan dan lain-lain dokumen. Sila beri ulasan.

Kerjasama tuan didalam memberi jawapan dengan kadar yang segera amatlah diperhargai.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(AHMAD SIDIQUE B. ABD. WAHAB)
bp. KETUA CAWANGAN ODIT,
ALOR SETAR

Lampiran 18 (1). 2-i

Telefon: A. Setar 721577

Bil. Surat Kami: (8)/126/4

Bil Surat Tuan:

JABATAN ODIT,

ALOR SETAR

16hb Sept., 1980

6hb. Zulkaedah, 1400.

Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Pejabat Kebajikan Masyarakat,
Alor Setar

Tuan,

Kira-kira Pertaruhan bagi
Waris-waris (50.34)

Pada akhir tahun 1979, baki yang ditunjukkan dalam rekod Perbendaharaan Negeri berkaitan dengan kira-kira tersebut di atas adalah berjumlah \$275,735.53. Sehingga masa ini diperhatikan senarai baki pada 31.12.79 seperti yang dikehendaki mengikut Arahan Perbendaharaan 159 belum lagi dikemukakan oleh pihak tuan kepada pejabat ini. Tanpa mengadakan senarai yang berkenaan, saya tidak dapat menentukan samada jumlah baki sebanyak \$275,735.53 yang ditunjukkan dalam rekod Perbendaharaan memastikan kebetulan di atas baki-baki individu (individual balances) dengan rekod-rekod Simpanan Bank Nasional.

Harap tuan mengambil tindakan yang segera agar Kira-kira tersebut dapat disahkan.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(HAJI AHMAD B. PIRUN)
KETUA CAWANGAN ODIT,
KEDAH

s.k.

YB Pegawai Kewangan Negeri,
Kedah, Alor Setar.

Bendahari Negeri Kedah,
Alor Setar.

Lampiran 18 (1). 3

Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah

Tarikh:

Tuan Pengarah,
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri,
Kedah,
Alor Setar.

Bkn: Minit mesyuarat 9/11/81.

Inilah diakui penerimaan minit tersebut, saya faham dan akan patuhi segala yang terkandung di dalamnya, demi kepentingan perkhidmatan.

Terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

.....
(Nama).....
(Pangkat)

**MINIT MESYUARAT JABATAN KEBAJIKAN
MASYARAKAT NEGERI KEDAH**

Jam : 9.00 pagi.
 Pada : 9hb. November, 1981.
 Tempat : Kota Setar, Kedah

Yang hadir:

1. Encik Wan Azmi Ramli – Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri. (Pengerusi)
2. Encik G. Muniandy – Timb. Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri.
3. Encik Osman Salleh bin – PKM Bahagian (Keluarga & Kanak-Kanak)
4. Encik Inau a/l Edin Nom – PKM Bahagian Akhlak.
5. Encik Mustapha bin Man – PKM Bahagian Dadah.
6. Encik Othman bin Bakar – PKMD
7. Encik Mohd. Yusof bin Salleh – PKMD
8. Cik Mariati bte. Ismail – PKMD
9. Cik Asiah bte. Abd. Razak – PKMD
10. Encik Mohd Sani b. Mohd Yusof – PKMD
11. Encik Mahadzir bin Ayob – PKMD
12. Encik Razali bin Saari – PKMD
13. Encik Hassan @ Ali b. Mehadin – PKMD
14. Cik Mahani binti Sudin – PKMD
15. Encik Zakaria b. Mohd Shariff – Penguasa, Rumah Orang Tua, Bedong.
16. Encik Fishol bin Latif – PKM Hospital.
17. Cik Azizon binti Hj. Ahmad – PKM Kota Setar.
18. Che Mah binti Darus – PKM Kuala Muda.
19. Cik Noor Dzila Mansor – PKM Kuala Muda.
20. Encik Kamaruddin b. Bakar – PKM Kulim.
21. Encik Darus bin Salim – PKM Kubang Pasu
22. Encik Wong Heng Ming – Waden, Asrama Pokok Sena, Kedah.
23. Encik Yahaya bin Jaafar – Pembantu Keb. Masyarakat Kota Setar.
24. Encik Zainal Abidin b. Shah Mohd. – Pembantu Keb. Masyarakat Kota Setar.
25. Encik Zainol Abidin b. Md. Zain. – Pembantu Keb. Masyarakat Kuala Muda.

26. Encik Mohd. Rodi bin Ahmad - Pembantu Keb. Masyarakat Kubang Pasu.
27. Encik Haron bin Ishak - Pembantu Keb. Masyarakat Kubang Pasu.
28. Encik Cheng a/I Din Chom - Pembantu Keb. Masyarakat Baling.
30. Cik Rashidah bte. Abd. Rashid - Pembantu Keb. Masyarakat Pdg. Terap.
31. Encik Azmi bin Mustafa - Pembantu Keb. Masyarakat Sik.
32. Cik Siti Ajar bte. Othman - Pembantu Keb. Masyarakat Bandar Baru.
33. Encik Abd. Halim bin Hj. Daud - Pembantu Keb. Masyarakat Yan.
34. Encik Talib bin Ismail - Pembantu Keb. Masyarakat Langkawi.
35. Encik Mohd. Salleh b. Bahari - Pembantu Keb. Masyarakat Kulim.
36. Cik Norhana binti Saadon - PKM. Bhg. Pemulihan Am-Setiausaha.

Yang Tidak hadir:

Puan Rosnah bte. Abd. Mutalib - Cuti bersalin.

Mesyuarat dimulakan pukul 9.00 pagi di mana Tuan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah selaku Pengerusi mesyuarat mengucapkan selamat pagi kepada seluruh kakitangan yang hadir.

Seterusnya Tuan Pengerusi telah memberi beberapa pandangan, nasihat serta menegaskan kepada seluruh kakitangan supaya menjalankan tugas-tugas mereka dengan jujur dan penuh tanggungjawab. Tuan Pengerusi juga mengingatkan supaya mematuhi arahan-arahan Jabatan yang dikeluarkan. Semua Pegawai dan Pembantu diminta membentangkan masalah-masalah yang dihadapi semasa menjalankan tugas mereka.

2. Masalah-masalah dari kakitangan pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah.

2.1 Daerah Kubang Pasu

- 2.1.1 Pembantu Kebajikan Masyarakat Encik Mohd. Rodi bin Ahmad memberitahkan Pengerusi, beliau telah menghantar satu borang contoh untuk Bantuan Am ke Ibu Pejabat untuk memudahkan penyiasatan kes kerana Borang JKM 17 tidak lengkap.

Tuan Pengerusi akan mengambil perhatian dan mengambil tindakan selanjutnya sekiranya borang tersebut difikirkan sesuai dan tidak tertinggal data-data yang terpenting.

- 2.1.2 Pembantu Kebajikan Masyarakat Encik Haron bin Ishak telah mengemukakan masalah berkenaan kurang keselesaan di pejabat kerana tiada kipas angin dan ketenteraman semasa menemuduga kes. Seterusnya beliau juga meminta kain langsir dan tempat pengadang disediakan.

Tindakan Ibu Pejabat

- 2.1.3 PKM Encik Mohd. Darus bin Salim telah meminta supaya tuntutan perjalanan ditambah kerana masih ada lagi 86 kes yang perlu disiasat.

Tindakan Ibu Pejabat

- 2.1.4 Puan PKMD telah mencadangkan supaya Bantuan Sekolah seharusnya dihapuskan, memandangkan per-untukan terlalu kecil di mana hetong panjang hanya 10 orang murid diluluskan bantuan bagi sesebuah sekolah. Beliau juga telah mengemukakan masalah untuk menyiapkan penyata bulanan terutama dari skim Bantuan Penyaraan Kanak-kanak.

Tindakan PKM (K & K)

2.2 Daerah Bandar Baru

- 2.2.1 Pembantu Kebajikan Masyarakat Cik Siti Ajar binti Othman telah memberitahu berkenaan kekurangan alatan-alatan pejabat dan alatulis.

Tindakan Kerani Besar

2.3 Daerah Kuala Muda

- 2.3.1 Pembantu Kebajikan Masyarakat Encik Zainal Abidin bin Md. Zain telah memberitahu masalah kekurangan borang-borang cacat bagi mengendalikan kes-kes cacat di daerahnya. PKM Pemulihan Am memberitahu borang-borang cacat ada di Ibu Pejabat dan akan diedarkan.

Tindakan PKM (PA)

- 2.3.2 PKM Cik Noor Dzila binti Mansor telah maklumkan bahawa beliau menghadapi kesulitan dalam mengendalikan kes-kes dadah dan akhlak, ketika PKMD dan PKM Akhlak tidak ada di pejabat. Beliau berharap supaya diberi peluang untuk menghadiri kursus-kursus yang berkaitan.

Tindakan Timb. PKMN.

2.3.3 PKM Che Mah binti Darus mengemukakan masalah kes-kes akhlak perempuan dibawah Seksyen 37 JCA 1947 tidak boleh ditempatkan di Rumah Kanak-Kanak Taman Bakti, Kepala Batas untuk tahanan sementara. Namun begitu soalnya telah dijawab oleh PKM (Akhlag) dengan menerangkan kes-kes akhlak yang dijatuhkan hukuman di bawah Seksyen 37 dan Seksyen-Seksyen lain kecuali Seksyen 36 JCA tidak boleh ditempatkan di Rumah Kanak-Kanak Taman Bakti, Kepala Batas atas alasan yayasan tersebut belum diwartakan untuk tempat tahanan sementara bagi kes-kes yang berkenaan. Masalah yang timbul apabila terdapat kes-kes akhlak selain daripada Seksyen 36, terpaksa diiringkan untuk tahanan sementara di Asrama Bahagia Kampong Pandan. PKM (Akhlag) juga menegaskan sebagai langkah mengatasi masalah ini, pihak Ibu Pejabat telah berusahaewartakan Rumah Orang Tua Bedong sebagai tempat tahan sementara bagi kes-kes yang dimaksudkan. Perkara ini telah dikemukakan oleh Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah dalam persidangan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri di Kota Bahru tetapi hingga kini belum mendapat keputusannya.

2.3.4 Encik PKMD telah mengemukakan sebanyak 11 masalahnya seperti berikut:-

- (i) Beliau telah mencadangkan supaya sistem fail hendaklah diselaraskan disemua peringkat daerah.

Tindakan semua PKMD.

- (ii) Meminta tuntutan perjalanan ditambah selaras dengan pertambahan kakitangan.

Tindakan Ibu Pejabat.

- (iii) Meminta Ibu Pejabat memenuhi dua kekosongan jawatan iaitu PKM (K & K) dan Pembantu Kebajikan Masyarakat di daerahnya.

Tindakan Ibu Pejabat.

- (iv) Kelambatan penerimaan cek Bantuan yang dikeluarkan oleh Akauntan Negara Cawangan Kedah telah menimbulkan kesulitan bagi bayaran bantuan kepada penerima-penerima bantuan lebih kurang 600 kes.

Tindakan Kerani Besar.

- (v) Beliau mencadangkan supaya Ibu Pejabat dapat mengadakan kursus Peperiksaan Undang-Undang Kerajaan untuk Pegawai Kebajikan Masyarakat yang masih terkandas di dalam Peperiksaan tersebut.

Tindakan Ibu Pejabat.

- (vi) Beliau meminta Ibu Pejabat menambahkan peruntukan telefon dari \$30.00 sebulan kepada \$50.00 sebulan.

Tindakan Ibu Pejabat.

- (vii) Beliau memberikan pandangannya bahawa laporan JKM 17 tidak perlu disediakan bagi kes-kes cacat yang memohon masuk ke Rumah Kanak-Kanak Jubli Johor Baharu dan Rumah Kanak-Kanak Tengku Ampuan Najihah, Seremban. Namun begitu telah ditegaskan oleh Tuan Timbalan Pengarah bahawa laporan JKM 17 merupakan syarat kemasukan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kebajikan Am.

Untuk makluman.

- (viii) Beliau juga memberitahu masalah Pegawai Kebajikan Masyarakat sebagai pelindung bagi kes wanita dan gadis yang terpaksa menyediakan laporan Akhlak dan laporan 'Inquiry'. Ini adalah disebabkan kekurangan Pegawai Kebajikan Masyarakat yang diwartakan sebagai Pelindung dan Pegawai Akhlak. Satu cadangan telah dibuat dimana PKM di daerah yang berdekatan diminta kerjasama untuk menyiapkan laporan dan disahkan oleh PKM yang diwartakan sekiranya dikehendaki.

Untuk makluman.

- (ix) Beliau telah meminta supaya Borang Bantuan Sekolah diedarkan secepat mungkin. PKM (K & K) telah memberi penjelasan bahawa borang itu akan diedarkan segera.

Tindakan PKM (K & K)

- (x) Beliau telah membangkitkan masalah mengenai Pekeliling Kementerian diterima. Di minta jasabaik Tuan Pengerusi supaya perkara ini tidak berulang lagi.

Tindakan Ibu Pejabat.

- (xi) Beliau meminta pihak Ibu Pejabat membekalkan borang-borang Penyata Bulanan dan Suku Tahun dengan secukupnya untuk tahun 1982.

Tindakan PKM (K & K)

2.4 Daerah Baling

- 2.4.1 Pembantu Kebajikan Masyarakat Encik Cheng a/l Din Chom telah memohon pertambahan seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat memandangkan bebanan kes telah bertambah.

Tindakan Ibu Pejabat.

- 2.4.2 Puan PKMD telah meminta ditambahkan rak fail dan ditambahkan seorang PKM. Disamping itu beliau telah menyuarakan masalah bekalan alat-alat tiruan/otopidik yang begitu lambat dibekalkan oleh Hospital Besar, Kuala Lumpur iaitu memakan masa selama 4 tahun.

Tindakan Ibu Pejabat
PKM (PA) dan Kerani Besar.

2.5 Daerah Pendang

- 2.5.1 Pembantu Kebajikan Masyarakat Cik Zaini binti Zainal Abidin telah meminta seorang Pembantu Kerani ditempatkan di daerahnya memandangkan kerja-kerja perkeranian terpaksa dibuat olehnya. Beliau juga membentangkan masalah tiadanya kerjasama diantara Penghulu dan JKK dalam penyiasatan kes-kes Bantuan Am.

Tindakan PKMD Pendang.

- 2.5.2 Encik PKMD telah menerangkan bekalan letrik masih belum dibekalkan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, Pendang, walaupun beliau telah berhubung dengan Jurutera L.L.N. Tuan Pengerusi telah menegaskan masalah ini adalah menjadi tanggungjawab PKMD mengemukakannya di Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan dan Pembangunan Daerah.

Beliau juga memberitahu sehingga kini beliau masih lagi belum diwartakan sebagai Pegawai Akhlak. Perkara ini telah diberi penjelasan oleh PKM (Akhlak) yang mana tindakan telah dibuat dan dipanjangkan ke Kementerian Kebajikan Am dan masih lagi menunggu keputusan.

Tindakan PKMD Pendang dan
PKM (Akhlak).

2.6 Daerah Sik

2.6.1 Pembantu Kebajikan Masyarakat Encik Azmi bin Mustafa membangkitkan masalah kurang keselesaan dan suasana pejabat yang mencemaskan kerana terdapat setor simpanan racun Jabatan Pertanian yang berhampiran dengan pejabat. Keadaan lebih buruk lagi apabila hujan turun dan di mana akan mengeluarkan bau yang menyesakkan hidung. Tuan Pengerusi telah mencadangkan supaya masalah ini hendaklah dibawa ke pengetahuan Pegawai Kesihatan untuk menyasiat. Perkara ini menjadi tanggungjawab PKMD untuk mengemukakan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah. Sekiranya perkara ini tidak mendapat layanan yang sewajarnya Tuan Pengerusi akan mengarahkan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Sik di situ ditutup.

Tindakan PKMD Sik.

2.6.2 Encik PKMD telah mengemukakan masalah seperti di bawah:-

- (i) Beliau meminta jasa baik dari Ibu Pejabat supaya menempatkan sebuah kenderaan Jabatan di Pejabat kerana ia hanya mendapat kelulusan Kelas 'D' sahaja. Permohonan Kelas 'C' telah pun dipanjangkan ke Kementerian Kebajikan Am dan masih dalam pertimbangan.

Tindakan Ibu Pejabat.

- (ii) Beliau juga meminta penjelasan berkenaan masalahnya iaitu pihak Polis telah mengarahkannya menyediakan Laporan Akhlak dan bukannya dari Mahkamah. Perkara ini telah ditegaskan oleh Tuan Pengerusi bahawa Polis tidak ada kuasa dan memintanya berbincang dengan Yang Di Pertua Mahkamah bagi menyelesaikan masalah yang dihadapinya. PKM (Akhlak) pula menerangkan bahawa di bawah Pindaan JCA 1947 yang baru, pihak Polis boleh memberitahu Pegawai Akhlak tentang kes, tetapi bukan membuat arahan menyediakan laporan Akhlak.

Tindakan PKM (Akhlak)

- (iii) Beliau meminta Ibu Pejabat membekalkan Akta JCA 1947 kepadanya kerana menghadapi kesulitan ketika menjalankan tugas sebagai Pegawai Akhlak.

Tindakan PKM (Akhlak)

- (iv) Beliau juga memberitahu sebuah bangunan untuk pejabat boleh diperolehi dengan sewa sebanyak \$200.00 sebulan, sekiranya berlaku pemindahan pejabat.

Tindakan PKM (Ibu Pejabat).

- (v) Beliau memberitahu kesulitan yang dihadapinya berkenaan kes-kes cacat yang dirujuk ke Hospital Besar, Alor Setar, selalu lambat. Tuan Pengerusi telah menasihatkan PKMD yang berkenaan supaya berhubung dengan PKM Hospital terlebih dahulu sebelum kes dirujuk. Selain daripada itu Tuan Pengerusi juga meminta kerjasama dari PKM Hospital mengeluarkan surat Pekeliling dengan menyediakan satu senarai waktu/hari Klinik bahagian Pakar-Pakar yang berkenaan.

Tindakan PKM (Hospital).

2.7. Daerah Langkawi

- 2.7.1 Pembantu Kebajikan Masyarakat Encik Talib bin Ismail yang menjaga daerah itu memberitahu mengenai masalah seperti berikut:-

- (i) Beliau terpaksa memangku jawatan PKMD sejak Jun 1981 yang mana bebanan kes adalah sebanyak 350 dan mengawasi pelarian Burma seramai 172 orang. Ini menyebabkan kes-kes ulangkaji lewat disiasat.

Untuk makluman.

- (ii) Meminta Ibu Pejabat menambahkan kakitangan di daerahnya terutama jawatan Pegawai Kebajikan Masyarakat.

Tindakan Ibu Pejabat.

- (iii) Beliau meminta Ibu Pejabat membekalkan Akta JCA 1947 kepadanya kerana menghadapi kesulitan ketika menjalankan tugas sebagai Pegawai Akhlak.

Tindakan PKM (Akhlak)

- (iv) Beliau juga dikehendaki menyediakan laporan Pegawai Akhlak yang sepatutnya disediakan oleh PKMD. PKM (Akhlak) telah maklumkan tidak menjadi satu kesalahan bagi Encik Talib menyediakan laporan akhlak kerana masalah hubungan di antara Alor Setar dan Langkawi sangatlah jauh.

Untuk makluman.

2.8 Pegawai Kebajikan Hospital.

- (i) PKM (H) Fishal bin Latif telah mengemukakan beberapa masalah seperti berikut:- Kementerian Kebajikan Am hendakkan beliau menyebabkan laporan tahunan setahun sekali.

Untuk makluman.

- (ii) Beliau telah meminta penjelasan berkenaan kes kanak-kanak cacat di bawah jagaan Hospital Besar Alor Setar yang masa ini belum dapat kebenaran kemasukan ke Rumah Kanak-kanak Jubli. PKM (PA) telah menerangkan bahawa kelulusan kemasukan telah pun diperolehi dan kes yang berkenaan telah pun ada dalam senarai menunggu.

Untuk makluman

2.9. Daerah Kulim

- 2.9.1 Pembantu Kebajikan Masyarakat Encik Mohd. Salleh bin Bahari juga menimbulkan masalah pejabat yang kurang selesa dan tidak mempunyai bilik khas untuk Pegawai dan Pembantu.

Tindakan Ibu Pejabat.

- 2.9.2 Pegawai Kebajikan Masyarakat Encik Kamarudin bin Bakar memberitahu beliau menghadapi kesulitan untuk menyampaikan ceramah bahagian dadah kerana kekurangan maklumat lengkap. Tuan Pengerusi telah menegaskan supaya berusaha sendiri menyediakan nota syarahan dengan meneliti bahan-bahan rujukan yang terdapat di Perpustakaan Ibu Pejabat.

Untuk makluman dan tindakan

Timbalan PKMN.

- 2.9.3 Encik PKMD telah meminta penjelasan mengenai Pusat Jagaan Harian Kanak-Kanak. Untuk makluman semua pegawai PKM (K & K) telah menerangkan iaitu peruntukan untuk membeli alat-alat perabot dan permainan kanak-kanak tidak dapat dibekalkan pada tahun ini. PKMD dinasihatkan menjalankan projek ini samada secara '*homebased*' atau '*community based*' dengan menggunakan kemudahan yang ada. Pengasuh akan diberi elaun sebanyak \$25/- bagi seorang kanak-kanak dari peruntukan Bantuan Penyaraan Kanak-Kanak.

Tuan Pengerusi telah menegaskan kepada semua Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah supaya mengambil perhatian dimana tiap-tiap daerah (K & K) telah memaklumkan bahawa PKM Kota Setar Puan Azizon binti Haji Ahmad telah pun memulakan projek 'community based' bulan September yang lalu di Taman Muhibbah. Ibubapa kanak-kanak tersebut dikehendaki membayar sebanyak \$30'– seorang untuk mengendalikan bayaran sewa rumah, bil elektrik, air dan makanan kanak-kanak. Alat permainan dan perabot adalah dari Bantuan Pelancaran.

Tindakan Semua PKMD.

2.10 Daerah Kota Setar

- 2.10.1 Pembantu Kebajikan Masyarakat Encik Yahya bin Jaafar telah meminta pertambahan seorang Pembantu Kebajikan Masyarakat memandangkan bebanan kes telah bertambah.

Tindakan Ibu Pejabat.

- 2.10.2 Pembantu Kebajikan Masyarakat Encik Zainol Abidin bin Sheikh Mohd. telah membangkitkan masalah kekurangan alatan mesin taip, memandangkan banyak laporan-laporan yang perlu ditaip.

Tindakan Ibu Pejabat.

- 2.10.3 PKM Puan Azizon binti Haji Ahmad telah mengemukakan masalah seperti berikut:–

- (i) Beliau meminta kelengkapan alat-alat pejabat seperti kipas angin, mesin taip dan alatulis dan juga kenderaan Jabatan. Timbalan Pengarah telah memaklumkan kenderaan Jabatan pernah ditempatkan di Daerah Kota Setar, tetapi bekas PKMD Encik Abdul Rahim Che Awang telah menolaknya dengan alasan kakitangan dibawah jagaannya semuanya tidak menghadapi masalah pengangkutan.

Tindakan Kerani Besar.

- (ii) Beliau juga ada menimbulkan masalah peribadi berkaitan dengan gajinya sehingga kini gajinya belum diselaraskan. Tuntutan yang diterima masih kelas 'D'.

Tindakan Kerani Besar.

- (iii) Beliau memberi pandangan mengenai Bantuan Sekolah

perlu ditambah dalam tahun 1982 memandangkan peruntukan tahun 1981 terlalu kecil.

Tindakan Ibu Pejabat.

2.11 Daerah Padang Terap

- 2.11.1 Pembantu Kebajikan Masyarakat Cik Rashidah binti Abd. Rashid telah memberitahu keadaan pejabatnya yang kurang menyenangkan kerana bocor. Keadaan bangunan terlalu uzur dan membahayakan. Selain dari itu pejabatnya tidak mempunyai kemudahan telefon.

Tindakan Ibu Pejabat.

- 2.11.2 Encik PKMD telah memaklumkan masalah-masalah seperti berikut:-

- (i) Jawatankuasa Kebajikan Budak-Budak di daerahnya yang telah ditubuh tetapi tidak bergerak. Jawatankuasa ini telah mengadakan Mesyuarat hanya sekali sahaja dalam tahun ini. Beliau juga menerangkan kebanyakan ahli-ahli Jawatankuasa memikul tanggungjawab yang banyak. Tuan Pengerusi telah meminta Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah berhubung dengan Pengerusi Jawatankuasa tersebut untuk mendapatkan alasan dan sebab-sebab mesyuarat tidak dapat dijalankan, supaya tindakan dapat diambil dengan melantikkan ahli-ahli yang baru, sebagai satu tindakan yang terakhir. Minat ini perlu diwujudkan melalui semangat dan minat PKMD berkenaan.

Tindakan PKMD Padang Terap.

- (ii) Beliau memberitahu mengenai seorang gadis berusia 20 tahun yang cacat telah dikurung dalam satu kandang oleh ibubapanya dengan alasan anaknya terlalu liar dan suka merayau-rayau. Pegawai tersebut telah menyiasat dan meminta pandangan untuk mengatasi masalah tersebut.

Tindakan PKM (PA).

- (iii) Beliau memberitahu berkaitan dengan seorang kes cacat yang berkepala besar yang sedang menuntut di Sekolah Rendah, telah tidak diterima untuk meneruskan persekolahannya di Sekolah tersebut. Tuan Pengerusi telah memberi cadangan supaya Pegawai tersebut berbincang dengan Guru Besar Sekolah yang berkenaan demi untuk kebajikan kanak-kanak itu.

Tindakan PKMD Padang Terap.

2.12 Daerah Yan

2.12.1 Pembantu Kebajikan Masyarakat Encik Abd. Halim bin Haji Daud juga membentangkan masalah kurang keselesaan suasana di pejabatnya kerana tiada letrik dan kipas angin. Selain dari itu alatulis dan kulit fail yang dibekalkan tidak mencukupi.

Tindakan Ibu Pejabat dan Kerani Besar.

2.12.2 Puan PKMD telah kemukakan beberapa masalah seperti:-

- (i) Beliau memohon supaya kenderaan Jabatan ditempatkan didaerahnya.

Tindakan Ibu Pejabat.

- (ii) Beliau telah meminta penjelasan berkenaan peruntukan sebanyak \$500.00 untuk Jawatankuasa Kebajikan Budak-Budak yang akan menjalankan projek di bawah sekim Latihan Sambil Belajar seperti Menternak ayam. PKM (Akhlak) memaklumkan bahawa bouca peruntukan sebanyak \$500.00 telah dihantar ke Akauntan Negara, Cawangan Negeri Kedah. Semua daerah kecuali Padang Terap akan menerima peruntukan tersebut.

Tindakan PKM (Akhlak)

- (iii) Ia juga memberitahu ia masih belum menerima cop rasmi sebagai Pelindung dan Pegawai Akhlak. Tuan Pengerusi telah meminta semua pegawai yang masih belum menerima cop tersebut supaya berhubung dengan Kerani Besar segera.

Tindakan Kerani Besar.

3. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengahari untuk berehat sebelum itu Tuan Pengerusi telah meminta Pegawai-Pegawai yang disebut nama seperti di bawah ini berjumpa di biliknyanya pada jam 1.45 tengahari untuk bincangan pertukaran Pegawai-pegawai.

1. Encik Mustapha bin Man
2. Encik Inau a/l Edin Nom
3. Cik Mariati binti Ismail
4. Encik Mohd. Sani bin Mohd. Yusof
5. Encik Mohd. Yusof bin Salleh

Mesyuarat disambung semula mulai jam 2.05 petang tepat.

- 3.1 Tuan Pengerusi telah mengeluarkan arahan-arahan untuk dipatuhi oleh semua memandangkan prestasi kakitangan tidak begitu memuaskan.
- 3.1.1 Mulai 1hb. Januari, 1982 semua Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, Pegawai dan Pembantu mesti tinggal di Daerah masing-masing untuk melicinkan pentadbiran dan mengelakkan sungutan dari pihak-pihak tertentu. Alamat tempat tinggal mereka dimajukan ke Ibu Pejabat.

Tindakan semua kakitangan.

- 3.1.2 Pertukaran Pegawai-pegawai seperti berikut akan dikuatkuasakan mula 1hb. Januari, 1982. Mereka yang terlibat adalah seperti berikut:-
- (i) Encik Mustapha bin Man
 - (ii) Encik Inau a/l Edin Nom
 - (iii) Encik Mohd. Yusof bin Salleh,
 - (iv) Encik Kamarudin bin Bakar
 - (v) Encik Mohd. Sani bin Mohd. Yusof,
 - (vi) Cik Mariati binti Ismail

Perbelanjaan pertukaran hanya berlaku pada PKMD Kulim dan PKM (Dadah) ke Kubang Pasu. Lain-lainnya sudah tinggal di Alor Setar ini.

Untuk makluman.

3.2. Disiplin

- 3.2.1 Tuan Pengerusi menegaskan kepada semua Pegawai dan Pembantu supaya mematuhi disiplin, dengan klien dan rakyat jelata. Hormat-menghormati sama sendiri dan dengan orang lain, bersopan santun, berperikemanusiaan, bertatertib dan bekerja dengan jujur dan penuh tanggungjawab.
- 3.2.2 Tuan Pengerusi juga berharap semua kakitangan menjaga disiplin diri sendiri terutama pakaian. Beliau menegaskan biar pakaian itu kemas dan mempunyai nilai diri. Bagi kakitangan lelaki dinasihatkan memakai baju kemeja masuk ke dalam seluar melainkan memakai 'bush jacket'. Pihak Pegawai dan Pembantu perempuan pula hendaklah berpakaian kemas.

Untuk makluman.

3.3 Datang ke pejabat.

- 3.3.1 Tuan Pengerusi berharap semua kakitangan datang ke pejabat tepat pada waktu yang ditetapkan iaitu sebelum 8.00 pagi dan balik selepas pukul 4.00 petang. Beliau juga menegaskan siapa yang engkar tanpa sebab akan diambil tindakan sewajarnya.

Untuk makluman.

3.4 Suasana Pejabat

- 3.4.1 Suasana pejabat biarlah sentiasa bersih, kemas dan teratur. Tuan Pengerusi telah menasihatkan bagi kakitangan yang berminat menghiaskan meja dengan jambangan bunga hidup hendaklah memastikan bekas tersebut sering ditukar air agar tidak membiak jentik-jentik.

Untuk makluman.

3.5 Cuti

- 3.5.1 Tuan Pengerusi memaklumkan semua PKMD yang bermohon cuti hendaklah mengemukakan permohonan cutinya 3 hari sebelum bercuti dan mendapat kelulusan rasmi dari Pengarah atau Timbalan Pengarah. Pegawai-pegawai tidak dibenarkan bercuti selagi belum mendapat kelulusan rasmi melainkan dalam keadaan kecemasan (peribadi).
- 3.5.2 Tuan Pengerusi juga menegaskan akan mengambil tindakan iaitu cuti tanpa gaji bagi Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah yang tidak bertanggungjawab dengan meninggalkan daerah tanpa kebenaran.
- 3.5.3 Bagi Pegawai-pegawai yang bermohon cuti yang mana tidak diluluskan kemudian mengemukakan cuti sakit, Tuan Pengerusi akan siasat hal ini dan akan mengambil tindakan sekiranya Pegawai tersebut tidak jujur dan galak mengamalkannya.

Untuk makluman.

3.6 Adat resam.

- 3.6.1 Tuan Pengerusi juga menasihatkan Pegawai dan Pembantu Melayu supaya mengetahui adat resam, terutama bagi upacara rasmi Kerajaan Negeri di mana Tuanku Sultan dan Sultanah berangkat. Bagi Pegawai perempuan dikehendaki memakai

selendang (tudung) dan Pegawai lelaki memakai songkok dan tidak elok memakai cermin mata hitam.

- 3.6.2 Tuan Pengerusi telah mengarahkan kepada semua kakitangan menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya, jangan samasekali menggunakan perkataan 'I' dan 'you' ketika berhubung dengan klien, orang ramai atau Pegawai Daerah. Bahasa sangat mustahak dalam tulisan (yang betul) atau lisan (yang beradap sopan).

3.7 Surat menyurat

- 3.7.1 Tuan Pengerusi juga menasihatkan semua kakitangan mengemukakan ejaan baru yang betul, contoh seperti berikut:-

| | | |
|-----------|------------|------------------------|
| "syur" | sebenarnya | "syor" |
| "kelayan" | - | "klien" |
| "lapuran" | - | "laporan" |
| "bolih" | - | "boleh" |
| "kaseh" | - | "kasih" |
| "resmi" | - | "rasmi" dan lain-lain. |

- 3.7.2 Tuan Pengerusi telah mengarahkan penggunaan bahasa yang sesuai dalam surat menyurat, contohnya seperti berikut:-

| | | |
|----------------|---|-------------------------------------|
| Wakil Rakyat | - | hendaklah digunakan Yang Berhormat. |
| Setiausaha | - | Yang Berusaha bukan Yang Mulia. |
| Pegawai Daerah | - | Yang Berusaha/Berbahagia. |

- 3.7.3 Beliau juga menegaskan supaya bertatertertib ketika menulis surat. PKMD jangan malas dan bersikap sebagai penyalur iaitu "pass" atau "pos", tanpa memberi ulasan "pros and cons". Sikap begini akan menunjukkan mereka tidak bertanggung-jawab pada perkhidmatan.

Untuk makluman.

3.8 Fail timbul

- 3.8.1 Tuan Pengerusi menegaskan semua PKM yang menerima surat kepujian atau celaan akan disimpan dalam fail tersebut. Disamping itu laporan tahunan sulit adalah diambilkira dan berpandukan dari surat-surat dalam fail timbul, yang juga akan mengukur prestasi mereka.

Untuk makluman.

- 3.8.2 Tuan Pengerusi memaklumkan semua surat-surat rasmi dari daerah hendaklah diletakkan nama penuh PKMD dan PKMD mestilah mengetahui tiap-tiap surat yang dikeluarkan oleh daerahnya begitu juga di peringkat Negeri.

Untuk makluman.

3.9 Latihan

- 3.9.1 Tuan Pengerusi menasihatkan semua PKMD yang mempunyai kelayakan yang mahir hendaklah melatih Pegawai dan Pembantunya. Selain dari itu PKMD hendaklah mengetahui projek-projek di daerahnya supaya dapat analisis yang mendalam. Tuan Pengerusi juga menegaskan bahawa latihan sangatlah mustahak.

3.10 Tanggungjawab PKMD.

- 3.10.1 Tuan Pengerusi memberi penjelasan iaitu sekiranya berlaku bencana alam adalah menjadi tanggungjawab PKMD seratus-peratus. PKMD hendaklah memberi laporan yang lengkap dan bukan dari Pembantunya. Semasa bencana alam berlaku PKMD yang berkenaan mestilah berada ditempat kejadian pada waktu yang ditetapkan. Selain dari itu Tuan Pengerusi juga memberitahu semua PKMD mesti tinggal di daerah masing-masing. Alamat penuh (rumah) dan nombor telefon Pegawai dan Pembantu hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat.

Tindakan semua PKMD.

- 3.10.2 PKMD mestilah mengirimkan satu salinan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah dan Jawatankuasa Pembangunan Daerah dihantar kepada PKMN Ibu Pejabat.

Tindakan semua PKMD.

- 3.10.3 Tuan Pengerusi menegaskan semua PKMD supaya jangan fokus terhadap Bantuan Kewangan sahaja tetapi hendaklah menjalankan projek di daerah mereka untuk menaikkan imej Jabatan.

Tindakan semua PKMD.

- 3.10.4 Laporan bulanan mestilah dihantar ke Ibu Pejabat selewat-lewatnya pada 7hb. bulan berikutnya. Sekiranya lewat mereka hendaklah maklumkan perkara ini kepada Tuan Pengerusi.

Tindakan PKMD dan semua PKM.

- 3.10.5 PKMD hendaklah menyiapkan Laporan Tahunan bagi tahun 1979 dan 1980 selewat-lewatnya pada 25hb. Disember, 1981.

Tindakan PKM Ibu Pejabat.

- 3.10.6 Semua PKMD mestilah senaraikan nama-nama sekolah menengah dan rendah di dalam daerahnya serta bilangan murid-murid, kadar bantuan yang diberi kepada sekolah berkenaan mulai tahun 1977, 1978, 1979, 1980 dan 1981. Data dan fakta yang lengkap mestilah dihantar sebelum 15hb. Disember, 1981.

- 3.10.7 Semua PKMD hendaklah mencatatkan keluasan daerah, bilangan penduduk, bilangan keturunan, gambaran ringkas serta kehidupan penduduk di daerahnya.

Tindakan semua PKMD.

3.11 Tuntutan

- 3.11.1 Tuan Pengerusi telah memaklumkan tuntutan harian hanya boleh dibuat setelah Pegawai dan Pembantu menyiasat 5 kes baru. Beliau juga mengingatkan boucer-boucer tuntutan mestilah dihantar sebelum 10hb. pada bulan berikutnya. Sekiranya lewat tanpa sebab-sebab yang munasabah, boucer-boucer tersebut akan dikembalikan. Ada kemungkinan boucer-boucernya akan ditolak. Sila patuh pada Arahan Perbendaharaan berkenaan.

Tindakan Timb. PKMN dan Kerani Besar.

3.12 Lawatan ke Ibu Pejabat.

- 3.12.1 Semua kakitangan dari daerah-daerah yang hendak datang ke Ibu Pejabat berkaitan dengan urusan pejabat hendaklah memaklumkan perkara ini 3 hari sebelum lawatan dibuat kepada Timbalan Pengarah Kebajikan Masyarakat.
- 3.12.2 Pegawai dan Pembantu yang membuat lawatan ke Ibu Pejabat hendaklah menandatangani Buku Kedatangan Pegawai yang ada di Ibu Pejabat.

Untuk makluman.

3.13 Peperiksaan Am Kerajaan.

- 3.13.1 Tuan Pengerusi memaklumkan surat pekeliling Kementerian Kebajikan Am mengenai Peperiksaan Am Kerajaan telah pun

diterima. Tarikh tutup bagi menerima borang permohonan ialah pada 21hb. November, 1981.

Untuk makluman.

4. Lain-lain hal

4.1 Serbuan Pengemis

4.1.1 Serbuan pengemis mestilah dijalankan di semua daerah. Tuan Pengerusi telah mengarahkan supaya serbuan ini diutamakan di Bandar Alor Setar, Sungai Petani dan Kulim. Beliau juga mencadangkan supaya serbuan secara menyeluruh dibuat dengan kerjasama dari semua kakitangan. Serbuan di waktu malam juga hendaklah diusahakan.

Untuk tindakan.

4.2 Bencana Alam.

4.2.1 Tuan Timbalan PKMN meminta kerjasama semua PKMD menghantar senarai Pusat Pemindahan yang ada di daerah mereka.

Tindakan PKMD.

4.2.2 Pengawalan dan persiapan Bencana Banjir seperti kadar pemberian bantuan makanan asas seperti ikan kering, minyak kelapa, garam, gula, teh/kopi, beras dan sadin hendaklah dipatuhi oleh semua PKMD dan Pembantunya.

Untuk makluman.

4.2.3 Tuan Pengerusi mengingatkan laporan yang lengkap ke Ibu Pejabat, Kementerian dan lain-lain Jabatan Kerajaan mestilah bentuk ilmiah yang mempunyai data dan fakta yang asas, Pandangan dan ulasan PKMD sangatlah mustahak – jangan dibuat sambil lewa sahaja.

Untuk makluman.

4.2.4. Semua pegawai dikehendaki memakai lencana tanda nama semasa bertugas (urusan rasmi) – lencana akan disediakan.

Untuk makluman.

4.5 Khutub Khanah

4.5.1 Tuan Pengerusi telah menggalakkan kakitangan supaya

mengambil peluang dengan meminjam buku-buku yang ada di Khutub Khanah untuk menambahkan pengetahuan. Buku-buku baru yang 'up-to-date' akan dibeli nanti.

Untuk makluman.

4.6 Gaji

- 4.6.1 Tuan Pengerusi telah mengarahkan semua kakitangan membuka akaun Bank selewat-lewatnya pada awal Disember, 1981. Terutama bagi pegawai yang bergaji lebih dari \$300/-sebulan. Mereka yang berkenaan mestilah memilih Bank yang terdekat dengan pejabat. Ini adalah sejajar dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan.

Tindakan semua kakitangan dan Kerani Besar.

- 4.6.2 Pengecualian membuka akaun Bank telah diberi kepada Penguasa Rumah Orang Tua Bedong dan kakitangannya.

Makluman dan tindakan Penguasa Rumah Orang Tua Bedong dan Kerani Besar.

- 4.6.3 Tuan Pengerusi membenarkan kakitangan dari Daerah Bandar Bahru membuka akaun Banknya di Parit Buntar, kerana tidak ada Bank di Bandar Bahru.

Tindakan PKMD Bandar Bahru dan Kerani Besar.

- 4.7 Laporan Dadah keatas kakitangan Kerajaan yang terlibat ialah 3 bulan sekali. Didapati Daerah Baling, Kulim dan Kuala Muda masing-masing mempunyai satu kes sahaja.

Untuk makluman.

4.8 Projek.

- 4.8.1 Tuan Pengerusi telah mengarahkan semua Pembantu Kebajikan Masyarakat di daerah-daerah hendaklah menjalankan satu projek Bantuan Pelancaran selewat-lewatnya sebelum 15hb. Disember, 1981. PKM (K&K) telah menasihatkan Pembantu Kebajikan Masyarakat yang berkenaan supaya menyediakan kertas kerja yang dibuat mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kebajikan Am.

Tindakan semua Pembantu Kebajikan Masyarakat

- 4.8.2 PKMD Kuala Muda telah memaklumkan kepada para hadirin bahawa Pejabat Haiwan Daerah sanggup memberi kerjasama

sepenuhnya terutama bagi projek ternakan ayam. Beliau telah mendapat kerjasama dari Pegawai Haiwan Daerahnya. Pegawai dan Pembantu dinasihatkan mengeratkan perhubungan yang baik di antara Jabatan dan agensi Kerajaan.

Untuk makluman
Timbalan PKMN dan PKM.

4.7 Masalah dari PKM Ibu Pejabat.

- 4.7.1 Tuan Timbalan PKMN telah memberitahu dan melahirkan rasa tidak puashatinya mengenai maklumat dalam laporan Bantuan Penyaraan Keluarga dan kanak-kanak, Bantuan Penyaraan Orang Tua, Elaun Pekerja Cacat dan Bantuan Pelancaran. Contohnya seperti "ekonomi" keluarga dicatatkan oleh Pegawai Penyiasat seperti "biasa". Laporan begini tidak lengkap dan kemas.

Tindakan PKMD.

- 4.7.2 Tuan Timbalan PKMN telah menasihatkan kepada semua Pegawai Kebajikan Masyarakat supaya menyediakan laporan Akhlak dan Dadah dengan lengkap, baik dan kemas.

Tindakan PKMD.

- 4.7.3 Disamping itu Tuan Pengerusi meminta semua Pegawai-Pegawai dan Pembantu-Pembantu mengemaskinikan laporan Bantuan Penyaraan Kanak-Kanak. Beliau menegaskan bagi anak-anak klien yang lemah tidak menunjukkan kemajuan di dalam pelajaran mereka, Pegawai Penyiasat mestilah menguruskan untuk mengadakan Kelas Bimbingan. Kelas Bimbingan ini boleh dibiayai dari Peruntukan BPKK.

Tindakan PKMD.

- 4.7.4 Tuan Timbalan PKMN mengemukakan peruntukan Bantuan Penyaraan Kanak-Kanak masih ada baki sebanyak \$60,000/- sehingga akhir tahun 1981 ini. Beliau bercadang hendak memberi bantuan persekolahan bagi kanak-kanak penerima Bantuan Penyaraan Kanak-Kanak untuk tahun 1982 mengikut kadar seperti berikut:-

- | | | |
|-----------------------------|---|------------------|
| (i) Bantuan Pakaian | - | \$30.00 seorang. |
| (ii) Yuran Peperiksaan SRP | - | \$15.00 " |
| (iii) Yuran Peperiksaan SPM | - | \$75.00 " |
| (iv) Yuran Peperiksaan STP | - | \$100.00 " |

- 4.7.5 PKM (Akhhlak) telah memberi makluman kepada semua PKMD supaya menyiapkan Penyata Bulanan Bahagian Akhlak yang telah ditetapkan. Beliau menegaskan hanya seksyen Akhlak, Pengemis, Wanita dan Gadis sahaja dikehendaki disediakan sebagai Penyata Suku Tahunan.

Tindakan PKMD.

- 4.7.6 PKM (Akhhlak) meminta Pegawai-Pegawai Kebajikan Masyarakat yang belum diwartakan sebagai Pegawai Akhlak hendaklah menghantar nama mereka kepadanya dengan segera.

Tindakan PKM (Akhhlak)

- 4.7.7 PKMD dan PKM yang masih belum mempunyai cop getah rasmi sebagai Pelindung hendaklah menghantarkan nama mereka kepada PKM (Akhhlak)

Tindakan PKM (Akhhlak)

- 4.7.8 PKM (Akhhlak) memberi penjelasan kepada semua PKMD supaya memastikan Mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan Budah-budak hendaklah mengadakan mesyuarat mereka sekurang-kurangnya tidak lewat dari 3 bulan sekali. Adalah menjadi tanggungjawab PKMD supaya melampirkan senarai kes-kes dalam saliaan dan seliaan lanjutan bersama sebagai makluman. Juga memberitahu perbelanjaan minuman boleh dibelanjakan dari peruntukan wang pajar runcit pejabat.

Tindakan PKMD.

- 4.7.9 Penguasa Rumah Orang Tua Bedong telah mengemukakan masalahnya seperti berikut:-

- (i) Beliau telah meminta tambahan kakitangan untuk mengisi kekosongan jawatan 2 orang tukang masak.
- (ii) Beliau telah menegaskan bahawa Rumah Orang Tua Bedong tidaklah sesuai dijadikan tempat tahanan sementara bagi kes-kes dibawah Seksyen 37 JCA 1947. Namun begitu PKM (Akhhlak) telah menjelaskan iaitu setakat ini Rumah Orang Tua Bedong telah diwartakan sebagai tempat tahanan sementara bagi kes Wanita dan Gadis. Oleh itu dianggap sesuai sekiranya diwartakan juga sebagai tempat tahanan sementara kes Juvenile yang mana keadaan kes ini boleh ditempatkan disatu kawasan dengan mengasingkan mereka.

Untuk makluman dan tindakan PKM (Akhlak).

4.7.10 Waden Asrama telah mengemukakan masalah-masalah seperti berikut:-

- (i) Telah memaklumkan mengenai kesulitan bekalan air yang dihadapinya di Institusi tersebut.

Tindakan Waden.

- (ii) Beliau meminta kerjasama dari semua Pegawai Akhlak supaya mencarikan pekerjaan bagi kes-kes dalam cubaan akhlak.

Tindakan PKMD.

- (iii) Pegawai Akhlak juga dinasihatkan supaya mendapat butir-butir yang lengkap seperti surat beranak asal atau nombor surat beranak, tempat lahir bagi mendapatkan kad pengenalan.

Tindakan PKMD.

- (iv) Beliau juga mencadangkan bagi kes-kes yang berumur 14 tahun yang mempunyai tanda tato hendaklah disyorkan kemasukannya ke sekolah Henry Gurney Melaka.

Tindakan PKMD.

4.7.11 Pegawai Kebajikan Masyarakat (Pemulihan Am).

- (i) Beliau telah memberitahu berkenaan kad-kad butiran cacat yang dikemukakan ke Ibu Pejabat oleh PKMD tidak memberi maklumat yang lengkap, contohnya:- tidak disertakan tarikh beranak, alamat yang penuh dan nombor kad pengenalan. Ini melambatkan tindakan untuk pendaftaran.

Tindakan PKMD.

- (ii) Beliau mencadangkan supaya diadakan satu mesyuarat khas bagi perbincangan untuk cara-cara menyiapkan Penyata Bulanan Pemulihan Am dan juga bahagian lain.

Tindakan Ibu Pejabat.

4.7.12 Pegawai Kebajikan Masyarakat (Keluarga & Kanak-Kanak).

Beliau telah mengemukakan masalah-masalah seperti berikut:-

- (i) Kerjasama dari semua PKMD menghantar Penyata Bulanan sebelum 7hb. haribulan yang berikutnya.

Tindakan PKMD.

- (ii) Beliau juga memaklumkan kepada hadirin sekalian berkenaan dengan Rumah Amal Sultanah Bahiyah bagi kanak-kanak terencat akal yang akan bermula mulai 15hb. November, 1981. Rumah Amal ini diusahakan oleh Majlis Kebajikan Kanak-Kanak Negeri Kedah dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan.

Untuk makluman.

Mesyuarat ditamatkan pada kulul 6.40 petang dan Tuan Pengerusi telah mengingatkan sekali lagi kepada semua kakitangan supaya mematuhi arahan-arahan pejabat/Kementerian dan menjalankan tugas dengan lebih kemas dan bertanggungjawab.

t.t

(Norhana bt. Saadon)
Setiausaha

Nota:

Sila teliti dan akui penerimaannya.

Lampiran 18 (1).4

Telefon: A. S. 721577

Bil. Surat Kami: (1)/S2/14

Bil Surat Tuan:

JABATAN ODIT,

ALOR SETAR

31hb Januari, 1981

25hb. R'awal 1401.

Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Negeri Kedah,
Alor Setar

Tuan,

Pemeriksaan Odit di Pejabat Kebajikan Masyarakat
Daerah Bandar Baharu pada 19.12.1980

Terimakasih di atas kerjasama yang diberikan oleh pihak tuan sesama oditan dijalankan di pejabat tersebut pada 18.12.1980. Berikut adalah perkara-perkara yang ingin dibangkitkan untuk ulasan dan tindakan tuan sewajarnya.

Daftar Pembayaran

2. Daftar pembayaran sepertimana yang dikehendaki oleh Arahan Perbendaharaan 98 telah tidak diselenggarakan. Oleh yang demikian tidaklah dapat dipastikan samada vaucer-vaucer yang diterima telah disempurnakan dengan sewajarnya. Disamping itu dicadangkan suatu ruangan tambahan disediakan di atas daftar tersebut bagi mencatatkan tarikh-tarikh vaucer dikembalikan ke Perbendaharaan/Ibu Pejabat. Sila beri ulasan.

Waran Tiket Keretapi No. A 987921 dan A 987922

3. Dua waran tiket tersebut dikeluarkan kepada Encik Abdul Hamid b. Abdul Rahman (kes Bantuan Am No. 6176) untuk rawatan di Universiti Hospital Kuala Lumpur. Waran-waran tersebut yang dikeluarkan pada 18.8.1978 didapati telah luput tempohnya selepas 30 hari dan masih tersimpan di pejabat berkenaan. Sepatutnya jika waran-waran tersebut tidak mempunyai maksudnya lagi hendaklah di simpan di Ibu Pejabat untuk dibatalkan. Sila ambil tindakan dan beri ulasan.

Ulangkaji Fail-fail Bantuan

4. Masih terdapat beberapa fail bantuan telah tidak diulangkaji dengan sewajarnya. Setengah-setengah bantuan telah dikeluarkan untuk bulan Oktober 1980, sedangkan tempoh ulangkaji telah luput sejak bulan April 1980. Contoh seperti di Lampiran 'A' berkelat. Sila beri ulasan.

Inventori

5. Terdapat sebuah mesin kira jenis canon Palmtronic 8m dan sebuah kipas angin telah tidak direkodkan di dalam senarai perkakas pejabat (inventori). Sila ambil tindakan.

Kerjasama tuan di dalam memberi jawapan dengan kadar yang segera amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan berbilang terimakasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(AHMAD SIDIQUE BIN ABDUL WAHAB)

b.p KETUA CAWANGAN ODIT,

KEDAH

Lampiran 'A'
Perenggan 4

Ulangkaji Fail-fail Bantuan

| No. Fail | Jenis Bantuan | Tarikh luput ulangkaji | Bantuan sebulan |
|----------|---------------------|---------------------------|-----------------|
| 6213 | Penyaraan Orang Tua | April 1980 | \$50.00 |
| 5807 | - sama - | Ogos 1980 | \$50.00 |
| 5521 | - sama - | Jun 1980 | \$50.00 |
| 6202 | - sama - | April 1980 | \$50.00 |
| 4424 | - sama - | Jun 1980 | \$50.00 |
| 1/73 | - sama - | Jun 1980 | \$80.00 |
| 222/76 | - sama - | Jun 1980 | \$50.00 |
| 222/76 | Bantuan Am | September 1980 | \$20.00 |
| 0054/78 | Penyaraan Orang Tua | April 1980 | \$50.00 |
| 6/79 | - sama - | Jun 1980 | \$50.00 |

Lampiran 18(1).5

Majlis Ceramah Oleh Jabatan-Jabatan Kerajaan,
Badan/Pertubuhan Sukarela dan Ajensi-ajensi
yang lain:
anjurkan

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah.

Tarikh : 1hb. Rebruari, 1982.
Masa : 9.15 pagi.
Tempat : Bilik Kuliah, Tapian Gelanggang,
Jalan Stadium, Alor Setar.

Perasmian majlis oleh: Y.B. Dato' Leong Man Kai, DSDK., AMK.,
KMN., PJK.JP., Ahli Majlis Mesyuarat Negeri
selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal
Kebajikan dan Malapetaka Negeri Kedah.

Yang hadir:

1. Encik Wan Azmi Ramli – Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri. (Pengerusi)
2. Encik G. Muniandy, PCK. – Timb. Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri.

Para Penceramah:

1. Encik Mohd. Bisharudin bin Mohd. Noor Basha
(Jabatan Kebudayaan Belia dan Sukan)
2. Encik Mohd. Tajuddin bin Bakar, AMK.
(Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA))
3. Encik Ghazali bin Ahmad
(Persatuan Badan Usaha Anak-anak Yatim Negeri Kedah, Yan.)
Persatuan Budi.
4. Encik Ridzuan bin Haji Hassan
(Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Negeri Kedah)
5. Dr. Ismail bin Md. Noor
(Jabatan Kesihatan Negeri Kedah)
6. Encik Abd. Halim bin Hj. Abdullah
(Jabatan Perikanan Negeri Kedah)
7. Encik Salleh bin Haji Mohd. Tahir
(Jabatan Haiwan, Negeri Kedah)
8. Tuan Haji Mohd. Nordin bin Ahmad
(Kelab Lions Alor Setar)
9. Y. Berbahagia, Dato' Haji Shuaib bin Osman, DPMK., KMN.,
PSB.,BCK.,
(Majlis Pusat Kebajikan Malaya Cawangan Negeri Kedah)

10. Puan Rohani binti Ariffin
(Jabatan Pertanian, Negeri Kedah)
11. Encik Ali @ Mohd. Ali b. Hamzah
(Jabatan Pelajaran, Negeri Kedah)
12. Encik Ali bin Haji Mohd. Noor
(Jabatan Pembangunan Koperasi, Negeri Kedah)
13. Tuan Haji Ahmad b. Hj. Abd. Rahman
(Majlis Kebajikan Kanak-Kanak, Negeri Kedah)
14. Encik Ahmad bin Mohd. Yassin
(Persatuan Mencegah Penyakit Tibi, Negeri Kedah)
15. Encik Mahmud bin Saad
(Lembaga Pertubuhan Peladang, Negeri Kedah).
16. Encik Mohd. Nasir bin Mustaffa
(Persatuan Bulan Sabit Merah, Cawangan Kedah).
17. Encik Chan Beng Hock
(Persatuan Membantu Orang-orang Dalam Penyeliaan Negeri Kedah
(PENAWAR).

Peserta-peserta:

1. Encik Osman Salleh bin Dato' Hj. Abu Bakar – PKM Bahagian Keluarga & Kanak-kanak
2. Cik Mariati binti Ismail – PKM Akhlak.
3. Encik Osman bin Bakar – PKMD
4. Encik Inau a/l EdinNom – PKMD
5. Encik Mohd. Sani bin Mohd. Yusoff – PKM Dadah
6. Cik Norhana binti Saadon – PKM Pemulihan Am.
7. Encik Mohd. Yusoff bin Salleh – PKMD
8. Encik Mustapha bin Mari – PKMD
9. Puan Asiah binti Abd. Razak – PKMD
10. Encik Mahadzir bin Ayob – PKMD
11. Encik Razali bin Saari – PKMD
12. Encik Hassan @ Ali b. Mehardin – PKMD
13. Puan Mahani binti Sudin – PKMD
14. Encik Zakaria bin Mohd. Shariff. – Penguasa, ROT Bedong.
15. Encik Fishol bin Latiff – PKM Hospital
16. Puan Azizon binti Haji Ahmad – PKM Kota Setar.

- | | |
|-----------------------------------------|---------------------------------|
| 17. Cik Mah binti Darus | - PKM Kuala Muda. |
| 18. Cik Rosnah binti Abd. Mutalib | - PKM Kota Setar. |
| 19. Cik Noor Dzila binti Mansor | - PKM Kuala Muda. |
| 20. Encik Kamaruddin bin Bakar | - PKM Kulim. |
| 21. Encik Darus bin Salim | - PKMD |
| 22. Encik Wong Heng Meng | - Waden, Asrama Pokok Sena. |
| 23. Encik Yahaya bin Jaafar | - Pem. Keb. Masy. Kota Setar. |
| 24. Cik Khadijah binti Hj. Idris | - Pem. Keb. Masy. Kubang Pasu. |
| 25. Encik Zainol Abidin b. Sheik Mohd. | - Pem. Keb. Masy. Kuala Muda. |
| 26. Encik Zainol Abidin b. Mohd. Zain | - Pem. Keb. Masy. Kuala Muda. |
| 27. Encik Mohd. Rodi bin Ahamat | - Pem. Keb. Masy. Kubang Pasu. |
| 28. Encik Haron bin Ishak | - Pem. Keb. Masy. Kubang Pasu. |
| 29. Encik Cheng a/l Din Chom | - Pem. Keb. Masy. Baling. |
| 30. Cik Zaini binti Dato' Zainol Abidin | - Pem. Keb. Masy. Kota Setar. |
| 31. Cik Rashidah binti Abd. Rashid | - Pem. Keb. Masy. Padang Terap. |
| 32. Encik Azmi bin Mustaffa | - Pem. Keb. Masy. Sik. |
| 33. Cik Siti Ajar binti Othman | - Pem. Keb. Masy. Bandar Bahru. |
| 34. Encik Abd. Halim bin Hj. Daud | - Pem. Keb. Masy. Yan. |
| 35. Encik Talib bin Ismail | - Pem. Keb. Masy. Langkawi. |
| 36. Encik Mohd. Salleh bin Bahari | - Pem. Keb. Masy. Kulim. |
| 37. Encik Shariff bin Long | - Pem. Keb. Masy. Kota Setar. |
| 38. Encik Abd. Hamid bin Hj. Shuib | - Kerani Besar Ibu Pejabat. |

Turut hadir:

- | | |
|-------------------------------|---------------|
| 1. Encik Zainuddin bin Hashim | - PKM Perlis. |
| 2. Cik Husainah binti Osman | - PKM Perlis. |

Pengerusi Majlis

- | | |
|-----------------------------------|-------------------|
| 1. Cik Rosnah binti Abdul Mutalib | - PKM Kota Setar. |
| 2. Cik Mah binti Darus | - PKM Kuala Muda. |

Pencatit:

1. Encik Mustapha bin Man – PKMD
2. Encik Haron bin Ishak – Pem. Keb. Masy. Kubang Pasu.
3. Cik Khadijah binti Hj. Idris – Pem. Keb. Masy. Ting. Khas,
Kubang Pasu.
4. Encik Mohd. Rodi bin
Ahamat – Pem. Keb. Masy. Kubang Pasu.

Majlis dimulakan dengan Pengerusi menjemput Tuan Timbalan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah memberi ucapan pembukaan. Beliau bagi pihak PKMN mengalu-alukan kedatangan YB/Dato'/Tuan-tuan/Puan-puan penceramah-penceramah serta peserta-peserta. Seterusnya beliau memperkenalkan para penceramah-penceramah yang dijemput. Antara lain dalam kata-kata aluannya itu beliau menerangkan fungsi/matlamat Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga tujuan diadakan majlis ceramah pada hari itu.

Ucapan Perasmian Oleh YB Dato' Leong Man Kai, DSDK., AMK., KMN., PJK., JP.

Yang Berhormat Dato' mengalu-alukan kehadiran semua para hadirin dan selanjutnya beliau menyatakan bahawa inilah ceramah seumpama ini yang julung kali pernah diadakan oleh Jabatan ini untuk faedah Pegawai/Pembantu Kebajikan Masyarakat dalam menjalankan tugas-tugas mereka supaya lebih berkesan dan berfaedah kepada masyarakat dengan hasil yang bermutu. YB Dato' yang menyeru dengan adanya majlis ini diharap akan dapat melahirkan perkhidmatan secara bersepadu supaya lebih berkesan di Negeri ini.

YB Dato' seterusnya meminta kerjasama dari para penceramah-penceramah dan juga para peserta-peserta menjayakan majlis ini. Akhir kata YB Dato' mengucapkan terima kasih di atas dayausaha PKMN mengadakan majlis yang seumpama ini.

Ucapan Oleh Tuan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah.

Tuan PKMN melahirkan rasa bangganya kerana dapat mengadakan majlis seumpama ini yang julung kali diadakan di Negeri ini dan boleh jadi juga di Malaysia. Dengan ini diharap dapat memberi gambaran yang menyeluruh tentang aktiviti-aktiviti lain-lain agensi bagi faedah peserta-peserta ceramah.

Tuan PKMN juga menekankan tujuan utama mengadakan ceramah ini ialah untuk menggabungkan tenaga dalam halacara bersepadu. Tiap-tiap agensi ada kumpulan sasaran (target group) dan dengan penglibatan secara ini dapat mengembelangkan tenaga yang menyeluruh untuk mem-

bangunkan masyarakat. Beliau juga menyatakan hasratnya mengwujudkan satu era baru dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk melangkah ke arah "project-oriented social work" dan tidak lagi hanya terhadap konsep tradisi kerja-kerja kebajikan dan dengan ini akan dapat membetulkan anggapan yang silap terhadap peranan Jabatan ini – cuma beri bantuan kewangan semata-mata.

Seterusnya beliau menerangkan projek-projek yang telah dijalankan oleh Jabatan ini sejak November 1981 di mana 35 projek perseorangan telah dijalankan yang melibatkan perbelanjaan lebih \$30,000.00. Antara projek-projek yang telah dijalankan ialah perniagaan kecil, warong makanan, pertanian, penternakan, bengkel jahitan dan memperbaiki basikal. Selanjutnya beliau juga berhadap supaya projek-projek berkelompok diperbanyakkan dengan kerjasama Jabatan-Jabatan, Agensi-agensi dan juga Pertubuhan-pertubuhan sukarela.

Tuan PKMN juga menyatakan rasa bangganya di atas kerjasama yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan Pusat terhadap mempercepatkan peranan Jabatan ini.

Akhirnya beliau juga melahirkan rasa pengharagaannya yang tinggi terhadap peranan mass-media yang telah banyak memberi liputan kegiatan Jabatan ini demi kepentingan rakyat.

Penyampaian Ceramah Oleh Wakil-Wakil Jabatan serta Agensi-agensi Kerajaan dan Pertubuhan-Pertubuhan Sukarela.

1. JABATAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN.

Penceramah: Encik Basharudin bin Mohd. Noor Basha.

A) Definisi 'Belia':

Bagi Negara Malaysia seseorang yang berumur antara 15 tahun hingga 35 tahun. Mereka ini merupakan kelompok masyarakat terbesar di Negara ini.

B) Objektif:

- (i) untuk mengatasi penyakit yang dihadapi oleh kaum belia seperti masalah pengangguran, penyalahgunaan dadah dan sebagainya.
- (ii) untuk menggalakkan belia-belia yang tercicir (dropouts) menceburkan diri dalam bidang pekerjaan dan keusahawanan.
- (iii) menyediakan golongan belia-belia untuk bergiat dalam sektor perekonomian.
- (iv) merencanakan satu masyarakat yang teratur, sempurna dan dinamis.

C) Aktiviti-Aktiviti.

i) **Ekonomi**

1.1 melatih golongan belia untuk menjadikan pekerja mahir dan separuh mahir di bidang tukang kayu, motor-mekanik, kimpalan dan batu-bata.

1.2 **Pusat-pusat latihan.**

Pusat Latihan Belia PERTAK, Selangor

Pusat Latihan Belia Dusun Tua.

Pusat Latihan Belia Trengganu.

Pusat Latihan Belia Kuantan.

1.3 **Rancangan Belia Berniaga (RBB)**

Memberi bantuan kepada belia-belia yang mempunyai kebolehan dalam bidang perniagaan yang akan diceburi. Bantuan maxima sebanyak \$30,000/- tanpa faedah disalurkan melalui Persatuan Usahawan Baru Malaysia, tanpa jaminan atau cagaran.

1.4 **Rancangan Peniaga Kecil (RPK)**

Bantuan kepada penjaja-penjaja dan perniagaan-perniagaan kecil sebanyak \$1,500/- (maxima) diberi kepada individu yang terdiri daripada anggota belia.

1.5 **Projek Belia Peladang.**

Bantuan secara 'outright grant' diberi kepada Pertubuhan-Pertubuhan Belia yang menjalankan projek pertanian.

ii) **Sosial.**

Mengadakan kursus kepimpinan kepada Ahli-ahli peringkat bawahan untuk mengisi mana lapang mereka.

D. Soalan dari peserta.

Encik Mustafa bin Man - PKMD bertanyakan samada diperlukan kes paper bagi pinjaman di-bawah sekim (RBB).

Jawapan: Kes paper tidak diperlukan hanya dikehendaki mengisi borang yang telah dikhaskan.

2. LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)

Penceramah: Mohd. Tajuddin bin Bakar, AMK.

i) **Matlamat.**

1.1 mengisi, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial.

1.2 memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan kawasan perumahan, pertanian, perindustrian dan perdagangan.

1.3 mengawal serta menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang tersebut di atas di dalam kawasan KEDA.

ii) **Aktiviti yang dirancangan.**

2.1 **Pembangunan Pertanian.**

Memajukan kira-kira 700,000 ekar tanah diluar kawasan Mada dalam rancangan Malaysia Ke 4 antaranya:-

600,000 ekar kebun kecil

40,000 " sawah

95,000 " kawasan hutan.

2.2 **Pembangunan Perindustrian.**

Menggalakkan pembinaan industri kecil dengan menggunakan bahan-bahan mentah tempatan dan buruh tempatan.

2.3 **Pembangunan kemasyarakatan.**

Menyediakan kemudahan asas kepada penduduk tempatan dengan menggunakan bahan-bahan pembinaan keluaran tempatan.

Antaranya ialah mendirikan rumah-rumah kos murah dan juga mesjid-mesjid.

3. **BADAN USAHA DIDIKAN ANAK-ANAK YATIM NEGERI KEDAH (BUDI).**

Penceramah: Encik Ghazali bin Ahmad.

Budi ialah sebuah badan kebajikan sukarela di bawah naungan DYMM Tuanku Sultan Kedah bertempat di Yan. Keahliannya dibuka kepada semua. Sebuah Asrama bagi menempatkan seramai 38 orang anak-anak yatim perempuan Islam bertempat di bekas kediaman Pegawai Daerah Yan disediakan.

Matlamat:

- (1) meminta kerjasama dan penyertaan dari masyarakat terhadap membela nasib anak-anak yatim.
- (2) memberi bimbingan dan pendidikan kepada anak-anak yatim yang terbiar dan terjerumus ke lembah maksiat dan keciciran sekolah terutamanya anak-anak perempuan.
- (3) untuk menampung keperluan anak-anak yang tiada tempat pergantungan hidup lagi.
- (4) untuk melahirkan manusia yang berdisiplin dan bertanggungjawab kepada ugama dan bangsa.

Pentadbiran BUDI.

- (1) kakitangannya terdiri dari 3 orang iaitu seorang Ketua, 1 kerani dan 1 tukang masak.

- (2) sumber kewangan BUDI ialah dari kutipan derma, yuran ahli-ahli, peruntukan dari Jabatan-Jabatan Kebajikan Masyarakat, Zakat dan Majlis Hal Ehwal Ugama Islam. Perbelanjaan setahun ialah \$80,000/- setahun.
- (3) peruntukan kewangan ialah untuk kegunaan membiayai perbelanjaan makanan, pakaian, yuran sekolah, tambang bas dan lain-lain.
- (4) Cara kemasukan penghuni di Asrama BUDI ini ialah melalui Majlis Pusat Kebajikan Cawangan Negeri.
- (5) tempoh mendiami Rumah BUDI ialah lima tahun hingga had umur maksima 17 tahun.

Soalan dari peserta.

1. Encik Fishol bin Abd. Latiff – Pegawai Kebajikan Hospital bertanyakan jangka masa seseorang penghuni dibenarkan tinggal di Rumah BUDI.
Jawapan: Lima tahun.
2. Encik Yusof bin Salleh – Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah bertanyakan berapa ramai penghuni, bangsa dan samada terdapat Asrama untuk lelaki.
Jawapan: Ramai penghuni – 38 orang
Bangsa – Melayu
Asrama Lelaki – ada cadangan untuk mendirikan.
3. Encik Wong Heng Meng – Waden Asrama Pokok Sena, bertanyakan berapakah perbelanjaan untuk makanan sehari bagi seorang penghuni.
Jawapan: \$2.50 sehari bagi seorang penghuni.

4. JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS).

Penceramah: Encik Redzuan bin Haji Hassan.

Matlamat:

- (1) menerangkan dasar-dasar Kerajaan yang memerintah kepada rakyat.
- (2) menyedarkan masyarakat terhadap sikap yang lebih positif dari aspek ekonomi, sosial dan politik.
- (3) mengubah sikap rakyat kepada konsep yang lebih bermenafaat.
- (4) memberi penerangan mengenai peraduan agensi-agensi Kerajaan.

Aktiviti-aktiviti KEMAS.

- (1) mengisi masa orang kampung dengan kerja berfaedah seperti membuka bengkel jahitan, kelas masakan, kraftangan, dll.
- (2) menyediakan tenaga pengajar untuk melatih masyarakat desa dalam bidang-bidang seperti di atas.

- (3) Kursus bimbingan ugama seperti kursus mandi-mayat, gerakan tumpuan dakwah.

Soalan dari peserta.

1. Encik Wong Heng Meng – Waden Asrama Pokok Sena bertanyakan samada KEMAS boleh menyediakan seorang guru sambilan untuk mengajar tukang kayu dan batu-bata kepada penghuni Asrama Pokok Sena.

Jawapan: Boleh dirundingkan dengan Pengarah KEMAS Negeri, Guru-guru ini memang ada dan selalunya dicari dari tempat berkenaan.

5. JABATAN KESIHATAN.

Penceramah: Dr. Ismail bin Md. Noor.

Matlamat.

Untuk memberi dan mengekalkan perkhidmatan kesihatan yang optima kepada masyarakat.

Peranan.

Terbahagi kepada dua bidang.

1. Peralatan – memberi rawatan (*Curative service*)
2. Pencegahan (*preventive*)
melalui lima peringkat:–
 1. Penggalakkan kesihatan (*promotive*)
 2. Pencegahan (*preventive*)
 3. Rawatan (*curative*)
 4. Pengekalan (*restorative*)
 5. Pemulihan (*rehabilitative*)

Jenis-jenis Perkhidmatan.

1. Perubatan
2. Kesihatan Luar Bandar
3. Pengajian
4. Kesihatan Keluarga
 - ibu mengandung.
 - kanak-kanak.
 - perancangan keluarga.
 - pengawalan penyakit berjangkit.
 - pengawalan kesihatan sekeliling.
 - kesihatan murid sekolah.
 - pemakanan.
 - makmal – ujian darah dan sebagainya.

- perangkaan.
- pergigian.

Perkhidmatan rawatan.

1. Pesakit Luar (*Out-patient*)
2. Pesakit Dalam (*ward services*)
3. Kepakaran (*specialist*)
4. Ambulan.
5. Bantuan-bantuan:-
 - X-ray
 - kaji penyakit
 - pemakanan
 - khidmat nasihat
6. Pengekalan semula cara-kerja dan lain-lain.

Peranan dimana Jabatan Kebajikan Masyarakat dapat membantu Jabatan Perubatan dan Kesihatan.

1. Pemulihan penagih dadah.
2. Pemulihan dari segi sosial dan mental.
3. Pemulihan kesihatan orang tua (Rumah Kebajikan)
4. Bantuan Kewangan kepada pesakit-pesakit:-
contoh: Batok kering, cacat dan lain-lain.
5. Rawatan yang rumit:-
Contoh: pesakit yang memerlukan bimbingan dan nasihat perubahan sikap dan lain-lain.

Soalan dan cadangan dari peserta.

Encik Osman Salleh bin Dato' Hj. Abu Bakar mencadangkan:-

- 1) Dibenarkan Jururawat Desa merujuk kanak-kanak yang dilahirkan cacat untuk pendaftaran oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.
Jawapan: Jururawat Desa tidak mempunyai kelayakan untuk berbuat demikian.
- 2) Dilakukan ukuran bagi kes-kes permohonan anggota tiruan dibuat di Klinik Otopidik, Hospital Besar, Alor Setar.
Jawapan: Ini memerlukan ilmu yang khusus untuk dilaksanakan dan sekarang belum boleh dijalankan.

6. JABATAN PERIKANAN, KEDAH.

Penceramah: Encik Abd. Halim bin Hj. Abdullah.

Matlamat.

1. meninggikan ekonomi nelayan dan petani.

2. memperkenalkan alat-alat moden kepada nelayan dan petani.
3. menyedarkan nelayan supaya tidak terkongkong kepada cengkaman orang tengah.
4. menggalakkan permohonan dari pengusaha-pengusaha secara berkelompok.

Peranan.

1. mengeluarkan bantuan/subsidi perternakan ikan.
2. latihan.

Jenis-jenis bantuan yang dikeluarkan.

1. Bantuan Kewangan (*outright grant*) melalui rancangan sekim subsidi nelayan dan petani berupa peralatan (pukat, injin sangkut, injin dalam).
2. Bantuan subsidi menternak ikan air tawar berupa modal \$3,000/- per ekar tertakluk kepada minimum 1/4 ekar dan maksima 4 ekar.
3. Bantuan benih-benih ikan – tongsan & jelawat.
4. Bantuan peralatan (kapor dan baja).
5. Bantuan membuat sangkar menternak ikan – maksimum \$2,500.00 bagi satu unit sangkar.
6. Bantuan menternak ikan air tawar.

Permohonan bantuan dibuka sepanjang tahun.

Syarat-syarat kelayakan memohon bantuan:-

1. Seorang petani/nelayan.
2. Tanah (tapak) mesti bergeran/TOL.
3. Kepada yang tiada tanah boleh dipertimbangkan dengan syarat mendapat kebenaran bertulis daripada tuan punya tanah untuk diusahakan.
4. Pergerakan persetujuan tanah dimestikan sekurang-nya lima tahun.

Cara-cara membuat permohonan:-

1. Boleh dibuat secara individu atau berkelompok. Keutamaan diberi kepada cara berkelompok.
2. Permohonan boleh dibuat melalui Pejabat Perikanan Daerah dan Negeri.

Perkhidmatan Latihan.

Kursus-kursus diadakan di Pusat-pusat Latihan seperti berikut:-

1. Institut Perikanan Malaysia, Batu Maung, Pulau Pinang.
2. Sekolah Latihan Nelayan, Gelugor, Pulau Pinang.
3. Pusat Pembiakan Ikan di Jitra, Kedah.

4. Pusat Latihan Penternakan Ikan Batu Tinggi, Pahang.
5. Lawatan Sambil Belajar ke projek-projek yang telah berjaya.

Soalan dari peserta.

1. Encik Wong Heng Meng – Waden, Asrama Pokok Sena, bercadang mengadakan projek menternak ikan di Asrama Pokok Sena dan beliau memohon supaya penghuni di Asrama Pokok Sena diberi kursus.

Jawapan:– akan diasas kesesuaian tempat.

2. Encik Kamarudin – PKMID bertanyakan mengenai pemasaran ikan yang dihasilkan oleh penternak-penternak.

Jawapan: Tidak menjadi masalah kerana terdapat permintaan yang tinggi.

7. JABATAN URUSAN HAIWAN.

● Penceramah: Encik Salleh bin Mohd. Tahir.

Fungsi:

1. mencegah merebak penyakit berjangkit.
2. mengawal penyakit anjing gila.
3. membaiki mutu ternakan.
4. bantuan lembu/kerbau kepada penternak.
5. rancangan bantuan.

Jenis-jenis Bantuan.

1. Rancangan bantuan secara pawah.
2. Membaik-pulih baka-baka.
3. Rancangan kemajuan ternakan ayam.
4. Benih anak-anak ayam:
 - bantuan kecil 50 ekor anak ayam dan makanan yang mencukupi hingga boleh dijual.
5. Galakkan berniaga:
 - 500 ekor ayam dan 40 bag makanan.

Penternakan Ayam Berkelompok:

1. Bantuan subsidi \$2500/– untuk bangsal dan perkakas-perkakas lain: – ayam/makanan telah diberi tapi boleh dipohon pinjaman dari bank.

Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan (AMP)

Dibawah rancangan ini tiga (3) jenis bantuan dikeluarkan:

1. Rancangan ayam keluarga – 2– ekor anak ayam.

2. Rancangan ayam telur.
3. Rancangan susu kanak-kanak sekolah.

Lain-lain:

1. Rancangan tenusu.

Soalan dari peserta:

Tiada.

8. KELAB LIONS ALOR SETAR:

Penceramah: Tuan Haji Ahmad Nordin bin Ahmad.

Pengenalan.

Berbentuk kelab perkhidmatan bertaraf antarabangsa dan tiada sangkutan dengan kerajaan. Terdapat sebanyak 74 buah kelab seumpama ini di seluruh Malaysia, Singapura dan Brunei. Kelab Lions Alor Setar ialah di bawah District 308.

Matlamat.

1. Memberi perkhidmatan kepada masyarakat yang kurang berkemampuan.
 - (i) Pertolongan kepada murid-murid miskin.
 - (ii) Mengeluarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar miskin yang berkelayakan.
 - (iii) Bantuan alat-alat tiruan kepada pelajar-pelajar cacat.
 - (iv) Memberi hadiah kepada rakyat-rakyat miskin pada hari-hari perayaan.
 - (v) Memberi hadiah-hadiah kepada penghuni-penghuni yayasan kebajikan.
 - (vi) Membantu membiayai belanja rawatan pesakit-pesakit jantung berlubang.
 - (vii) Lawatan-lawatan muhibbah antara negeri dan negara untuk mengeratkan persefahaman antarabangsa.
 - (viii) Latihan kepimpinan kepada penuntut-penuntut melalui anak Kelab di sekolah-sekolah yang dinamakan Kelab Leo.

Sumber Kewangan

1. Tayangan perdana filem-filem.
2. Kutipan derma.
3. Derma dari orang perseorangan.
4. Yuran dari ahli-ahli.

Lain-lain.

Kelab ini bolehlah menyelaraskan perkhidmatan dengan kelab yang lain untuk memberi pertolongan.

Soalan dari peserta.

Tiada.

**9. MAJLIS PUSAT KEBAJIKAN MALAYA (MPK)
CAWANGAN NEGERI KEDAH.**

Penceramah: YB Dato' Haji Shuaib bin Osman, DSDK.

Pengenalan/Matlamat.

MPK ditubuhkan pada tahun 1946 dengan mempunyai matlamat-matlamat seperti di bawah:-

1. Menasihati dan menguruskan masalah-masalah kemasyarakatan, melaksanakan apa-apa perkhidmatan kebajikan masyarakat yang tidak diselenggarakan oleh lain-lain agensi atau pertubuhan.
2. Mendapatkan pertolongan dari orang ramai dan Kerajaan untuk memajukan kebajikan orang-orang yang tidak sempurna anggota atau fikiran, hidup sengsara dan melarat.
3. Menyanggup sebarang perkhidmatan kemasyarakatan samada secara langsung atau melalui cawangan-cawangan negeri.
4. Meminta wang bantuan, wang pemberian terkumpul untuk apa-apa rancangan atau projek yang dianjurkan oleh Majlis ini untuk timbangan Kerajaan, Lembaga Loteri Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat, orang-orang perseorangan dan lain-lain.

Kegiatan-kegiatan.

1. Penyelenggaraan rumah-rumah dan pondok bagi orang-orang tua yang memerlukan.
2. Penyelenggaraan asrama-asrama kecil bagi pelajar-pelajar miskin Sekolah Menengah luar bandar.
3. Penyelenggaraan asrama-asrama bagi gadis-gadis kilang.
4. Menyediakan bantuan kebajikan kepada mangsa-mangsa bencana alam.

Sumber kewangan.

1. Peruntukan dari Kementerian Kebajikan Am.
2. Pungutan derma.
3. Derma-derma dari orang-orang perseorangan.

Keahlian.

Terbuka kepada semua.

Rancangan-rancangan yang telah dijalankan di Negeri Kedah

1. Rumah orang-orang tua dari Pokok Sena yang boleh menempatkan 48 penghuni.

2. Mini Asrama untuk pelajar-pelajar.
3. Asrama pekerja kilang di Mergong.
4. Asrama khas untuk pelajar-pelajar kelas khas di Jalan Pegawai, Alor Setar.
5. Penempatan orang-orang tua di pondok-pondok.

Soal-jawab.

Tiada.

10. JABATAN PERTANIAN, KEDAH.

Penceramah: Puan Rohani binti Ariffin.

Matlamat

1. Memperbaiki kemahiran dan teknik perusahaan pertanian bagi meninggikan pendapatan petani.
2. Memaju dan mempelbagaikan kegiatan komoditi pertanian.

Aktiviti-aktiviti.

1. Meninggikan tingkat pengetahuan dalam bidang pertanian.
2. Meninggikan daya pengeluaran petani.
3. Menentukan kesesuaian dan penggunaan tanah.
4. Mengadakan benih-benih yang bermutu.
5. Mengurangkan kerugian hasil pengeluaran pertanian.
6. Memberi kemudahan subsidi kepada petani.
7. Mengadakan undang-undang penguatkuasa dalam bidang pertanian.

Aktiviti 1982.

1. Rancangan subsidi input.
2. Baik pulih Dusun.
3. Tanaman sayur-sayuran.
4. Subsidi sayur-sayuran.
4. Subsidi alat-alat pertanian.
5. Projek IAPP: (Projek pembangunan pertanian bersepadu)
 - a) Baik pulih dusin.
 - b) Mempercepat penyaluran teknologi pertanian.

Soalan peserta.

Tiada.

11. JABATAN PELAJARAN.

Penceramah: Encik Ali @ Mohd. Ali bin Hamzah.

Jabatan Pelajaran Negeri mengendalikan sebanyak 433 buah Sekolah Rendah dan 79 buah Sekolah Menengah di seluruh Negeri Kedah.

Peranan.

1. Memberi kemudahan pelajaran kepada masyarakat di Negara ini.
2. Menseragamkan pentadbiran sekolah-sekolah.
3. Memberi yuran percuma kepada penuntut-penuntut.
4. Memberi bantuan dibawah sekim pinjaman Buku Teks.

Rancangan.

1. Kesihatan – mengadakan unit mobil untuk rawatan nasihat dan bimbingan kepada murid-murid sekolah.
2. Unit kerjaya – Mengatasi masalah penempatan pekerjaan dan lain-lain.
3. Bimbingan – Memberi khidmat nasihat kepada murid-murid dengan mendapat kerjasama dari Jabatan Kebajikan Masyarakat.
4. Pusat sumber-mengkaji dan membuat syor tentang masalah berbangkit di sekolah-sekolah.

Soalan peserta.

Tiada.

12. JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI.

Penceramah: Encik Ali bin Haji Mohd. Noor

Matlamat.

1. Membaiki taraf kewangan petani-petani, socio-ekonomi rakyat yang berpendapatan rendah untuk mencapai ke arah Dasar Ekonomi Baru.
2. Di Negeri Kedah pada masa ini ada terdapat 135 buah koperasi yang berdaftar terdiri dari berbagai jenis koperasi. Koperasi adalah pertubuhan yang berbentuk demokrasi.

Tugas-tugas JPK.

1. Untuk mendaftar koperasi-koperasi.
2. Pemeriksaan akaun-akaun.
3. Menyelia projek-projek yang dijalankan oleh koperasi-koperasi.
4. Memberi kursus-kursus, tegoran dan bimbingan terhadap membaiki koperasi.
5. Menggalakkan koperasi menjalankan usahasama sesama sendiri atau dengan swasta.

Jenis-jenis Koperasi yang terdapat di Negeri Kedah.

1. Koperasi Pengguna.
2. Koperasi Perdagangan/Perindustrian.
3. Koperasi Kenderaan/Pengangkutan.
4. Koperasi Pembangunan Tanah.
5. Koperasi Syarikat Insurance.
6. Koperasi Sekolah-sekolah.
7. Koperasi Belia (Kobena).
8. Koperasi Kebajikan Am (Khairat Kematian).
9. Koperasi Pekebun-Pekebun Kecil.
10. Angkasa – Gabungan Koperasi-Koperasi dan lain-lain.

Soalan peserta.

Tiada.

13. MAJLIS KEBAJIKAN KANAK-KANAK (MKKK) NEGERI KEDAH.

Penceramah: Tuan Haji Ahmad bin Haji Abd. Rahman.

Pengenalan:

Berbentuk pertubuhan sukarela ditubuhkan pada tahun 1981 dengan DYMM Tuanku Sultanah sebagai penaung dan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri sebagai penasihat.

Matlamat:

1. Membantu kanak-kanak cacat akal dengan menguntukkan kemudahan-kemudahan perubatan dan latihan vokesyenal.
2. Membantu kanak-kanak cacat akal supaya dapat berdikari secara yang maksima.
3. Menguntukkan gerakan sosial dan rekreasi bagi kanak-kanak cacat akal.

Kegiatan-kegiatan

1. Mengendalikan sebuah Pusat Jagaan Harian bagi kanak-kanak Cacat Akal di Jalan Sultanah, Alor Setar.
2. Sedang mengusaha untuk menubuhkan lebih banyak lagi pusat-pusat jagaan.

Sumber kewangan

1. Derma bulanan dari orang perseorangan/persatuan-persatuan.
2. Pertandingan golf.
3. Jamuan makan malam.
4. Bantuan dari Kementerian Kebajikan Am.

Soalan peserta.

Tiada

14. PERSATUAN MENCEGAH PENYAKIT TIBI (MAPTB).

Penceramah: Encik Ahmad bin Mohd. Yassin.

Pengenalan.

Ditubuhkan dalam tahun 1950 dengan tujuan memberi khidmat berbentuk bantuan kewangan dan khidmat nasihat kepada pesakit Tibi seluruh Negeri Kedah.

Fungsi-fungsi/kegiatan.

1. Mentadbir dan menyelia sebuah sanitorium bagi pesakit Tibi di Kuala Ketil.
2. Bantuan elaun rawatan kepada pesakit-pesakit mengikut kadar antara \$15.00 ke \$50.00.
3. Elaun tambang mengikut kadar.

Soalan peserta.

Tiada.

15. LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP).

Penceramah: Encik Mahmud bin Saad.

Pengenalan.

Ditubuhkan dalam tahun 1973 sebagai sebuah badan berkanun Kerajaan di bawah Kementerian Pertanian.

Peranan.

1. Menyusun semula masyarakat tani.
2. Menyalurkan bantuan-bantuan Kerajaan kepada petani-petani.
3. Mengawasi segala aktiviti-aktiviti persatuan-persatuan peladang.
4. Untuk mendaftar, mengawal dan menyelia pertubuhan-pertubuhan peladang.

Dasar.

1. Menggalak penyertaan peladang-peladang kecil dalam kegiatan-kegiatan Pertubuhan Peladang.
2. Menyusun semula struktur pertubuhan-pertubuhan peladang dalam sektor pertanian kecil.
3. Mewujudkan perubahan dalam sektor pertanian kecil.

Matlamat.

1. Menyusun semula Pertubuhan Peladang supaya lebih aktif.
2. Menambahkan keahlian.
3. Menambah modal saham.
4. Menambah pendapatan ahli supaya melebihi garis kemiskinan negara.
5. Menjadikan pertanian pekebun kecil berbentuk perusahaan.
6. Membaiki keadaan sosio-ekonomi.
7. Mempergunakan modal Pertubuhan Peladang untuk dilaburkan di dalam sektor perdagangan dan perindustrian.

16. PERSATUAN BULAN SABIT MERAH.

Penceramah: Encik Nasir bin Mustaffa.

Pengenalan.

Persatuan ini ditubuhkan di bawah Akta Parlimen. Asalnya dipelopori oleh pegawai-pegawai Tentera British dalam tahun 1919 dan ditubuhkan di Malaysia pada tahun 1963. Penubuhan bagi Cawangan Negeri Kedah dalam tahun 1976.

Fungsinya.

1. Bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat apabila berlaku bencana alam dalam kerja-kerja mengendalikn pusat-pusat pemindahan.
2. Memberi latihan kepada masyarakat (yang menjadi ahli) dalam memelihara nyawa dan kesihatan.
3. Menolong antara satu dengan lain dan mengeratkan persahabatan di peringkat antarabangsa.

Di masa perang.

1. Membantu perkhidmatan perubatan tentera bagi merawat anggota tentera dan orang awam yang cedera.
2. Membantu tahanan tentera dan awam.

Soalan peserta.

Cadangan dari Penceramah.

Beliau meminta dibincangkan dalam menyelaraskan kerja-kerja yang berhubungan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti penyediaan bekalan makanan, tugas-tugas di Pusat-pusat Pemindahan dan lain-lain tugas yang bersangkutan.

17 PERSATUAN MEMBANTU ORANG-ORANG DALAM PENYELIAAN NEGERI KEDAH (PENAWAR)

Penceramah: En. Chan Beng Hock.

Pengenalan.

Ditubuhkan dalam tahun 1954 dan YTM Tunku Bendahara selaku Penaong dan Yang Ariff Dato' Syed Agil bin Syed Hassan Barakhbah selaku Pengerusinya.

Matlamat/Fungsi

1. Membantu bekas-bekas banduan mencari pekerjaan.
2. Memberi bantuan alat-alat pekerjaan kepada bekas-bekas banduan untuk memulakan pekerjaan - e.g. alat tukang gunting, alat-alat pertukangan kayu dsbnya.
3. Memulihkan mental dan sikap bekas-bekas banduan.
4. Pencegahan jenayah.
5. Bantuan segera kepada keluarga-keluarga banduan sebelum Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh membantu secara berpanjangan.

Kegiatan.

1. Mengendalikan sebuah bengkel bagi menempatkan bekas-bekas banduan menjalankan kerja-kerja pertukangan.

Soalan peserta.

Tiada.

Ucapan Penutup.

Tuan PKMN selaku penganjur ceramah ini telah mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada penceramah-penceramah yang telah sudi meluangkan masa bagi menjayakan Majlis ini. Beliau berharap agar dapat bekerjasama dengan lebih rapat dan erat lagi demi membangunkan masyarakat di Negeri ini dalam satu halacara bersepadu (*integrated approach*) dengan menggunakan sumber dan *expertise* dari Jabatan KEMAS, Belia, Pertanian, Perikanan, Urusan Haiwan, KEDA, Koperasi, LPP, Pelajaran, pihak organisasi sukarela dan kelab-kelab beri khidmat, supaya tindakannya lebih menyeluruh dan berkesan lagi.

Majlis ceramah ditamatkan jam 6.25 petang.

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
NEGERI KEDAH.

Tarikh: 20hb. Mac, 1982.

25 J'awal, 1402.

**MESYUARAT JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
NEGERI KEDAH PADA 1.2.1982
DI TAPIAN GELANGGANG, ALOR SETAR
(Senarai Kutipan Wang Makan Tengahari)**

| Nama Pegawai | Jawatan | Jumlah Kutipan | T.T. Pegawai |
|-------------------------------------|----------|----------------|--------------|
| 1. Encik Wan Azmi Ramli | PKMN | \$20.00 | |
| 2. Encik G. Muniandy | T. PKMN | \$10.00 | |
| 3. Encik Osman Salleh | PKM | \$10.00 | |
| 4. Encik Inau a/l Edin Nom | PKMD | \$10.00 | |
| 5. Encik Mustapha bin Man | PKMD | \$10.00 | |
| 6. Encik Othman bin Bakar | PKMD | \$12.50 | |
| 7. Encik Mohd. Yusof bin Salleh | PKMD | \$11.00 | |
| 8. Cik Mariati bte. Hj. Ismail | PKM | \$10.00 | |
| 9. Cik Asiah bte. Abd. Razak | PKMD | \$11.00 | |
| 10. Encik Mohd. Sani b. Mohd. Yusof | PKM | \$10.00 | |
| 11. Encik Mahadzir b. Ayob | PKMD | \$11.00 | |
| 12. Encik Razali bin Saari | PKMD | \$11.00 | |
| 13. Encik Hassan @ Ali b. Mehardin | PKMD | \$11.00 | |
| 14. Cik Mahani bte. Sudin | PKMD | \$11.00 | |
| 15. Encik Zakaria b. Mohd. Shariff | Penguasa | \$11.00 | |
| 16. Encik Fishol b. Latiff | PKM | \$8.00 | |
| 17. Cik Azizon bte. Hj. Ahmad | PKM | \$11.00 | |
| 18. Cik Mah bte. Darus | PKM | \$11.00 | |
| 19. Cik Noordzila bte. Mansor | PKM | \$11.00 | |
| 20. Encik Kamaruddin b. Bakar | PKM | \$11.00 | |

| Nama Pegawai | Jawatan | Jumlah Kutipan | T.T. Pegawai |
|-------------------------------------------|--------------------|-----------------|--------------|
| 21. Encik Mohd. Darus bin Salim | PKMD | \$11.00 | |
| 22. Encik Wong Heng Meng | Waden | \$10.00 | |
| 23. Encik Zainal Abidin b. Sh. Mohamad | Pembantu | \$9.00 | |
| 24. Encik Zainol Abidin b. Md. Zain | " | \$9.00 | |
| 25. Encik Mohd. Rodi bin Ahamat | " | \$8.00 | |
| 26. Encik Haron bin Ishak | " | \$8.00 | |
| 27. Encik Cheng a/l Din Chom | " | \$9.00 | |
| 28. Cik Zaini bte. Dato' Zainal Abidin | " | \$9.00 | |
| 29. Cik Rashidah bte. Abd. Rashid | " | \$9.00 | |
| 30. Encik Azmi b. Mustapha | " | \$9.00 | |
| 31. Cik Siti Ajar bte. Osman | " | \$9.00 | |
| 32. Encik Abd. Halim b. Hj. Daud | " | \$9.00 | |
| 33. Encik Talib bin Ismail | " | \$9.00 | |
| 34. Cik Norhana bte. Saadon | PKM | \$10.00 | |
| 35. Cik Rosnah bte. Abd. Mutalib | PKM | \$10.00 | |
| 36. Cik Husainah bte. Osman | PKM Perlis | \$11.00 | |
| 37. Encik Zainuddin bin Hashim | Pembantu Perlis | \$9.00 | |
| 38. Mohd Salleh b. Baharin | " | \$9.00 | |
| 39. Khadijah bte. Haj. Idris | " | \$9.00 | |
| 40. Shariff Long | Pem. KM | \$9.00 | |
| 41 Abu Bakar Man | Pem. Pendang | \$9.00 | |
| | | <u>\$414.50</u> | |

Lampiran 18(1).6 i

(Kod Am 277a
(Pin 10/81))

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH

IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT,
NEGERI KEDAH,
ALOR SETAR

TELEFON

Telefon : 723322
Pengaruh : 720326
Rumah : 722013

Ruj Tuan:

Ruj. Kami:

Tarikh:

MEMO

Menu dan bayaran makan pada
1/2/1982 di Tapian Gelanggang.

| | | |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------|--|
| Nasi Putih | Minum pagi dan petang | |
| Ayam Goreng | Teh susu | |
| Sayur campuran | 2 jenis kueh Melayu | |
| Buah-buahan tempatan | | |
| Ikan bakar/air asan | | |
| Ulan/sambal belacan | | |
| Air sirap | | |
| Harga yang dikenakan untuk seorang peserta ialah \$7.50 x 80 orang | = \$600.00 | |
| Kutipan pada 1/2/82 dari 41 orang | = \$414.50 | |
| Baki | = \$185.50 | |
| Bayaran bunga meja | = \$ 35.00 | |
| Jumlah | = \$220.50 | |
| Bayaran makan termasuk bunga meja yang dibayar dari peruntukan elaun kerajaan \$55.50 dari 40 orang | = \$220.00 | |
| Sewa dewan yang dibayar dari peruntukan runcit - termasuk sewa alas meja. | = \$ 26.00 | |

Kutipan wang pada 1/2/82 telah pun diusahakan oleh saya sendiri. Jumlah kutipan mengikut kadar yang ditetapkan adalah sebanyak \$414.50. Jumlah ini telah pun diserahkan kepada Tuan Syed Mahadir pada petang 1/2/82.

Sekian.

t.t.

(Osman Salleh) 19/4/82.

Pegawai Kebajikan Masyarakat,
Bhg Keluarga dan Kanak-kanak.

**JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI KEDAH
ALOR SETAR**

**MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI KEBAJIKAN
MASYARAKAT DAERAH DALAM NEGERI KEDAH**

Tarikh: 3hb. Februari, 1982.

Jam: 8.00 pagi.

Tempat: Bilik Gerakan Ibu Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah.

Yang hadir

1. Encik Wan Azmi Ramli – Pengarah Kebajikan Masyarakat, Negeri Kedah (Pengerusi)
2. Encik Osman Salleh b. Dato' – Pegawai Kebajikan Masyarakat Bahagian Keluarga & Kanak-kanak.
Haji Abu Bakar
3. Encik Osman bin Bakar – Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah.
4. Encik Mustaffa bin Man – Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah
5. Encik Inau a/l Edin Nom – Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah
6. Puan Mahani binti Sudin – Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah
7. Puan Asiah binti Abd. Razak – Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah
8. Encik Mahadzir bin Ayob – Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah
9. Encik Mohd. Darus b. Salim – Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah
10. Encik Hassan @ Ali b. Mohardin – Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah
11. Encik Razali bin Saari – Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah
12. Encik Kamarudin bin Bakar – Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah
13. Encik Mohd. Yusoff b. Salleh – Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah
14. Encik Husni Zain b. Hj. Hussein – Pegawai Kerani Wang Amanah (Pencatat Minit Mesyuarat)

A PERJUMPAAN DENGAN PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI KEDAH DI DALAM PEJABATNYA, SEMUA PKMD HADIR jam 8.30 pagi.

Tujuan perjumpaan ini diadakan ialah berikut kejadian yang berlaku pada 1.2.1982, yang mana PKMD dan Pembantu memulau mesyuarat yang akan disambung lanjutan dan persidangan yang diadakan sebelumnya di Bilik Kegiatan Tapian Gelanggang, Alor Setar, Kedah.

Tuan PKMN merasa amat kesal dan dukacita terhadap sikap tidak bertanggungjawab yang ditunjukkan oleh PKMD-PKMD khususnya, tanpa mengawal kakitangan mereka "memperotes" mesyuarat tersebut. PKMD tidak bertanggungjawab dan tidak langsung mengambil berat dalam mesyuarat tempoh hari, tidak pandai menghormati majlis dan tidak tahu bagaimana hendak melibatkan diri dalam persidangan dan menjalankan peranan sebagai seorang PKMD yang mewakili PKMN di daerah-daerah. Beliau harap mereka lebih berminat dan bersemangat dan menjalankan tugas menghadapi cabaran.

B MESYUARAT DI SAMBUNG SEMULA DI BILIK CERAMAH PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI KEDAH jam 9.30 pagi.

PKMN memulakan mesyuarat dengan ucapan nasihat dan semangat kerja yang gigih kepada PKMD dengan membangkitkan soal-soal ketidapuasan yang wujud di daerah-daerah terutamanya mengenai perhubungan rapat dan baik dengan pihak Pegawai Daerah dan lain-lain Jabatan supaya sebarang penglibatan projek yang akan dijalankan oleh Jabatan akan mendapat kerjasama yang erat. Segala projek-projek yang hendak dijalankan mestilah mempunyai perancangan yang rapi samada dari peringkat daerah, atau Zon agar mencapai hasrat dan matlamat yang dicita-citakan. Mengenai setengah-setengah pejabat di daerah akan diubahsuai kepada keadaan yang lebih selesa dari keadaan sekarang yang amat buruk dan tidak menyenangkan. Kesedaran di kalangan PKMD dan kakitangan bawahannya adalah penting untuk meningkatkan perkhidmatan yang jujur, dedikasi dan bertanggungjawab. Mengenai hubungan surat menyurat PKMN berharap supaya ejaan digunakan dengan betul. Seterusnya PKMN mempengerusikan majlis, dimulakan dengan perbincangan mengenai masalah yang dihadapi oleh PKMD dan mencari jalan mengatasinya.

Perbincangan bermula dengan majlis penyampaian bantuan persekolahan tahun 1982 yang dirancang akan diadakan di daerah-daerah.

1. Langkawi

Majlis diadakan pada 8.2.1982 bertempat di Dewan Orang Ramai Ulu

Melaka, Langkawi. Dirasmikan oleh Y.A.B. Dato' Kama Jaya, Menteri Besar, Kedah. Majlis akan dihadiri oleh 550 orang murid dan juga jemputan-jemputan khas yang tidak diberitahu jumlahnya. Majlis diadakan disebelah pagi. PKMN membangkitkan soal jemputan khas, dan meminta inisiatif PKMD menggunakan budibicaranya menjemput semua pihak termasuk Wakil Rakyat, Ketua-Ketua Jabatan dan lain-lain agensi sukarela yang berkaitan.

2. Kubang Pasu

Majlis diadakan sebelah pagi pada 11.2.1982 di Dewan Sekolah Kebangsaan Jitra, Kedah, Yang Berhormat Tuan Haji Hanafi Ramli bersetuju akan hadir memberi ucapan dan menyampaikan bantuan-bantuan.

3. Kulim.

Majlis diadakan di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Kulim pada 20.2.1982. Penyampaian bantuan akan dilakukan oleh Y.B. Dato' Leong Man Kai, dan juga Pegawai Daerah. Bantuan Cermin Mata akan disampaikan kepada Guru Besar berkenaan sementara lain-lain bantuan akan disampaikan kepada ibubapa atau penjaga, jemputan yang akan hadir berjumlah 300 orang.

4. Bandar Bahru

Majlis diadakan pada 21.2.1982 jam 10.00 pagi bertempat di Dewan Dato' Syed Ahmad, Bandar Bahru. Y.B. Dato' Haji Mohd. Muslim akan menyampaikan bantuan, jemputan termasuk penerima bantuan berjumlah 318 orang.

5. Sik

Majlis akan diadakan pada 16.2.1982 di Dewan Pusat Pelbagaiguna, Sik, jam 10.00 pagi dan Y.B. Tuan Haji Shaari akan menyampaikan bantuan penerima bantuan ialah 156 orang.

6. Yan

Majlis diadakan pada 17.2.1982 jam 10.00 pagi. Y.B. Dato' Haji Abdullah bin Haji Ismail, Speaker Dewan Undangan Negeri akan menyampaikan bantuan dan Pegawai Daerah Yan. Jemputan, termasuk penerima bantuan berjumlah 360 orang. Majlis dilangsungkan di Dewan Dato' Madi Yan, Kedah.

7. Padang Terap

Majlis diadakan pada 16.2.1982 di Dewan Sri Mahawangsa sebelah pagi. Penyampaian bantuan disampaikan oleh Y.B. Puan Hajjah Azizah binti

Taib. Jemputan berjumlah 250 orang. PKMD juga meminta agar VAN Pejabat dihantar ke daerahnya untuk mengangkut basikal ke Dewan daripada Balai Polis, Kuala Nerang. PKMN bersetuju dan akan berhubung dengan Warden Asrama Pokok Sena, untuk mendapatkan Vannya pada 15.2.1982. Basikal akan disimpan di perkarangan Balai Polis Kuala Nerang.

8. Baling

Majlis diadakan pada 22.2.1982 di Dewan Tun Abd. Razak disebelah petang. Bantuan akan disampaikan oleh Y.B. Tuan Haji Saroji bin Haji Harun. Penerima berjumlah 230 orang dan jemputan berjumlah 300 orang (termasuk penerima bantuan). PKMN meminta semua PKMD menjemput juga pihak akhbar untuk liputan mengenai data-data sahaja dan jika menyentuh mengenai dasar, dipinta menghubungi PKMN sendiri.

9. Kuala Muda

Majlis akan diadakan samada di Dewan Kenangan/Dewan Sekolah Khir Johari, jam 10.00 pagi. Bantuan akan disampaikan oleh Y.B. Encik Hashim bin Othman dan Y.B. Encik Ong pada 18.2.1982. Jemputan berjumlah 320 orang (termasuk penerima bantuan). Ucapan perasmian akan dibuat oleh Dato' Pegawai Daerah dan Y.B. Encik Hashim bin Othman.

10. Pendang

Majlis diadakan pada 13.2.1982 di Dewan UMNO Bahagian Ulu Muda, Pendang, jam 10.00 pagi. Y.B. Tuan Haji Shaari dan Y.B. Tuan Haji Safirol bersetuju akan hadir dan menyampaikan bantuan. Jamuan ringan akan diberikan kepada penerima-penerima bantuan yang mendapat sumbangan derma daripada Y.B. Tuan Haji Shaari dan Y.B. Tuan Haji Safirol sendiri. Jumlah jemputan lebih kurang 200 orang.

11. Kota Setar

Majlis akan diadakan pada 14.2.1982 jam 9.00 pagi di Bilik Gerakan, Pejabat Kebajikan Masyarakat, Negeri Kedah. Y.B. Tuan Haji Safirol akan merasmikan dan menyampaikan bantuan. Oleh kerana kes yang terlibat terlalu ramai lebih kurang 1,000 orang, PKMN cadangkan dilakukan berperingkat-peringkat dan di tempat lain.

PKMN mencadang tiap-tiap PKMD melantik jawatankuasa jemputan dan penyampaian bantuan supaya bebanan kerja tidaklah begitu berat. Beliau menasihatkan supaya aturcara majlis yang akan diadakan nanti mengikut peraturan yang betul dan protokol.

Mesyuarat ditangguh kerana berehat pada jam 12.55 tengahari.

Mesyuarat disambung semula pada jam 2.15 petang.

PROJEKSYEN PERUNTUKAN JABATAN.

PKM (K&K) meminta semua PKMD mengemukakan senarai projeksyen peruntukan bagi tiap-tiap daerah untuk ditimbangkan peruntukan tambahan bagi sepanjang tahun 1982 (12 bulan dari Januari - Disember, 1982) di dalam senarai, sila sebutkan jumlah kes dan peruntukan yang diperlukan pada tiap-tiap bulan.

PKMD Kuala Muda, mencadangkan supaya pemberian Bantuan Penyaraan Orang Tua diambil kira juga mengenai keluarga kes supaya wang tidak banyak berlebihan seperti yang pernah berlaku. PKMN bersetuju dengan cadangan itu dan akan dipertimbangkan. PKMD Kota Setar menggesa supaya Peruntukan Bantuan perlu diulangkaji dari masa ke semasa untuk mengetahui kedudukan peruntukan mengikut daerah.

PKMN menegur tentang pengendalian buku peruntukan di daerah-daerah. Beliau menyatakan semasa lawatannya didapati buku-buku peruntukan tidak dikawal dengan betul mengikut kehendak Peraturan Kewangan. Pada tiap-tiap 3 bulan sekali PKMD dikehendaki membuat penyesuaian dengan buku peruntukan di Ibu Pejabat supaya sentiasa berkeadaan betul dan kemas. PKMN mengarahkan supaya 1/3 kes-kes Bantuan Am yang layak dipindah kepada Bantuan Penyaraan Orang Tua, selewat-lewatnya pada bulan Mac 1982 ini. Tindakan ini perlu diambil kerana Wang Peruntukan BPOT selalunya berlebihan manakala wang Bantuan Am sebahagiannya akan digunakan untuk tujuan menjalankan projek perintis dan kelompokan, yang akan dimulakan di tiga buah daerah, iaitu di Alor Setar, Sungai Petani dan Kulim. Mengenai BPKK, PKMN mengarahkan supaya meningkatkan projek secara berkelompok, seperti mengadakan kelas bimbingan untuk anak-anak kes yang kebanyakannya mundur dalam pelajarannya. Encik G. Muniandy, Timbalan PKMN telah ditugaskan khas untuk pengelola bahagian ini. Tiap penggal, laporannya diberi kepada PKMN.

Mengenai ulangkaji kes, PKMN mengingatkan supaya amalan melengah-lengahkan menyiap laporan kajisemula direntikan serta-merta, dan hendaklah dikaji-semula sebelum tempoh bantuan itu berakhir. Seterusnya beliau akan meminta kebenaran Kementerian supaya tempoh bayaran bantuan dilanjutkan dari 6 bulan kepada setahun terutama bagi kes-kes BPOT (Orang tua).

Pergerakan Pegawai-Pegawai.

PKMN memberikan arahan supaya PKMD membuat peraturan supaya tiap-tiap Pegawai dan Pembantu membuat kerja-kerja penyiasatan di luar pejabat sekurang-kurangnya 3 hari dalam seminggu, mulai sekarang PKMD mestilah tegas terutama semasa mengeluarkan arahan kepada kakitangan

bawahannya. PKMD dimestikan mengetahui segala gerak-geri dan tugas yang dijalankan oleh kakitangan bawahannya. Sekiranya menimbulkan keadaan sangsi dan tidak menyenangkan yang boleh membawa kepada terjejasnya nama baik Jabatan, PKMD diminta segera melaporkan ke Ibu Pejabat untuk tindakan. Pada selama ini, seolah-olah PKMD tidak tahu apa kakitangan mereka lakukan.

Pusat Bayaran Bantuan

PKMN menghendaki PKMD menetapkan pusat-pusat bayaran bantuan yang sesuai berhampiran dengan tempat tinggal penerima bantuan. **Tiap-tiap pembayaran yang dilakukan di pusat-pusat mestilah dengan peng-awalan Polis untuk keselamatan Wang Awam.** PKMD Kuala Muda, memohon agar wang yang banyak di daerahnya dapat disimpan dalam Bank dan tidak di Balai Polis. PKMN tidak berapa setuju kerana kurang praktikal dan diminta teruskan amalan sekarang menyimpan di Balai Polis.

Mengenai Pusat Bayaran bantuan, PKMN meminta PKMD menyenaraikannya dan hantarkan untuk makluman beliau.

PKMD Kulim membangkitkan masalah penetapan tarikh pembayaran bantuan. Beliau meminta jasa baik Tuan PKMN menggunakan budibicaranya, untuk mendapatkan kerjasama pihak berkenaan, menyelesaikannya keadaan amalan sekarang yang sudah tidak begitu sesuai, iaitu dengan cara menulis surat apabila wang bayaran bantuan sampai di pejabatnya.

PKMN bersetuju untuk membincangkan dengan Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Bendahari Negeri dan Akauntan Negara, untuk mendapatkan kata sepakat. PKMD Kuala Muda mengesyorkan agar tarikh bayaran dapat dicatatkan di atas kad pembayaran sahaja. PKMN bersetuju jika sekiranya mendapat persetujuan di peringkat perbincangan nanti.

Penggunaan Kenderaan Jabatan.

PKMD diminta mengawasi perjalanan kenderaan Jabatan supaya tidak menyeleweng dan disalahgunakan. Tiap-tiap pegawai yang menggunakan kenderaan diminta mencatatkan "*speedometer*" semasa naik dan semasa turun kenderaan dan direkodkan dalam buku harian rasmi pegawai berkenaan. Mengenai simpanan waktu malam, PKMD mengarahkannya supaya disimpan di Balai Polis dan bukannya di rumah pemandu.

PKMD Langkawi memohon ditempatkan sebuah kenderaan Jabatan di Daerahnya. PKMN bersetuju menimbang memandangkan daerah itu yang luas dan kedudukannya sebagai sebuah pulau. Permohonan kelak akan dibuat kepada Kerajaan Negeri.

Papan Tanda Projek

PKMN mengucapkan terima kasih kepada Pembantu Kebajikan Masyarakat Kubang Pasu yang sudi menghantarkan cadangan untuk contoh papantanda yang baik, dan mengarahkan supaya mana-mana daerah yang belum menyiapkan papan tanda menyiapkan segera. PKMN mengarahkan supaya tiap-tiap PKMD dan kakitangan seluruhnya menyiapkan sebanyak 6 projek berbentuk individu atau kerjasama atau berkelompok, bagi tahun 1982. Dan pada akhir Jun 1982 PKMN memerlukan laporan ke atas tiga projek yang dijalankan bagi tiap-tiap Pegawai/Pembantu. PKMD, Kuala Muda memohon peruntukan tambahan sebanyak \$500.00 untuk meneruskan projek Pusat Jagaan Hariannya. PKMN bersetuju dan meminta PKMD berkenaan menghantarkan laporan untuk kelulusan tambahan. PKM (K&K) mencadangkan sekiranya projek itu gagal rumah tersebut akan digunakan untuk Rumah Amal bagi kanak-kanak terencat akal. PKMN mengarahkan supaya PKMD lebih menumpukan kepada kerja-kerja projek dan diminta menghantarkan kemajuan projek pada 3 bulan sekali.

Nisbah Beban Kerja PKMD.

PKMN memaklumkan bahawa dalam usaha menambahkan kakitangan, pihak Kementerian Kebajikan Am telah mengemukakan permohonan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia, yang mana nisbah 1 orang pegawai boleh menjalankan tugas untuk beberapa kes sahaja. Oleh itu, pihak JPA dan Perbendaharaan Malaysia telah menjalankan penyiasatan teliti dengan melawat tiap-tiap daerah dalam sesebuah negeri, kemungkinan pada pertengahan bulan ini atau Mac 1982 lawatan akan dibuat ke negeri Kedah. PKMD diminta mengemukakan sebanyak mungkin kes-kes dan beban-kerja yang ditanggung oleh daerah masing-masing. Penumpuan akan diberikan kepada Perkhidmatan Luar (Dadah).

PKMD Pendang memohon meluluskan semula Pekerja Sukarela di pejabatnya memandangkan di pejabatnya sekarang tiada kerani. PKMN akan menimbangakan setelah lawatan dibuat sekali lagi. Bagi jawatan kerani PKMN tiada lagi membekalkan kerana ketiadaan peruntukan lagi bagi tahun ini.

PKMN menasihati PKMD supaya segala kerja pejabat dihabiskan di pejabat (tidak dibawa balik). PKMD Kota Setar kurang setuju, kerana di pejabat beliau terpaksa melayani tiap-tiap kes baru, menjalankan kerja di luar pejabat di samping menghadapi pelbagai masalah kakitangan di pejabat. PKMD Kuala Muda mengadakan sistem Pegawai Bertugas mengikut giliran (*duty officer*). PKMN memuji dengan peraturan ini dan meminta PKMD lainnya mencontohi peraturan ini untuk mengatasi

masalah bebanan kerja yang banyak. Tidak semstinya tiap kes baru mesti jumpa PKMD. PKMD Kuala Muda juga memohon seorang jurutaip di pejabatnya. PKMN akan memberi perhatian memandangkan kerja-kerja menaip di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Muda yang semakin bertambah, buat sementara ini PKMN telah pun menambah elaun Pekerja Sukarela.

PKMD Langkawi meminta peruntukan negeri dapat diagihkan segera. PKMN akan mengambil tindakan secepat mungkin.

PKM (K&K) memaklumkan garis panduan meluluskan bantuan sekolah yang berbentuk Wang Tunai seperti berikut:-

- | | | |
|------------------------------------|---|---------|
| a) Yurang Peperiksaan SPM dan STP | - | 75% |
| b) Yuran Peperiksaan SRP | - | 100% |
| c) Pakaian (kasut dan sarong kaki) | - | \$30.00 |
| d) Tambang | - | 75% |
| e) Asrama | - | 75% |

Mengenai borang-borang permohonan telah diedarkan kepada semua PKMD mengikut kadar yang telah ditentukan.

PKMD Kuala Muda, memberitahu bahawa beliau hanya mengedarkan 400 keping sahaja borang berkenaan memandangkan kepada peruntukan yang diagihkan kepadanya tidak mencukupi, jika diedarkan kesemua maka borang berjumlah sebanyak 800 keping. PKMN memberitahu mengenai peruntukan tambahan Bantuan Sekolah telah pun disetujui tambah daripada \$80,000 kepada \$150,000 (Peruntukan Bantuan Am dikurangkan).

PKM (K&K) memaklumkan bahawa borang-borang yang diagihkan itu tidaklah termasuk bantuan kepada kanak-kanak cacat, tambang sampan di Kota Setar dan bantuan asrama kepada murid-murid daripada Daerah Langkawi yang terpilih belajar di Alor Setar ini.

PKMD Kota Setar, mencadangkan supaya bantuan tambang sampan dapat diluluskan kesemuanya tanpa melalui tapisan.

PKMN bersetuju dengan syarat mendapat persetujuan daripada Ibulbapa/Penjaga memberi kebenaran menggunakan sampan.

PKM (K&K) mencadangkan supaya PKMD berkenaan menjalankan projek usahasama dengan PIBG dengan cara menggajikan pengayuh sampan berkenaan. PKMN bersetuju dengan cadangan tersebut. PKMD Kota Setar menegaskan bahawa mengenai surat kebenaran memadai dengan tandatangan yang terdapat di atas borang permohonan Bantuan Sekolah untuk tambang sampan. PKMN bersetuju sekiranya permohonan seperti ini dibuat.

Lain-lain hal

PKM (K&K) meminta daerah yang belum menghantarkan perangkaan

Bantuan Pelancaran supaya menghantarkannya segera dan juga laporan tahunan dari 1977 – 1981 untuk menyediakan laporan tahunan yang lama terbelengkalai.

PKMD Pendang hanya dapat menghantar laporan tahunan bagi tahun 1980 dan 1981 sahaja kerana 1979, ketiadaan rekod-rekod di pejabatnya.

PKMD Kubang Pasu, tidak dapat menghantarkannya lagi kerana pertukaran pegawai. PKMN meminta disegerakan dengan apa cara sekali pun dan ini adalah tanggungjawab PKMD sebelumnya, dan hal ini telah ditegaskan dalam mesyuarat bulan Disember lalu.

PKMD Kuala Muda, memohon disegerakan bantuan bencana kebakaran daerahnya iaitu sebanyak 2 kes – yang telah diedarkan untuk kelulusan pihak PKMN. PKMN memberitahu bahawa *imprest* Panjar Seperduabelas baharu sahaja diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan pertimbangan akan disegerakan.

PKMD Kuala Muda, mempersoalkan tentang ketidaksesuaian borang penyiasatan Bantuan Bencana Alam terutama ruangan tandatangan, beliau berharap ruangan ini dimansuhkan.

PKMN bersetuju dan menasabah ianya diubahsuai. Timbalan PKMN akan mengambil tindakan. PKMD Kuala Muda berharap agar menselaraskan dan mensegerakkan dalam menyediakan penyata bulanan, suku tahun dan tahunan semua peringkat daerah. Sebagai penutupnya PKMN mengucapkan terima kasih kepada semua PKMD yang hadir dari pagi hingga ke petang dan memaklumkan bahawa Encik Othman Bakar dan Encik Osman Salleh bin Dato' Haji Abu Bakar dijangka akan menghadiri seminar di Kuala Lumpur pada 8.2.1982 mengenai Kebajikan Sekolah, setelah mereka ini kembali nanti diminta akan memberikan penerangan dan maklumbalas kepada pegawai-pegawai lainnya. Beberapa kursus dan perjumpaan akan jua diadakan di daerah-daerah dari masa ke semasa.

Beliau menegaskan sekali lagi peri pentingnya semangat baru dan kerja yang gigih, penuh didikasi dalam usaha pembangunan masyarakat demi meninggikan imej Jabatan dan Kementerian.

Majlis bersurai pada jam 6.00 petang.

(Husni Zain b. Hj. Hussein)

Setiausaha

PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI KEDAH
ALOR SETAR.

Bertarikh: 14.2.1982

Lampiran 18(1).8

Jabatan Kebajikan Masyarakat,
Negeri Kedah,
Alor Setar.

Tarikh: 6hb. Februari, 1982.

Yang Berhormat,
Datin Padukan Hajjah Aishah Ghani, DPMS., JMN.,
Menteri Kebajikan Am Malaysia,
Kuala Lumpur.

Yang Berhormat Datin Paduka,

Per: Rayuan di atas rasa ketidakpuasan hati kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah terhadap sikap Pengarah Kebajikan Masyarakat, Negeri Kedah.

Dengan segala hormatnya menyusul kembali surat rayuan kami bertarikh 21.1.1982 mengenai perkara di atas, suka sekiranya Yang Berhormat Datin Paduka dapat memberikan perhatian dan tindakan dengan kadar secepat mungkin. Ini adalah kerana kami tidak lagi dapat bersabar dengan tindakan dan tingkah laku Tuan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah, Encik Wan Azmi Ramli yang semakin keterlaluan dari semasa kesemasa, hingga menyebabkan semua kakitangan berada dalam keadaan ketegangan, ketakutan dan sebagainya.

Diakhir-akhir ini beberapa insiden baru telah berlaku, antaranya ialah:-

Ceramah dari Jabatan-Jabatan Kerajaan dan Agensi-agensi/Organisasi sukarela.

Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah kepada semua Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat dan Pembantu-pembantu untuk hadir pada 1.2.1982 supaya menghadiri mesyuarat Jabatan, tetapi malangnya apabila tiba ditempat mesyuarat kami dapati seramai 19 para ceramah dari 22 orang yang dijemput telah hadir. Keadaan ini amat mengejutkan semua kakitangan yang hadir. Namun demikian kami dapat bersabar mengikuti ceramah tersebut dari awal pagi hingga pukul 6.10 petang.

Apa yang mengejutkan sangat kepada semua kakitangan yang hadir termasuk dua orang pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis adalah ucapan penutup Tuan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah. Dalam ucapan tersebut, beliau telah mengeluarkan kata-kata yang berupa ugutan seperti berikut:

"..... ini adalah hanya 2/3 dari mesyuarat dan ada lagi 1/

* rujuk Catatan Kakitangan dalam Laporan - pengarang.

3 untuk diteruskan selepas berhenti rehat, kalau nak pi makan ka, mandi ka, saya bagi masa setengah jam, kalau setengah jam akan habis cepat dan dijangka 10.00 malam, kalau lebih dari setengah jam mungkin habis 12.00 malam. Saya bagi masa setengah jam hingga satu jam, pegawai-pegawai dari Perlis boleh balik, kalau tunggu nanti terkejut pula apa yang akan terjadi lepas ni ...”

Kata-kata diatas diucapkan dihadapan Yang Berbahagia Dato' Haji Shuib bin Osman (Pengerusi MPK Negeri Kedah), Encik Chong Beng Hock (Setiausaha PENAWAR) Encik Nasir bin Mustaffa (Setiausaha Persatuan Bulan Sabit Merah Cawangan Negeri Kedah) dan Encik Ho (seorang anggota unit Jabatan Penerangan Daerah Kota Setar). Ekoran dari kata-kata ugutan yang kasar dihadapan Penceramah-penceramah dan dua orang pegawai dari negeri Perli tersebut, kami terasa amat terhina dan tidak mempunyai maruah diri.

Tuan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah menjalankan ceramah ini adalah secara mengeksploitasikan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah iaitu dengan memaksa setiap pegawai dan pembantu dimestikan membayar wang mengikut kadar yang ditetapkan oleh beliau sendiri, bagi tujuan perbelanjaan makan minum dan perbelanjaan-perbelanjaan lain dalam ceramah tersebut.

Kami sebagai kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah juga merasa tersinggung apabila Tuan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah mengatitkan Aturcara tidak mengikut protokol dalam majlis ceramah tersebut. Sebagai contohnya beliau seharusnya memberikan ucapan aluan dalam majlis tersebut, tetapi sebaliknya beliau telah berucap selepas Yang Berhormat Dato' Leong Man Kai (Pengerusi majlis Hal Ehwal Kebajikan dan Malapetaka Negeri Kedah) meresmikan Majlis tersebut.

Kami kakitangan yang beragama Islam juga merasa tidak puashati dengan tindak-tanduk Tuan Pengarah yang tidak menghormati masa-masa sembahyang yang sepatutnya waktu rehat patut diberikan kepada kami untuk menunaikan kewajipan kami. Dalam majlis ceramah ini, beliau tidak menghiraukan waktu-waktu sembahyang seperti waktu Zohor, Asar dan Maghrib.

Penceramah-penceramah yang hadir dari berbagai Jabatan-Jabatan, Pertubuhan-pertubuhan dalam majlis tersebut “didera” dari jam 8.30 pagi hingga jam 6.10 petang. Akibat dari ini terdapat rungutan dari Penceramah-penceramah tersebut yang membabitkan imej Jabatan kami sendiri.

Kami berpendapat bahawa ceramah anjuran Tuan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah adalah semata-mata untuk kepentingan peribadinya atau sebagai jalan mencari publisiti bagi dirinya sendiri, dengan

secara mencengkam kakitangan bawahan. Tuan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah sepatutnya membuat persediaan yang cukup dalam usaha hendak menjalankan sesuatu majlis seperti ini.

Kata-kata yang kesat yang menjatuhkan maruah kakitangan di Jabatan ini masih lagi diteruskan oleh Tuan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah bahkan keadaannya bertambah-tambah lagi berbanding dengan yang lepas.

Untuk makluman Yang Berhormat Datin Paduka, kami telah mengadakan satu jamuan perpisahan kepada seorang pegawai yang akan bertukar ke Asrama Rusila, Trengganu, dalam bulan Januari 1982 yang diadakan di Bilik Konferen, Ibu Pejabat Kebajikan Masyarakat, Alor Setar, pada masa makan tengahari, kami telahpun menjemput Tuan Pengarah untuk bersama-sama menyertai jamuan tersebut tetapi malangnya beliau tidak hadir, padahal ia tidak kemana-mana pada masa tersebut dan masih berada di biliknya. Ini menunjukkan sikap yang ia tidak mahu bercampur gaul dan bermesra dengan pegawai-pegawainya serta menganggap tidak setaraf dengannya.

Dengan insiden-insiden dan kata-kata yang seperti tersebut di atas dan dalam surat rayuan kami yang dahulu, kami mengambil kesimpulan bahawa kami tidak dapat bekerjasama dan menaruh kepercayaan penuh kepada beliau sebagai Tuan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah.

Dari itu, kami sekali lagi merayu kepada Yang Berhormat Datin Paduka agar dapat ditukarkan dari Negeri Kedah Darulaman dengan kadar segera. Ini adalah untuk menjamin keadaan yang harmoni dan nama baik Jabatan ini khususnya, serta Kementerian Kebajikan Am amnya.

Kami bersedia memberikan penjelasan yang lanjut sekiranya dikehendaki berkaitan dengan perkara ini.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMATAN UNTUK NEGARA'

Kami yang menurut perintah,

(seperti Lampiran 'A' berkembar)

s.k.

1. Yang Amat Berhormat,
Dato' Kama Jaya,
Menteri Besar Kedah,
Alor Setar

Patek-patek sekalian memohon jasa baik Yang Amat Berhormat Dato' Seri supaya dapat mempertimbangkan sebarang tindakan yang sesuai agar

Encik Wan Azmi Ramli ditukarkan dari Negeri Kedah Darulaman, demi untuk menjaga nama baik dan hubungan diantara semua Jabatan dan Agensi lain dengan Jabatan ini.

Sekian terima kasih.

2. Yang Berbahagia,
Dato' Ketua Setiausaha,
Kementerian Kebajikan Am, Malaysia,
Kuala Lumpur.
3. Yang Berhormat,
Dato' Setiausaha Kerajaan,
Negeri Kedah,
Wisma Negeri,
Alor Setar.
4. Tuan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Kementerian Kebajikan Am,
Malaysia, Kuala Lumpur.
5. Yang Berhormat,
Dato' Leong Wan Kai, DSDK., AMK., KMN., PJK. JP.,
Pengerusi Hal Ehwal Tetap Kebajikan Masyarakat/Malapetaka,
Negeri Kedah,
287-Q, Jalan Aman, Kulim.

**DI ANTARA TINGKAH LAKU DAN KATA-KATA
ENCIK WAN AZMI RAMLI YANG KESAT DAN KURANG
SOPAN TERHADAP KAKITANGAN BAWAHANNYA.**

Tarikh: 9.11.1981

Jam: 9.00-3.00 ptg.

Tempat:

Dibilik Gerakan Pejabat Daerah,
Kota Setar.

Bilik Gerakan ini dijadikan Bilik
Mesyuarat Kakitangan Jabatan pada
hari tersebut. Percakapan atau kata-
kata dari dalam bilik ini boleh
didengar oleh lain-lain kakitangan
Pejabat Daerah tersebut yang
terletak berhampiran.

Dengan mengatakan bahawa bekas
Tuan Pengarah sebelumnya tidak
tahu membuat kerja; dimana kerja-
kerja yang ditinggalkan oleh bekas
Tuan Pengarah lama itu amat kucar
kacir.

Dalam mesyuarat ini juga beliau
juga ada berkata: Encik Abd. Rahim
bekas Pegawai Kebajikan Masya-
rakat Daerah (PKMD Kota Setar)
telah membuat satu laporan anak
angkat yang terok jadi tambahanya
laporan macam itu sambil kencing
pun boleh buat. Katanya lagi nasib
baik Encik Rahim telah meletak
jawatan kalau tidak saya akan ajar
dia kerana Kementerian hantar saya
adalah untuk mengajar Encik Abd.
Rahim.

Seterusnya beliau menunduh
Encik Abd. Rahim meletak jawatan
kerana pengecut takut pada cabaran,
ranggi dan ego.

Beliau marahkan kepada kakitangan
Pejabat tersebut dengan perkataan:
Pegawai kurang sopan kerana
menyebut nama beliau Cik Wan
dimana mengikut kehendaknya
mestilah ENCIK WAN.

Beliau berkata kepada Pegawai
Kebajikan Daerah "Awak Pegawai
malas, tak layak jadi PKMD
(Pegawai Kebajikan Masyarakat
Daerah) tak reti (tahu) jaga Pegawai
bawahan, jangan buat baik sangat

Tarikh: 25.11.1981

Jam: 9.30 pagi

Tempat:

Pejabat Kebajikan
Bandar Bahru.

Tarikh: 26.11.1981

Jam: 8.30 pagi.

Jam: 8.45 pagi.

Jam: 9.00 pagi.

Tarikh: 1.12.1981

Jam: 2.00 petang.

Tempat:

Ibu Pejabat Kebajikan
Masyarakat, Negeri Kedah.

Tarikh: 5.12.1981

Jam: 9.00 pagi

Tempat:

Pejabat Kebajikan Jitra,
Kubang Pasu.

Jam: 1.00 tengahari.

Tarikh: 7.12.1981

Jam: 10.35 pagi

Tempat:

Pejabat Kebajikan, Sik.

Jam: 11.00 pagi.

dengan Pegawai bawahan, mesti jaga standard, tolong tengok mereka buat kerja. Awak Pegawai kelam-kabut, pendaftaran di Pejabat kelam-kabut nanti aku sumbat di home (yayasan).

Beliau juga menengking seorang Pegawai lain dengan perkataan "Awak samseng ke? kalau depan saya mesti hormat".

Di hadapan PKMD Kulim beliau berkata kepada Encik G. Muniandy melalui telefon antara kata-kata yang dianggap kesat ialah "Awak bodoh, tak reti buat kerja".

Beliau berkata kepada seorang Pembantu Kebajikan Masyarakat yang baru hendak melaporkan diri untuk berkhidmat, antara kata-katanya "Awak ni baru keluar hutan ke? kurang sopan". Ini adalah kerana Pegawai berkenaan tidak menggunakan perkataan "Encik Wan" semasa bercakap dengannya.

Memarahi Pegawai (PKMD) di hadapan kakitangan bawahan dengan perkataan "Awak tidak layak jadi PKMD. Tidak guna otak".

Memarahi seorang kakitangan dengan perkataan "Awak berambut panjang macam penagih dadah".

Beliau memarahi seorang pegawai yang baru pulang dari kerja luar dengan perkataan "Pakaian awak macam orang jual ikan".

Seorang lagi kakitangan pejabat tersebut dimarahi kerana membuat

Jam: 12.00 tengahari.

Tarikh: 9.12.1981
 Jam: Sebelah pagi.
 Tempat:
 Pejabat Kebajikan
 Padang Terap.

Tarikh: 12.12.81
 Jam: 1.45 petang.
 Tempat:
 Pejabat Kebajikan Yan. Pejabat ini

pertanyaan sekali lagi berkaitan percakapan beliau yang kurang jelas di dengar "Awak pekak ke?".

Kepada seorang kakitangan yang lain pula beliau memarahi dan kata-kata "Lain kali jaga sedikit adap", "Kenapa tidak hormat saya".

Beliau berkata kepada PKMD "Awak ni dari mana, dari ulu kut? tak reti ajar Pembantu dan kerani hormat saya, bila bercakap dengan saya, mereka sebut ya, ya sahaja, gunakan perkataan "Ya, Encik Wan". "Awak Pegawai degil, tak layak jadi PKMD, kalau ada Pembantu yang layak Pembantu akan jadi PKMD awak".

Beliau menuduh Pembantu bergoyang kaki di Pejabat, asyik berdakwah kerana memakai sekap. Disyor Pembantu ini berhenti kerja dan berkahwin. Kalau kahwin pun suami awak tentu marah kerana malas, cemerkap, bodoh, setaraf dengan orang-orang mengaji di pondok. Dituduh Pembantu ini sebagai Petualang bangsa makan gaji buta.

Beliau mengata kepada PKMD "Awak pegawai tongkoi, biadap dan petualang" Beliau mengugut dan mengancam dengan kata-kata kesat, nyaring dan kuat, boleh didengar seluruh bangunan yang mana terdapat 2 atau 3 pejabat dalam bangunan itu. Ini sungguh memalukan.

Beliau memarahi Puan PKMD dengan perkataan "Awak balik makan kedarah berkoyan-koyan ke?"

dibawah satu bumbong dengan pejabat Pendaftaran, Belia, Risa dan Zakat. Percakapan boleh didengar dengan jelas,

Tarikh: 16.12.1981

Jam: 8.35 pagi

Tempat:

Pejabat Kebajikan
Sungai Petani.

Jam: 8.45 pagi

Tempat:

Pejabat Kebajikan
Sungai Petani

Jam: 11.00 pagi.

Tarikh: 23.12.1981

Jam: 9.45 pagi

Apabila dijelaskan yang ia balik sembahyang, beliau menengking dengan berkata "Amboi nak tunjuk warak sangat, cakup loyar buruk, bodoh, batak, ulu, lebih baik beri bantuan dari sembahyang kerana sembahyang boleh Qadza".

Beliau menengking seorang Pembantu dihadapan Pegawai (PKMD) dan didengari oleh semua kakitangan yang lain "Kurang ajar, awak lebih baik balik jual tuak" kemudian beliau juga mengoyak buku harian rasmi pegawai berkenaan.

Seorang lagi pegawai yang dimarahi dengan kata-kata "Kalau tak boleh buat kerja, bagi tahu Kerajaan Negeri dan boleh berhenti kerja". Pegawai ini adalah seorang Pegawai Kerani Rendah yang cacat kaki tangan, jadi ia telah agak terlambat membawa buku kedatangan yang dikehendaki oleh beliau pada pagi tersebut. Begitu juga beliau marah kerana Pegawai tersebut telah ambil cuti sakit pada hari sebelumnya kerana kurang sehat.

Beliau juga memarahi PKMD dengan kata-kata "Awak lemah, tak tahu jaga kakitangan bawah awak tak layak jadi PKMD, kalau ada Pembantu yang layak saya akan bagi Pembantu jadi PKMD awak".

"Kakitangan awak terlalu malas, Pegawai dan kakitangan kurang sopan, tidak tahu menghormati Tuan Pengarah:

Beliau memarahi Tuan Timbalan Pengarah Encik G. Muniandy

Tempat:
Ibu Pejabat Kebajikan Masyarakat,
Negeri Kedah.

Tarikh: 13.1.1982

Jam: 7.55 pagi

Tempat:

Ibu Pejabat Kebajikan Masyarakat,
Negeri Kedah.

Jam: 8.15 pagi.

Jam: 9.30 pagi

Tempat:

Pejabat Kebajikan Masyarakat,
Pendang.

Jam: 12.30 tengahari

semasa Encik G. Muniandy bercuti. Katanya: Encik G. Muniandy ini bukan boleh percaya, bangsa Hindu dia memang tak suka nak bagi bantuan kepada orang-orang Melayu, saya talipon dia dirumah suroh dia mai pejabat saya, saya nak ajar dia". Beliau mengeluarkan kata-kata ini semasa berbincang mengenai bantuan dalam biliknya.

Memarahi seorang Pelayan Pejabat kerana datang lewat kerana motor-nya rosak. Kemudian beliau menghempaskan satu tin spray pewangi dengan kuat diatas meja.

Mengatakan kurang ajar, biadap, tak tahu cakap kepada seorang kakitangan perempuan kerana tidak sebut perkataan "Ya, Encik Wan" semasa bercakap dengan beliau melalui intercom.

Pada hari yang sama juga beliau mengoyak sepucuk surat yang didraft oleh seorang kakitangan.

Beliau memarahi PKMD dengan perkataan Pegawai bodoh, tak layak jadi PKMD, goyang kaki, tak reti ajar Pembantu. Awak ikut arahan saya, saya ada kuasa jangan ikut arahan Yang Berhormat.

Semasa didalam kereta Tuan Pengarah. Beliau memarahi PKMD dengan kata-kata "Nak bercakap dengan saya tak reti sebut "Encik" cakap huk-hak, huk-hak entah nanti cakap dengan anak bini macam itu kut, nanti anak bini naik kepala". "Pegawai Negeri Kedah tak reti bahasa semua, nanti saya panggil

Jam: 3.45 petang.
Ke Rumah PKMD, Pendang.
Tetapi PKMD tiada dirumah.

Lain-lain perkataan kesat yang dikeluarkan oleh beliau tetapi tarikh tidak diingati dengan tepat.

Tarikh: 22.12.1981
Tempat:
Pejabat Kebajikan Masyarakat
Daerah, Langkawi.

Office Boy ajar semua". Apabila PKMN hendak minta berhenti makan, beliau menengking, "tak boleh puasa ke, makan disini banyak debu, nanti mampus (mati)".

Beliau berkata kepada isteri PKMD berkenaan "suami awak takut hendak ke Pejabat, Pegawai Kedah tak reti sopan, tak reti bahasa, tolong ajar suami awak sedikit".

"Pegawai monyet, pegawai dah tua tapi tak tahu buat kerja, pegawai nak mati kut, pegawai biadab, kurang sopan, pegawai bodoh penakut dan sebagainya.

Beliau sendiri tidak menandatangani Buku Keadatangan semenjak ia bertukar kemari hingga ke hari ini. Sepanjang yang kami tahu sebagaimana mengikut Arahan Perkhidmatan tiada mengatakan yang Pengarah dikesualikan.

Juga beliau mengarah supaya dibuat "Name Tag" bagi kesemua kakitangan dari Pelayan Pejabat hingga ke Pengarah dan dimestikan memakainya tetapi beliau sendiri tidak memakai.

Semasa dalam pejabat dan diluar pejabat, beliau telah menggunakan perkataan-perkataan yang paling kesat sekali kepada pegawai-pegawai dalam pejabat. Dia menengking, memaki hamun, malas, bodoh, tongkoi dan lain-lain lagi yang tak sedap didengar. Kata-kata seumpama ini dikeluarkan dan diucapkan dengan nada kuat yang mana pegawai-pegawai lain yang duduk berdekatan semuanya dengar. Ini amatlah memalukan.



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH

IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT,
NEGERI KEDAH.
ALOR SETAR

TELEFON

Telefon : 723322

Pengarah : 720326

Rumah : 722013

Bil. PKMK (P) 22/18

Tarikh: 7/3/1982.

Semua PKMD,
Pegawai dan Pembantu
Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah.

Bkn: "Engkar Perintah"

Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan rasa bangga dan terimakasih saya atas kerjakuat yang ditunjukkan oleh para kakitangan dalam penyediaan dan upacara penyampaian Bantuan Sekolah di seluruh Negeri Kedah ini. Semangat seperti inilah yang saya tekankan perlu wujud dikalangan kakitangan kita demi menjaga imej Jabatan dan namabaik Kementerian.

Memandang saudara/saudari telah berubah sikap, saya sedia memaafkan kejadian yang tidak diinginkan pada 1.2.1982 itu dan harap ianya tidak berulang lagi demi menjaga disiplin dan keutuhan Jabatan.

Harap prestasi ini dipertingkatkan lagi.

Wassalam.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

t.t.

(WAN AZMI RAMLI)

Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Negeri Kedah.


JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH

IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT,
NEGERI KEDAH,
ALOR SETAR

TELEFON

Telefon : 723322
Pengarah : 720326
Rumah : 722013

Ruj Tuan:

Ruj Kami: (33) dlm, JEM (K) 203 Jd. 2

Tarikh: 28hb. Mach, 1982.

Encik G. Muniandy, PCK.
Timb. Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Negeri Kedah.

Bkn:Kejadian (i) Bencana ribut di Some Estate,
(ii) Kes Tg. Pari, Baling.

(i) Bencana RIBUT di Some Estate, Serdang.

Saya rasa dukacita kejadian bencana ribut pada 27.2.1982 hingga ke hari ini masih belum diterima laporan lengkap (rojo' arahan Encik bil. 64 tanggal 16.3.1982)

En. Pegawai Kebajikan Masyarakat, Daerah Kulim telahpun pergi ke tempat berkenaan dan bersama Dato' Leong, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Kebajikan/Malapetaka Negeri Kedah bersetuju memberi barang-barang makanan, malangnya beliau tidak mengambil tindakan. Ini telah menimbulkan huruk sangka dan celaan terhadap peribadi YB. Dato' Pengerusi dan YB. En. A.Supramaniam.

Pada 9.3.1982 PKMD Kulim menalipon Encik di rumah (kerana Encik bercuti dari 9/3 - 11/3) dan Encik beri arahan/kebenaran memberi makanan malangnya tidak pun hal ini Encik beritahu kepada saya. Saya ada di Alor Setar/Asrama pada waktu itu (9/3 dan 10/3) dan Encik tidak pun mengambil dayausaha untuk melaporkan perkara penting ini kepada saya menerusi telefon di pejabat ataupun di rumah. Disebabkan saya tidak tahu menahu, susulan tidak dibuat. Sesudah pihak Dato' Leong dan desakan beberapa badan parti politik, barulah PKMD Kulim mengambil tindakan, kononnya barang-barang makanan di beri pada 6/3 (menurut laporannya kepada YB. Dato' Leong Man Kai) tetapi YB. Dato' Leong sendiri menyiasat dan disahkan bahawa barang-barang makanan diberi pada 12/3- lebih dari dua minggu lepas kejadian bencana tersebut.

(iii) Kes Tanjung Pari, Baling.

Kejadian tunjuk perasaan oleh 12 keluarga penoreh getah yang tidak dapat pergi menoreh disebabkan bahaya ancaman komunis berlaku pada 24/3/82 di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Baling. PKMD Baling menalipon Encik dan melaporkan dengan secara terperinci pada hari Rabu 24/3 itu tetapi malangnya Encik yang duduk jarak sebelah dinding dengan saya tidak melaporkan hal ini

kepada saya secara lisan (menerusi intercom kalau malas datang ke bilik saya) malah Encik pilih untuk menuliskannya ke dalam fail dan fail berkenaan dimajukan kepada saya pada esoknya (25/3- sedangkan pada 24/3 saya dipejabat hingga jam 4.40 petang).

Saya rasa malu apabila peristiwa ini dilaporkan secara terperinci kepada saya oleh En. Shukri, Setiausaha kepada YAB Dato' Kama Jaya, Menteri Besar menerusi telefon ke rumah saya pada jam 10.15 malam, bukan oleh Timbalan saya.

Saya marah sikap Encik sebegini dan sekiranya saya di beritahu awal, petang Rabu 24/3 itu juga akan saya ke Baling serta-nerta semoga tidak lagi berlaku kekecohan dan niat orang-orang berkenaan untuk "tunjuk perasaan" apakala YAB Timbalan Perdana Menteri melawat Baling pada hari Jumaat 26/3/82. Tetapi syukurlah, Jabatan ini dapat mententeramkan 396 keluarga dan memberi barang-barang makanan kepada mereka seperti yang dikehendaki dan didapati layak.

Saya harap, kejadian-kejadian seperti di atas tidak berlaku lagi kerana saya khuatir Encik nanti disalahtafsirkan sebagai melakukan "sabotaj".

Sila ambil perhatian berat dalam hal ini. Sekian.

Terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

t.t

(Wan Azmi Ramli)
Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri
Kedah.



JABATAN PERDANA MENTERI,
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR

Telefon: 723322
Kawat: PERDANA

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: PM (s) 1007/1/7733/81

Tarikh: 1hb Oktober, 1981

Encik Md. Saman bin Md. Isa.
Kampung Putat,
Mukim Putat,
Kubang Pasu,
Jitra

Tuan,

Saya adalah diarah merujuk kepada surat tuan bertarikh 28hb September 1981, yang telah dialamatkan kepada YAB Perdana Menteri, dimana tuan memohon bantuan wang untuk memperbaiki rumah tuan dan menerangkan sungguh pun Pejabat ini bersimpati kepada tuan dalam perkara itu tetapi tidaklah upaya menolong tuan secara langsung dalam perkara itu memandangkan Pejabat ini tidak ada peruntukan untuk tujuan itu.

2. Walau bagaimana pun adalah disyorkan supaya tuan mengemukakan permohonan itu kepada pehak yang lebih berkenaan di peringkat daerah, seperti Pegawai Daerah Kubang Pasu, supaya dapat dipertimbangkan apa-apa langkah yang di perlukan, sementara itu saya juga memanjangkan perkara itu demikian untuk tujuan yang sama.

3. Saya juga diarahkan oleh YAB Perdana Menteri, menyampaikan penghargaan beliau diatas ingata tuan yang tulus ikhlas serta doa demi kesejahteraan dan kesihatan beliau sepertimana terkandung di dalam surat tuan itu.

Sekian dimaklumkan.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya dengan hormatnya,
yang menurut perintah,

t.t.

(Haji Abdul Muid bin Haji Zainuddin)
b/p. Ketua Setiausaha Sulit
kepada Perdana Menteri.

s.k.

Pegawai Kemajuan Negeri Kedah,
Alor Star.

Lampiran 18(1).11 i



JABATAN PERDANA MENTERI,
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR

Telefon: 723322
Kawat: PERDANA

Raj. Tuan:

Raj. Kami: PM (s) 1007/1/775

Tarikh: 6hb Oktober, 1981

Pegawai Daerah Kubang Pasu,
Pejabat Daerah
Jitra,
Kedah.

Tuan,

Bersama-sama ini adalah disertakan untuk tatapan tuan salinan surat pejabat ini dialamatkan kepada Encik Md. Saman bin Md. Isa yang telah merayu meminta ikhsan YAB Perdana Menteri bagi bantuan wang untuk memperbaiki rumah seperti alamatnya.

2. Mengikut perayu rumah yang didudukinya sekarang yang diwarisi turun temurun tersangatlah uzor kerana rumah itu dibina dalam kurun yang lepas di mana perayu tidak pula menyatakan butir-butir yang diperlukan seterusnya, walau bagaimana pun berbahagialah kiranya rayuan yang dikemukakan ini dapat diberikan apa-apa penimbangan/pertolongan jua adanya.

Sekian dimaklumkan.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya dengan hormatnya,
yang menurut perintah,

t. t.

(Haji Abdul Muid bin Haji Zainuddin)
b/p. Ketua Setiausaha Sulit
kepada Perdana Menteri.

s. k.

Pegawai Kemajuan Negeri Kedah,
Alor Star.

Lampiran 18(1).11 ii

Ketika menjawab surat ini pinta sebutkan

Pejabat. Daerah Kubang Pasu,Jitra, Kedah.

Bil (13) din. PDKP 10/1979 Jd. 3

14hb. Oktober, 1981,15hb. Zulhijjah, 1402

Tuan Pegawai Kebajikan Masyarakat,
Daerah Kubang Pasu,
Jitra

Per: Encik Md. Saman bin Md. Isa
Kg. Putat, Mk. Putat, Kubang Pasu

Berhubung dengan perkara tersebut diatas bersama-sama ini dikelatkan salinan photostat daripada Tuan Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri Malaysia bil. PM (S) 1007/1/7753 bertarikh 6hb. Oktober, 1981 yang menerang dengan sendiri akan maksudnya. 2. Oleh itu sukacitalah kiranya pihak tuan dapat membuat siasatan dan laporan diatas perkara tersebut.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

t.t.
(Jamil bin Jamaluddin, BCK.)
Pegawai Daerah
Kubang Pasu.

Lampiran 18(1).11 iii



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
DAERAH KUBANG PASU,
JITRA, KEDAH

TEL. NO: 04-743305

Rujukan No: PKM. KP 45/81 (5)

Bertarikh: 15hb. Oktober, 1981

Tuan Pengarah,
Jabatan Kebajikan Masyarakat,
Negeri Kedah,
Alor Setar.
(u.p. En. G. Muniandy, PCK)

Bkn: En. Md. Saman b. Md. Isa,
Kg. Putat, Mk. Putat, Kubang Pasu.

Berhubung dengan perkara yang tersebut di atas, bersama-sama ini disertakan surat dari Pegawai Daerah juga Salinan Photostat surat dari Tuan Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri Bil: PM (S) 1007/1/7753/81 bertarikh 5hb. Oktober, 1981 yang menerangkan maksudnya.

2. Juga dimaklumkan kepada tuan yang kes ini telah pun disiasat pada 16hb March, 1981 dan bersama-sama ini dikelatkan Lepuran Penyiasatan untuk makluman dan tindakan. Jawapan surat tuan kepada Yang Berhormat, Tuan Haji Hanafi b. Ramli, Bil: (32) dlm. JKM (K) 8/11 bertarikh 5hb. April, 1981 ada kaitan.

Sekian untuk pertimbangan tuan. Terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menurut perintah,

t.t.

Pegawai Kebajikan Masyarakat,
Daerah Kubang Pasu,
Jitra, Kedah.

s.k.

Tuan Pegawai Daerah,
Kubang Pasu.

LAPURAN PERIHAL KES:-

Nama: Asiah bt. Puteh

Kad Pengenal No: 2930282

Tarikh Lahir: 1949

Alamat: Kampong Putat, Mukim Putat, Kubang Pasu.

Penama adalah isteri kepada En. Md. Saman b. Md. Isa dan semasa 2 kali lawatan dibuat En. Md. Saman tiada dirumah kerana bekerja kontrak binaan di Yan, Kedah.

En. Md. Saman bekerja sebagai buroh kontrak dengan pendapatan lebih kurang \$150.00 sebulan mengikut keterangan isterinya.

Rumah yang diduduki oleh keluarga ini ialah rumah pesaka dan terletak di atas tanah mereka sendiri.

Rumah berukuran 16' x 12'. Bahagian Ibu, beratapkan nipah, lantai papan dan dinding pelopoh. Bahagian dapur pula berukuran 10' x 10'. Beratap nipah, lantai dan dinding papan. Bahagian dapur ini sudah tidak boleh digunakan lagi.

Rumah ini sudah senget akibat banyak daripada tiangnya reput dibahagian pangkal dan ini menyebabkan lantainya jongkang-jongkit. Dinding-dinding pelopoh pula sudah reput dan berlubang-lubang dibanyak bahagian.

Oleh kerana sudah lama dapur tak boleh digunakan maka penama (Aishah) menggunakan sebahagian daripada ibu untuk memasak.

Keluarga ini mempunyai seramai 5 orang seperti dibawah:—

1. Md. Saman b. Md. Isa — Lelaki/40 tahun — pekerjaan buroh, pendapatan \$150/
2. Aishah bt. Puteh — Perempuan/31 tahun — Surirumah.
3. Amin b. Md. Saman — Lelaki/13 tahun — Tingkatan 1, S.M. Pulau Nyior.
4. Mohd b. Md. Saman — Lelaki/9 tahun — Darjah 3, S.K. Padang Sera.
5. Mohd. Sani b. Md. Saman — Lelaki/6 tahun — belum sekolah.

Didalam keluarga ini En. Md. Saman merupakan pencari nafkah dan beliau lah yang membiayai segala perbelanjaan keluarga ini dan En. Md. Saman masih produktif.

En. Md. Saman memohon membaiki rumah ini kerana mengikut keterangan isterinya, beliau tidak mampu membaikinya sendiri.

SYUR PEGAWAI PENYIASAT:-

Pemohon masih produktif dan tidak menerima bantuan dari Pejabat ini. Oleh itu bantuan tidak di sokong.

t.t.

Pembantu Kebajikan Masyarakat,
Daerah Kubang Pasu,
Jitra, Kedah.

SOKONGAN PEGAWAI KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH:-

Memandangkan penama masih muda dan boleh lagi menambah hasil pencariannya sekiranya ia gigih, sebarang bantuan tidak disyurkan, tambahan pulak ia bukannya penerima bantuan dari pejabat ini.

t.t.

Pegawai Kebajikan Masyarakat,
Daerah Kubang Pasu,
Jitra, Kedah.

Lampiran 18(1).11 iib

JEM (K) s/11.
Tuan Pegawai Daerah,
Kubang Pasu,
Jitra.

20hb. Okt. 1981.

Tuan,

Per: Encik Md. Saman Bin Md. Isa.
Eg. Putat, Mk. Putat, Kubang Pasu.

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat tuan kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, Kubang Pasu, Jitra bil. (13) dlm. PDKP. 10/1979 Jd. 3 bertarikh 14hb. Oktober, 1981.

2. Hormat dimaklumkan selepas diadakan penyiasatan, didapati penama tersebut di atas muda dan produktif yang kini bekerja sebagai buruh kontrek di Yan, Kedah, dengan pendapatan sebanyak \$150/- sebulan. Penama ada 3 orang anak yang bersekolah. Sekiranya penama lebih gigih bekerja demi untuk menambahkan pendapatannya saya percaya penama akan dapat membaiki rumahnya yang telah uzur secara beransur-ansur.

3. Memandangkan yang penama masih muda, sihat dan produktif serta bukan penerima bantuan dari Jabatan ini, maka bantuan untuk membaiki rumah tidak dapat dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menurut perintah,

t.t

(G. Muniady, PCK)
b/p Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Negeri Kedah

s.k.
PKMD, Kubang Pasu,
Jitra, Kedah.

Lampiran 18(1).11 iiic

(Kod Am 277A
(Pla 1081)

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH

IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT,
NEGERI KEDAH,
ALOR SETAR

TELEFON

Telefon : 723322
Pegarah : 720326
Rumah : 722013

Ruj Tuan:

Ruj. Kami: (44) din, JKM (K) 8/11.

Tarikh: 27hb. Mac. 1982.

Tuan Ketua Setiausaha Sulit
kepada Perdana Menteri,
Pejabat Perdana Menteri,
Malaysia,
Kuala Lumpur.

(u.p: Tuan Haji Abd. Muid)

Tuan,

Ekn:Rayuan En. Md Seman bin Md. Isa
Kampung Putat, Kubang Pasu.

Merujuk kepada surat tuan PPN (T) 1001-04 tanggal 18/11/81 (dan PM(S) 1007/1/7753-6.10.81) itu, pada 5/12/81 saya sendiri pergi melawat untuk mengkaji kedudukan perayu ini. Saya sungguh bersimpati melihat keadaan rumahnya itu dan dengan ini, saya meluluskan Bantuan Kebajikan Khas sebanyak \$400/- kepadanya.

2. Saya sukacita menerima surat dan ambilberat Tuan Haji itu dalam perkara ini dan diucapkan berbilang-banyak terima kasih. Sekian.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menurut perintah.

t.t.

(Wan Azmi Ramli)
Pegarah Kebajikan Masyarakat Negeri
Kedah

s.k.

1. Tuan Pegawai Daerah,
Kubang Pasu, Jitra.

Surat tuan bil. (29) dim. PDKP. 10/1979 Jld. 3 tanggal 29.11.81 dirujukkan.

2. Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah,
Kubang Pasu.

Untuk tindakan secara bergotong-royong.

3. Encik Md. Saman b. Md. Isa,
Kampung Putat,
Kubang Pasu, Jitra.

Supaya termaklum.


JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH

 IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT,
 NEGERI KEDAH,
 ALOR SETAR

TELEFON

 Pejabat Am : 723322
 Pengarah : 720326
 Rumah : 722013

Ruj Tuan:

Ruj Kami: (81) dlm, JKM (P) 368.

Tarikh: 18hb. Mac, 1982.

SULIT

 Yang Berhormat Tuan Penasihat Undang-Undang,
 Negeri Kedah,
 Wisma Negeri,
 Alor Setar.

Yang Berhormat Tuan,

Bkn:Kes Pecah Amanah

 Encik Samad b. Bakar* Pembantu Kebajikan Masyarakat
 No. Polis Report 1095/79 Jitra pada 19.4.1979.

Lanjutan pada bincangan kita pagi ini, inilah dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya diarah oleh Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan Negeri Kedah yang bersidang pada 15.3.1982 membawa hal ini ke pengetahuan Yang Berhormat. Kes ini menakan masa yang agak lama dan memandangkan Pegawai tersebut masih bertugas, tidaklah adil perkara ini berlanjutan begini lama demi kepentingan beliau sendiri, perkhidmatan dan rakyat.

Semoga, dengan pengetahuan Yang Berhormat ini, sesuatu yang tegas dapat diambil. Bersama-sama ini juga saya lampirkan salinan photostat laporan polis bagi menyenangkan tindakan Yang Berhormat.

Sekian dan jutaan terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

t.t.

 (Wan Azmi Ramli)
 Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri,
 Kedah.

s.k.

 Tuan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat,
 Malaysia,
 Kementerian Kebajikan Am,
 Wisma Shen,
 Jalan Masjid India,
 Kuala Lumpur - supaya termaklum.

* Bukan nama betul — pengarang.

POLIS DIRAJA MALAYSIA

SALINAN REPORT

No. Report1095/79..... Rumah Pasong...JITRA.....
 Pada ..11..40.....pagi19.7.79..Fasal.....
 Aduan Mohd. Khalil Bin Mohd. Nasir KP.2061881..... Seorang laki-laki
 Bangsa Melayu.. Umur.....tahun. Kerja Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah
 Duduk di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah, Alor Setar.....
 Jurubahasa..... daripada..... kepada.....
 Saksinya.....
 Kata aduan.....

Pada awal bulan Oktober 1978 mengesaki satu perbuatan penyelewengan telah dilakukan oleh Encik Samad b. Bakar* Pembantu Kebajikan Masyarakat yang bertugas di Pejabat Kebajikan Masyarakat di Jitra, semasa membuat pembayaran wang bantuan kepada penerima-penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat di daerah Kubang Pasu.

Disemaka dan
dise oleh Kpl.
26602?

2. Sebagai tindakan pemulaan saya telah menukar beliau ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kulim pada 1.11.1978.

3. Pegawai Kebajikan Masyarakat Encik Zakaria bin Mohd. Shariff yang baru ditukarkan sebagai Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Kubang Pasu mulai 7.10.1978 telah diarah untuk menyiasat Perkara perbuatan penyelewengan ini dan memeriksa baucer-baucer bantuan kewangan bagi bulan-bulan September/Oktober dan Julai/Ogos, 1978.

4. Encik Zakaria bin Mohd. Shariff telah mengemukakan satu laporan sebagaimana dicatatkan di Lampiran surat bil (1) dlm. PKM. KP 2005 bertarikh 17.12.1978.

* nama samaran

5. Daripada laporan yang telah dikemukakan oleh Encik Zakaria bin Mohd. Shariff ini saya telah berpuas hati bahawa ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa Encik Samad b. Bakar telah melakukan perkara-perkara seperti berikut:-

- (i) membuat pembayaran palsu di atas nama orang-orang yang telah pun meninggal dunia atau yang telah berpindah ke daerah lain.
- (ii) membuat pembayaran wang bantuan kurang daripada yang ditunjukkan didalam baucer.
- (iii) membuat pembayaran palsu wang bantuan setelah menerangkan kepada seorang penerima bantuan bahawa bantuannya telah diberhentikan.

6. Mengikut laporan yang dikemukakan oleh Encik Zakaria bin Mohd. Shariff, bagi pembayaran bantuan bulan July/Ogos 1978 sahaja, wang sejumlah \$1,425/= telah diselewengkan oleh Encik Samad b. Bakar.

7. Adalah didapati bahawa pembayaran palsu seperti yang dinyatakan di para 5 (i) dan (iii) di atas dilakukan dengan cara mendapatkan cap-cap jari orang-orang yang tidak diketahui butir-butir peribadi mereka.

Sekian lapuran saya.

T.t.

(Mohd Khalil bin Mohd. Nasir, AMN)

Pengarah Kebajikan Masyarakat,

Tarikh: 19/4/79

Negeri Kedah.

TELEFON

| | | |
|---------------------------------------------|---|---------------------------------|
| Pensihat Undang-undang Negeri | - | { A.S. A.S. 722088 samb. 125 |
| Timbalian Pendakwa Raya | - | { A.S. 722088 samb. 124 |
| Pembantu Kedua Undang-undang dan Pejabat | - | { A.S. 722088 samb. 126 |

PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
(LEGAL ADVISER'S CHAMBERS)
KEDAH/PERLIS

Surat kita: P.U.N. K/P. 89/81

Surat Tuan:

Alor Setar: 27hb. Mac 1982.

Ketua Polis Di Raja,
Negeri Kedah/Perlis,
Alor Setar.

Tuan,

Kes Pecah Amanah
En. Samad b. Bakar*
Pembantu Kebajikan Masyarakat
No. Polis Repot 1095/79 JITRA 19.4.79

Adapun laporan polis mengenai perkara di atas telahpun di buat tetapi
maseh belum ada pendakwaan di buat terhadap subjek di atas.

2. Tolong beritau saya apakah kedudukan yang sebenarnya setakat ini.
Terima kasih.

t.t

(Abu Bakar b. Awang B.C.K.)
Penasihat Undang-Undang Negeri
Kedah

s.k. Pengarah
Kebajikan Masyarakat Negeri,
Kedah, Alor Setar.
Surat tuan SULIT (83) dim. PKMN (P) 368
bertarikh 18.3.82 di rujuk.

* nama samaran

Lampiran 18(1).13 i

Alor Setar

23hb Mac. 1982

Bendahari Negeri,
Kedah.
Alor Setar

Tuan,

Tuntutan elaun-elaun batu dan harian
untuk menghantar cek-cek gaji ke
semua Pejabat Kebajikan

Adalah diperhatikan sehingga kini, Kerani Besar Pejabat Kebajikan Masyarakat, Encik Abd. Hamid bin Shuib telah membuat lawatan ke semua Daerah yang mana ada Pejabat-Pejabat Kebajikan Masyarakat untuk menghantar cek-cek gaji tiap-tiap bulan. Pada pendapat saya, adalah lebih wajar dan ekonomi (memandangkan elaun perjalanan dan harian dibayar), jika cek-cek gaji dihantar melalui pos untuk ditunai di bank atau di Perbendaharaan Kecil.

Harap mendapat pendapat tuan.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menurut perintah,

t. t

(TAN KIM TIANG)

bp. KETUA CAWANGAN ODIT,
KEDAH

s. k.

Pengarah Kebajikan Masyarakat
Kedah,
Alor Setar

Lampiran 18.13 ii

(Kod Am 277a
(Pa 10/81))

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH

IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT,
NEGERI KEDAH,
ALOR SETARTELEFON
Telefon : 723322
Pegarah : 720326
Rumah : 722013

Ruj Tuan: (613)/401/1.

Ruj. Kami: (69) dlm, JKM (K) 30 Jd. 2.

Tarikh: 29hb. Mac, 1982.

Tuan Ketua Cawangan Odit,
Kedah,
Kuala Lumpur.

(u.p: En. Tan Kim Tiang)

Bkn: Tuntutan elaun-elaun batu dan
harian menghantar cek-cek gaji ke
semua Pejabat Kebajikan Masyarakat.Saya ucapkan berbanyak terima kasih atas salinan surat tuan kepada saya,
yang dikirim kepada Tuan Bendahari Negeri itu.Untuk makluman tuan, ini menjadi amalan yang agak lama dan sejak saya
mula bertugas di Negeri ini, saya tidak setuju perkara seperti ini
diteruskan demi menjaga keselamatan semua pihak yang berkenaan. Oleh itu,
saya berhubung dengan Bendahari Negeri dan beliau bersetuju permintaan saya
itu, dan kerjasama ini saya sungguh bangga. Salinan suratnya saya lampirkan
untuk rujukan tuan.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah.

t.t

(Wan Azmi Ramli)
Pegarah Kebajikan Masyarakat Negeri
Kedah.

s.k.

Tuan Bendahari Negeri,
Kedah,
Alor Setar.- Surat saya Bil. (60) dlm. JKM (K) 64/3 tanggal 29/12/81 mengenai
Pembayaran Gaji Pegawai Negeri, dirojo'kan.Adalah lebih baik jika cek-cek gaji Pegawai-pegawai Jabatan ini dapat
dikeluarkan lebih awal dari tarikh gaji kerana masa yang akan diambil
dalam perjalanan pos.

Kerjasama tuan disanjung tinggi.

18 (2) A COVER-UP

Laporan ini (Jilid 2) adalah lanjutan dari Laporan Jilid 1 – 18(1) – **Dilema Perkhidmatan** – yang tidak seharusnya wujud sekiranya Kementerian Kebajikan Am mempunyai sikap adil dalam isu “**surat fitnah**” dari kakitangannya di Negeri Kedah itu – dan tidak menyalahgunakan kuasa!

Dengan lahirnya laporan ini, dapatlah segala data dan fakta dianalisiskan, kelemahan diperinci dan sikap tabir hitam “*cover-up*” (lindung-melindungi “kekotoran”) yang cuba menyelimuti petualang yang laksana helang berbulu ayam. Mereka inilah merosakkan nama baik pentadbiran dan perkhidmatan di Negeri ini – “jembalang” yang mengisialkan perkhidmatan kebajikan dan pentadbiran awam.

Selamat meneliti dengan mata yang tajam, fikiran yang terbuka, perasaan yang tenang dan dada yang beriman agar kenyataan dapat diterima (seperti mana sekalipun) tanpa mencari “*scape goat*” untuk dijadikan mangsa dan korbannya.

Mengubah Sikap

Menurut Kamus Dewan yang disusun oleh Dr. Teuku Iskandar, DBP 1970, hlm. 1308, “**mengubah**” bererti:

- menjadikan lebih baik (daripada yang semula)
- memperbaiki (keadaan yang kurang baik)
- menggantikan.
- menukarkan.

“**Sikap**” pula (hlm. 1105),

antara lain-lain ialah:

- perbuatan atau pandangan yang berdasarkan pada sesuatu pendapat (fikiran dll) berpegang pada pendapat (pendirian dll.)
- Berkelakuan; berlagak:

Bersama sikap ini, wujud pula “nilai” seseorang yang lazimnya di kawal rapi dan dipegang teguh seperti misalnya: nilai individu (seseorang) – – – nilai seseorang itu kalanya menghadapi pertentangan, yakni pertentangan nilai antara individu dengan individu yang lain atau antaranya dengan masyarakat.

Nilai sosial (dan agama) adalah yang dianggap patut/bagus dan diterima

baik oleh masyarakat — — — norma-norma yang harus diikuti sekiranya kita mahu hidup selamat dan diterima sebagai anggota masyarakat dan sebagainya.

Segala nilai dan sikap ini telah disistemkan begitu rupa hingga sukar dirombak, diubah — — — biar yang baik, maupun yang buruk; positif ataupun yang negatif; yang membangun atau yang meruntuhkan, kerana mereka dibelenggu di dalam sistemnya.

Hidup manusia "modern" ini telah dibentuk dan diselaraskan ke dalam berbagai-bagai anika sistem — — — sistem-sistemnya seperti sistem kekeluargaan, sistem sekolah/pelajaran, sistem kewangan, sistem perundangan, sistem bekerja (sosial dan politik) dan sebagainya. Pun di dalam tubuh badan manusia itu sendiri punyai pelbagai sistem: sistem pernafasan, penghadaman, pengaliran darah dan sebagainya juga.

Sikap, nilai dan sistem adalah tali-temali, hubung-menghubungi antara satu sama lain yang menjadikan manusia itu berfungsi. Dalam sistem masyarakat ekonomis, **pekerjaan** (mencari nafkah hidup) adalah sangat utama, oleh itu, para pencari nafkah terikat pula kepada etika **perkhidmatan**, yang mengandungi pelbagai unsur demi untuk diri, masyarakat, bangsa, agama dan negaranya. Dari segi *reality*, ia tidak dapat terpisah darinya dan harus mengikut garis-garis panduan yang tertentu, yang termaktub, dan yang lazim dilakukan oleh orang lain (amalan yang betul dan baik).

Seseorang itu tidak boleh melakukan sekehendak hatinya mengikut akal yang biasa (*common sense*) kerana implikasi yang akan wujud dari tindak-tanduknya itu. Apatah lagi, kalau khidmatnya berkaitan dengan masyarakat — — — bukan masyarakat kelas atasan, masyarakat mewah, tetapi masyarakat yang tidak berkemampuan, yang tidak terdaya, yang cacat dan "yang" sebagainya — — — yang kita diberi gaji oleh Kerajaan untuk membuat kerja-kerja kebajikan ini.

Dari itu, adalah amat sukar diubah sikap sekiranya sistemnya masih yang lama, yang "karat" dan liat, yang beku dan layu, yang tidak menguntungkan. DAN, untuk mengubah sistem inilah (agar sikap itu dapat berubah) penentangan harus dihadapi, mengikut keadaan, tempat, kaliber kakitangan, dan iklim sosio-politiknya juga.

Berbalik ke Wisma Shen — — — Kementerian Kebajikan 'Am (sebelum saya beri contoh klasik "cover-up",) penyelewengan dan ketidakjujuran kakitangan dalam usaha saya ingin melihat perubahan sikap yang boleh membanggakan semua, tidak disenangi.

Mengenai Kementerian, saya cuma ingin menyentuh satu aspek kecil (tetapi pada saya, amat penting dan besar) antara beberapa banyak masalahnya.

Soal: **Bahasa rasmi.**

Peribahasa menyatakan — — — Bahasa menunjukkan Bangsa. Bahasa Jiwa Bangsa. Soal bahasa adalah soal sensitif dan menjadi asas perpaduan. Ianya harus dipatuhi dalam urusan rasmi selaras dengan aspirasi Negara (dan

tuntutan rakyat) sejajar dengan Perlembagaan Persekutuan, Negara yang berdaulat dan Merdeka ini.

Malangnya, masih ramai pegawai di KKA yang kurang senang menggunakan Bahasa Malaysia yang tercinta itu. Walau sekalipun dalam forum/seminar/mesyuarat rasmi Kementerian, Bahasa Penjajah (Inggeris) masih bertapak dan memainkan peranan utamanya. Saya sungguh "kagum" mendengar mereka berbicara, lidah fasih macam "Mat Salleh" --- kalanya saya rasa malu melihat para pegawai-pegawai Melayu ini seolah-olah langsung tidak hormat kepada Bahasa rasmi negara ini. Tidak ada semangat Kebangsaan. Jika kita bercakap dalam Bahasa rasmi negara, mereka akan balas dalam Bahasa Penjajah. Keadaan ini, berleluasa. Harus di dalam jiwa mereka ini ditanam rasa kecintaan dan kepercayaan terhadap bahasa rasmi Negara ini. Kalau di peringkat Kementerian dan oleh para Pegawai Melayu sendiri terus galak menggunakan bahasa asing, apatah lagi orang lain. Seolah-olah masih teraba-raba mana ada satu *identity* Kebangsaan, *ideology* Negara dan Maruah Kementerian.

Sikap galak, menggunakan Bahasa penjajah dan lain-lain bahasa (seolah-olah tidak menghormati Bahasa rasmi Negara) diperingkat Kementerian adalah bertentangan dengan dasar Negara, kejujuran dan kesetiaan rakyatnya.

Nampaknya, kenalah saya lentorkan lidah saya supaya dapat cakap macam "Mat Salleh" juga bila sudah dipaksa tukar ke Kementerian. Mungkinkah? Tapi saya yakin selagi saya masih sioman, saya tidak mudah jadi "kacang lupakan kulit".

Untuk mengubah sesuatu, kesedaran harus timbul, dan apakala sikap terlibat, maka konflik akan wujud. Asalkan konflik ini tercetus dari sesuatu yang positif, yang manfaat, yang membangun demi kebaikan semua, adalah baik, bukan cuma menyenangkan kelompok sekepentingan oleh sesuatu muslihat jahat.

Cara saya mengendalikan tugas, bagi pegawai yang rajin dan usaha, mereka akan *appreciate* apa yang saya lakukan itu cuma pegawai/pembantu/kerani yang malas saja yang menentanginya, seperti jugalah dengan sistem kad perakam waktu yang saya sentuh sebentar ini --- kegelisahannya timbul dari "kaki ponteng", sebaliknya rakyat jelata gembira menyambutnya!

Dengan tegas saya nyatakan bahawa **saya tidak akan sekali-kali menjadi "amchair director" (of Social Illfare)** yang bontotnya tergam atau kerusi empok *revolving* dalam bilik berhawa dingin --- yang cuma mampu *sign voucher* dan pandai *check petty cash* atau terima saja arahan membuatatuli macam gurkah lapok tanpa analisis dan pandangan kritis. Ini, pada hemat saya, ialah pegawai kudakayu --- nampaknya saja hebat tapi tidak bermaya, tidak berbakat.

Beberapa contoh klasik saya perturunkan bersama-sama ini untuk kita renungkan bersama.

Contoh (1) ialah hasil lawatan ke Daerah Yan. Kajiblah sikap Pegawai ini dan cara beliau menjalankan tugas untuk "kebijakan masyarakat".


JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH

IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT

NEGERI KEDAH,

ALOR SETAR

TELEFON:

Pejabat Am - 723322

Pengarah - 720326

Rumah - 722013

18(2) 1:

Ruj Tuan:

Ruj. Kami: (44) dlm. JKM(K)155.

Tarikh: 13hb. Mei, 1982

Puan

Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah,

Yan

 Bkn: Lawatan rasmi pada 12/5/1982.

Beberapa perkara yang mendukacitakan saya berlaku pada hari tersebut, misalnya:

- a) semakan buku daftaran kedatangan menunjukkan puan selalu datang ke Pejabat pada jam antara 7.45 - 7.55 pagi. Tetapi semasa lawatan saya, puan datang ke Pejabat jam 8.10 pagi.

Harap puan lebih jujur dan tunjukkan contoh tauladan yang baik kepada kakitangan bawahan puan.

- b) saya gagal meneliti dan melawat kes-kes yang dibawah kelolaan/ seliaan puan kerana sikap puan pada hari tersebut. Namun begitu, beberapa fail telah saya ambil secara rambang dan saya terperanjat mendapati cara puan menjalankan kerja selama ini di Daerah Yan itu.
- c) saya harap puan tidak terus mem "bully" Pembantu puan menjalankan tugas dan siasatan harian. Puan, selaku Ketua, harus tunjuk tauladan yang baik dengan berpegang teguh pada konsep: bersih, cekap dan amanah. Ini saya dapati tidak ada dan segala siasatan kes-kes yang banyak tidak diendahkan. Misalnya, masih terdapat 15 kes, yang didaftar sejak tahun 1981, dan 23 kes tahun 1982 tidak disiasat. Saya yakin, mungkin ada lagi kes-kes yang terbengkalai sejak tahun 1980.

Silalah perkemaskinikan tunggakan ini demi kepentingan rakyat di daerah Yan ini. Saya tidak mahu melihat perkara kecuaiian seperti ini berulang lagi.

- d) tiap bayaran bantuan berkelompok di pusat-pusat mestilah dengan kawalan polis. Ini telah dipersetujui dan mengikut peraturan amalan biasa menjaga wang awam. Hal ini, saya dapati puan masih engkar. Harap jangan diamatkan lagi.
- e) voucer-voucer bayaran sudah seminggu diterima dan saya dapati puan melambatkan bayaran bantuan kepada klien-klien. Bila ditanya, puan beri sebab masa yang diambil untuk dihantar surat. Bila saya buat semakan di dalam fail-fail, tidak ada bukti salinan surat-surat tersebut itu. Kemudian puan beralih bahawa segala itu ada di dalam buku daftaran surat-menyurat. Bila saya pinta puan semak, puan beralih lagi, kononnya terlalu sebok dan terlupa hendak catat di dalam buku berkenaan. Ini menunjukkan yang puan tidak teliti dan tidak cekap menjalankan tugas seharian.

Disamping itu, saya telah semak fail-fail secara terperinci dan melawat:

PKM. Y (MD)93/81, (BPKK) 970, 839, 808, 41/80, 96/81, 94/81, (N)737, (PH) 982, (DD)23/81, (MD)37/81 – dan menyemak fail-fail PKM-Y 510, 488, (BA) 714, 897.

Saya dukacita masih terdapat kes-kes yang tidak diulangkaji mengikut tarikh luputnya. Puan masih mengamalkan sikap "*backdate*" laporan dan buat bayaran tanpa kelulusan. Perkara ini telah mendapat perhatian dan teguran pihak Juru Odit tetapi nampaknya puan seolah-olah tidak hiraukan.

Hasil lawatan saya itu, saya sangat tidak puashati cara puan mentadbirkan Daerah Yan ini yang akhirnya menjatuhkan imej Jabatan. Harap lebih dedikasi dan berminat.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

t.t.

(WAN AZMI RAMLI)

Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri,
Kedah.


JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH

 IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT
 NEGERI KEDAH,
 ALOR SETAR

TELEFON:

Pejabat Am - 723322

Pengarah - 720326

Rumah - 722013

18(2) 2:

Ruj Tuan:

Ruj. Kami: (10) dlm. PKMK

(P)22/20 SULIT

Tarikh: 13hb. Mei, 1982

 Tuan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat,
 Malaysia,
 Kuala Lumpur.

Yang Berusaha Tuan,

 Bkn: Laporan lawatan ke Daerah Yan
 pada hari Rabu 12/5/82 -
 PKMD, Yan.

Inilah dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa lawatan dibuat di Daerah Yan pada jam 8.00 pagi, hari tersebut.

Tujuan lawatan ini ialah untuk menyemak secara terperinci segala voucer-voucer bayaran bantuan, fail-fail dan melawat ke rumah-rumah tertentu. Sebabnya saya lakukan ini - (dan membawa voucer-voucer bayaran bantuan 'am, penyaraan kanak-kanak/orang-orang tua dan elaun pekerja cacat) - ialah disebabkan saya syak sesuatu penyelewengan berlaku di sini.

 Kebetulan waktu ini ialah masa bayaran bantuan am dan banyak klien sedang berkumpul. Saya dapati, walaupun nasihat dan persetujuan diambil untuk memanggil *escort* polis semasa bayaran wang Kerajaan ini dibuat, beliau tidak patuh. Semasa saya sedang menyenaraikan sikap tidak peduli dan kecuaiannya itu, beliau "memainkan peranan" sakit dan tiba-tiba, laksana "orang hilang akal" tergesa-gesa capai tas tangannya dan cepat-cepat ambil fail-fail di dalam kabinet dan terus lari keluar - menghilangkan diri entah ke mana. Tinggal pejabat dalam keadaan orang ramai-ramai itu. Saya kini yakin, ada sesuatu muslihat mengapa fail-fail tertentu dilarikan secara mendadak, sebelum saya sempat semak dan buat lawatan.

Walaubagaimana pun, saya teliti fail-fail yang ada, yang hampir 200 fail-fail secara seimbans dan meneliti beberapa fail' secara terperinci dan melawat di sebelah petang, bersama Pembantu Kebajikan Masyarakat, Encik Abd. Halim.

Pada keseluruhan fail-fail yang saya teliti, saya puashati dengan kerja-kerja Pembantu tetapi sangat tidak puashati terhadap ketuanya, selaku PKMD. Yan. Apabila saya ambil fail-fail secara rambang untuk disemak, saya dapati kerja-kerja Pegawai ini tidak bertanggungjawab, sangat cuai, lalai dan tidak cekap.

Bukti yang nyata ialah di dalam fail-fail yang saya kirirkan ini untuk makluman tuan (harap dikembalikan kelak) iaitu:

a) **Kes dadah - PKM- Y (DADAH) 00011**

Kes ini telah dilawati pada 28/12/81 dan tindakan beliau datang ke Hospital Besar Alor Setar pada 29/12 dan 30/12 (menurut diary rasmi 1981 nya itu) TETAPI tidak ada catatan tindakan, sedangkan laporannya pun masih dalam keadaan "*rough-paper*".

Elaun perbatuan dan harian telah dituntut, telah dapat dan dibelanja tetapi kesnya menjadi "mangsa"!

b) **Kes bantuan 'am - dirujuk oleh JKKK 13.10.81 (PKM-Y (-) 97/81).**

Saya yakin, kertas kotor ini adalah hasil siasatannya pada 29/11/81 yang hingga ke hari ini tidak diambil tindakannya.

Entah apa telah jadi kepada nasib orang tua ini!

c) **Bantuan Penyaraan Kanak-Kanak - PKM(LPCK) 1076 Y (21/80).**

Penama ini datang semula pada 28/9/81 ke pejabat selepas kesnya diberhentikan pada Mei 1981. Selepas itu, mungkin lawatan dibuat pada 22/12/81 (?) dan nasib keluarga ini masih atas kertas comot itu, yang tidak seharusnya ada dan tersimpan di dalam fail.

Ini jelas membuktikan sikapnya.

d) **Kes Cacat - PKM- Y (MD) 13/81**

Sejak kes ini terdaftar pada 17.1.1981 tidak ada tindakan apa-apa lagi.

Dilupakan saja.

e) **Kes dadah - PKM- Y (DADAH) 00004**

Dari kena hukuman hingga tamat perintah seliaan, tidak diselia, tidak dibuat apa-apa, melainkan dibiarkan "*nature takes its course*". Fail kosong.

f) **Kes bantuan penyaraan – PKM- Y (BPKK) 17/82.**

Masih dalam "*rough paper*" entah bila melawat, wallah-wa'alam. (saya tidak dapat menyemak Diary rasmi 1982 kerana dilarikan oleh Pegawai ini pada masa lawatan).

Ini adalah sebahagian kecil penyelewengan dan ketidakjujuran Pegawai ini melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Lebih banyak lagi perkara yang tidak diingini berlaku sekiranya pihak tuan sendiri ingin menyiasat secara lebih mendalam.

Sekian, dan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(WAN AZMI RAMLI)

Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri,
Kedah.

s.k.

1. YAB Dato' Kama Jaya,
Menteri Besar, Kedah.

- Pegawai-pegawai seperti inilah yang mendesak YAB melalui surat fitnah mereka kepada YB Menteri Kebajikan Am pada 6.2.82 itu, agar patek segera ditukarkan keluar dari Negeri Kedah ini, agar mereka dapat bekerja dengan lebih "harmonis".

2. YB Setiausaha Kerajaan,
Negeri Kedah.

- Ini ada kaitan dengan laporan terperinci saya yang senaskah dikirim kepada YB Dato' pada 26.4.1982 itu.

3. Yang Berbahagia,
Dato' Ketua Setiausaha,
Kementerian Kebajikan Am, Malaysia,
Kuala Lumpur.

- Ini ada berkaitan dengan cadangan senarai pertukaran yang saya kirim pada 10.5.1982 itu.

Memandangkan sikap dan cara ia bekerja adalah adil bagi pegawai ini ditempatkan dimana-mana institusi di bawah kawalan dan penyeliaan Pegawai yang lebih kanan dan matang. Demi kepen-

tingan rakyat Daerah Yan, pegawai ini haruslah ditukar segera dan digantikan dengan yang lebih berminat.

Terima kasih.

4. Tuan Pegawai Daerah,
Yan.

- Telahan tuan, semasa kunjungan hormat saya dan kita bincang hati ke hati itu, sangat tepat sekali.

KERTAS LANJUTAN

H. Pillel

m 2
(2)



| Kedua selanjutnya | Tanda-tanda Paganal |
|--------------------------------------------------------------------------------------|---------------------|
| <p>Tempor (1) sebanyak 3 salinan di sebarkan melalui LINDALAN - ...</p> | <p>ff</p> |
| <p>(nama) ... ber ... di Mei 1980 ...</p> | <p>ff</p> |
| <p>Tempor (3)</p> | <p>ff</p> |
| <p>Misalnya Mei 1981 ...</p> | <p>ff</p> |
| <p>... ...</p> | <p>ff</p> |
| <p>... </p> | <p>ff</p> |

... total ... 4 ... ke ... / ... - ...
 ... - ... - ... / ... - ...
 ... - ... - ... / ... - ...

... 30 ... - ... / ... - ...
 ... - 24 ... / ... - ... / ... / ...
 ... - 23 ... / K.L. - ... / ... - ...

... 27 ...
 ...
 ...
 ... 15 ... / K.L. -
 ...
 ...

tidak teroris

...
 ...
 ...
 ...

...
 ... 15 ...
 ...
 ...
 ...

...
 ...
 ...


JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH

IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT
NEGERI KEDAH,
ALOR SETAR

TELEFON:

Pejabat Am - 723322

Pengarah - 720326

Rumah - 722013

18(2) 3:

Ruj Tuan:

Ruj. Kami: (17) dlm. PKMK (P) 22/20.

Tarikh: 17hb. Julai, 1982.

Puan

Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah,
Yan.

Bkn: Vr. Bantuan Persekolahan No. 181/2/82

tanggal 27/3/1982.

Saya rasa sungguh dukacita atas sikap puan yang menyimpan Voucher tersebut hampir 4 bulan baru dikembalikan, itu pun setelah didesak berulang kali. Puan dikehendaki menyerah serta-merta Voucher tersebut pada petang 12/7/1982 tetapi sebaliknya puan arah suami puan yang tidak ada kena mengena dengan Jabatan ini datang ke pejabat dan menyerahkan Voucher penerimaan tanpa voucher Kew. 44 dan 48. Ini telah menimbulkan banyak masalah.

Disebabkan tindakan tidak bertanggungjawab puan itu, kakitangan Jabatan ini hampir ditahan gaji bulan Jun dan Julai mereka kalau saya tidak membuat rayuan kepada Dato' Pegawai Kewangan Negeri dan Tuan Bendahari Negeri meminta dilonggarkan sedikit Peraturan dan berjanji perkara sebegini tidak berulang lagi. Apabila Voucher-voucernya (Kew. 44 dan 48) pula tidak puan kirim menerusi suami puan maka pihak Perbendaharaan menyekat pula pengeluaran cek-cek Bantuan Am yang akan dibayar kepada klien sebelum Hari Raya ini. Terpaksa pula Jabatan ini buat perakuan dan pinta Pembantu puan Encik Abd. Halim datang segera ke Ibu Pejabat Alor Setar membawa voucher-voucher tersebut. Perbuatan puan yang cuai dan lalai itu telah menjatuhkan imej Jabatan ini. Sikap puan sebegini seolah-olah memaksa saya mengambil tindakan yang lebih keras.

Diharap amalan sebegini tidak berulang lagi.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

t.t.

(WAN AZMI RAMLI)

Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri,
Kedah.

s.k.

1. Y.B. Dato' Pegawai Kewangan Negeri,
Kedah, Alor Setar.
– Bincangan kita pada 29.6.82 ada kaitannya.
2. Tuan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Malaysia, Kuala Lumpur.
– Surat Bil. (10) dlm.. PKMK (P) 20/20 tanggal 13.5.82 dirujuk dan
diharap fail-failnya dapat tuan kembalikan. Terima kasih.
3. Dato' Ketua Setiausaha,
Kementerian Kebajikan Am, Malaysia,
Kuala Lumpur.
– supaya termaklum.
4. Tuan Bendahari Negeri,
Kedah,
Alor Setar.
– Terima kasih kerjasama tuan itu.


JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH

IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT
NEGERI KEDAH,
ALOR SETAR

TELEFON:

Pejabat Am - 723322

Pengarah - 720326

Rumah - 722013

18(2) 4:

A.R. Register:

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (13) dlm. PKMK(P)
22/20 SULIT.

Tarikh: 17hb. Julai, 1982

Puan

Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah,
Daerah Yan.

**PERTUDUHAN BAGI MAKSUD MENGAMBIL TINDAKAN
TATATERTIB.**

Adalah dimaklumkan bahawa puan seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Yan, Tingkatan Biasa telah didapati melaku perkara-perkara seperti berikut:-

1.1 Pada 12.5.82 tuan PKMN telah datang ke Pejabat puan untuk membuat lawatan mengejut tetapi puan dengan tergesa-gesa capai tas tangan dan keluar dari pejabat serta cepat-cepat ambil fail-fail dalam kabinet dan terus keluar menghilangkan diri.

1.1.1 Pada hari tersebut puan dan Pembantu sedang membayar bantuan yang mana sepatutnya dikawal oleh Polis, tetapi puan tidak memanggil Polis yang mana arahan seperti itu telah diberitahu puan.

1.1.2 Kerja-karya puan tidak begitu memuaskan seperti yang terdapat dalam fail-fail tersebut dibawah:-

a) **Kes Dadah - PKM-Y(DADAH)00011**

Kes ini puan lawati pada 28/12/81 dan tindakan puan datang ke Hospital Besar, Alor Setar pada 29 dan 30/12 tidak mencatatkan apa-apa tindakan selanjutnya.

b) **Kes Bantuan Am - (PKM-Y (-) 97/81).**

Kemungkinan sehingga hari ini kes ini tidak diambil tindakan.

c) **Kes Cacat - PKM-Y(MD) 13/81**

Kes ini didaftar pada 17.1.81 tetapi tiada ada tindakan selanjutnya.

2. Pada 12.7.1982 puan diarah untuk datang sendiri ke Ibu Pejabat untuk menyerahkan boucer pembayaran bantuan sekolah beserta dengan lampiran-lampirannya mengikut Br.No.181/2-82. Tetapi puan tidak datang sebaliknya puan menyuruh suami puan yang tidak kena mengena dengan Jabatan ini menghantarnya. Yang mendukacitakan lagi hanya dihantar lampiran-lampirannya sahaja, boucernya tidak dihantar bersama.

2.1 Boucer berkenaan telah dibayar selesai pada bulan Mac dan April 1982 tetapi tidak dikembalikan ke Ibu Pejabat dalam masa 21 hari seperti mana kehendak dalam A.P 96 C. Hanya puan menghantarnya setelah per-bendaharaan mengeluarkan perintah-perintah tahan boucer pada 7.7.1982.

3. Dari pertuduhan-pertuduhan di atas puan adalah dengan ini telah melanggar syarat-syarat perkhidmatan yang terdapat di dalam Perintah Am Bab 'C' 4, (2) dan oleh itu puan telah berkelakuan dengan cara yang boleh diertikan sebagai kurang kecekapan, tidak jujur, tidak bertanggungjawab dan Engkar Perintah iaitu kesalahan-kesalahan dibawah Peraturan-peraturan 4.2 (9) dan (e) Perintah Am Bab 'D' 1980.

4. Mengikut Perintah Am Bab 'D' 1980 puan adalah diminta memberi jawapan kepada pertuduhan-pertuduhan yang telah dikemukakan itu, dan memberi sebab-sebab mengapa tindakan tatatertib terhadap puan tidak patut diambil. Jawapan puan itu hendaklah dikemukakan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh puan menerima surat ini. Sekiranya puan tidak memberi sebarang jawapan dalam tempoh masa yang ditetapkan itu, puan akan dianggap sebagai tidak hendak membela diri, dan perkara ini akan terus diputuskan di atas keterangan-keterangan yang ada sekarang ini sahaja.

5. Sila puan akui penerimaan surat ini.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.

Saya yang menurut perintah.

t.t.

(WAN AZMI RAMLI)

Pengerusi,
Lembaga Tatatertib.

Contoh (2) mengenai Daerah Baling. Sila teliti cara penipuan dan ketidakjujurannya ini.

Lihat juga cara "cover-up" yang begitu halus oleh Timbalan PKMN (yang juga bertanggungjawab terhadap kes-kes bantuan dll.) tanggal 11.5.1982 itu yang saya pinta beliau sediakan untuk kajian saya. Senarai ini saya bawa sebagai panduan dan apabila saya pergi semak sendiri di Pejabat-pejabat berkenaan, saya terperanjat kes-kes permohonan yang tidak disiasat ada yang sampai sejak tahun 1979 --- hampir 4 tahun. Kebajikan apakah namanya ini?

Dan apabila saya bertegas, saya pula yang disalahkan.
Sungguh aneh!


JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH
IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT
NEGERI KEDAH,
ALOR SETAR
TELEFON:

Pejabat Am - 723322

Pengarah - 720326

Rumah - 722013

18(2) 5:

Ruj Tuan:

 Ruj. Kami: (11) dlm. JKMK(P)
 22/20 (SULIT)

Tarikh: 18hb. Mei, 1982

Tuan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat,
 Malaysia,
 Kuala Lumpur.

Yang Berusaha Tuan,

Bkn: Lawatan ke Daerah Baling
 pada 15/5 dan 16/5/82.

Mengenai perkara tersebut, ingin saya dengan segala hormatnya melaporkan apa yang berlaku semasa kajian mendalam serta lawatan ke rumah-rumah klien dibuat. Sayogia dimaklumkan, fail-fail yang dibuat lawatan adalah diambil secara rambang (*random sampling*) dan dimaklumkan dukacita bahawa kepincangannya begitu ketara (fail-fail berkelat) misalnya:-

i) Kes PKM-B (BA) 8754 -

Kg. Bechah Sawa, Mkm. Siong, Baling.

Penama punyai 6 orang anak antaranya 4 bersekolah. Pihak Pegawai Perubatan mengesahkan beliau tidak boleh bekerja kerana mengidap penyakit T.B. dan "*chronic bronchial asthma*" (lelah yang meleset). Kes ini juga mendapat sokongan YB Wakil Rakyat. Tetapi kesnya dipotong bantuan dan sejak bulan September 1979 beliau sering datang ke pejabat tetapi tidak diendahkan.

Pada 16/5/82 saya melawat ke rumah klien, dengan Pembantu Kebajikan Masyarakat, Encik Cheng. Rumah klien ini sangat jauh terpencil, terpaksa merentas desa, kebun getah, belukar, denai dan lembah/paya. Rupa-rupanya, klien ini menjadi mangsa disebabkan rumahnya jauh terpencil dan sukar bagi pegawai kita membayar wang bantuan kepadanya. Dan beliau ini layak mendapat \$100/- sebulan BPKK (bantuan penyaraan kanak-kanak).

- ii) Kes PKM/B (BPOT) 412/81
 – Kg. Lubok Badak, Weng.

Penama berusia 82 tahun. Didalam fail terdapat dua laporan – satu lulus bantuan, satu batal bantuan.

Semasa saya buat lawatan, saya difahamkan keadaan penama menyedihkan. Anak lelakinya tidak memperdulikannya. Anak perempuannya, seorang cacat, menoreh getah pawah. Disebabkan keperitan hidup, anaknya (cucu klien) diberhentikan sekolah.

Kawasan ini kuat dengan parti pembangkang dan sikap pegawai kita seperti inilah buat rakyat bencikan Kerajaan.

- (iii) Kes PKM/B(BPKK) 113/80
 – Batu 7, Jln. Kroh, Baling.

Kes ini sungguh menyedihkan. Sebaik sahaja pegawai kita diberitahu yang penama telah berkahwin, tanpa usul periksa, bantuan terus dipotong. Walaupun di dalam Voucher bulan Januari dan Februari namanya no. 113/80 ada bantuan @\$70/-.

Di dalam fail, tidak ada apa-apa catatan.

Bila saya melawat, saya diberitahu oleh jiran-jiran dan jururawat desa bahawa Puan Lijah berkahwin dan suaminya tidak mahukan anak-anak. Oleh itu, anak-anak bertempiaran dan ada yang duduk dengan nenek, dan mungkin ada yang sudah diberhentikan sekolah.

Ini sungguh mendukacitakan.

- (iv) Kes PKM-B(BPKK) 218/80

– Kg. Belakang Mesjid, Tawar.

Inilah kes yang sungguh menyayat hati saya bila saya melawat dengan PKMD. Baling. Kes ini dibuat rayuan ulang-berulang sejak tahun 1980 tetapi TIDAK diambil tindakan, walaupun mendapat laporan dari Pegawai Perubatan Hospital Daerah Baling pada 20/12/80.

Lawatannya dibuat, elaunnya telah dituntut dan selesai dibelanja, tetapi penderitaan keluarga ini tinggal derita yang menghimpit jiwa mereka.

Si suami tidak dapat bekerja disebabkan kemalangan, cuma harapkan isteri menoreh getah pawah. Anak-anak 4 orang dan bersekolah. Keadaan rumah dan keluarga, sungguh menyedihkan.

(Tolong tuan kembalikan fail-fail ini selepas pihak tuan menelitinya).

Itulah 4 buah fail yang dengan sendirinya mengisahkan penderitaan orang kampung dan membayangkan sikap pegawai/pembantu kita di Daerah-daerah, yang selama ini bekerja dalam "harmoni" – tanpa siapa hirau, tidak siapa peduli, dan tak ada yang hendak "check" tugas-tugas mereka seharian! Dan cara saya buat begini, menggemparkan mereka oleh itu, tugas mereka tidak selesa lagi.

Sebelum ini, saya menganggap Daerah Baling punya pegawai *dedicated*, yang rajin dan "bersih". Saya pernah mengirim surat penghargaan kepada pembantu/keraninya. Tetapi, apabila tiba-tiba PKMDnya dan Pembantu juga menandatangani surat fitnah dan beda'ah kepada YB. Menteri

Kebajikan Am, saya kecewa dan mulai khuatir kejujuran mereka. Walaupun mereka mengatakan "ditipu" dan mereka tidak terniat hendak menentang Pengarah dan apa yang tertulis, mereka tidak tahu, hanya menandatangani kertas kosong yang sudah ditaip namanya, tetapi mereka sudah berkomplot tanpa sebab-musabab.

Apabila saya mendalami siasatan saya, saya dapati mereka membohongi saya lebih besar untuk menutup bohong yang terdahulu. Oleh itu, tidak jujur dan tidak amanah lagi. Misalnya, kes-kes tunggakan yang belum disiasat yang saya pinta menerusi T. PKMN Encik G. Muniandy yang bertanggungjawab tentang kes-kes bantuan (beliau juga terlibat "menikam saya dari belakang" dalam komplot "Lampiran A" itu) dan lampiran berkelat jelas menunjukkan. Bila saya selidik secara terperinci, saya dapati begitu banyak kes-kes yang tidak diambil tindakan sejak tahun 1980 – sila lihat lampirannya. Inilah yang saya namakan "PENIPUAN" – dan perkara seperti ini saya tidak mahu berterusan di Negeri Kedah ini, selagi saya menjadi Pengarahnya, insya Allah! Saya yakin, setelah punyai *experience* dengan Baling, Daerah lain-lain juga tidak kurang handalnya berdolal-dalih dan saya akan buktikan kepada tuan kaliber mereka ini, agar tuan dapat menimbangkan dan memahami masalah saya untuk mewujudkan satu pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah, demi kepentingan rakyat di Negeri ini.

Sekian dan wassalam.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(WAN AZMI RAMLI)

Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri,
Kedah.

s.k.

1. YAB. Dato' Seri Menteri Besar,
Kedah

– Mereka seperti inilah yang berkomplot menulis surat fitnah kepada YB. Datin Paduka dan kepada YAB. Dato' Seri semoga patek segera ditukar dari Negeri Kedah ini. Mereka khuatir terdedah pekong di dada!

2. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan,
Negeri Kedah.

– Ini adalah lanjutan pada laporan terperinci kakitangan di Kedah ini, yang saya majukan pada 26.4.82 itu.

3. Yang Berbahagia,

Dato' Ketua Setiausaha Kementerian Kebajikan Am,
Malaysia.

18(2) 6:

**JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT,
NEGERI KEDAH**

TALIPON

Pejabat - - A.S. 723322
Rumah - - A.S. 722013
Bil: (15) dlm. JKM (K) 103/81.

IBU PEJABT KEBAJIKAN MASYARAKAT,

NEGERI KEDAH,
ALOR SETAR

Bertarikh: 10hb. November, 1981

Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah,
Baling.

Bkn: Pemberian Makanan Kepada
40 keluarga di Ulu Legong.

Mengenai perkara tersebut, ingin saya menyampaikan penghargaan dan terima kasih saya kepada Encik Cheng Din Chom, Pembantu Kebajikan Masyarakat Daerah Baling dan Encik Abd. Rahman bin Md. Diah, Kerani di Pejabat yang sama atas semangat dan minat bekerja mereka itu. Dengan kegigihan mereka bekerja bungkusan bantuan mengikut kadar kepada keluarga-keluarga tersebut dapat saya dan Y.B. Wakil Rakyat berkenaan menyampaikannya pada jam 6.00 petang di Ulu Legong itu.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

t.t.

(WAN AZMI RAMLI)
Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Negeri Kedah.

18(2) 6A:

Bilangan Kes Belum disiasat

| Bil. | Daerah. | Bil. kes 1981 | Bil. kes 1982 | Jumlah | Lain-lain |
|------|--------------|------------------|------------------|--------|----------------------------------------|
| 1. | Kota Setar | 36 | 68 | 104 | |
| 2. | Kuala Muda | 91 | 36 | 127 | |
| 3. | Kubang Pasu | 49 | 28 | 77 | |
| 4. | Kulim | — | 16 | 16 | |
| 5. | Baling | 15 | 52 | 67 | |
| 6. | Sik | — | — | — | 20 kes belum didaftar bagi 1982. |
| 7. | Bandar Bahru | — | 14 | 14 | |
| 8. | Pendang | 5 | 15 | 20 | |
| 9. | Yan | 15 | 23 | 38 | |
| 10. | Padang Terap | — | 5 | 5 | |

t.t.

(G. Muniandy)

Timb. Pengarah Keb. Masyarakat
Negeri Kedah
11/5/82

18(2) 6B:

PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT,
DAERAH BALING

Tunggakkan Kes-Kes Bagi Daerah Baling.

| Tahun | Bilangan Kes: |
|-------|---------------|
| 1980 | 55 Kes |
| 1981 | 20 Kes |
| 1982 | 57 Kes |

t.t.

(PKM. D)
Baling
16/5/82


JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH
IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT
NEGERI KEDAH,
ALOR SETAR
TELEFON:

Pejabat Am - 723322

Pengarah - 720326

Rumah - 722013

18(2) 7:

Ruj Tuan:

Ruj. Kami: (45) dlm. JKM(K)155.

Tarikh: 18hb. Mei, 1982

Puan

 Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah,
 Baling, Kedah

 Bkn: Lawatan pada 15/5 dan 16/5/1982.

Semasa lawatan saya ke Daerah Baling dan menyemak voucher-voucher, kes-kes fail serta lawatan ke rumah di sekitar daerah yang kes-kesnya saya ambil secara rambang, saya tidak puashati dan rasa dukacita kerja-kerja yang puan, serta pembantu puan, lakukan selama ini.

Misalnya kes-kes yang layak dan patut diberi bantuan, tidak dapat bantuan. Mereka yang tidak layak menerima bantuan, puan beri bantuan, seolah-olah Jabatan ini tidak wujud dasar yang tertentu.

Kes-kes yang saya selidiki dan lawati ialah: PKMD (C) 2172, 385/81, 165/80, 569/81, (BPCK) 392/81, 225/80, (BA) 181/80, 1151, 491/81 (C) 500/81, 101/80, 195/80, 164/80, (BPCK) 1001, 970, 808, (AM) 592/82, 8158, dan 9335 dan lain-lain lagi.

Rakaman, tindakan, susulan tidak tercatat, tidak terotor dan dangkal sekali.

Kes yang sudah tamat tempoh bayaran (Dis, 1981) masih dibayar menurut Vr. 56/2-82 no. 39 Januari & Februari 1982 @ \$80/-(\$40/-sebulan) dan diteruskan hingga Mac dan April tanpa apa-apa catatan atau ulangkaji.

Puan juga meluluskan banyak kes-kes bantuan 'am tanpa ulangkaji lebih setahun. Ini terang-terangan melanggar dasar yang ada dan puan tidak berhak melakukannya menggunakan wang awam.

Kes PKM/B ()234/80 walaupun mendapat arahan saya pada 17/12/

81 untuk diambil tindakan segera tetapi puan masih cuai dan lalai (kes didaftar sejak tahun 1980). Penama ini sudah 83 tahun dan layak mendapat bantuan Penyaraan Orang-Orang Tua sebanyak \$50/- sebulan, tetapi penderitaan orang tua yang malang ini tidak dihiraukan. Harap ambil tindakan serta merta dan laporkan sebelum 25/5/82 ini.

Kes PKM-B (BPKK) 119/80 – klien telah meninggal dunia dalam bulan Disember 1981 tetapi menurut voucer bulan Nov/Dis 1981 bilangan 38 muka 7 yang dibayar oleh Encik Cheng dan disaksikan oleh puan sendiri pada 13/1/82, terdapat satu capjari menerima wang sebanyak \$80/-. Bagaimana orang yang sudah mati boleh diambil cap-jarinya? Saya tidak dapat mengesahkan capjari isterinya yang semasa lawatan saya ke rumahnya, ia tidak ada di rumah. Amalan seperti ini, amat salah!

Saya juga meneliti kes-kes fail Akhlak (A) 5/82, 4/82, 3/82 dan lain-lain fail. Juga saya tidak puashati kerana puan amat malas merakam dan mencatat tindakan/rancangan yang telah dan akan diambil. Ini buat kerja-kerja puan tidak berkesan di samping pengawalan puan terhadap Pembantu puan, cuai dan lemah sekali.

Saya “kagum” bagaimana puan boleh bersenang-lenang sedangkan terdapat puluhan kes-kes sejak tahun 1980 tidak disiasat – dan antaranya, mungkin sudah mati, menanti bantuan!

Sila perkemaskinikan tindakan/lawatan/siasatan puan dan pembantu puan dan diharap, kepincangan, kecuaiian dan ketidakadilan seperti ini tidak berulang lagi.

Sekian dan terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

t.t.

(WAN AZMI RAMLI)

Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri,
Kedah.

Contoh (3) menggambarkan kepintaran (pada dua kejadian yang berasingan) (i) di Kuala Muda, dan (ii) di Kubang Pasu) — — bagaimana Pegawai-pegawai ini memutar-belitkan kejadian sambil menonjolkan sesuatu begitu menyakinkan sekali untuk mengelabukan fakta asas, demi mengelak tindakan.


JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH
IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT
NEGERI KEDAH,
ALOR SETAR
TELEPON:

Pejabat Am - 723322

Pengarah - 720326

Rumah - 722013

18(2) 8:

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (37) dlm. JKM(K)115.

Tarikh: 18hb. April, 1982

Tuan

 Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah,
 Kuala Muda,
 Sungai Petani.

 Bkn: Malapetaka Ribut di Mukim Sidam Kiri
 pada petang Khamis 15/4.

Mengenai perkara tersebut saya rasa sungguh dukacita Encik meninggalkan Daerah tanpa memberitahu Tuan Pegawai Daerah/Penolongnya, (pihak OCPD) atau pihak saya di Ibu pejabat. Disebabkan perbuatan Encik yang tidak bertanggungjawab ini maka telah timbul beberapa salah anggapan dan kesulitan pentadbiran dan tindakan sertamerta, oleh pihak Jabatan.

Saya difahamkan oleh En. Hashim Ahmad, PPD I (kerana Dato' Pegawai Daerah bercuti) yang beliau berkejar di rumah Encik malam Jumaat sebaik sahaja beliau mendapat berita mengenai malapetaka tersebut tetapi rumah Encik berkunci. Apabila serombongan pegawai dari ibu pejabat pergi ke Sg. Petani dan ke rumah Encik pagi Jumaat 16/4, rumah masih juga berkunci. Disebabkan keadaan ulang-alik dan penyediaan borang-borang maka pegawai-pegawai kita sampai lewat, setelah YAB Dato' Seri Menteri Besar melawat kawasan kemalangan tersebut. (sila lihat laporan akhbar - - - Berita Harian 17/4/82). Ini juga telah menimbulkan sungutan dari YAB Dato' Seri kepada YB Dato' Leong, Pengerusi, J/Kuasa Tetapi Hal Ehwal Kebajikan/Malapetaka Negeri Kedah di Mentaloon pada petang Jumaat 16/4 itu.

Saya tidak mahu perbuatan seperti ini berulang lagi demi kepentingan perkhidmatan dan rakyat.

Sekian.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.

t.t.

(WAN AZMI RAMLI)

 Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri,
 Kedah.

s.k.

YAB Dato' Seri Menteri Besar,
Kedah Patek mohon maaf atas sikap Pegawai patek ini yang
patek yakin ianya tidak berulang lagi.
Laporan lengkap patek lampirkan.

2. YB Dato' Setiausaha Kerajaan,
Negeri Kedah,
Alor Setar. (u.p: Dato' Ahmad Basri)
- Terima kasih telefon Dato' malam Sabtu jam 10.00 itu. Tindakan
segera beserta bayaran telah dibuat mengikut nasihatnya.
3. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kedah.
4. Dato' Ketua Setiausaha,
Kementerian Kebajikan Am Malaysia - supaya termaklum.
5. Tuan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Malaysia,
Kuala Lumpur.

1. Angin Ribut di Mukim Sidam Kiri pada petang Khamis 14/4/82.

| | | |
|-----------------------------------------------------------------------|---|-------------|
| Jumlah Keluarga yang terlibat (termasuk 67 Dewasa, 28 Kanak-kanak) | - | 22 |
| Kerugian yang ditaksirkan | - | \$10, 140/= |
| Bantuan yang diluluskan | - | \$3, 290/= |

Bayaran telah dibuat dengan Puan Wan Zainab di-Kampong masing-masing pada petang Sabtu 17/4/82.

2. Angin Ribut di kawasan Kuala Sanglang dan Kodiang pada 8/4/82

| | Melayu | Cina | India | Jumlah |
|-------------|--------|------|-------|--------|
| Dewasa | 177 | 2 | 2 | 181 |
| Kanak-kanak | 136 | 3 | 4 | 143 |
| Jumlah | 313 | 5 | 6 | 324 |

| | | |
|-------------------------------|---|--------------|
| Jumlah keluarga yang terlibat | - | 60 |
| Kerugian yang ditaksirkan | - | \$45, 145.50 |
| Jumlah bantuan diluluskan | - | \$11, 350.00 |

Bayaran telah dibuat oleh Yang Amat Berbahagian Datin Seri Dr. Siti Asmah, isteri YAB Dato' Seri Perdana Menteri sempena lawatan YAB di Jitra pada 15/4/82 (kepada 2 wakil di dua kawasan)

Kemudian Tuan Pegawai Daerah Kubang Pasu bersama patek buat penyerahan bantuan kepada semua keluarga.



KEMENTERIAN KEBAJIKAN AM, MALAYSIA
(MINISTRY OF WELFARE SERVICES, MALAYSIA)
TINGKAT 5-16, WISMA SHEN,
JALAN MASJID INDIA,
KUALA LUMPUR.

Telefon: 925011
925184
925264

Kawat: WELDEP

18(2) 9:

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:

Tarikh: 29hb. April, 1982

Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Negeri Kedah,
Alor Setar,
KEDAH

Per: Malapetaka Ribut di Mukim Sidam Kiri
Pada Petang Khamis 15/4/1982

Saya ingin menarik perhatian saudara kepada salinan surat (37) dlm. JKM (K) 115 bertarikh 18hb. April, 1982 berkenaan perkara tersebut di atas di mana dinyatakan bahawa Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, tidak berada di daerahnya pada masa kejadian berlaku.

Sukacita saya mendapat satu laporan lengkap mengenai perkara ini.

Sekian, terima kasih.

t.t.

(ABDULLAH MALIM BAGINDA)
Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Malaysia.


JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH
IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT
NEGERI KEDAH,
ALOR SETAR
TELEFON:

Pejabat Am - 723322

Pengarah - 720326

Rumah - 722013

18(2) 10:

Ruj Tuan: tanggal 29.4.1982.

Ruj. Kami: (44) dlm. JKM(K)115.

Tarikh: 17hb. Mei, 1982

Tuan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Malaysia,
Kuala Lumpur.

Bkn: Malapetaka Ribut di Mukim Sidam Kiri
pada petang Khamis 15hb. April, 1982.

Mengenai perkara tersebut, bersama-sama ini saya lampirkan surat jawapan mereka yang berkenaan.

Masalah ini wujud kerana semasa kejadian, PKMD tidak ada di daerahnya dan ini menimbulkan sungutan dari YAB Dato' Seri Menteri Besar. Berita tersebut saya perolehi dari Timb. Setiausaha Kerajaan, Dato' Ahmad Basri kira-kira jam 10.30 malam dan malam itu juga saya hubungi T. PKMN En. G. Muniandy. Disebabkan beliau telah tidur, saya beritahu isterinya dan esoknya, pagi-pagi lagi En. G. Muniandy menetapkan hal tersebut serta garis tindakannya.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.

Saya yang menurut perintah.

t.t.

(WAN AZMI RAMLI)

Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri,
Kedah.


JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH
IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT
**NEGERI KEDAH,
ALOR SETAR**
TELEPON:
Pejabat Am - 723322
Pengarah - 720326
Rumah - 722013
18(2) 11:
Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: (38) dlm. JKM(K)11/2 Jd. 2.
Tarikh: 10hb. Mei, 1982.
Tuan Pengarah,

Setelah menerima arahan daripada tuan pada 16.4.1982 saya telah mengambil tindakan mengumpul pegawai-pegawai dari Alor Setar menuju ke Sidam Kiri, Kuala Muda.

Sebelum itu lebih kurang jam 9.00 pagi saya telah menalifon Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Muda dan telah dapat bercakap dengan Encik Wahab, Pegawai Kerani Rendah dan telah meminta Pegawai Kerani Rendah itu memberitahu PKMD, Kuala Muda mengenai kejadian angin ribut di Sidam Kiri dan minta beliau menunggu saya dengan 2 orang Pembantu Kebajikan Masyarakat di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, Kuala Muda.

Apabila saya tiba di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Muda, Encik Wahab memberitahu saya bahawa PKMD, Kuala Muda tidak ada dirumahnya.

Saya dengan Pegawai-pegawai berikut, berkejar ke Sidam Kiri dan menyelesaikan penyiasatan sebelum jam 3.30 petang:

1. Encik Osman Salleh b. Dato' Hj. Abu Bakar (PKM. Ibu Pejabat)
2. Encik Inau Edin Nom (PKMD)
3. Encik Mohd. Rashid bin Ismail (PKM. Ibu Pejabat)
4. Encik Zainol Abidin bin Sheik Mohamad, Pembantu Keb. Masyarakat, Pejabat Keb. Masyarakat Daerah Kuala Muda)
5. Encik Zainol Abidin bin Md. Zain (Pembantu Keb. Masyarakat Pejabat Keb. Masyarakat Daerah Kuala Muda)

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(G. Muniandy, PCK)

Timbalan Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Negeri Kedah



PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH,
KUALA MUDA,
SG. PETANI,
KEDAH

Telepon: S.P:2230

18(2) 12:

BIL. (96) dlm. PKM.KM
(TAD) 1/3.

Tarikh: 13hb. Mei, 1982

Yang Berusaha,
Tuan Pengarah,
Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah,
Alor Setar.

Tuan,

Per: Malapetaka Ribut Di Mukim Sidam Kiri
Pada Petang Khamis 15.4.1982.

Dengan hormatnya merujuk kembali kepada surat tuan Bil: (42) dlm. JKM(K), 115 yang bertarikh 4hb. Mei 1982, dengan salinan kepada Yang Berbahagia, Tuan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia, berhubung dengan perkara yang tersebut diatas, maka dengan sukacitanya dibawah ini diperturunkan laporan yang lengkap sepertimana yang tuan arahkan:-

1. Hari Rabu 14.4.1982: iaitu pada jam lebih kurang 8.00 malam pehak Radio dan televisyen Malaysia telah membuat suatu pengumuman bahawa pada keesokan harinya iaitu hari Khamis 15.4.1982 telah diisytiharkan sebagai Hari Cuti Umum seluruh Negara sebagai memperingati Hari Perjuangan Orang-orang Platin.
2. Hari Khamis 15.4.1982: Walaupun hari tersebut telah diisytiharkan sebagai hari cuti umum tetapi diatas rasa tanggungjawab, maka saya sebagai Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, di Daerah Kuala Muda ini, telah datang membuka pejabat pada hari tersebut bagi mengelakkan sebarang salah sangka orang ramai yang mungkin datang pada hari tersebut untuk mendapatkan perkhidmatan dari pejabat ini. Disamping itu juga saya telah membuat kerja-kerja pejabat seperti biasa. Kemudian pada pukul 11.45 pagi setelah didapati tiada kes-kes yang datang saya pun menutup semula pejabat dan pulang kerumah saya di No. 70, Taman Intan, Sg. petani.

Disebelah petangnya pula saya bersama anak isteri saya telah pergi menziarahi saudara sepupu saya di Taman Bunga Raya, Sg. Petani dan pulang agak lewat malam iaitu lebihkurang jam 11.30 malam. Oleh kerana saya tidak mempunyai pembantu rumah, maka sudah tentulah tiada siapa dirumah saya semasa ketiadaan saya dan anak isteri itu. Juga untuk makluman tuan anak-anak saya maseh kecil dimana yang sulungnya baru berusia hampir 4 tahun dan yang kecilnya baru berusia 2 bulan. Jadi terpaksa saya dan isteri membawa kesemua anak-anak tersebut kemana sahaja kami pergi.

Mengikut keterangan dari Yang Berbahagia Tuan Penolong Pegawai Daerah (Encik Hashim Bin Ahmad), beliau telah pergi kerumah saya pada malam tersebut iaitu lebihkurang jam 9.30 malam. Setelah melihat rumah saya berkunci dan tiada sesiapa didalam rumah, beliau telah pulang kerumahnya dan terus menelipon Encik Mohd. Nasir, selaku Setia Usaha, Bulan Sabit Negeri Kedah memberitahu hal Bencana Ribut tersebut, disamping itu beliau juga meminta jasa baik Encik Mohd. Nasir supaya menghubungi Encik G. Muniandy iaitu selaku Tuan Timbalan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah, dan saya juga difahamkan bahawa En. Mohd. Nasir telah pun menyampaikan berita bencana tersebut melalui telefon kepada Tuan Timbalan pada malam tersebut. Juga difahamkan Tuan Timbalan telah pun menyampaikan berita itu kepada tuan.

3. Hari Jumaat 16.4.1982 (Hari Cuti Minggu Di Kedah):

Lebih kurang jam 8.20 pagi, saya bersama anak isteri saya telah bertolak ke Titi Gajah, Alor Setar, iaitu kerumah bapa mertua kepada kakak isteri saya bagi menghadiri jemputan kenduri kahwin di rumah tersebut. Pada sebelah petangnya kami berangkat pulang semula ke Sg. Petani ini. Saya bersama anak isteri bertolak ke Titi Gajah ini pada hari tersebut adalah kerana tidak pernah mendapat tahu dari mana-mana pihak berhubung dengan bencana ribut yang telah berlaku itu. Jadi pemergian saya ke Titi Gajah itu bukan lah dengan tujuan hendak mengelakkan diri dari kes bencana tersebut.

Jadi disini memanglah saya akui bahawa saya telah keluar dari Daerah Kuala Muda ini ke Daerah Kota Setar itu dengan tidak memberitahu pihak pejabat Daerah atau pun tuan berlebeh dahulu. Saya bertindak demikian adalah diatas beberapa sebab, antaranya:-

- i- Sepanjang pengetahuan saya, tidak adanya satu-satu arahan secara rasmi dari pihak Ibu Pejabat, yang mengarahkan setiap pergerakan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah yang hendak keluar Daerah dihari hari Cuti hujung minggu, dimestikan memberitahu pihak Pejabat Daerah atau pun pihak Ibu Pejabat terlebih dahulu.

Apa yang saya fahamkan dari arahan-arahan sebelum ini ialah sekiranya seseorang Pegawai Kebajikan Masyarakat yang hendak mengambil cuti rehat, dan dalam masa percutian itu sekiranya ia hendak tinggal diluar Daerah, ia hendaklah memberitahu pihak Pejabat Daerah sebaik sahaja cuti rehat tersebut dibenarkan oleh pihak Ibu Pejabat.

- ii- Dirumah tempat kediaman saya, tidak dibekalkan dengan telefon, tambahan pula kedudukan rumah saya itu adalah terletak agak berjauhan dari tempat kediaman Dato Pegawai Daerah dan Penolong-Penolongnya iaitu lebih kurang 2½ batu. Jadi tentulah sukar bagi saya untuk memberitahu mereka tentang setiap pergerakan saya, lebih-lebih lagi dihari-hari cuti minggu ini.

Jadi sekiranya pihak tuan masih beranggapan, saya telah melakukan satu kesalahan diatas apa yang telah berlaku itu saya memohon maaf.

4. Hari Jumaat 16.4.1982: Pada pagi Jumaat tersebut juga, walau pun hari cuti minggu, Encik Abdul Wahab, seorang Pegawai Kerani Rendah diPejabat ini telah datang membuka pejabat untuk membuat kerja-kerjanya. Untuk makluman tuan, adalah menjadi kebiasaan kepada kakitangan dipejabat ini untuk datang membuat kerja-kerja pejabat walau pun dihari cuti minggu.

Pada lebihkurang jam 9.00 pagi Encik Abdul Wahab, telah menerima panggilan telefon dari En. G. Muniandy Timb. Pengarah memberitahu tentang berlakunya bencana ribut ini. Seterusnya Tuan Timbalan telah mengarahkan En. Abd. Wahab supaya menghubungi saya di rumah dan juga dua orang lagi pegawai lelaki diPejabat ini dan juga pemandu kenderaan supaya datang menunggu Tuan Timbalan dan beberapa orang pegawai dari Ibu Pejabat yang akan datang ke Pejabat ini dan seterusnya akan berangkat bersama ketempat bencana yang terletak lebih kurang 16 kilometer dari pekan Sg. Petani ini.

Oleh itu En. Abd. Wahab terus kerumah saya, dan apabila beliau dapati rumah saya berkunci, beliau terus pula berkejar ke rumah

En. Zainal Abidin bin Sheikh Mohammad (Pembantu Kebajikan Masyarakat) dan Encik Zainal Abidin bin Md. Zain (juga Pembantu Kebajikan Masyarakat), dan kemudian beliau pulang semula kepejabat dan menghubungi En. Abdul Latiff bin Mohd. Fadzil iaitu pemandu kenderaan Jabatan. Kemudiannya difahamkan kedua-dua En. Zainal Abidin telah datang ke Pejabat pada pukul 9.30 pagi dan En. Abdul Latiff pada pukul 9.45 pagi.

Kemudiannya pada jam lebihkurang 10.30 pagi, difahamkan Tuan Timbalan bersama tiga lagi pegawai dari Ibu Pejabat telah tiba. Selepas semua persiapan dibuat, kesemua mereka telah bertolak pergi ke tempat kejadian bencana ribut tersebut.

Mengikut keterangan dari kedua orang pegawai dari pejabat ini, mereka memanglah tidak sempat bertemu dengan Yang Amat Berhormat Dato Kama Jaya, Menteri Besar Kedah ditempat bencana tersebut kerana difahamkan bahawa Yang Amat Berhormat Dato Kama Jaya, baru sahaja berlepas pulang mengikut jalan lain dan bukan jalan masuk yang dilalui oleh Tuan Timbalan Pengarah dan lain-lain pegawai dari Jabatan kita.

Untuk makluman tuan, lawatan Yang Amat Berhormat Dato Kama Jaya ke tempat Bencana Ribut ini bukanlah dirancang terlebih awal oleh Yang Amat Berhormat Dato Kama Jaya. Tetapi adalah difahamkan Yang Amat Berhormat Dato Kama Jaya, hanya mendapat berita tersebut semasa Yang Amat Berhormat berada diMajlis Perasmian Bangunan Pertubuhan Peladang di Kuala Ketil pada pagi hari tersebut. Jadi dalam masa perjalanan pulang, maka Yang Amat Berhormat telah melawat untuk melihat dan menemui beberapa orang mangsa dikawasan tersebut.

Jadi berkaitan dengan arahan Yang Amat Berhormat Dato kepada Tuan Penghulu Mukim Sidam Kiri supaya menghubungi Jabatan Kebajikan Masyarakat sepertimana tersiar dalam Berita Harian bertarikh 17hb. April 1982 itu, mungkin juga ketika itu Yang Amat Berhormat Dato Kama Jaya belum lagi diberitahu bahawa pehak Pejabat Daerah iaitu melalui Encik Hashim bin Ahmad, Tuan Penolong Pegawai Daerah telah pun menghubungi Tuan Timbalan Pengarah Kebajikan Masyarakat melalui En. Nasir pada malam 15.4.1982 itu.

Begitu juga berhubung dengan sungutan oleh Yang Amat Berhormat Dato Kama Jaya, kepada Yang Berhormat Dato Leong, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Kebajikan/Malapetaka Negeri

Kedah pada petang tersebut, adalah mungkin pada anggapan Yang Amat Berhormat Dato Kama Jaya bahawa siasatan dan tindakan maseh belum lagi diambil pada hari tersebut. Sedangkan sebenarnya siasatan keatas mangsa-mangsa yang terlibat telah pun selesai dijalankan pada jam lebihkurang 5.00 petang pada hari tersebut.

5. Hari Sabtu 17.4.1982: Saya ke Pejabat seperti biasa, dan pada jam 10.00 pagi atas arahan tuan, saya telah bertolak ke Ibu Pejabat dan menemui tuan, berbincang serta memberitahu tuan sedikit sebanyak maklumat berkaitan dengan kedudukan kejadian bencana tersebut. Juga saya telah menjelaskan kepada tuan sebab-sebab saya tidak turut serta dalam menyiasat kes-kes bencana tersebut.

Kemudian pada jam lebihkurang 1.00 petang saya telah mendapat wang bantuan sejumlah \$3,290.00 dan seterusnya menghubungi Yang Berhormat Puan Wan Zainab, AMK, AMN, PJK, ahli Dewan Rakyat bagi kawasan parlimen Sg. Petani bagi menyampaikan bantuan tersebut pada petang itu juga sepertimana arahan tuan.

Setelah persetujuan diperolehi dan persiapan dibuat, maka saya bersama dua orang lagi pegawai dari Pejabat Kebajikan Sg. Petani telah berkejar ke Mukim Sidam Kiri ini dan seterusnya memberitahu kesemua mangsa-mangsa yang terlibat supaya dapat berkumpul di Surau Kg. Banggul, Mukim Sidam Kiri untuk menerima bantuan masing-masing. Kemudiannya pada pukul 6.45 petang Yang Berhormat Puan Wan Zainab, telah tiba dan upacara penyampaian bantuan dijalankan dengan sempurna dan majlis tersebut telah selesai dan bersurai pada jam lebihkurang 7.15 petang.

Jadi tindakan yang diambil oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah ini berkaitan dengan bencana ribut di Mukim Sidam Kiri ini adalah cepat, walaupun kejadian itu berlaku dihari cuti umum. Ini dapat dibuktikan kerana bayaran dapat dibuat dalam masa tidak sampai sehari dari tarikh siasatan. Begitu juga siasatan dapat dijalankan dengan sewajarnya.

6. Untuk makluman tuan selanjutnya, sepanjang saya bertugas sebagai Kebajikan Masyarakat Daerah, Kuala Muda ini sejak lebihkurang 6½ tahun, telah berbagai-bagai bencana telah berlaku seperti banjir, ribut, kebakaran, tanah runtuh dan sebagainya. Dan sepanjang ingatan saya setiap berlakunya bencana-bencana tersebut

saya tetap berada didalam Daerah Kuala Muda ini dan tindakan-tindakan segera telah pun saya jalankan sekadar kemampuan saya. Dan sepanjang pengetahuan saya, belum lagi pernah ada sungutan-sungutan dari mana-mana pihak di Daerah ini diatas tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak pejabat ini. Dan pihak saya sentiasa bekerja sama dengan semua pihak terutamanya Pejabat Daerah dan Polis dalam kerja-kerja kecemasan atau bencana ini. Sebagai contohnya baru-baru ini, sebagai persiapan menghadapi Pilihan Raya Umum, pihak saya melalui surat Bil: PKM. KM (TAD) 9/1, yang bertarikh 8hb. April 1982, telah pun menghantar nama-nama pegawai di Pejabat ini dan alamat masing-masing bagi memudahkan dihubungi di masa-masa kecemasan atau bencana berlaku. Surat tersebut dialamatkan kepada Tuan Setiausaha Jawatan Kuasa Keselamatan Daerah, yang berpejabat di Pejabat Daerah Kuala Muda ini dan beliau juga sebagai Pegawai yang bertanggungjawab berkaitan dengan kejadian-kejadian bencana di Daerah Kuala Muda ini.

Jadi dengan adanya laporan yang lengkap dan penjelasan-penjelasan diatas, maka pada pandangan saya, sekiranya maseh terdapat kesilapan dipihak saya, maka di sini sekali lagi saya memohon maaf.

Juga disini, saya sekali lagi memohon maaf diatas kelewatan menjawab surat tuan kerana sepertimana yang tuan maklumi, baru-baru ini iaitu mulai 2.5.1982 saya dan lain-lain kakitangan pejabat ini terpaksa pula menumpukan kerja-kerja menyasat dan membantu mangsa-mangsa banjir dan tanah runtuh di sekitar kawasan Gurun dan kawasan Tupa, Merbuk Kedah, dimana satu Pusat Pemindahan terpaksa dibuka selama satu minggu di Gurun.

Sekian, dikemukakan laporan dari saya untuk makluman tuan. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya Yang Menurut Perintah,

t.t.

**PEGAWAI KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH,
KUALA MUDA, SUNGAI PETANI**

s.k:

Yang Berbahagia,
Tuan Ketua Pengarah,
Kebajikan Masyarakat Malaysia,
Kuala Lumpur.


JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH

IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT

NEGERI KEDAH,

ALOR SETAR

TELEFON:

Pejabat Am - 723322

Pengarah - 720326

Rumah - 722013

18(2) 13:

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (36) dlm. JKM(K)115.

Tarikh: 18hb. April, 1982

Tuan

Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah,

Kubang Pasu,

Jitra.

 Bkn: Bayaran Bantuan Kepada Mangsa Ribut
pada hari Khamis 15/4/1982.

Mengenai perkara tersebut saya ingin menarik perhatian Encik sekali lagi terhadap peri pentingnya kakitangan pejabat di Daerah duduk di daerahnya, seperti arahan saya pada bulan November 1981/ Januari 1982. Saya dukacita masih terdapat lagi kakitangan yang duduk di Alor Setar dan berulang-alik tiap hari.

Kejadian hari Khamis 15/4 begitu mencemaskan apabila Pegawai Encik (kerani) yang duduk di Alor Setar dan dipertanggungjawabkan terhadap voucher bayaran dll. bantuan ribut itu, tidak datang kerana hari cuti walaupun sudah ditetapkan yang penyerahannya akan dibuat oleh Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Asmah, isteri kepada YAB Dato' Seri Perdana Menteri. Hinggakan pegawai kita terpaksa berkejar ke Alor Setar mencarinya. Ini adalah tidak bertanggungjawab.

Saya harap, janganlah mengambil sikap tunggu dan setelah berlaku kejadian yang tidak diinginkan, barulah hendak mengambil tindakan, kerana mungkin waktu itu, sudah terlewat dan mendatangkan "bencana" pada perkhidmatan. Ketegasan dan disiplin adalah sangat penting dalam kelicinan pentadbiran.

Harap perkara sebegini tidak berulang lagi.

Sekian, dan terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.

t.t.

(WAN AZMI RAMLI)

 Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri,
 Kedah.

s.k.:

1. Tuan Pegawai Daerah,
Kubang Pasu.
- Terimakasih atas ambillberat tuan menolong memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa berkenaan itu.
2. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah,
Wisma Negeri,
Alor Setar.
- Supaya termaklum.
3. Dato' Ketua Setiausaha,
Kementerian Kebajikan Am Malaysia,
Kuala Lumpur.
4. Tuan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Malaysia,
Kuala Lumpur.
- supaya termaklum.



PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT,
DAERAH KUBANG PASU,
JITRA, KEDAH.

Tel. No: 743305

18(2) 14:

Rujukan No: PKM/KP (PEN) 41/1 (7)

Bertarikh: 24hb. April, 1982

Tuan Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Negeri Kedah,
Alor Setar.

Tuan,

Per: Bayaran Bantuan Kepada Mangsa Ribut
Pada Hari Khamis 15/4/1982.

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada surat tuan Bil: (36) dlm. JKM (K) 115, bertarikh 18hb. April, 1982 mengenai perkara yang di atas.

2. Seperti yang tuan sedia maklum majlis yang telah diadakan pada hari Khamis, 15hb. April, 1982 jam 9.00 pagi itu merupakan majlis upacara Perasmian Perpustakaan Rakyat Jitra, Kedah oleh Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Asmah, isteri kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri. Didalam susuncara majlis itu tidak ada tercatat upacara penyampaian bantuan kepada mangsa ribut (bersama ini dikepilkan satu salinan susuncara majlis tersebut). Oleh itu penyampaian bantuan ini cuma diselitkan sahaja dalam perjalanan tersebut dan perkara ini tidak dimaklumkan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat terlebih dahulu kepada Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Asmah.

3. Selepas arahan tuan pada petang 13hb. April, 1982 maka saya pada petang dan malam itu juga berkejar menemui Yang Mulai Ustaz Abu Bakar, Setiausaha Peribadi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri dan Yang Berhormat Dato' Haji Osman Arof Exco Kerajaan Negeri di Bangunan UMNO Jitra. Dalam perbincangan itu saya difahamkan bahawa aturcara Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri telah padat. Oleh itu sekiranya Pihak Jabatan ini berkehendakkan bantuan-bantuan tersebut disampaikan juga kepada penerima-penerima-nya, maka dicadangkan supaya penyampaian ini diselitkan sahaja dalam Majlis Perasmian Perpustakaan Rakyat Jitra oleh Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Asmah.

4. Apabila tuan telah setuju dengan cadangan penyampaian bantuan yang akan dilakukan oleh Yang Amat Berbahagia Datin Seri, maka saya telah berjumpa Tuan Pegawai Daerah Kubang Pasu pada 14hb. April, 1982 jam 11.25 pagi untuk membincangkan perkara tersebut. Tuan Pegawai Daerah telah bersetuju penyampaian bantuan kepada mangsa ribut diselitkan sahaja diakhir Upacara Peresmian Perpustakaan itu, kerana susuncara majlis berkenaan telah diatur dan diedarkan.
5. Selepas persetujuan secara lisan telah diperolehi dari semua pihak untuk menyelitkan penyampaian bantuan bencana ribut ke dalam Majlis Peresmian Perpustakaan, maka saya dengan pertolongan tuan Timbalan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri telah berkejar ke Pejabat Bendahari Negeri pada tengah hari 14hb. April, 1982 untuk mendapatkan cek bantuan tersebut. Dengan kerjasama dari kakitangan pejabat saya, pengurusan pertukaran cek dan susunan wang-wang bantuan telah diuruskan hingga lewat jam 5.25 petang.
6. Pada hari upacara penyampaian bantuan, tuan telah mengarahkan saya berjumpa tuan Pegawai Daerah untuk meminta kebenaran berucap dalam majlis tersebut. Saya bersama-sama pengerusi majlis pada hari tersebut berjumpa tuan Pegawai Daerah dan menyatakan hasrat tuan itu. Tuan Pegawai Daerah menolak permintaan tuan kerana katanya majlis ini adalah Upacara Peresmian Perpustakaan Rakyat Jitra dan susuncara majlis telah diatur dengan masa yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak berkenaan.
7. Kesan daripada pengumuman pihak Radio dan Talivisyen Malaysia (RTM) pada malam 14/4/1982 mengatakan 15/4/1982 adalah hari cuti bagi semua Pejabat-Pejabat Kerajaan, menyebabkan timbulnya sedikit kekeliruan dan salah faham oleh kerani yang bertanggungjawab terhadap Boca (*Voucher*) bayaran dan lain-lain bantuan ribut itu. Keadaan begini memang tidak dapat diduga oleh sesiapa sahaja, kerana pengumuman itu diberi secara mengejut. Oleh itu saya rasa agak aneh bagi saya pergi ke rumah tiap-tiap orang kakitangan pejabat ini untuk memastikan samada mereka hadir atau tidak di pejabat pada keesokan harinya (15/4/1982). Apabila pegawai kerani tersebut tidak hadir pada pagi 15/4/1982, ini adalah suatu perkara yang berlaku diluar dugaan saya. Ini bukan bererti saya menuduh bahawa kerani saya tidak bertanggungjawab dalam menjalankan tugasnya, tetapi keadaan yang berlaku dengan tidak diduga seperti itu menyebabkan kerani saya telah salah anggapan.

Meskipun pegawai kerani yang bertanggungjawab berkenaan terhadap

Boca bayaran itu agak lewat tiba di pejabat tetapi seperti mana yang tuan sedia maklum bahawa penyampaian bantuan tersebut berjalan dengan licin dan sempurna dan tidak ada kelewatan berlaku. Di sini suka saya mengambil kesempatan merakamkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua kakitangan dibawah pentadbiran saya dan juga kakitangan daripada Daerah Kota Setar yang telah bertongkos lomos membantu saya dalam menguruskan penyampaian bantuan berjalan dengan baik, meskipun masa yang diberikan oleh tuan adalah begitu suntuk sekali.

8. Bersabit dengan arahan tuan supaya kakitangan pejabat tinggal di Daerah masing-masing, saya suka menarik perhatian kepada minit mesyuarat Jabatan yang diadakan pada 9hb. November, 1981 mulai jam 9.00 pagi muka surat 9, perkara 3.10.1, tuan hanya bermaksud cuma Pegawai dan Pembantu sahaja yang terlibat. Arahan ini telah dipatuhi mengikut salinan photostate surat saya bil (1) dlm. PKM-KP (PEN) 41/1 bertarikh 31hb. Januari 1982 berkembar. Sebaliknya kakitangan lain termasuk kerani, pelayan pejabat dan lain-lain tidak tertakluk dibawah arahan tuan itu. Oleh itu kenyataan tuan yang mengatakan terdapat lagi kakitangan yang duduk diluar Daerah adalah kurang tepat kerana pegawai yang dimaksudkan oleh tuan adalah seorang kerani dan bukan Pegawai atau Pembantu Kebajikan Masyarakat.

9. Pegawai kerani berkenaan masih lagi dalam percubaan dan belum disahkan lagi. Gaji bersihnya sebanyak \$330.00 sebulan. Mengukur dengan gajinya agak sukar bagi beliau hendak mendapat rumah mengikut kemampuannya. Tidak ada rumah kerajaan yang disediakan untuk pegawai ini. Beliau tinggal di Alor Setar bersama keluarganya adalah lebih murah perbelanjaan dan boleh menjimatkan wang gajinya. Pegawai ini berulang-alik dari rumahnya sendiri di Alor Setar dengan tambang \$2.00 sehari. Jauh perjalanan dari Alor Setar dengan pejabat tempat bertugas hanya 12 batu sahaja.

Dalam pemerhatian saya selama ini, pegawai ini datang ke pejabat tepat pada waktunya dan ini memuaskan hati saya kerana dimana sahaja dia duduk tetapi datang ke pejabat tepat pada waktunya.

10. Kesimpulannya suka saya tegaskan sekali lagi bahawa majlis yang dijalankan pada 15hb. April, 1982 itu adalah Majlis Peresmian Perpustakaan dan bukan majlis penyampaian bantuan kepada mangsa ribut. Aturcara yang dikembarkan bersama adalah membuktikan kenyataan ini. Apabila tuan mengatakan "....." mendatangkan "bencana" pada

perkhidmatan" seperti para 3 dalam surat tuan itu, seolah-olah menunjukkan bahawa majlis tersebut dianjurkan oleh pihak Jabatan ini seratus peratus.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

t.t.

Pegawai Kebajikan Masyarakat,
Daerah Kubang Pasu,
Jitra, Kedah.

s.k.

1. Tuan Pegawai Daerah,
Kubang Pasu,
Jitra.
2. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah,
Wisma Negeri,
Alor Setar.
3. Dato' Ketua Setiausaha,
Kementerian Kebajikan Am Malaysia,
Kuala Lumpur.
4. Tuan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Malaysia,
Kuala Lumpur.


JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH

IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT

NEGERI KEDAH,

ALOR SETAR

TELEFON:

Pejabat Am - 723322

Pengarah - 720326

Rumah - 722013

18(2) 15:

Ruj. Tuan:

 Ruj. Kami: (9) dlm.PKCK (P)
22/20 SULIT

Tarikh: 11hb. Mei, 1982

Tuan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Malaysia,
Kuala Lumpur.

Yang Berusaha Tuan,

Bkn: Bayaran Bantuan kepada Mangsa
Ribut pada hari Khamis 15/4/82
rujuk PKM/KP (PKM) 41/1 (7) tanggal 24.4.82

Mengenai perkara tersebut inilah dengan segala hormatnya ingin saya menarik perhatian tuan terhadap salinan surat PKMD. Kubang Pasu yang memesongkan kebenaran dan memutarbelitkan keadaan.

Tiap bantuan dari peruntukan Kerajaan Negeri dibuat atas arahan dan kerjasama pihak tertentu. Disebabkan keadaan waktu itu, saya menerima arahan/nasihat dari Pejabat Menteri Besar dan Wisma Negeri agar mengambil kesempatan kunjungan YAB Dato' Seri Perdana Menteri dan Datin Seri ke Daerah Kubang Pasu (disebabkan YAB Dato' Kama Jaya Menteri Besar sebok ditempat yang lain). Oleh itu, saya dinasihatkan menemui wakil peribadi YAB Dato' Seri, iaitu YM Ustaz Abu Bakar. Saya memberitahu hal ini kepada PKMD, Kubang Pasu berkenaannya dan juga memaklumkan hal ini kepada Tuan Pegawai Daerah, supaya tidak berlaku salahfaham nanti. Ini beliau lakukan.

Pada jam 5.30 petang 14/4/1982 di Lapangan Terbang Kepala Batas, semasa menyambut ketibaan YAB Dato' Seri Perdana Menteri dan Datin Seri, saya berpeluang berbincang hal ini dengan YM Ustaz Abu Bakar dan beliau sangat setuju dan akan memaklumkan kepada Yang Amat Berusaha, Datin Seri Dr. Siti Hasmah. Dan ini beliau telah lakukan seperti mana yang dirancang - dan keadaan mengadakan upacara sampingan, kerana

mengambil sempena lawatan YAB itu dilakukan di mana-mana, memandangkan keadaan waktu itu, menurut YM Ustaz Abu Bakar, yang mengatur rancangan lawatan tersebut. Oleh itu, kata-nesta untuk menyeleweng dari keadaan sebenar menimbulkan rasa kurang senang dipihak YM Ustaz Abu Bakar; dan nampaknya seolah-olah PKMD, Kubang Pasu ini membabitkan pula Tuan Pegawai Daerah, Kubang Pasu, yang telah bertongkos-losos menolong Jabatan ini, pada hari tersebut. Perbuatan ini adalah jahat.

Para 5 suratnya, saya sendiri yang berbincang hal ini dengan Tuan Bendahari Negeri untuk meminta jasabainnya dan beliau mengarahkan kakitangannya menyediakan cek sebelum jam 12.45 tengahari. Dan lepas itu, saya pinta Timbalan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri, Encik G. Muniandy pergi sendiri bersama PKMD, Kubang Pasu. Perbendaharaan menerima cek tersebut. Kemudian, saya pinta pula Cik Mariati (PKM-Akhlak) pergi ke Jitra untuk tolong memasukkan wang ke dalam envelop agar segalanya beres. Lain-lain pegawai disuruh keluar melawat ke rumah mangsa-mangsa ribut untuk memberitahu bayaran pada keesokannya. Dan pada hari tersebut (15/4/82) saya pinta Encik Mohd. Sani (PKM-Dadah) hadir untuk membantu di Upacara tersebut, bukan atas inisiatif PKMD.

Para 6, soal saya meminta untuk berucap di Upacara tersebut tidak timbul. Saya cuma berbincang dengan Juruacara majlis tentang mungkin saya nanti dituduh kurang sofian meminta YAB Datin Seri beri bantuan tanpa terlebih dahulu terimakasih kepada YAB itu. Itu saja. Dan pihak Juruacara juga sependapat, kemudian beliau ajak PKMD, Kubang Pasu yang kebetulan ada disitu, untuk menemui Tuan Pegawai Daerah. Tetapi apabila telah jelas pihak P.D. mengatakan tidak mengapa, maka saya rasa gembira. Ini adalah etiket. Dan pegawai yang tidak ada etika memutarbelitkan keadaan dan melagakan ketuanya.

Para 7 telah menimbulkan keributan kerani berkenaan tidak datang bekerja kerana cuti am secara mengejut dan segala voucher di dalam simpanannya. Saya kasihan melihat PKMD, Kubang Pasu yang begitu cemas dan "panic", terlari ke sana, terhambat ke sini – dan beberapa pegawai terpaksa berkejar ke Alor Setar mencari kerani berkenaan. Mujurlah ia ada dirumahnya, enak-enak berehat waktu cuti.

"Bencana" pada perkhidmatan yang saya sebutkan ialah, mangsa-mangsa ribut di dua kawasan Sanglang dan Kodiang sudah berkumpul. Mereka tahu yang YAB Datin Seri akan menyampaikannya. Kalaulah upacara penyampaian itu dibatalkan disebabkan kecuiaan pegawai tersebut, apakah implikasi politiknya? – ini tak payah saya jawab, pihak tuan sedia maklum. Dan saya tak akan melihat ini berlaku, insya Allah, tidak dalam perkhidmatan jagaan saya, selagi saya di Kedah.

Menurut surat saya bil. (36) dalam siri yang sama tanggal 18/4/82 itu, saya menganggap sikap pegawainya yang tidak datang bertugas itu adalah tidak bertanggungjawab atas bukti yang dilakukannya itu. Saya tidak menyatakan yang beliau menuduh keraninya tidak bertanggungjawab (sila semak).

Para 7 (i), kerani berkenaan bukan "agak lewat tiba di pejabat" tetapi beberapa orang pegawai dari Jitra berkejar ke rumahnya di Alor Setar dan bawanya datang ke Jitra secara tergesa-gesa. Jika tidak, ia tidak akan datang kerana sangkaan, hari cuti am, semua upacara telah batal. Ini adalah kenyataan setelah apa yang berlaku pada hari itu.

Para 8 begitu jelas tentang hipokrasi Pegawai saya ini. Beliaulah yang bersungut kepada saya pada 15/4/82 tentang seorang Pembantunya tidak duduk di Jitra, malah berpindah ke Alor Setar dan bekerja di Jitra. Jika ia tidak beritahu saya, saya tidak tahu. Kemudian beliau "*have the cheek*" kata Orang Putih, mengirim salinan photostat Bil. (1) dlm. PKMKP (PEN) 41/1 tanggal 31.1.82 yang dimajukan kepada Tuan Pegawai Daerah itu, yang juga sudah "*out-dated*", menegaskan yang semua Pegawai-pegawainya (melainkan kerani) duduk di Jitra, mengikut arahan. Saya kesal sikap tidak jujur pegawai ini.

Tuan sedia maklum, PKMD, Kubang Pasu adalah satu-satunya PKMD yang tindakan tatatertib tidak saya susuli. Saya menghormatinya dan menempatkannya di kawasan terpenting (Daerah Kubang Pasu) dan ini atas kemahuannya juga untuk menghadapi cabaran. Saya tidak sekali-kali menyangka (dan kini saya yakin) beliau juga berkomplot beramai-ramai dalam "Lampiran A" itu. Dan gejala-gejala ini jelas membuktikan betapa beliau sudah tidak dapat mengawal, mendisiplinkan kakitangannya oleh itu, pada hemat saya, beliau tidak layak menjadi PKMD, lebih-lebih lagi di Daerah terpenting ini, oleh itu, demi kepentingan perkhidmatan, beliau harus dikeluarkan dari Daerah dan Negeri ini, seberapa segera yang boleh. Senarai cadangan pertukaran telah saya majukan kepada Dato' Ketua Setiausaha pada 10/5/1982.

Sekian harap mendapat tindakan tegas dari tuan. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(WAN AZMI RAMLI)

Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri,
Kedah.

s.k.

1. YB Dato' Setiausaha Kerajaan,
Negeri Kedah,
Wisma Negeri,
Alor Setar.
 - sila rujuk laporan kakitangan yang dimajukan kepada YB Dato' pada 26/4/1982 itu.
2. YM Ustaz Abu Bakar,
Wakil Peribadi YAB Dato' Seri Dr. Mahathir.
 - bincangan kita pada hari-hari tersebut ada kaitannya. Terima kasih.

Nota.

Pada 10/5 (jika tidak silap) YM Ustaz Abu Bakar sangat marah bila beliau dengan suka dan menelefon terus Dato' KSU, malangnya Dato' tak ada di KKA, lalu beliau bercakap dan beritahu hal sikap berdolak-dalik Pegawai suka kepada Yang Berusaha Tuan KPKM, En. Abdillah Mahmud Baginda.

Contoh (4) --- sikap, keikhlasan dan tanggungjawab di ragui.

a) Daerah Kulim

Senarai yang sama terima dari T.PKMN (sila rujuk kembali --- Baling) kemudian bila di Kulim, saya pinta semula dari PKMD. Kulim dan laporannya seperti dalam Bil. (3) tanggal 23/5 itu. Kemudian saya sendiri periksa secara terperinci (yang memeranjatkannya dan luar dari dugaannya). Hasil dari penelitian ini, saya dapati lagi banyak kes-kes masih terbelengkalai tanpa tindakan --- sila lihat lampiran Bil (47) 21 Julai itu.

Sikap bekerja kakitangan haruslah berubah kerana jika masih pada tahap lama, banyak pemohon akan jadi "mangsa".

Sistem selidik/siasat dan kaji saya ini menggerunkan merka oleh itu saya harus dikorbankan dalam tohmahan dan fitnah merka kepada YB Datin Paduka Hajah Aishah Ghani --- SYABAS dan merka berhasil besar dalam kejayaan luarbiasa ini!

b) Di Daerah Bandar Baru pula teknik yang sama saya pergunakan (rujuk senarai T.PKMN dulu itu, bandingkan pula dengan penyata PKMD. BB pada 26/6/82 semasa saya berada di sana). Apabila saya semak sendiri, didapati 7 Kes di daftar sejak tahun 1980 digelapkan!

Masa lawatan saya, biarpun di mana dan sejauhmana Daerah (secara mengejut) saya akan sampai sebelum jam 8.00 pagi. Pagi itu, saya berada di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah jam 7.30 pagi. Saya semak Daftar Kedatangan dan rasa gembira kerana para kakitangan tak pernah sampai ke pejabat lewat, menurut Buku Daftar Kedatangan. Rupa-rupanya bila datang jam 8.15 pagi dicatat 7.45 pagi. Ada yang datang jam 9.05 pagi dan seorang kakitangan "hilang" jam 10.20 pagi, datang telefon menyatakan pegawai tersebut "cuti sakit".

Sebelum ini saya telah peroleh maklumat bahawa pegawai ini sering ke pejabat lewat. Ini saya tidak suka kerana perbuatan ini menjatuhkan nama baik Pejabat dan merosakkan imej Kerajaan di mata orang ramai yang melihat pegawai pejabat ini tidak patuh pada waktu pejabat --- dan waktu pejabat, semua rakyat tahu, tak boleh kelentong!

Dalam perjalanan ingin saya menziarahi pegawai muda yang "sakit" ini, PKMD, BB melahirkan keraguannya bahawa mungkin pegawai berkenaan datang lewat (seperti lazim) dan apabila melihat motokar saya dihadapan Pejabat, beliau ketakutan dan terus lari pulang dan ambil "cuti sakit".

Puas saya dan PKMD, BB mencari rumah pegawai ini yang tinggal bukan sahaja di luar daerahnya tetapi juga di Negeri lain. Ini bertentangan dengan arahan dan PKMD coba "cover-up" dan beri helah. Alangkah terperanjatnya selepas pengantin baru ini bila saya dan PKMDnya muncul di muka pintu rumahnya --- walaupun ada siji sakit tetapi tidak pula kelihatan "sakit" kerana bertenaga berbincang panjang lebar.

Sikap seperti inilah yang saya hendak ubah agar merka insaf dan lebih dedikasi menjalankan tanggungjawab merka. Bukan dengan secara penipuan, berdolak dalik dan berkomplot menentang hasrat untuk pengwujudan satu pentadbiran yang Bersih, Cekap dan Amanah!



PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT
DAERAH KULIM

18(2) 16:

Fil (3) dalm. PKMK. 8/16.

Bertarikh: 23hb. Mei, 1982

29hb. Rejab, 1402

Tuan Pengarah,
Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah,
Alor Setar.

Tuan,

Per: Kes-Kes Yang Belum Disiasat

Dengan hormatnya bersama-sama ini adalah dilapurkan kes-kes yang belum disiasat bagi daerah Kulim, seperti berikut:

| Jenis Kes | Tahun 1979 | 1980 | 1981 | 1982 |
|----------------------------------|------------|-----------|------|------|
| 1. Cacat | | 1 | 19 | 1 |
| 2. Perselisihan Keluarga | | 1 | 1 | 2 |
| 3. Bantuan Am | | 1 | 3 | 22 |
| 4. Bantuan Penyaraan Kanak-Kanak | | - Tiada - | | |
| 5. Bantuan Penyaraan Orang Tuan | | - Tiada - | | |
| 6. Perkhidmatan Dadah | | - Tiada - | | |
| 7. Wanita dan Gadis | | - Tiada - | | |
| 8. Kanak-kanak | | - Tiada - | | |

Sekian dimaklumkan, Terima kasih.

'APAKAH SUMBANGAN ANDA KEPADA
AGAMA DAN NEGARA?'

Saya Yang Menurut Perintah.

t.t.

Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah,
Kulim.


JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH
IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT
NEGERI KEDAH,
ALOR SETAR
TELEFON:

Pejabat Am - 723322

Pengarah - 720326

Rumah - 722013

18(2) 17:

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (47) dlm. JKM(K)115.

Tarikh: 21hb. Julai, 1982

 Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah,
Kulim.

 Bkn: Lawatan Rasmi.

Menyusul kepada lawatan saya tempoh hari, saya agak puashati terhadap kes-kes yang kita melawat bersama dan nampaknya dikendalikan dengan sempurna.

Bagaimanapun masih terdapat sedikit kelemahan terhadap membereskan tunggakan siasatan kes-kes. Didapati angka-angka yang bercanggah dengan yang diberi kepada dan oleh En. G. Muniandy T.PKMN kepada saya dengan surat bil (3) ini. Apabila saya selidik di Pejabat secara terperinci, saya dapati masih terdapat banyak lagi kes-kes sejak tahun 1979 itu seperti:-

| | | | | |
|-------|-------|-------|-------|----------------|
| 1979: | 1980: | 1981: | 1982: | |
| 4 | 10 | 32 | 4 | = 50 kes extra |

Jumlah terbesar yang tidak termasuk dalam laporan kepada T. PKMN dan laporan tambahan bil (3) itu, ialah sebanyak 50 kes. Kes-kes ini tidak diambil tindakan atau tindakannya tidak lengkap. Sebahagian besar darinya adalah kes-kes cacat yang seharusnya kita beri perhatian lebih mendalam memandangkan mereka punyai lebih masalahnya.

Saya sedia kirimkan satu "task force" untuk maksud ini demi kepentingan mereka yang kurang bernasib baik agar sesuatu projek/rancangan lebih berkesan dapat diambil. Sila sediakan garis-garis tindakannya.

Sila juga perkemaskinikan rakaman/tindakan kes-kes yang saya tidak puashati ini: PKM/K(BA) 311/80, 41/80, 339/80, 163/81, 698, (D)37/80, (CA)145/80, (A)18/82, 185/80.

Juga saya dapati Pembantu Encik cuma menyiasat 7 kes baru dalam bulan Februari, 1 kes sahaja dalam bulan Mac dan tidak langsung pada bulan April. Sila selia dan kawal agar tunggakan kes-kes lama itu dapat segera dikurangkan.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.

t.t.

(WAN AZMI RAMLI)

 Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri,
Kedah.


JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH

IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT

 NEGERI KEDAH,
 ALOR SETAR

TELEFON:

Pejabat Am - 723322

Pengarah - 720326

Rumah - 722013

18(2) 18:

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (48) dlm. JKM(K)115.

Tarikh: 21hb. Julai, 1982

 Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah,
 Bandar Bahru.

 Bkn: Lawatan Rasmi.

Saya ingin menyentuh tentang lawatan saya tempoh hari di Daerah Bandar Bahru. Pada lawatan ke rumah-rumah klien, yang fail-failnya saya ambil secara rambang, dan kita melawat bersama, saya puashati rakaman dan tindakan yang dibuat.

Menurut laporan yang saya terima dari T. PKMN dan laporan semula pada 26/6/82 didapati sedikit bercanggah. Bagaimanapun apabila saya selidik secara mendalam, saya dapati terdapat 7 kes fail yang terdaftar sejak tahun 1980 tidak disiasat/diambil tindakan yang sepatutnya, iaitu:- PKM-BB ()83/80, 98/80, 66/80, 59/80, 38/80, 4/80 dan 31/80. Sila ambil tindakan segera keatas kes-kes ini dan laporkan.

Ada juga beberapa kes yang telah disiasat tetapi masih belum dirakamkan seperti PKM. BB 21/82, 62/82 dan 84/82. Kes bantuan kebajikan khas (untuk memperbaiki rumah) yang bantuan \$250/= telah dibayar pada 24/3 hingga tiga bulan masih terbelang. Sila ambil perhatian khas mengenai kes ini dan kita juga telah bincang panjang lebar mengenainya.

Seperkara lagi ingin saya sentuh ialah tentang kedatangan kakitangan. Pada masa lawatan itu (26/6) sampai di Pejabat jam saya 7.45 pagi tetapi didapati semua kakitangan (selain dari pekerja sukarela) datang ke Pejabat lewat antara 15 minit. - satu jam. Harap perkara ini jangan lagi diamalkan. Juga setiap Pegawai/Pembantu haruslah tinggal di Daerahnya.

Sekian.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.

t.t.

(WAN AZMI RAMLI)

 Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri,
 Kedah.

Contoh 5 menggelikan hati. Kejadian ini berlaku semasa saya melawat KKA. Kerana satu laporan akhbar, seolah-olah Kementerian "hendak runtuh" --- mudah *panic*. Pada hal, kes ini baru 3 bulan --- ini pada *standard* Kedah, terlalu awal dan boleh dikatakan tindakan pantas, Kementerian gempar kerana kes 3 bulan daftar baru siasat dan beri bantuan.

Apa hal pula kes-kes sejak tahun 1979 (EMPAT TAHUN!) yang seolah-olah dilupakan --- dan kes-kes ini tidak diendahkan kerana mereka tidak hebh-hebohkan berita dalam akhbar.

Saya coba selesaikan tunggakan kes-kes ini, misalnya 200 kes dari Langkawi telah selesai dan tindakan "*task force*" akan dilaksanakan seluruh Negeri ini, malangnya saya terpaksa tinggalkan negeri Kedah ini dengan tidak dapat tidak --- mungkin saya mendatangkan "*embarrassment*" kepada Kementerian. Mengapa harus pihak tertentu melakukan "*cover-up*" seperti ini? Takutkah kita menghadapi kenyataan, kebenaran, jangan tunggu laporan dari *media massa* dan kita terkejar ke sana, terlari ke sini --- pada saya, ini hipokrit.

Cara saya jalankan tugas, saya tidak tunggu akhbar buat ulasan/hentaman atau bila orang *complaint* barulah hendak bertindak. Ini kerja bodoh. Kita punya data dan fakta oleh itu haruslah dipertindakkan mengikut perancangan yang teratur bukan ikut "hawa nafsu" dan perasaan melulu. Ini tidak professional.

Dan kerana menjalankan tugas mengikut sistem yang baik dan teratur, ada orang dengki dan tidak senang hati pada saya. "Bagus"lah sikap yang sebegini!

Siapa akan rugi?

Bukan Pegawai, bukan Ketua, TETAPI RAKYAT!


JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH
IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT
NEGERI KEDAH,
ALOR SETAR
TELEPON:

Pejabat Am - 723322

Pengarah - 720326

Rumah - 722013

18(2) 19:

Ruj. Tuan:

EXPRESS

 Ruj. Kami: (5) dlm. PKM.KS(A)
460/81.

Tarikh: 9hb. Mei, 1982.

Tuan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Malaysia,
Kuala Lumpur.
(u.p: En. Leong Wan Kai)

Bkn: Kes Cacat -

Menyusul semula kepada bincangan saya dengan tuan di Kementerian pada hari Jumaat 7/5/82 itu, bersama-sama ini dikepilkan jawapan dari PKMD Kota Setar berkenaan.

Untuk makluman tuan, emak penama Puan Bulat datang ke Pejabat ini pada 22/11/81 dan lawatan dibuat pada 1/12/81 oleh Puan Azizon, Pegawai Kebajikan Masyarakat tetapi tidak tercatat bahawa lawatan dibuat pada hari Selasa dalam diary rasminya itu. Kononnya lawatan kedua dibuat pada 2/1/82 dan kes failnya dimajukan kepada PKMD Kota Setar pada 7/1/82. PKMD Kota Setar pula mengambil masa lebih satu bulan (pada 11/2/82) untuk beri ulasan dan merojok kes berkenaan kepada Timbalan PKMN, yang kemudian meluluskan kes ini pada 26/2/82.

Voucher bayaran dibuat dan dimajukan ke pihak Pentadbiran pada petang 24/3/82 (Rabu) dan dihantar ke Cawangan Akauntan Negara Alor Setar pada hari Sabtu 27/3/82 (Jumaat 26/3 Cuti Am). Lulusan diberi @ \$90/= sebulan mulai bulan Mac selama 6 bulan (\$180/= Mac/April - dibuat bayaran 2 bulan sekali).

Setelah perkara ini heboh di dalam akhbar, barulah, atas arahan tuan, lawatan segera dibuat dan bayaran \$25/= (bukan \$30/=) dibayar pada petang Khamis 6/5 itu dari Peruntukan Wang Panjar Runcit.

Pihak PKMD Kota Setar, atau Pegawai berkenaan tidak memberitahu klien secara lisan atau bertulis tentang bantuan yang telah diluluskan itu.

Sekian dan terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.

Saya yang menurut perintah.

t.t.

(WAN AZMI RAMLI)

Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri,
Kedah.

Nota:

Pada 11/5 jam 9.30 pagi saya menjemput Puan Azizon, pekerja kes untuk menyemak Diary 1982nya. Malangnya, menurut beliau, diarynya hilang oleh itu tidak ada bukti pengesahan ini.



PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT
DAERAH KOTA SETAR
ALOR SETAR

18(2) 20:

Bil (4) dlm. PKMK. (A) 460/81.

Bertarikh: 9hb. Mei, 1982.

Tuan Ketua Pengarah,
Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia,
Kementerian Kebajikan Am,
KUALA LUMPUR.
(u.p. Encik Leong Wan Kai)

Melalui:

Tuan Pengarah
Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah,
ALOR SETAR.

Tuan,

Per: Kes Cacat

Alamat: 120, Kampung Alor Gunung,
Kota Setar, Kedah.

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada berita yang disiarkan dalam akhbar *New Straits Times* bertarikh 7hb. Mei, 1982 muka 5 bertajuk "*Docs anxious for baby with birth defect*" dan akhbar Berita Harian bertarikh 7hb. Mei, 1982 muka 7 bertajuk "Bagaimanakah dengan nasib kanak-kanak ini?" berkaitan dengan seorang kanak-kanak cacat, sukacita dimaklumkan bahawa pihak saya telah mengambil tindakan untuk membantu keluarganya ini.

2. Kedua ibubapa kanak-kanak yang berkenaan berkeadaan normal ketika datang memohon bantuan dari pejabat ini. Bapa kepada kanak-kanak tersebut dilaporkan tidak boleh bekerja teruk kerana pernah terlibat dalam kemalangan. Sebagai langkah mendapat pengesahan, pihak saya terpaksa merujuk bapa penama ke Hospital Besar Alor Setar untuk pengesahan pegawai perubatan. Setelah pengesahan diperolehi didapati bapa penama hanya sanggup menjalankan kerja-kerja ringan dan pendapatan keluarga tidak mencukupi, maka Bantuan Penyaraan Kanak-kanak sebanyak \$90.00 (Ringgit: Sembilan puluh sahaja) sebulan mulai bulan March, 1982. Penama mempunyai sembilan orang adik beradik dan lima orang darinya masih bersekolah.

3. Pembayaran bantuan kepada keluarga penama atas nama ibu penama iaitu Cik Bulat telah disediakan, yang mana baucer bayaran telah dihantar kepada Ibu Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah pada 24hb. March, 1982. Bayaran bantuan ini akan dilakukan kepada klien yang berkenaan selepas pihak saya dapat menerima cek bantuan tersebut.

Sekian dimaklumkan dan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

t.t.

Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah,
Kota Setar, Alor Setar

Anxiety over baby with birth defect

Kuala Lumpur, Thurs.— A nine month-old baby has part of her brain enclosed in a sac OUTSIDE her head.

The sac, a large, soft and sensitive mass, is almost three times the size of the baby's head, measuring about 32 cm (12½ inches) long and 25 cm (10 inches) wide. It protrudes from the midline of baby Mahani binti Abdul Rahim's face.

Doctors refer to the sac as meningo-encephalocele (a protrusion of the meninges through the skull, appearing as a cyst filled with cerebro-spinal fluid, due to a failure in the fusion of the skull bones).

General Hospital doctors who were shown Mahani's picture are of the opinion that the sac will probably be inoperable if investigations show that it contains part of the brain.

They described the condition as a "multiple congenital defect," considering that Mahani also has "multiple constriction bands" on the lower part of her right leg.

The big toe and second toe of Mahani's left foot are fused together.

On her left hand, the middle and ring fingers are only stumps. The remaining fingers do not have nails.

The index and ring fingers are missing from her right hand.

Both her feet are turned inwards.

Mahani's nostrils are at the base of the sac, and large veins can be seen running across.

Mahani will be 10 months old on May 10. She was delivered by caesarean section at the Alor Star Hospital.

Doctors at the General Hospital here expressed anxiety for the baby and have advised her parents to seek specialist attention.

Mahani's parents recently brought her to Kuala Lumpur. They came to visit friends and relatives in Kampung Kerinchi.

Last Tuesday night, they went to the Puduraya bus terminus to board a bus home, but were told that tickets had been sold out. A curious crowd at the terminus gathered round the baby and gave donations generously.

They will leave for Alor Star tomorrow by train.

Mahani's mother, said doctors at the Alor Star Hospital had told her that the sac was the baby's life support and was inoperable.

They had suggested that the baby be left in the care of the hospital for further investigations, but the mother had refused.

She and her husband, said they were disappointed with the Social Welfare Department in Alor Star. The department, they said, had not responded to their request for aid although its officers promised to do so four months ago.

The father said: "Due to my health problems, I am not able to take up employment. I have four children still in school. Three others are jobless and two sons are working as labourers.

"We have great difficulty in making ends meet. We would like to appeal for funds so that we can give her the best."

Cik Bulat, who fondly calls her daughter "Adik Manis," said she could not bear the thought of parting with her "no matter what happens."

She said: "Adik Manis is a clever baby. She can say 'Mak' and 'Bapa' and even wave goodbye."

She is also able to respond to her name.

Cik Bulat said she loves bread and pisang emas although she has not teethed yet.

Cik Bulat said she devotes all her time to nursing the baby. The girl requires so much more love and attention than other children, she added.—by Mary Kollandasamy

Contoh (6)

Apabila seseorang itu telah termakan budi maka amat sukarlah baginya hendak mendisiplinkan kakitangan bawahannya. Oleh itu, "cover-up" berlaku di tiap peringkat.

Perbuatan ini harus dibersihkan demi kepentingan perkhidmatan agar sikap yang boleh mendurjanakan pentadbiran, dinokhtahkan.

Nota:

Rujuk Jilid I - - - semasa komplot untuk mendapatkan tandatangan rayuan "**surat fitnah**" kepada YB Menteri Kebajikan Am, pihak penganjur meminta/merayu/memaksa/dan menipu mereka yang tidak bersalah supaya "berganding bahu dibawah satu bumbung" menentang *establishment*. Oleh itu, dari Pelayan Pejabat sampai ke Ketua Kerani hingga ke Timbalan turut terlibat. Apabila saya tinggalkan Jabatan ini kelas (*transfer*), ianya akan menjadi satu Jabatan "*cincai*", "tutup mata sebelah" kerana semuanya **sepakat menolong satu sama lain** - - - budi ini mesti dikeringkan selalu.

* Saya difahamkan cuma seorang sahaja pegawai kanan di Kedah yang enggan menandatangani, iaitu En. Osman Salleh.



PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT
DAERAH KOTA SETAR
ALOR SETAR



18(2) 21:

Bil (4) dalm. PKMKS (Per)
(SULIT) 016.

Bertarikh: 4hb. Mei, 1982

Tuan Pengarah,
Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah,
Alor Setar.

Tuan,

Per: Kebenaran Keluar Daerah bagi:-
En. Shariff b. Long

Dengan hormatnya bersama-sama ini dikembarkan surat penjelasan dari Pembantu Kebajikan Masyarakat seperti tersebut di atas berhubung dengan kebenaran keluar daerah.

2. Perkara ini telah pun dimaklumkan kepada saya dan sekiranya berlaku sebarang bencana yang memerlukan perkhidmatan dari pegawai ini serta merta saya boleh menghubunginya dialamat yang telah diberi.

3. Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

t.t.

Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah,
Kota Setar,
ALOR SETAR.

PKMD: KS

Bila saya hubungi Encik mengenai cuti Pembantu
mu, En. beritahu yang pemergaunya tanpa kebenaran,
oleh itu saya cuti dalam Permohonan Cuti Rehatnya
tanggal 3 Mei.

Jika beri juga seperti Encik membongki saya,
maka kebenarannya? Sila lampirkan.

- W.A.R.
(PKMN.K)

NOTA

Kebenarannya tidak diberi oleh PKMD: KS,
hanya sebagai cover-up saja - WAR. S/S.



PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT
DAERAH KOTA SETAR
ALOR SETAR

18(2) 22:

Bertarikh: 4/5/1982

Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah,
Kota Setar,
ALOR SETAR.

Tuan,

Per: Kebenaran Keluar Daerah

Dengan hormatnya bahawa kebenaran untuk keluar daerah kerana bercuti dihujung minggu pada tarikh 29.4.1982 hingga 2.5.1982 telah dimaklumkan kepada tuan.

2. Pada pagi 2.5.1982 dalam perjalanan ke pejabat saya telah terkandas di Gurun kerana banjir besar, serta tidak dapat dilalui oleh semua kenderaan. Perkara ini saya telah menghubungi tuan pada pagi tersebut melalui talipon, dan tuan telah menasihatkan saya supaya mengambil cuti rehat pada hari tersebut (2.5.82) sekiranya saya lewat sampai ke pejabat. Selepas saya berusaha untuk melalui jalan yang dilanda oleh banjir itu, dan masih juga tidak berjaya, maka saya patuhi cadangan tuan itu.

3. Sekiranya ada apa-apa kesilapan yang telah berlaku, saya memohon maaf.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(SHARIFF BIN LONG)

Pembantu Kebajikan Masyarakat,
Daerah Kota Setar,
ALOR SETAR.

Segala contoh klasik beserta dengan bukti fakta dan data yang telah saya berikan itu akan membuat sesiapa yang membaca laporan ini, menggelengkan kepala dengan rasa takjub. Kehairan. Pelek tetapi benar!

Saya dijadualkan dalam rangka lawatan (bulan Ogos) ke beberapa Daerah lagi seperti di Kubang Pasu, Sik, Pendang, Kuala Nerang, Kota Setar dan di Rumah Orang-Orang Tua, Bedong, kerana saya penuh yakin kepincangan yang lebih lagi sedang berlaku di sana. Mujurlah pihak Kementerian cepat menggunakan kuasa mutlaknya menukar saya tanpa sebarang sebab juapun, dengan itu dapatlah menyelamatkan para pegawai luar/pentadbiran, yang mulai rasa tak sedap duduk dan tidak lelap tidur.

Inilah, pada hemat saya, paling dangkal, paling negatif, pihak yang berwajib menyelesaikan masalah dengan cara sorok dibawah permaidani indah, bila tersingkap, sudah reput dan hilang dengan sendirinya.

MEMBALAS DENDAM:

"Dendam" (ms 228) dalam Kamus yang sama, ialah:

a) perasaan cinta dan kasih kepada seseorang _____ (bertuahlah orang yang mendapatnya _____ ini, pada hemat saya satu perasaan dan sikap positif, yang membina)

b) hendak membalas kejahatan _____ (ini satu perasaan yang tidak baik, yang hanya termampu dilakukan oleh Kaum Yahudi _____ "*an eye for an eye*". Juga bertentangan dengan ajaran agama Islam maupun Kristen).

Oleh itu, dari maksud (b) ianya timbul dari rasa hasad dengki dan pesona, yang menjadi naluri manusia yang tidak beriman, atau keimanan-nya sangat tipis.

Untuk menjadi Pemimpin atau Ketua adalah sangat mudah TETAPI memikul tanggungjawab, amanah, jujur dan dedikasi kepada rakyat dan aspirasi Negara adalah satu perkara yang sangat sukar dan bukanlah tiap "awang, ah chong dan mutusamy" boleh melakukannya.

Dalam hal ini, saya teringat kepada teori saya dalam buku Pengurusan (Teori Kelawar) yang antaranya, saya sebut tentang Teknik "ABC" _____ atau, Ampu, Bodek, Cucuk. Orang yang lemah, yang tidak berpendirian, yang kewibawaannya tergugat, yang tidak dapat memikir dengan rational sahaja boleh memasuki Kem ABC itu _____ yang pada hemat saya, satu teknik mainan kotor dirasok "iblis"

Saya teringat pula konsep 2M _____ "BCA" yang menjiwai saya 100%. Iya, Bersih, Cekap, Amanah! Satu konsep murni, ikhlas, bermaruah, pada manusia yang beragama, yang punyai nilai, yang tegas tetapi boleh lentur mengikut keadaan dan pertimbangan budibicara serta akal yang bijak! Oleh itu, kita jangan mudah ditenggelami oleh emosi _____ hati dan perasaan yang tidak menentu. Biarlah hendaknya tiap pertimbangan itu berasaskan

pada fakta dan data, yang boleh dilihat dan dianalisis sebagai satu dokumen asas, bukan cuma ikut sedap mulut, syok rasa dalam umpat-mengumpat dan omong-omong kosong. Tindakan yang *rational* dari *irational* akan menyelamatkan kita dari tuduhan dan tohmahan, lebih-lebih lagi apabila segala ini dilakukan dalam konteks rasmi, dan dalam kerja kita, yang boleh dituntut bukan sahaja setakat di dunia ini, tetapi juga, di akhirat.

Walaupun ulang-berulang saya beritahu Kementerian dengan bukti-buktinya tetapi saya sungguh hairan dan kesal, nampaknya pihak Kementerian sengaja tidak mahu dengar lagi dari saya, selaku Pengarah yang mewakili mereka di peringkat Negeri. Ini, bagaikana saya tidak dapat restu samasekali dari Kementerian sekalipun segala yang saya lakukan, demi kepentingan profession, Kementerian dan rakyat. Ini satu perkara yang trajis, yang tidak seharusnya berlaku.

Kalau tohmahan dan fitnah telah meresapi ke dalam Kementerian, mengapakah tidak pula pihak yang berkenaan melihat pula bukti yang ada pada saya di Negeri ini _____ dilihat secara objektif antara kedua-dua pihak, kemudian buat pula "siasatan" dengan pihak-pihak YB Wakil-Wakil Rakyat, Dato/Tuan-Tuan Pegawai Daerah dan Organisasi-Organisasi Sukarela untuk peroleh gambaran yang sebenar. Malang, ini Kementerian enggan lakukan, seolah-olah mereka sudah begitu yakin pada berita angin yang meniupkan kuman fitnah untuk dikorbankan.

Saya berasa syukur menerima banyak kad-kad Hari Raya dari kakitangan memohon ampun dan maaf kerana terperangkap oleh sekumpulan kecil "petualang" yang menipu untuk mengaburkan matahati Kementerian. Di samping Kad Hari Raya ini, banyak juga kakitangan yang insaf datang sendiri menemui saya dengan rasa sedih dan duka menceritakan hal sebenar _____ bagaimana mereka di 'paksa' tandatangani, walaupun mereka cuba elak dan lari keluar pejabat buat kerja luar, tetapi kelompok peruntuh ini sedia tunggu berhari-hari untuk mendapatkan tandatangan. Itulah cara mereka _____ dua ketua yang utama ialah: (1) Timbalan saya, dan (2) Ketua Kerani. Dan banyak sudah kakitangan yang mengutoki penganjur ini.

Masing-masing ada sebab kesalahan mereka (laporan Jilid 1) dan saya tidak terperanjat, tetapi yang mengecewakan, Kementerian mudah terlatah dan dalam kelatahannya itu tindakan terpesong dari amalan "BCA"

Sebagai satu bukti, kad tersebut dilampirkan bersama ini:

Khas Untuk Yang Berusaha
 Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah
 Yang saya muliakan

SELAMAT HARI RAYA
maaf zahir batin

Menjelangnya aildifitri yang mulai ini saya mengambil kesempatan dibulan yang semulia ini memohon ampun dan maaf secara pribadi diatas salah silap saya kepada Encik selama ini. Adalah tidak dinafikan selama ini saya jua kecil hati bila kena marah dengan Encik tetapi setelah diamati dengan penoh keikhlasan saya merasa bersalah terhadap Encik. Mungkin selama ini pengapian daripada Pegawai-pegawai & pembantu membuatkan hati saya tertarek terhadap tomakkan mereka. Tapi akhirnya dengan secara ikhlas memohon kemaafan kepada Encik secara pribadi Encik lantaran itu terpujanglah kepada Encik MEMAAFKANNYA.

Menyingkap kembali kesalahan saya yang lalu – saya merasai berdosa andai-kata saya tidak memohon kemaafan daripada Encik ini memandangkan:

1. Encik memarahi saya kerana kelambatan saya membawa buku kedatangan kakitangan sememangnya wajar...
 Tetapi kelambatan tersebut adalah kerana saya kasehan pada pemandu yang tidak mencatatkan namanya, jadi saya korbakan diri saya biar kena marah demi untok kepentingan kakitangan lain.
2. Mengenai *Petty Cash* – saya mengakui saya diarahkan oleh Pegawai Kerani hal buat tutup kira-kira pada 16hb. Desember 1981 jadi saya sebagai seorang yang baru bertugas sememangnya ta'berpengalaman dalam soal ini memandangkan itulah kali pertama saya bercadang menutup kira-kira *petty cash*.
 Mengenai arahan Encik minta saya bercuti saya sedih sebab saya mengambil cuti perubatan adalah kerana memang saya sakit ini terbukti pada 22hb. Januari 1982 saya menjalani pembedahan kecemasan di K. Lumpur.
3. Mengenai Tangki pemadam api – yang menyebabkan saya dimarahi untuk kali ketiga saya mengakui saya bersalah tidak meminta kakitangan lain membawanya kepada pehak bomba, tetapi pada hakikatnya saya dah minta tolong tapi mereka buat mudah sahaja apa daya saya. Mengenai satu tangki lagi saya tak sedari langsung sebab ianya terlindung didalam bilik PKMD dan kondem sejak 1978.
 Bagi saya disini maseh kedapatan Pegawai & pembantu yang menganggap saya seperti pekerja sukarela sahaja, dan pekerja sukarela pula bersikap macam kerani. Bagi saya itu adalah milik mereka buat saya sebagai seorang cacat sifat Infiriority Complek telah menjiwai watak saya. Jadi sifat ego dan sebagainya ta' ada mungkin itulah saya dianggap sedemikian buat yang berkenaan.
 Tetapi hakikatnya saya jua mempunyai kelulusan yang baik biarpun saya cacat. Kehadziran saya dalam kebajikan masyarakat adalah atas pemin-taan saya sendiri kepada Setiausaha Kerajaan Bahagian Perjawatan.

Jadi telahan sebilangan Pegawai & pembantu saya dikebjadikan sebab saya cacat amat-amat dikesali.

Rasanya inilah suatu suara keikhlasan saya untuk perhatian Encik dalam usaha saya memohon kemaafan kepada Encik secara peribadi. Saya ta' mau mati sebelum saya menuntut kemaafan daripada Encik, tambahan pula saya akan menjalani (tarikh dicadangkan) pembedahan pada 27hb August 1982 peringkat kelapan (kali ke - 8) dalam siri-siri *Reconstructive Plastic & Special Denture Magnetic* bertempat di *Siva Plastic and General Surgery MIC Building* Jln Tun Ismail Kuala Lumpur dibawah perhatian Yang Mulia Professor DiRaja Ungku A. Aziz Naib Conselor Universiti Malaya sejak 1978 lalu.

Harapan saya Encik jua akan mendoakan kejayaan pembedahan akhir ini demi kesempurnaan hidup saya masa depan meliputi "penafasan, penghadzam dan pertuturan". Akhir sekali maaf zahir batin daripada saya.

1hb Syawal 1402.

saya jua adalah orang terakhir sekali menuruni tandatangan surat bantahan sekembali saya daripada menjalani satu pembedahan kecemasan mengeluarkan silastic cheek prothesis di K. Lumpur atas arahan pehak penganjur bantahan tersebut tanpa membaca apa-apa jua bantahan tersebut.

Drp:
Abdul Wahab Ahmad
2C, Taman Aman,
Sg. Patani, Kedah

Satu demi satu tindakan diambil ke atas Negeri Kedah, seolah-olah sebagai membalas dendam. Saya perturunkan ini satu per satu tuduhan saya itu _____

Teknik "Kacaudaun".

Dibawah tajuk ini saya namakan sebagai satu teknik yang orang kampung kata: Kacaudaun, mengganggu urusan Pengarah dan campurtangan atas nama demi untuk **KEBAJIKAN**

a) Pelayan Pejabat _____ di bawah perkhidmatan Kerajaan Negeri.

Penama ini adalah seorang yang "baik budi pekerti" (lahiriah) dan saya beri kebebasan kepadanya pergi memandikan ibunya tiap pagi di hospital kerana sakit tenat dan bila beliau pinta hendak bertukar dari A/Setar ke Jitra (Kubang Pasu) saya benarkan sebagai satu pertimbangan khas memandangkan di sana lebih dekat ia berulang-alik dari rumahnya.

Tiba-tiba, saya dapat tahu, beliau juga tandatangani "surat fitnah" kepada YB Menteri itu. Kononnya saya marah dan hempaskan tin pewangi atas meja.

Menyorot kembali kejadian, pada pagi itu, seperti lazim jam 7.20 pagi

saya sudah sampai ke Pejabat. Waktu itu ada pasokan askar melayu yang sedang buat latihan untuk menyambut hari keputeraan DYMM Tuanku Sultan. Hingga jam 7.50, beliau masih belum datang dan pejabat berkunci, kakitangan banyak yang sudah sampai, tersepeh di sekitar bangunan pejabat.

Dalam bincangan para perajurit tanahair kita itu, seorang Kepten askar melayu buat *comment*:

_____ Welfare ni tak ada disiplin. Pengarah mai awai. *office boy* mai lewat _____ (mereka tidak tahu yang saya adalah Pengarahnya)

Apabila jam 8.00 baru beliau sampai dan buka pejabat tergesa-gesa. Saya tanya kenapa lambat. Ia minta maaf dan beritahu yang motosikalnya rosak. Kemudian saya beri nasihat dan suruh beliau gantikan tin pengawai "Glade" yang sudah habis semburannya. Beliau patuh.

Lepas kejadian itu, dan membaca "*exaggeration*" tohmahannya, saya tanyakannya dan suruh ia hentakkan tin tersebut ke atas meja saya _____ beliau tak berani kerana takut cermin diatas meja saya itu berkecai pecah.

Disebabkan ini, apabila beliau dapat tawaran Kerani, saya tahan sebulan sebagai satu ajaran mendisiplinkannya. Perkara ini saya bincang dengan pihak cawangan perkhidmatan Negeri Kedah dan JPA di Kuala Lumpur. Mereka setuju beliau dilepaskan melaporkan diri di K/L pada 1.6.1982. Pihak JPA sangat setuju cara saya bertindak hendak mendisiplinkan beliau agar apa yang berlaku di Kedah tidak berulang lagi di K.L.

Tiba-tiba, satu penyelewengan berlaku. Entah bagaimana, tanpa pengetahuan saya, Kerani Besar dan T. PKMN (yang pelayan pejabat ini sokong mereka tandatangan "surat fitnah" itu), sengap-sengap, sulit-sulit berinya cuti tiga hari (15/5 - 17/5) saya syak (atas teori yang berasas) pelayan pejabat ini bertolak ke K.L. pada hari Khamis (petang - di Kedah kerja separoh hari pada 13/4 dan hari Jumaat 14/4 pergi ke Kementerian menemui YB Menteri atau Dato KSU) Pada 15/5 jam 8.15 pagi hari Sabtu, (saya melawat PKMD, Baling) datang telefon memerintahkan dengan tegas Pengarah melepaskan terus (SERTA-MERTA) En. Salleh ini. Dan apabila saya balik dari bertongkos-lomos di Baling, saya diberitahu oleh "rakan seperjuangan" *office boy* ini. Saya pinta beliau ambil tindakan sertamerta _____ patuh pada perintah!

Perbuatan seperti ini (mungkin Kementerian tidak sedar) adalah perbuatan menghina keputusan Pengarah untuk sengaja menjatuhkan imejnya, selaku membalas dendam: bak kata orang 'biar padan muka' _____ aku lebih berkuasa. Ini adalah khianat.

Kalau beginilah sikap Kementerian, benar sangatlah kata-kata Kepten Askar Melayu itu!



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA
TINGKAT 9-14 & 16, BANGUNAN U.M.B.C
JALAN SULAIMAN, KUALA LUMPUR

(Borang Am 103)
Pindaan 4/47)

18(2) 23:

Fail Kami: JPA. 173/11/12 (1982) sk. 8

Encik Saleh bin Hassan
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Negeri Kedah,
Alor Setar.

Tuan/Puan

**TAMBAHAN JAWATAN SEBAGAI PEGAWAI
KERANI RENDAH AM (TETAP)**

Saya adalah diarah menyampaikan bersama-sama ini surat tawaran jawatan Pegawai Kerani Rendah Am untuk makluman dan tindakan tuan/puan.

2. sekiranya tuan/puan menerima tawaran jawatan ini, tuan/puan adalah dikehendaki melaporkan diri pada 3.5.82.

Kepada:-

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia,
Tingkat 14 Bangunan UMBC.,
Jalan Sulaiman,
KUALA LUMPUR.

3. Tuan/puan dikehendaki hadir di antara jam 8.00 hingga 9.00 pagi pada hari tersebut bagi memudahkan urusan penerimaan dan penempatan calon-calon.

4. Semasa melaporkan diri, sila bawa bersama borang-borang berikut:-

- | | |
|--------------------------------------------------------|---------|
| (i) Surat Akuan Doktor (Borang Am 402) | Dalam 2 |
| (ii) Surat Sumpah | salinan |
| (iii) Salinan Sijil Persekolahan | |
| (iv) Butir-butir peribadi kakitangan (Lampiran 'B') | |

5. Jika tuan/puan tidak dapat melaporkan diri pada tarikh dan waktu yang ditetapkan itu, sila beritahu Jabatan ini tarikh yang paling awal tuan/puan boleh melaporkan diri tetapi tidak lewat dari tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 3 surat tawaran ini. Permohonan penangguhan hendaklah dibuat secara bersurat dan tuan/puan tidak perlu melaporkan diri pada tarikh di atas.

6. Lantikan tuan/puan ke jawatan Pegawai Kerani Rendah Am ini akan bermula pada tarikh tuan/puan menyandang jawatan ini.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(RAMLAN BIN KIMIN)

Bahagian Perkhidmatan,

b/p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

s.k.

Setiausaha,

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,

Malaysia, Jalan Cenderasari,

KUALA LUMPUR.

18(2) 23-i:

Salleh bin Hassan.
Pejabat Kebajikan Masyarakat,
Daerah Kubang Pasu,
Jitra.
29.4.1982.

Tuan Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Negeri Kedah,
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah,
Alor Setar.

Tuan,

Pohon Pelepasan Dengan Izin
Untuk Memegang Jawatan Kerani
Rendah Am.

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada permohonan saya bertarikh 21hb. April, 1982, maka saya memohon sekali lagi akan kebenaran tuan melepaskan saya dengan izin dengan segera untuk menjawat jawatan Kerani Rendah Am di Jabatan Perkhidmatan Awam, Kuala Lumpur pada 3hb. Mei, 1982.

2. Sebagai makluman tuan saya benar-benar berharap akan jawatan tersebut demi untuk meninggikan taraf pekerjaan saya dimasa hadapan.

Sekian dan di harap benar-benar mendapat kebenaran tuan yang mana saya ucapkan ribuan terima kasih.

Saya yang menurut perintah.

t.t.

(SALLEH BIN HASSAN)

s.k.:

Yang Berhormat,
Dato' Setiausaha Kerajaan,
Negeri Kedah,
Alor Setar.

NOTA

Surat ini "duselup" masuk tanpa pengetahuan sesiapa.

Semasa saya balik jam 1.15 t/hari hari Khamis 29/4, masih belum ada lagi.

Kelulusan tidak dibenarkan, buat sementara.

- W.A.R.

2/5

Nota:

Surat ini di seludup masuk tanpa pengetahuan sesiapa. Semasa saya balik jam 1.15 t/hari hari khamis 29/4, masih belum ada lagi. Kelulusan tidak dibenarkan buat sementara.

18(2) 23-ii:

PERMINTAAN CUTI RIHAT

Kepada

Tuan Kerani Besar, *Kebajikan Masyarakat, N.Kedah*

(Ketua Bahagian)

Harap saya mendapat kebenaran cuti selama 3 (Tiga)
 hari mulai daripada 15.5.1982 kepada 17.5.1982
 termasuk hari ini.

Tarikh hari ini.

Tarikh. 9hb. Mei, 1982

Tandatangan.....t.t.....

Jawatan...PELAYAN PEJABAT.....

Kepada

TUAN TIM. PKMN KEDAH,

(Pegawai yang membenarkan Cuti)

Yang meminta ada berhak cuti berjumlah.....15..... hari.
 Peraturan untuk menyempurnakan kerjanya boleh/tidak boleh dibuat.
 Adalah disyorkan permintaan ini dibenarkan/tidak dibenarkan.

Tarikh. 9/5/82

Tandatangan.....t.t.....

Tandatangan...T. PKMN.....

Yang meminta diberitahu.

(b) Pertukaran atas permintaan sendiri:

Cara ianya dibuat jelas menunjukkan tidak ada satu kajian mendalam dan pertimbangan yang bijak. Implikasinya mendatangkan kucar-kacir dan buruk di kawasan tersebut.

Seeloknya pihak Jabatan ini dirundingi dahulu sebelum dibuat sesuatu keputusan, bukan main tolak saja kerana ini melibatkan jentera pentadbiran dan kelicinan beri khidmat kepada mereka yang berkenaan.



KEMENTERIAN KEBAJIKAN AM, MALAYSIA
TINGKAT 5-16, WISMA SHEN,
JALAN MASJID INDIA,
KUALA LUMPUR.

Tel. No. 925011

18(2) 24:

No. Ruj. Kami: KKA. 3581/
JD.III/(118)

Tarikh: 27hb. Mei, 1982

Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri, Kedah.

Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri, Perak.

Senarai Pertukaran Pegawai Kebajikan
Masyarakat Bil. 6/82.

Saya adalah merujuk kepada perkara diatas dan memaklumkan bahawa pertukaran Pegawai Kebajikan Masyarakat yang berikut adalah berkuatkuasa mulai 1hb Jun, 1982.

| Bil. | Nama dan Tempat Bertugas | Bertukar ke |
|------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. | Puan Che Mah bte Darus Pegawai Kebajikan Masyarakat Tingkatan Biasa, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, Kuala Muda, Sg. Petani. | Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan (menggantikan tempat En. Abu Hassan bin Abdullah) |
| 2. | Cik Rokiyah bte. Othman, Pegawai Kebajikan Masyarakat Tkn. Biasa, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, Krian, Perak. | Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, Kuala Muda, Sg. Petani |
| 3. | Puan Meme Zaidah bt. Abd. Jalil, Pegawai Kanan Kebajikan Masyarakat Tingkatan Biasa, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak. | Jabatan Kebajikan Masyarakat Perlis |
| 2. | Sila maklum kepada pegawai berkenaan sewajarnya dan menyediakan nota serahan tugas untuk pengganti serta mengedarkan satu salinan ke Kementerian untuk maklum. | |
| 3. | Perbelanjaan pertukaran tidak ditanggung oleh kerajaan kerana pertukaran ini adalah atas permintaan sendiri. | |

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

t.t.

(IMAM BAWEH BIN MD. HALIM)
Bahagian Perkhidmatan & Perjawatan,
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Kebajikan Am,
Malaysia.


JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH

 IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT
 NEGERI KEDAH,
 ALOR SETAR

TELEFON:

Pejabat Am - 723322

Pengarah - 720326

Rumah - 722013

18(2) 25:

Ruj. Tuan: KKA. 3581/JD. III/(118).

Ruj. Kami: (80) dlm. JKM(K) 36. Jd.2

Tarikh: 30/6/1982.

Tuan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat,
 Malaysia,
 Kuala Lumpur.

Yang Berusaha Tuan,

Bkn: Pertukaran atas permintaan sendiri
 antara Puan Mah bte. Darus dan Cik
 Rokiyah binti Othman.

Mengenai perkara tersebut, ingin saya menyampaikan masalah yang dihadapi oleh Jabatan ini di Negeri Kedah.

2. Pada hemat saya, demi untuk Kebajikan kakitangan, adalah sangat baik jika pertukaran suka-sama-suka itu dibuat, tetapi hendaknya janganlah hingga mengucar-kacirkan sistem pentadbiran. Oleh itu, pertimbangan yang dalam dan teliti haruslah dibuat demi menjaga keutuhan pentadbiran dan kelicinan kerja.
3. Saya dukacita terpaksa menyentuh halpertukaran arahan 27.5.1982 itu, dimana Cik Rokiyah mengambil-alih tempat Puan Cik Mah binti Darus. Malangnya bagi Daerah Kuala Muda (satu Daerah yang sangat besar dan banyak kes-kes), PKMD Kuala Muda bertolak ke Universiti Kebangsaan, Bangi melanjutkan pelajaran memasuki Kursus Kaunselling pada 28/6/82. Oleh itu, tinggalkan Daerah yang penting ini di bawah kelolaan seorang Pegawai yang sangat muda, Cik Noordzila binti Mansor dan Cik Rokiyah selaku Pegawai Akhlak (menggantikan tempat Puan Cik Mah), dengan dua orang Pembantu. Yang anehnya, Pegawai ini bukan sahaja masih baru dalam tugasnya dan belum pun lagi menghadiri Kursus Permulaan PKM, tetapi juga masih belum diwartakan sebagai Pegawai Akhlak. Dan beliau ini dikehendaki mengendalikan ratusan kes-kes akhlak, gadis dan wanita (pelindung) dan dadah - jurusan yang masih asing baginya. Dari itu, tugas

tersebut terpaksa dipikul pula oleh Pegawai dari Ibu Pejabat, Alor Setar yang tinggal sejauh 60 kilometer, disamping tugas-tugasnya disini.

Sayogia dimaklumkan bahawa Negeri Kedah kini kekurangan SEPULUH (10) Pegawai dan dibebani pula dengan tukaran pegawai yang sangat perlu dibimbing, diasuh, dilatih dalam keadaan yang genting ini. Saya berdoa agar bencana tidak menimpa Daerah Kuala Muda atau tercetus sesuatu yang buruk demi menjaga imej Jabatan.

Harap mendapat pengertian dan perhatian dari tuan.

Wassalam.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

t. t.

(WAN AZMI RAMLI)

Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri,
Kedah.

(c) Cadangan Pertukaran Kakitangan:

Satu cadangan dibuat kepada Kementerian, meminta pertimbangan, pengertian dan tindakannya.

Sampai ke hari ini, jawabnya pun tidak. Sesia saja saya merangka dan menulis apabila Kementerian memandang sepi _____ jauh sekali untuk bertindak.

Nampaknya, Kementerian tidak langsung hirau pandangan ikhlas dari Tuan Yang Arif, Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah.

Apabila hal ini saya bawa berunding dengan Yang Berbahagia Dato' KSU pada 1/8/82, beliau dengan tegas pinta saya meneruskan tindakan tatatertib tetapi hal ini tidak dinyatakan langsung atau dibayangkan melalui lisan atau bertulis selama ini. Dan yang anehnya, senarai nama-nama itu (Lampiran A) digelapkan oleh pihak Kementerian sendiri!


JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH

IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT

NEGERI KEDAH,

ALOR SETAR

TELEFON:

Pejabat Am - 723322

Pengarah - 720326

Rumah - 722013

18(2) 26:

Ruj Tuan:

 Ruj. Kami: (8) dlm. PKMK(P)22/
20 SULIT

Tarikh: 10hb. Mei, 1982

Dato' Ketua Setiausaha,
Kementerian Kebajikan Am,
Malaysia,
Kuala Lumpur.

Yang Berbahagia Dato'.

Bkn: Cadangan Pertukaran Kakitangan -
Lanjutan dari laporan 1hb. Mei.

Menyusul semula kepada perjumpaan saya dengan YB Menteri, Tuan KPKM dan Dato' serta bincangan selepasnya pada hari Jumaat, 1.5.82, saya ingin memberi pandangan ikhlas, demi kepentingan perkhidmatan di Negeri ini.

1) En. G. Muniandy - Timbalan PKMN.

Orang yang paling rapat dengan saya ialah En. G. Muniandy, selaku Timbalan dan kawan lama saya. Antara saya dengannya tidak ada apa-apa perkara "sulit" yang ia tidak tahu. Segalanya saya laporkan padanya agar ia tahu dan cekap menjalankan tugas tanpa saya (kiranya saya buat lawatan di luar dsb.). Dan berhadapan saya, sikap dan tingkahlakunya sangat bersofan dan tinggi hemah. Saya sungguh terkejut apabila YB Datin Paduka Menteri menyatakan "**Lampiran A**" yang buat *petition* terhadap saya kepada beliau, termasuk En. Muniandy sendiri. Saya sungguh tergamam kerana ialah orang, yang terakhir kiranya saya hendak mengesyaki sesuatu. Sekarang barulah saya sedar rupa-rupanya beliau memainkan peranan "ular kepala dua" seperti dalam teori "pengurusan" saya itu, dan kalaulah begitu, tidak hairanlah keadaan kucar-kacir ini tidak dapat diselesaikan dan beberapa kali saya disabotajkan (lampiran dalam laporan tersebut).

Oleh sebab En. Muniandy orang lama di Negeri Kedah ini (sudah lebih 17 tahun) dan saya difahamkan juga, ia kuat dalam politik M.I.C. adalah lebih baik dan manfaat kiranya ia ditukarkan ke Pulau Pinang, Kuala Lumpur atau Johor Bahru dimana ia boleh dapatkan rawatan pakar disebabkan penyakitnya itu.

- 2) En. Osman Salleh bin Dato' Hj. Abu Bakar – Pegawai Kanan Ibu Pejabat (PKM-K&K).

Encik Osman ialah seorang Pegawai yang *dedicated*, rajin dan usaha, dan punyai personaliti. Saya sanjungan tinggi khidmatnya. Sekiranya beliau tidak terlibat dalam komplot tersebut dan tidak ada dalam "Lampiran A" itu, saya sokong kuat Encik Osman Salleh menjadi Timbalan Pengarah, menggantikan Encik G. Muniandy. TETAPI sekiranya beliau juga terlibat secara diam-diam "menikam saya dari belakang" (kerana beliau tidak pernah saya "berkasar" malah saya sentiasa berinya galakkan membangun satu-satu projek dan segala kebebasan sepenuhnya diberi kepadanya demi pengembangan/pembangunan sosial) beliau harus juga menghadapi nasib yang sama seperti "*comrade*" nya.

Walaupun saya kurang pasti, tetapi saya yakin beliau tidak terlibat oleh itu adalah amat sesuai beliau menjadi Timbalan Pengarah.

Lain-lain pegawai (PKMD) seperti di Kuala Muda, Kubang Pasu, Kota Setar, Yan, Kulim, Alor Setar eloklah diberi pertimbangan ditukar keluar kerana mereka sudah tidak dapat mendisiplinkan kakitangan berbangkit atas perbuatan mereka sendiri, yang telah saya perincikan dalam laporan tersebut.

Kawasan Kubang Pasu, pada mulanya saya ingin mencadangkan Encik Zakaria bin Mohd. Shariff, Penguasa R.O.T. Bedong mengambil alih selaku PKMD Kubang Pasu itu. Saya menalifonnya dan beliau berminat sangat. Malangnya apabila saya susul pertanyaan apakah beliau terlibat dalam tandatangan "Lampiran A" itu, beliau mengaku. Ini sungguh memeranjatkan saya kerana beliau tidak ada sangkut-paut, tidak pernah ditegur dan tidak terlibat samasekali. Nampaknya, mereka yang buat surat fitnah beramai-ramai itu cuma untuk berseronok-seronok saja, melihat reaksi Kementerian tetapi perbuatan mereka ini mendatangkan bencana pada perkhidmatan dan menjatuhkan maruah Kementerian. Oleh itu, mereka (yang ketua-ketua itu) harus dihukum sekeras-kerasnya.

Dari apa yang berlaku diatas, jelaslah orang-orang yang mengepalai komplot ini adalah terdiri dari mereka yang disegani yang punyai

"influence" dan yang sudah lama di Negeri ini, merosakkan pembantu-pembantu, kerani-kerani hingga ke Pelayan Pejabat, Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat di Negeri Kedah ini. Dari itu, tindakan tegas haruslah diambil sesegera yang boleh.

Sekian dan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(WAN AZMI RAMLI)

Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri,
Kedah

(d) Kemasukan Ke Universiti - Universiti Sains (P/Pinang) dan Universiti Kebangsaan (Bangi).

i) Dua orang Pegawai dari Negeri Kedah mohon mendapatkan tempat ke Universiti Sains Pulau Pinang _____ Jabatan Pembangunan Sosial. Untuk sesi ini 60 calon yang layak dan ditapis senaraikan telah dibuat oleh KKA Bahagian Latihan dan hanya 20 antaranya akan dipilih mengikuti kursus ijazah selama 4 tahun itu.

Disebabkan masalah dan prestasi yang mereka tunjuk/beri masa khidmat itu, saya tidak puashati. Saya nyatakan hal ini secara rasmi kepada Dekannya, Pengerusinya dan Ketua Jabatan tersebut, juga kepada pihak Pendaftaran, mereka juga dijemput datang ke Kedah dan melihat sendiri prestasi kerja dan lain-lain (bukan berasaskan hanya kelulusan *academic*) dan jika mereka mahukan kenyataan bertulis, saya sedia sediakan selaku Ketua Jabatan yang punyai hubungan rapat dengan tugas-tugas mereka ini. Pihak berkenaan, rasanya, dapat menghargai pandangan saya ini.

Apabila rombongan ini ke K/L untuk menginterview para calon (dan mungkin pula ke KKA) _____ saya terima panggilan telefon oleh pihak Kementerian memarahi saya mengganggu hal ini kerana ini adalah bidangkuasa Bahagian Latihan di Kementerian.

Saya heran. Saya rasa pelek. Kalau selaku Ketua Jabatan yang punyai hubungan erat dengan tugas dan tanggungjawab para kakitangan tidak boleh beri *comment* terhadap kakitangannya, mengapa diwujudkan "Ketua" (Pengarah) berkenaan? Adakah kemasukan para pegawai/pembantu ke Jabatan tersebut di Universiti Sains hanya berpundukan "*paper qualifications*" beberapa tahun dahulu tanpa hirau sikap, tabii, prestasi, dll. nya itu?

Cara lembaga temuduga _____ kalau boleh saya sebut "temuduga" _____ menjalankannya pun agak aneh. Ada beberapa kumpulan di interview 3 orang sekaligus (*style group interview*) dan cuma memakan masa 3-4 minit. Caranya amat aneh dan tergesa-gesa kerana *panel* penemuduga memendekkan masa temuduga dan perlu balik ke Pulau Pinang segera. Baruvak pegawai/pembantu yang saya kenal dan baik serta layak dipilih masuk, tidak pun mendapat peluang kerana cara temuduga "aneh" itu.

Berbalik kepada 2 calon dari Negeri Kedah itu, walaupun pada mulanya saya difahamkan nama-nama mereka telah digugurkan tetapi dengan campurtangan Kementerian, mereka dimasukkan semula dalam senarai untuk ditemuduga di Pulau Pinang. Perkara ini hanya diberitahu menerusi telefon dan saya di perintah membentahu mereka. Kerana saya tidak sokong, kedua-dua calon tersebut dipilih masuk. Syabas! Ini keadilan unggul, supaya padan muka saya!

Sebabnya saya tidak sokong memandangkan tindakan tatatertib akan disusuli atas tindak tanduk mereka itu.

Seorang calon lagi telah diambil tindakan tata-tertib dua kali. Satu (saya difahamkan) semasa beliau di Pulau Pinang dan satu lagi (masa Pengarah sebelum saya) di Kedah. Beliau buat rayuan atas keputusan Lembaga Tatatertib dan kesnya masih tergantung. Tiba-tiba, beliau dapat masuk Universiti.

Baguslah!

Apa hal yang 40 calon lagi, yang tidak dapat masuk (kerana cuma 20 sahaja terpilih dari 60 pemohon yang setaraf kelayakannya) _____ calon-calon yang rajin bekerja, yang punyai inisiatif, yang tidak pernah menghadapi tindakan tatatertib?

Kriteria apakah yang dipegang oleh pihak lembaga pemilih dan lembaga temuduga sebagai asas layaknya pegawai tersebut yang dapat memotong 40 rakan sejawatnya yang lain itu? Adakah yang 40 calon-calon lain itu (yang tidak dapat) lagi teruk darinya?

Demi keadilan (ada orang berpendapat "adil" itu adalah lebih baik satu penyiasatan dibuat agar mereka yang tidak terpilih, tidak merasa sangat "frust" yang boleh melibatkan prestasi mereka dalam perkhidmatan).

ii) Dua orang pegawai juga dapat memasuki **Kursus Counselling** di Jabatan Psikologi, Universiti Kebangsaan.

Timbalan Dekan Fakulti tersebut datang ke Kedah dan menemui saya. Kita bincang hati ke hati lebih dua jam. Segala data-data dan fakta ia lihat dan berpuas hati untuk menggugurkan calon-calon tersebut, atas apa yang mereka lakukan di sini.

Mungkin (saya kata 'mungkin' _____ ini bukan tuduhan) Tamb. Dekan ini kunjung pula ke Kementerian. **Pihak Kementerian dengar lagi cerita ini.** Saya dikehendaki mengirim **Laporan Sulit.** Pun tidak memuaskan. Laporan-laporannya saya **hantar serta merta** bila dapat perintah dari Kementerian untuk **dirujuk ke Universiti Kebangsaan.**

Disebabkan saya tidak sokong atas asas yang kukuh, Kementerian mungkin menggunakan kuasa *vetonya* lagi dan yang dua calon itu pun diterima masuk juga. Ajar Wan Azmi. Padan muka dia!

Pada saya, ini adalah satu penipuan _____ pada diri, pada perkhidmatan awam dan mungkin pada Negara.

Sekiranya tidak ada apa-apa kesan pada segala laporan, data dan fakta prestasi kakitangan, untuk apa pihak berkenaan membuang masa, wang, tenaga dan sebagainya, *kononnya* untuk menimbang dengan halus dan adil sesuatu permohonan itu supaya tidak salah pilih dan pilih yang jitu saja. Kalau cara ini, lebih baik terima saja tanpa heboh-heboh, merugikan masa saya yang sepatutnya saya lakukan pada kerja-kerja lain yang lebih manfaat, untuk rakyat!

Kejadian-kejadian yang seperti inilah serta meneliti theses-theses para pegawai yang mendapat ijazah kepujian dan memahami cara mereka hadapi peperiksaan, saya pernah beri pandangan semasa di KKA Bahagian Latihan dahulu (1980) yang mereka itu tidak layak lulus. Dan semasa saya menjadi Pengarah di Negeri Kedah dan melihat cara mereka bekerja maka pandangan yang pernah dibuat dulu, telah "confirm". Terbukti. Kalaulah begini, hanya merugikan wang rakyat dan tiba masanya untuk dikaji semula kewujudan Kursus Pembangunan Sosial, Universiti Sains itu. Saya sedia beri satu kajian perakuan yang lebih ilmiah, berdasarkan pada fakta dan amalan para pegawai lepasan universiti tersebut. Menghampakan. Dahsyat. Mengecewakan!

e) **Pertukaran** (untuk menyelesaikan dan masalah)

Didalam Laporan Jilid 1 saya dulu, pernah saya sebut bahawa **Kementerian begitu ghairah** hendak **mengambil tindakan ke atas saya**. Ini, pihak KKA, rasa kurang senang dan protes perkataan "ghairah" itu.

Apa jadinya sekarang? _____ Lampiran-lampiran berikut membuktikannya dengan jelas!

Rupa-rupanya kemarahan dan dendaman Menteri, KSU dan KPKM untuk tukar saya keluar dari Negeri Kedah (waktu itu saya baru bertukar dari Kementerian cuma 4 bulan) mereka laksanakan "by hook or by crook" kata Bahasa Penjajah, biar sebaikmana sekali pun prestasi kerja saya untuk pembangunan masyarakat dan pengembangan kemahiran di Negeri Kedah ini terhadap mereka (klien) yang tak berkemampuan, mereka di KKA tidak kesah. Asalkan hati mereka puas, Kedah lingkup, tak mengapa _____ Kedah tak membangun, biarlah _____ Kedah banyak masalah, sapu dan tudung bawah permaidani, yang warna hitam lagi baik kerana kotornya tak mudah nampak, kalau tercium busuknya, semburkan banyak-banyak air wangi supaya harum semerbak. Ambil tindakan bila pihak sebaran 'am buat liputan sahaja. Kita sama kita pakat, orang lain tak tau. Dan harmonilah, damaiilah, seronok-sukalah, selesalah Jabatan ini. Disiplin? _____ pergi jahanam dengannya.

TETAPI, inikah yang dikehendaki oleh profession, oleh Bangsa, agama dan Negara? Apa sebenarnya tanggungjawab kita?

Tanya diri sendiri dan jawablah dengan jujur _____ segala penglibatan dan perlibatan kita selama ini! Kalau kita tidak mampu menjalankannya dengan berani, jujur dan berkesan, selama ini, kita cuma berjaya menipu rakyat yang rata-rata miskin dan tak punya apa.



KEMENTERIAN KEBAJIKAN AM, MALAYSIA
TINGKAT 5 - 16, WISMA SHEN,
JALAN MASJID INDIA, KUALA LUMPUR

TEL: 925011

18(2) 27:

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami KKA.0.8/56/JD.20/(79)

Tarikh: 14hb. Julai, 1982.

Kepada Semua Pegawai Yang Berkenaan.
Encik Wan Azmi b. Ramli

PERTUKARAN PEGAWAI KEBAJIKAN MASYARAKAT.

Adalah dimaklumkan bahawa pertukaran seperti berikut adalah diluluskan mulai 1hb. Ogos, 1982.

- i) Encik Abbas bin Kechik - Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Johor Tingkatan Tertinggi 'J' ditukarkan sebagai Penolong Pengarah Urusan Penggalakkan dan Penglibatan Masyarakat, Bahagian Pembangunan Sosial, Kem. Kebajikan Am Tingkatan Tertinggi 'G' dengan dibayar elaun memangku.
- ii) Encik Yip Peng Low - Pegawai Kebajikan Masyarakat Tingkatan Tertinggi 'J' ditukarkan sebagai Penolong Pengarah (Urusan Akhlak) di Bahagian Pemulihan Akhlak, Kem. Kebajikan Am Tingkatan Tertinggi 'G' dengan dibayar elaun memangku.
- iii) Encik Thang Kim Kuan - Pegawai Kebajikan Masyarakat A12-00 ditukarkan sebagai Penolong Pengarah (Urusan Keluarga) di Bahagian Keluarga dan Kanak-kanak, Kementerian Kebajikan Am Tingkatan Tertinggi 'G' dengan dibayar elaun memangku.
- iv) Tuan Syed Kamarul Baharin bin Syed Bahaldin - Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang ditempatkan sebagai Penolong Pengarah (Urusan Dadah) di Bahagian Dadah, Kem. Kebajikan Am.
- v) Cik C. Kunavathy - Pengetua, Pusat Pemulihan Wanita & Gadis, Rembau ditempatkan sebagai

- Penolong Pengarah (Urusan Wanita & Gadis) di Bahagian Pemulihan Akhlak, Kem. Kebajikan Am.
- vi) Encik K.A. Vadivelu - Penolong Pengarah (Dadah) A24-00 ditempatkan ke jawatan A12-00 dalam bahagian yang sama.
- vii) Puan Laily Ibrahim - Penolong Pengarah (Keluarga dan Kanak-Kanak) A24-00 ditempatkan di bahagian yang sama dalam jawatan A12-00 sebagai Penolong Pengarah (Urusan Kanak-kanak Bermasalah).
- viii) Encik Abd. Aziz Johari - Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka ditempatkan sebagai Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang.
- ix) Datin Nurzan bt. Mohd. Wahie - Penolong Pengarah (Pembangunan Sosial) A24-00 ditempatkan di bahagian yang sama dalam jawatan A12-00 sebagai Penolong Pengarah (Urusan Kemajuan Ikhtisas).
- x) Encik Wong Sui Leong - Penolong Pengarah (Latihan) A24-00 ditempatkan di bahagian yang sama dalam jawatan A12-00 sebagai Penolong Pengarah (Program Latihan).
- xi) Encik K. Nadarajah Singham - Penolong Pengarah (Latihan) A24-00 ditempatkan di bahagian yang sama dalam jawatan A12.00 sebagai Penolong Pengarah (Bahagian Peperiksaan & Perlaksanaan).
- xii) Encik Abu Bakar bin - Penolong Pengarah (Pembangunan Sosial) A24-00 ditempatkan di Bahagian Latihan sebagai Penolong Pengarah (Bahagian Peperiksaan dan Perlaksanaan) A12-00.
- xiii) Encik M. Kandiah - Penolong Pengarah (Akhlak) A12-00 ditempatkan sebagai Penolong Pengarah (Penyelidikan dan Penilaian) A12-00 di Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Kem. Kebajikan Am.
- xiv) Encik Samuel Jacob - Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri, Negeri Sembilan A24-00 ditempatkan sebagai Penolong Pengarah (Penyelidikan

- dan Penilaian) A12.00 di Bahagian Perancangan & Pembangunan, Kem. Kebajikan Am.
- xv) Cik Umi Kalthum bt. Karim – Pengetua, Pusat Pemulihan Wanita & Gadis, Batu Gajah A24-00 ditempatkan sebagai Penolong Pengarah (Bahagian Peperiksaan dan Perlaksanaan) A12-00 di Bahagian Latihan, Kem. Kebajikan Am.
- xvi) Encik Shu Chen Lin – Pengetua, Rumah Kesenangan, Tampoi A24-00 ditempatkan sebagai Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri, Johor A12-00.
- xvii) Haji Badaruddin bin Abd. Ghani. – Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri, Perlis A22-00 ditempatkan sebagai Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah A24-00.
- xviii) Encik Wan Azmi bin Ramli – Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri, Kedah ditempatkan sebagai Penolong Pengarah (Urusan Penggalakkan dan Penglibatan Masyarakat) Bahagian Pembangunan Sosial, Kem. Kebajikan Am.
- xix) Encik Wong Choong Pow – Penolong Pengarah Orang Cacat ditempatkan sebagai Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri, Negeri Sembilan.
- xx) Cik Hamidah bt. Hussein – Timbalan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan A22-00 ditempatkan sebagai Pengetua, Pusat Pemulihan Wanita & Gadis, Rembau A24-00.
- xxi) Haji Abdullah bin Ibrahim – Timbalan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka A22-00 ditempatkan sebagai Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka A24-00.
- xxii) Encik Ahmad Adnan – PEMADAM, Kuala Lumpur ditukarkan sebagai Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis.
- xxiii) Puan Raihan bt. Shariffuddin – Dari Ibu Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri Perak A22-00 ditempatkan sebagai Pengetua, Pusat Pemulihan Wanita & Gadis, Batu Gajah A24-00.

2. Pegawai yang berkenaan hendaklah menyediakan laporan penyerahan tugas untuk ganti masing-masing dan sampaikan satu salinan ke Kementerian ini untuk rekod.

3. Pembayaran elaun memangku, di mana yang tidak dicatitkan akan dibuat selepas sahaja mendapat kelulusan dari Lembaga Naik Pangkat yang berkenaan.

Sekian

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(AMAN BIN ABDULLAH)
Timbalan Ketua Setiausaha,
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Kebajikan Am,
MALAYSIA.

s.k.:

| |
|----------------------------------------|
| YB. Setiausaha Kerajaan Negeri, Johor. |
| “ “ “ “ Pahang. |
| “ “ “ “ Melaka. |
| “ “ “ “ Negeri Sembilan. |
| “ “ “ “ Kedah. |
| “ “ “ “ Perlis. |

Semua Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri.

Semua Pengarah di Kementerian Kebajikan Am, Malaysia.

Ketua Penolong Setiausaha (Perkhidmatan & Perjawatan).

Ketua Penolong Setiausaha (Kewangan & Pentadbiran).

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
KEDAH, ALOR SETAR.

18(2) 28:

Bil: (9) dlm. PSU(K) 945/1402

21hb Julai, 1982

YB Encik Fang Chok Seong, AMK., PJK., JP. – Pengerusi

YB Dato' Haji Abdullah bin Haji Ismail, DPMK., JSM.,
KMN. BKM., JP.

YB Dato' Setiausaha Kerajaan Kedah

YB Tuan Haji Hanafi bin Ramli, AMK., AMN., PPN., PJK., JP.

YB Encik Hashim bin Haji Osman, KMN., AMK., JP.

YB Puan Hajjah Azizah bt Haji Taib, AMN., BKM., PPN., PJK.

YB Encik Ong Chow Seong, BKM., PJK.

YB Encik Cheah Chong Chiew, AMK., PJK., JP.

YB Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir, SMT., AMK., BCK., PJK.

YB Encik Zainol bin Md. Isa

YB Dr. Subramaniam a/l Sundram, AMK

YB Encik Yong Pau Chak, BKM., PJK

Yang Di Pertua, Majlis Pusat Kebajikan Malaysia (Cawangan Kedah)

Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan (Kerajaan Tempatan)

Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah

Penolong Setiausaha Kerajaan 'D' – Setiausaha

Penolong Setiausaha Kerajaan (Perumahan) – Pen. Setiausaha

YB/Dato'/Tuan/Puan,

**Mesyuarat Khas Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal
Kebajikan dan Kemajuan Perkampungan**

Merujuk perkara diatas saya telah diarah memaklumkan bahawa satu mesyuarat khas akan diadakan pada:-

Tarikh : 28hb Julai, 1982

Jam : 10.00 pagi

Tempat : Bilik Gerakan I, Wisma Negeri

2. YB/Dato/Tuan/Puan dengan segala hormatnya dijemput hadir.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(SHARIFF BIN HAT)

Setiausaha J/Kuasa Tetap

Hal Ehwal Kebajikan dan Kemajuan Perkampungan.

s.k.

Setiausaha Kepada

YAB Dato' Kama Jaya,

Menteri Besar Kedah.

Bil.: (11) dlm. PSU(K) 945/1402

18(2) 28-i:

Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Tetapi
Hal Ehwal Kebajikan dan Kemajuan Perkampongian

Tarikh : 28hb. Julai, 1982
Jam : 10.00 pagi
Tempat : Bilik Gerakan Wisma Negeri

HADIR:

1. YB. Encik Fang Chok Seong, AMK., PJK., JP.
2. YB. Tuan Haji Hanafi b. Ramli, AMK., AMN., PPN., PJK., JP.
3. YB. Encik Ong Chow Song, BKM., PJK.
4. YB. Encik Cheah Chown Chiew, AMK., PJK., JP.
5. YB. Encik Yong Pau Chak, BKM., PJK.
6. Yang Di Pertua Majlis Pusat Kebajikan Malaysia
(Cawangan Kedah)
7. Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah
(Encik Wan Azmi bin Ramli)
8. Pengarah Perubatan dan Kesihatan Negeri
(Dr. Haji Ahmad Shah)
9. Penolong Setiausaha Kerajaan 'D' - Setiausaha
10. Penolong Setiausaha Kerajaan (Perumahan) - Penlong Setiausaha

TIDAK HADIR:

1. YB. Dato' Haji Abdullah b. Hj. Ismail, DPMK., JSM., KMN., BKM., JP.
2. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan - ada urusan
3. YB. Encik Hashim b. Hj. Osman, KMN, AMK., JP.
4. YB. Puan Hajjah Azizah bt. Hj. Taib, AMN., BKM., PPN., PJK.
5. Yb. Tuan Hj. Abdul Hamid b. Tahir, SMT., AMK., BCK., PJK.
6. YB. Encik Zamol b. Md. Isa
7. YB. Dr. Subramaniam a/l Sundram, AMK.
8. Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan (Kerajaan Tempatan)

YB. Tuan Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli-ahli yang hadir. Beliau memohon maaf kerana kelewatan surat jemputan mesyuarat disebabkan oleh mesyuarat ini diputuskan untuk diadakan secara tergesa-gesa dan juga disebabkan oleh cuti Hari Raya Puasa.

BIL.: -

PERKARA

1. **Ucapan Aluan Pengerusi**
YB. Tuan Pengerusi menerangkan tujuan diadakan mesyuarat khas ini adalah untuk berbincang dan membuat keputusan berhubung dengan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah yang akan ditukarkan pada 1hb. Ogos, 1982.

Jawatankuasa ini merasakan perkara ini patut dibincang dan jika jawatankuasa ini bersetuju perkara pertukaran Pengarah Kebajikan ini akan dikemukakan kepada YAB. Dato' Kama Jaya Menteri Besar Kedah untuk merayu akan pertukaran ini dibatalkan.

2. **Cadangan dan Pandangan**

- 2.1 YB. Tuan Haji Hanafi Ramli:

YB. Tuan Haji Hanafi berpendapat jawatan Pengarah Kebajikan ini dibayar dari Peruntukan Negeri, oleh itu pihak Negeri ada sedikit hak untuk menentukan hal pertukaran ini. Beliau berpendapat pertukaran yang terlalu kerap dilakukan (Encik Wan Azmi baharu bertugas selama 7 bulan sebagai Pengarah di Negeri Kedah) tidak akan membolehkan seorang Pengarah itu menjalankan rancangan-rancangan yang mungkin telah diatur. Beliau juga berpendapat bahawa pertukaran tidak akan dapat menyelesaikan sesuatu masalah (jika pertukaran ini berkait dengan sesuatu masalah dalam jabatan tersebut). Beliau bersetuju akan pertukaran ini dipohon timbang untuk dibatalkan.

- 2.2 YB. Encik Yong Pau Chak:

YB. ingin tahu adakah pertukaran ini kerana kenaikan pangkat atau atas permintaan.

Pengarah Kebajikan Masyarakat menjelaskan bahawa dalam masalah pertukaran ini permintaan bertukar atau kenaikan pangkat tidak timbul sama sekali.

Pertukaran ini berpunca dari beberapa keadaan yang telah timbul dalam Jabatan ini di mana Pengarah sendiri telah membongkar beberapa masalah penyelewengan dalam pemberian bantuan yang dijalankan oleh jabatan ini.

Ramai pegawai-pegawai yang dirasakan terlibat dalam penyelewengan ini dan mereka ini telah mempengaruhi kakitangan lain untuk mendapatkan tandatangan bagi pertukaran keluar Pengarah dari Negeri Kedah.

Laporan mengenai penyelewengan dan sebagainya telah disediakan oleh Pengarah dan dihantar ke Kementerian untuk

BIL.:

PERKARA

tindakan Ketua Setiausaha Kementerian dan YB. Menteri sendiri.

Pengarah Kebajikan Masyarakat merasakan bahawa pertukaran ini adalah tidak adil dan sengaja dibuat berpunca dari tindakannya mendedah penyelewengan tersebut.

2.3. YB. Encik Cheah Chong Chiew:

YB. Encik Cheah menyokong supaya Pengarah Kebajikan Masyarakat tidak ditukar. Beliau berpendapat dasar Bersih, Cekap dan Amanah patut diikuti. Jika kita takut untuk bertindak atas dasar ini, kerajaan seolah-olah menunjukkan kelemahan kepada rakyat.

Beliau mencadangkan supaya ditubuh sebuah 'Jawatankuasa Menyiasat' dan beliau berharap pertukaran Pengarah tidak dilakukan sebeum perkara ini selesai disiasat.

2.4. Keputusan Majlis

Majlis bersetuju supaya laporan atau keputusan Mesyuarat ini dibawa untuk makluman YAB. Dato' Kama Jaya untuk diambil tindakan. Tindakan ini harus disegerakan hari ini juga memandangkan pertukaran tersebut bermula pada 1hb. Ogos, 1982.

3. Perkara-Perkara Lain

Pengarah Perubatan dan Kesihatan Kedah memaklumkan bahawa dalam hal pertukaran seorang pegawai, pegawai-pegawai Kerajaan yang lain tidak boleh campur tangan. Beliau cadangkan supaya keputusan di atas adalah keputusan YB. Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri yang akan dikemukakan kepada YAB. Dato' Kama Jaya Menteri Besar Kedah untuk tindakan.

YB. Tuan Pengerusi sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada yang hadir dan menangguhkan mesyuarat.

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(SHARIFF B. HAT)

Setiausaha

Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Kebajikan
dan Kemajuan Perkampongan

s.k.:

Setiausaha kepada
YAB. Dato' Kama Jaya
Menteri Besar Kedah.


JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH
IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT
NEGERI KEDAH,
ALOR SETAR
TELEFON:

Pejabat Am - 723322

Pengarah - 720326

Rumah - 722013

18(2) 28-ii:
DENGAN TANGAN

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (85) dlm. JKM(K)36 Jd. 2

Tarikh: 31hb. Julai, 1982

 YB Menteri Kebajikan Am,
 Malaysia.

Melalui:

 Dato' Ketua Setiausaha,
 Kementerian Kebajikan 'Am.

dan

 Tuan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat,
 Malaysia.

YB/Dato'/Tuan.

Bkn: Pertukaran Pengarah Mulai 1.8.1982

Roko': KKA.0.8/56/Jd. 20/(79) tanggal 14.7.82

Berkaitan dengan perkara tersebut, inilah dengan segala hormat saya lampirkan surat yang jelas menerangkan maksud dengan sendirinya.

Suka saya rakamkan di sini bahawa, saya difahamkan, soal pertukaran tersebut telah disebut dalam persidangan Exco Kerajaan Negeri Kedah pada 19.7.82. Dan pada 28/7 pula diadakan satu mesyuarat tergempar Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Kebajikan/Malapetaka berkenaan isu ini. Dalam mesyuarat tersebut ahli-ahli Yang Berhormat sebulat suara melahirkan rasa tidak puashati pertukaran Pengarah Kebajikan Masyarakat memandangkan beliau baharu sangat bertugas di Negeri ini dan telahpun menunjukkan kemajuan.

Sekian untuk pertimbangan YB/Dato'/Tuan yang adil lagi saksama.

Terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah.

t.t.

(Wan Azmi Ramli)

 Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri,
 Kedah.

1) YB Dato' Setiausaha Kerajaan, Negeri Kedah.

2) Tuan Setiausaha Kepada YAB Dato' Seri Menteri Besar.

3) YB Tuan Pengerusi J/Kuasa Tetap Hal Ehwal Kebajikan Negeri Kedah.



AHLI DEWAN NEGERI
KEDAH

18(2) 28-iii:

31hb. Julai, 1982
10hb. Syawal, 1402

Ketua Setiausaha,
Kementerian Kebajikan Am,
Malaysia,
Kuala Lumpur.

Yang Berbahagia Dato',

Pertukaran Pengarah

Saya ingin menarik perhatian YB. Dato' mengenai hal tersebut, yang berkuatkuasa mulai 1hb. Ogos, 1982.

2. Dalam satu mesyuarat khas Jawatankuasa Hal Ehwal Kebajikan/Malpetaka/Dadah pada 28hb. Julai, 1982 yang saya menjadi Pengerusinya, pihak ahli-ahli Yang Berhormat memberi pandangan jujur terhadap Pengarah, Encik Wan Azmi Ramli dan semuanya berpuashati atas kepimpinan serta tindakan beliau untuk memajukan Masyarakat tertentu di Negeri Kedah ini. Perkara ini juga mendapat perhatian YAB. Dato' Kama Jaya, Menteri Besar Kedah. Oleh itu, saya yang tahu dan faham kerja-kerja yang dijalankan oleh Encik Wan Azmi Ramli ini sangatlah berpuashati dan merayu kepada Kementerian Kebajikan Am semoga arahan yang bertarikh 14hb. Julai, 1982 itu dapat ditimbang semula dan dibatalkan.

3. Saya percaya, Encik Wan Azmi Ramli ialah seorang Pengarah yang berpengalaman luas dari berbagai segi, dan dinamis, yang akan lebih lagi memajukan dan mengharumkan imej jabatannya di Negeri Kedah ini.

4. Saya penuh harap, YB. Dato' tidak akan menghampakan rayuan Jawatankuasa saya ini.

Sekian, terima kasih.

t.t.

(FANG CHOK SEONG, AMK., PJK., JP.)
Pengerusi,
Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Kebajikan
(Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah)

s.k.: Pengarah Kebajikan Masyarakat
Negeri Kedah.
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Wisma Negeri
Pejabat Menteri Besar
Wisma Negeri

Meneliti senarai yang ini dan yang kebelakangan ini berserta amalannya satu soalan sering mengusik jiwa saya, pada sikap baru Kementerian.

_____ adakah Kementerian anti Bumiputra?

/nota: hal ini akan dibincang secara sulit sahaja/

_____ mana dasar Kementerian yang tegas dan membangun?

(untuk diamalkan – hala ke mana kita)

_____ anti profession?

(akan diperkata secara lebih terperinci dalam Bab 3)

_____ anti disiplin?

(Oleh itu, tak bersih, cekap dan amanah)

Saya dasarkan soalan-soalan diatas itu berpunca dari apa yang berlaku di Negeri Kedah dan apa yang saya tahu di Negeri lain. Ianya bukan tohmahan, tidak dengan rasa sentimen melulu kerana itu, jahat, namanya. Ke tahap ini, saya sedia mencabar Kementerian demi menegak keadilan dan maruah bangsa. Biarlah saya jadi orang "tak diingini" demi kepentingan Kementerian dan masa depannya, kalau kita mau terus wujud.

Disebabkan terlampau sangat ingin membalas dendam, saya kecewa Kementerian tidak langsung hirau pada rayuan ikhlas YB Pengerusi J/ Kuasa Tetap dan telegram gentlemen YAB Dato' Kama Jaya, Menteri Besar, Kedah kepada YB Menteri Kebajikan 'Am. Berita ketakbolehlenturan KKA ini saya persampaikan kepada YAB Dato' Seri Menteri Besar semasa pembukaan rasmi Rumah BUDI di Yan pagi 3/8/82 dan tak usahlah saya huraikan/gambarkan perasaan dan sikap YAB Dato' Kama Jaya dalam soal ini, pada waktu itu.

Saya malu ganti!

Segala resolusi, pandangan YB wakil-wakil Rakyat dan sebagainya saya huraikan secara mendalam pada 2/8/82 di KKA tetapi sesia sahaja kerana "decision has been made" dan "nasi sudah jadi bubur" _____ nampaknya, orang yang menanak nasi itu tidak layak sebagai tukang masak hinggakan menjadi bubur dan tak boleh diharap _____ mengikut keadaan, kalanya, bubur pun baik juga dimakan, lebih-lebih lagi masa buka puasa (pada orang yang beriman). Pada orang miskin, bubur menggantikan nasi kerana mereka tidak mampu. Bukannya hangit atau basi.

Membalas dendam ini bukan hanya boleh berlaku antara Kementerian dengan Kerajaan Negeri Kedah, tetapi lebih-lebih lagi oleh Ketua-Ketua di Kementerian terhadap saya dan boleh juga disalahgunakan kuasa oleh pegawai-pegawai/pembantu terhadap klien-klien mereka yang tidak mengerti di Kampong-kampong. Sikap yang negatif dan merosakkan ini boleh dilakukan dengan pelbagai cara bertopengkan "keadilan" dan "kebijaksanaan". Perasaan ini disimpan bagai pekasam dalam jiwa orang yang tidak jujur, yang haloba dan *egoistic*.

Mengapakah ia diamalkan?

Untuk meneguhkan ego yang rosak. Untuk menunjuk-nunjukkan kuasa dan kewibawaan (kalanya tak kena pada tempat). Untuk membodek, menjalankan "arahan"/pakatan bersama. Membukti kebolehan _____ cara negatif, tetapi padanya, itulah yang molek. Secara diam-diam, ia mengkhianati amanah rakyat.

Sabotaj.

Dengki.

Busuk hati.

MENCEMAR PROFESSIONALISME:

Pegawai, setinggi mana pangkatnya sekalipun yang tidak professional, tidak akan dapat menilai dan *appreciate* professionalisma!

Untuk itu, bagi kita renung sejenak, saya perturunkan ciri-ciri tertentu sesuatu *profession* ialah ianya atau para ahlinya:

- punyai kepakaran ("ahli") dalam segala teori yang sistematik, iaitu: gedung pengetahuan yang telah disusun-aturkan ke dalam sistem tertentu yang menjadikan sebagai asas dalam pihak professional dapat menyesuaikan tindakannya dengan lebih yakin dan teratur:
- bukan sahaja profession menjayakan dalam aktiviti beri khidmat, tetapi juga beri sumbangan kepada pengetahuan yang ada dan di samping mempertingkatkan kemahiran dengan cara berkongsi pendapat bersama rakan sekerja dan lain-lain terhadap pengalaman, analisa dan hipotesesnya.
- Seorang professional (yang berikhtisas) tulin haruslah punyai perasaan tanggungjawab untuk menokok-tambah segala gedung pengetahuan, mengelola dan menyusun semula, serta menyumbangkan pada pembinaan/perkembangan teori:
- sesuatu profession harus bertanggungjawab untuk berkembang dan maju demi kepentingan masyarakat (untuk ini berlaku, ia harus punyai rasa ambilberat terhadap ketatasusilaan dalam amali, untuk cara-cara mendisiplinkannya dan ahli-ahlinya, untuk cara mempertingkatkan taraf dalam masyarakat, - segala ini di buat agar menjaga mala-amalan (*malpractices*) tidak berlaku):
- ianya harus mengambilberat terhadap ahli-ahlinya dan mengawal kedudukan, mutu yang setara.
- sedia memberi satu perkhidmatan khusus (*specialised*):
- memerlukan latihan khusus yang panjang (lama) dan ini melibatkan, meneroka dan menghayati pengetahuan asas serta sesuatu kemahiran dan teknik:
- menerima tanggungjawab untuk menjadi pelaksana yang cekap, matang, layak disamping memberi mutu perkhidmatan yang unggul kepada jabatan/organisasi (bererti para ahli baru dikehendaki melayakkan diri dengan meluluskan ujian kecekapan setelah ia menjalani kursus latihan yang panjang):
- punyai persatuan ikhtisas yang diakui dan disegani.
- sesuatu profession tidak boleh menerima "*unconditional control*" oleh pihak kementerian/jabatan/organisasi (*petikan dari buku ke - 13 saya berjudul: "LATIHAN --- satu halacara professional", cetak tahun 1983)

— dan, menurut Bennis, seorang *Management Sociologist*:

Profession — — — “are those people in any given job situation who seemingly derive their rewards from inward standards of excellence from their professional societies and from intrinsic satisfaction of their task. In fact, they are committed to the task, not the job, to their standards, not their boss”.

Professionalisme dalam konteks ini terbahagi ke dalam dua bidang asas. Pertama ialah dari segi pengumpulan segala pengetahuan dan kemahiran. Kedua, pembangunan sikap terhadap perkhidmatan — — — “attitudinal development of the service — — — dan terhadap individu. Mereka harus menganggap tugas mereka sebagai peluang untuk berkhidmat kepada rakyat dengan rasa penuh dedikasi serta sensitif kepada kehendak rakyat. Seterusnya, saya petik:

“It is this feeling of sensitivity and dedication to the need to do that little extra bit for the rakyat with an updated knowledge base that we call professionalism in PTD”.

(Berita Pentadbir, Oct, 79 ms. 5)

Dari apa yang saya huraikan di atas, jelaslah peranan/ciri-ciri para professional yang tidak boleh dibebankan tanggungjawabnya kepada orang sembarangan — — — lebih-lebih lagi yang tidak professional.

Arahaliran (*trend*) sekarang di KKA ialah seolah-olah satu pencemaran professionalisme itu giat berlaku — — — entahlah pihak-pihak tertentu yang bijak di Kementerian sedar perbuatan mereka ini atau tidak. Kalau sedar dan disengajakan, mestilah pula ada sesuatu muslihat yang berselindung dibalik strategi tindakan yang negatif dan merosakkan ini.

Mereka terang-terangan telah melacur konsep professionalisme itu! Dan apabila nanti rakyat (manusia) yang tidak berdosa menjadi mangsa disebabkan salah bertindak, silap perhetongan, maka orang-orang yang mengucar-kacirkan sistem dan dasar itulah yang mesti pikul tanggungjawab dan harus dipersalahkan seratus peratus!

Untuk memperkuatkan *argument* saya ini, sila rujuk kembali senarai pertukaran KKA. 0.8/56/JD. 20/(79) tanggal 14.7.1982. Bilangan No. (xvii), (xx), (xxi), (xxii) dan (xxiii) adalah tidak berlatih ketaraf professional dan mereka diberi kuasa menjadi Pengarah Negeri/Pengetua Institusi.

Perlu kita sedar, seorang professional dilatih, dibentuk seragamkan dalam teori dan amali dengan punyai pegangan disiplin keprofessionalan yang kukuh dan prinsip yang positif dalam ilmu pengkhususannya. Ia bukan menjalankan tugas segera main coba-coba saja atau secara “*trial and error method*”. Kita mengambil keputusan terhadap masa depan dan hidup manusia, kalanya. Ini sudah semestinyalah menghendaki seorang pegawai

yang terlatih, yang matang dan berpengalaman luas, yang jujur, tegas tetapi *flexible*. Bukan main guna *commonsense* saja kalau mau tugas itu diusahakan dengan jujur, ikhlas dan berkesan.

Dalam konteks keadaan masyarakat sekarang, **kita tidak lagi menjalankan kerja kebajikan secara tradisional** kerana ini siapapun boleh lakukan sekadar beri bantuan yang tidak menguntungkan dan mendatangkan manfaat itu. Kalau pihak KKA berpendapat ini adalah tugas utama kerja kita, yang mesti diambil tindakan sekarang ialah memberhentikan pengiriman para pegawai/pembantu ke Universiti Sains (Jabatan Pembangunan Sosial) untuk menjalani kursus ijazah 4 tahun dengan mendapat biasiswa, terpaksa berkorban dan "mengikat" perut selama itu. **Jangan sekali-kali kita membazir wang rakyat dan perkhidmatan awam.**

Ini berani saya katakan kerana jika pihak KKA teruskan juga, ianya terang-terangan menipu para kakitangan (kerana "perubahan" dasar ini) oleh sebab, yang tidak terlatih pun, bila sudah tua, boleh meningkat ke taraf Pengarah/Pengetua — — — jadi "*professional*" cara automatik. Oleh itu, untuk apa bersusah-payah mengorbankan segala, mencari ilmu apakala ianya tidak menjadi satu kriteria dalam pertimbangan hal seperti ini. Di sini, tak payahlah saya huraikan apa matapelajaran yang terpaksa di dalam sekian lama, dalam teori dan praktis, teknik methoda dan methodologi; untuk membentuk satu pemikiran dan tindakan yang sistematik, antara beberapa pilihan, oleh seorang yang *professional*.

Harus pihak penggubal dasar di KKA sedar dan insaf bahawa para kakitangan pelaksanaanya di peringkat Negeri/daerah terlibat secara langsung dengan manusia — — — manusia yang punyai beraneka masalah. Bukan dengan pokok getah, sawah padi, anjing-kucing yang sekiranya diberi salah "baja", salah "ubat" kesannya tidak sebegitu, jika dibandingkan dengan manusia yang, dari individu, melibatkan kelompok (keluarga), masyarakat dan Negeranya.

Apakah diletak seorang Ketua yang tidak *professional* sedangkan kakitangannya terdiri dari pegawai *professional*, apa kesahnya ini? Perlukah ia cuma mengarah (tanpa tau apa dari segi ilmiah) dan seperti "*postman*" hanya menjadi orang perantaraan memberi "*message*"?. Kalaulah begini sikap baru KKA, kita cuma maju selangkah ke depan tetapi mundur ke belakang dua langkah. Bila agaknya hendak sampai matlamat? Orang lain dan agensi lain giat membangun dengan pelbagai aktiviti, kita sorot kebelakang takut menghadapi cabaran. Dan bila ada pegawai yang berkaliber, bersemangat untuk kepentingan perkhidmatan dan rakyat, ditentang habis-habisan. Seolah-olah cemburu dan dengki, Inikah etika *professional* kita?

Antara lain, motto Kementerian kita ialah: "— — — kepada perkhidmatan insaf dan sedia".

"Insaf" itu adalah baik. Harap KKA insaf sekarang. Tetapi "sedia" saja tak boleh jadi. Yang mesti dilakukan ialah "bertindak" — — — dan berani bertindak dengan tegas dan segera: jangan sampai "nasi jadi hangit/basi" — — — Bertindak ke jalan yang membina, yang positif, yang luhur dan suci, yang memberi maruah, "integrity" dan "credibility" — — — BUKAN membalas dendam!

Izin saya gambarkan sedikit perbandingan cara baru sikap "unprofessional" KKA itu. Dengan menempatkan para kakitangan yang tidak berikhtisas mengepalai Negeri/Institusi sepertilah: misalnya Kementerian Kesihatan menempatkan Pembantu Hospital (H.A) menjadi Penguasa Perubatan (M.S) di Hospital Besar; atau dilantik Mak Bidan (Bidan Kampung) ke taraf Matron. Wa-ima apa pun berlaku, Kementerian Kesihatan tidak akan mencemar profesionalisme mereka. Jadi, perkara yang unik seperti ini seolah-olah "typical" dengan Kementerian Kebajikan Am sahaja. Mungkin kerana terlalu banyak campurtangan para pentadbir atau yang saya gunakan dalam Bab 2 — — — teknik kacaudaun laksana "tikus memperbaiki labu" itu, buat keadaannya jadi begini dan kelamkabut tak menentu.

Apabila saya membaca buku oleh Aaron, Henry J, berjudul: "*Why Is Welfare So Hard To Reform? — — — Studies in Social Economics*" (The Brookings Institution, Washington D.C, 1973) saya menghentam habis-habisan dalam buku ke 12 saya: "Dasar Sosial di Malaysia" Saya buat perbandingan nilai antara Barat dan Timur. "Ketempangan"nya.

Rupa-rupanya, saya menghadapi dilemma sekarang. Begitu sukar bagi saya untuk "mengubah sikap" di peringkat Negeri, malah lebih sukar lagi sikap mereka di Kementerian.

Yang ironinya, kita dipikul tanggungjawab untuk mengubah sikap rakyat! Yang lojiknya pula? Haruskah kita menyeleweng?

"main peranan" — — — menipu?

Dari segi kakitangan yang menyeleweng, mereka mestilah didisiplinkan. Tindakan mesti diambil kerana sikap ini mencemar ethika professional.


JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH
IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT
NEGERI KEDAH,
ALOR SETAR
TELEFON:

Pejabat Am - 723322

Pengarah - 720326

Rumah - 722013

18(2) 29:

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (87) dlm. JKM(K)368 SULIT

Tarikh: 5hb. Mei, 1982

 Tuan O.C.C.I
 Kedah/Perlis,
 Alor Setar.

Bkn:

 En. Pembantu Kebajikan Masyarakat
 Jitra Polis Report No. 1095/79.

Menyusul kepada bincangan Wan Azmi/En. Jerome Lim pada petang Rabu 28/4/82 mengenai perkara tersebut, dilampirkan bersama-sama ini Bil. Vr. No sejak tahun 1976 - 1978 bagi menyenangkan pihak tuan menyiasat seberapa awal yang boleh.

Kerjasama tuan disanjung tinggi.

Sekain dan terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

t.t.

 (Wan Azmi Ramli)
 Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri,
 Kedah

s.k.

1. YB Tuan Yang Arif Penasihat Undang-Undang Kedah.
 - Surat YB rujuk P.I.N.K/P 89/91 tanggal 22.3.82 ada kaitannya.
2. Tuan Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
 Kementerian Kewangan,
 Khazanah Malaysia,
 Jalan Duta, Kuala Lumpur.
 - Surat tuan (9.10) 248/28/1-2/(22) tanggal 20.4.1982 dirujuk.
3. Tuan Setiausaha,
 Suruhjaya Perkhidmatan Awam,
 Kedah.
 - Surat tuan SPA (K)73/70 Sk. 7(52) SULIT ada kaitannya.

BPKK 1976

| | | |
|------------------|------------------------------------------|------------|
| 1. Januari '76 | Vr. Jabatan 11/76 Vr. Akauntan 590 | \$1,834.00 |
| 2. Februari '76 | Vr. Jabatan 211/76 Vr. Akauntan 17/12 | \$3,798.00 |
| 3. Mac/April '76 | Vr. Jabatan 356/76 Vr. Akauntan 237 | \$3,896.00 |
| 4. Mei '76 | Vr. Jabatan 568/76 Vr. Akauntan 1253 | \$3,128.00 |
| 5. Jun '76 | Vr. Jabatan 688/76 | \$3,128.00 |
| 6. Julai '76 | Vr. Jabatan 749/76 | \$3,022.00 |
| 7. Ogos '76 | Vr. Jabatan 864/76 Vr. Akauntan 2662 | \$3,016.00 |
| 8. Sept. '76 | Vr. Jabatan 932/76 | \$3,091.00 |
| 9. Okt/Nov '76 | Vr. Jabatan 1014/76 Vr. Akauntan 2195 | \$6,546.00 |
| 10. November '76 | Vr. Jabatan 1120/76 Vr. Akauntan 7055 | \$3,194.00 |

MPKT 1976

| | | |
|------------------|------------------------------------------|-------------|
| 1. Januari '76 | Vr. Jabatan 12/76 Vr. Akauntan 589 | \$3,405.00 |
| 2. Februari '76 | Vr. Jabatan 211/76 Vr. Akauntan 1712 | \$3,405.00 |
| 3. Mac/April '76 | Vr. Jabatan 355/76 Vr. Akauntan 238 | \$6,780.00 |
| 4. Mei '76 | Vr. Jabatan 556/76 | \$3,345.00 |
| 5. Jun '76 | Vr. Jabatan 689 | \$3,285.00 |
| 6. Julai '76 | Vr. Jabatan 750/76 Vr. Akauntan 2611 | \$3,255.00 |
| 7. Ogos '76 | Vr. Jabatan 864/76 Vr. Akauntan 2662 | \$3,225.00 |
| 8. Sept '76 | Vr. Jabatan 931/76 | \$5,656.00 |
| 9. Okt/Nov. '76 | Vr. Jabatan 1013/76 Vr. Akauntan 2195 | \$11,092.00 |
| 10. Disember '76 | Vr. Jabatan 1121/76 Vr. Akauntan 7258 | \$5,621.00 |

BPGT 1977

| | | |
|------------------|------------------------------------------|-------------|
| 1. Jan/Feb '77 | Vr. Jabatan 61/77 Vr. Akauntan 2679 | \$11,592.00 |
| 2. Mac '77 | Vr. Jabatan 285/77 Vr. Akauntan 3434 | \$5,816.00 |
| 3. April/Mei '77 | Vr. Jabatan 400/77 Vr. Akauntan 3634 | \$11,662.00 |
| 4. Jun/Julai '77 | Vr. Jabatan 401/77 Vr. Akauntan 1807 | \$11,702.00 |
| 5. Ogos/Sept '77 | Vr. Jabatan 658/77 Vr. Akauntan 3716 | \$11,868.00 |
| 6. Okt/Nov '77 | Vr. Jabatan 845/77 Vr. Akauntan 2149 | \$11,770.00 |
| 7. Disember '77 | Vr. Jabatan 1081/77 Vr. Akauntan 2716 | \$9,040.00 |

BPKK 1977

| | | |
|------------------|------------------------------------------|------------|
| 1. Jan/Feb. '76 | Vr. Jabatan 62/77 Vr. Akauntan 2678 | \$7,070.00 |
| 2. Mac '77 | Vr. Jabatan 286/77 Vr. Akauntan 3434 | \$3,510.00 |
| 3. Apr/Mei '77 | Vr. Jabatan 399/77 Vr. Akauntan 3646 | \$7,020.00 |
| 4. Jun/Julai '77 | Vr. Jabatan 482/77 Vr. Akauntan 999 | \$7,084.00 |
| 5. Ogos/Sept '77 | Vr. Jabatan 657/77 Vr. Akauntan 3715 | \$3,902.00 |
| 6. Okt/Nov. '77 | Vr. Jabatan 846/77 Vr. Akauntan 2148 | \$9,196.00 |
| 7. Disember '77 | Vr. Jabatan 1000/77 Vr. Akauntan 3110 | \$5,416.00 |

BANTUAN AM

1976

| Br. No. | Bulan | Jumlah | Refred | Perb. No. |
|---------|------------|------------|----------|-----------|
| 85/76 | Jan/Feb. | \$4,770.00 | \$370.00 | 1456/2 |
| 317/76 | Mac/April | 4,750.00 | - | 384/4 |
| 592/76 | Mei/Jun | 4,748.00 | - | 1299/6 |
| 763/76 | Julai/Ogos | 4,638.00 | 400.00 | 2169/8 |
| 880/76 | Sept. | 2,295.00 | - | 1511/9 |
| 988/76 | Okt. | 2,275.00 | 155.00 | 1984/10 |
| 1240/76 | Nov. | 2,275.00 | - | 4324/12 |

1977

| | | | | |
|--------|------------|----------|--------|--------|
| 39/77 | Jan/Feb. | 4,760.00 | 180.00 | 455/2 |
| 201/77 | Mac/April | 5,100.00 | 300.00 | 1014/4 |
| 456/77 | Mei/Jun | 5,140.00 | 88.00 | 1252/7 |
| 589/77 | Julai/Ogos | 5,369.00 | 68.00 | 1787/9 |
| 758/77 | Sept. | 2,668.00 | 38.00 | 765/10 |

1978

| | | | | |
|--------|-----------|----------|--------|---------|
| 40/78 | Jan/Feb. | 5,000.00 | 60.00 | 128/2 |
| 242/78 | Mac/April | 5,000.00 | 60.00 | 1079/4 |
| 456/78 | Mei/Jun | 5,120.00 | 20.00 | 1205/6 |
| 439/78 | Jul/Ogos. | 5,360.00 | - | 1835/8 |
| 813/78 | Sept/Okt | 5,720.00 | 660.00 | 3218/10 |
| 985/76 | Nov/Dis. | 5,100.00 | 120.00 | 2530/12 |

BPOT 1978

| | | |
|-------------------|-----------------------------------------|-------------|
| 1. Jan/Feb '78 | Vr. Jabatan 60/78 Vr. Akauntan 367 | \$15,554.00 |
| 2. Mac/April '78 | Vr. Jabatan 234/78 Vr. Akauntan 443 | \$16,474.00 |
| 3. Mei/Jun '78 | Vr. Jabatan 482/78 | \$21,581.00 |
| 4. Julai/Ogos '78 | Vr. Jabatan 626/78 Vr. Akauntan 5500 | \$11,744.00 |
| 5. Sept/Okt '78 | Vr. Jabatan 852/78 Vr. Akauntan 642 | \$24,542.00 |
| 6. Nov/Dis '78 | Vr. Jabatan 1021/78 Vr. Akauntan 535 | \$24,287.00 |

BPKK 1978

| | | |
|-------------------|------------------------------------------|-------------|
| 1. Jan/Feb '78 | Vr. Jabatan 59/79 Vr. Akauntan 183 | \$10,466.00 |
| 2. Mac/April '78 | Vr. Jabatan 235/78 Vr. Akauntan 444 | \$11,632.00 |
| 3. Mei/Jun '78 | Vr. Jabatan 481/78 | \$13,892.00 |
| 4. Julai/Ogos '78 | Vr. Jabatan 632/78 Vr. Akauntan 46/72 | \$5,250.00 |
| 5. Sept/Okt '78 | Vr. Jabatan 853/78 Vr. Akauntan 641 | \$16,717.00 |
| 6. Nov/Dis '78 | Vr. Jabatan 994/78 Vr. Akauntan 5403 | \$9,020.00 |

Apabila saya datang ke Kedah dan mengamati laporan Polis (Jitra 1095/79) saya rasa musykil. Ini berasaskan pada satu-dua voucer bayaran sahaja. Dan Pembantu itu seorang yang baru bertugas. Saya bincang panjang lebar dengan tegas OCCI dan Timb. C.P.O. sendiri. Saya tidak puashati cara laporan itu.

Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Kedah mengambil masa seminggu untuk "trace" semula nombor voucer-voucer bayaran tahun-tahun 76-77-78. Dan baru-baru ini, saya difahamkan oleh pihak polis bahawa terdapat klien yang sudah meninggal dunia 2-3 tahun tapi masih terima wang bantuan mereka, dan dibayar oleh 3-4 orang Pegawai/Pembantu dengan dipersahkan oleh saksi.

Dari apa yang saya difahamkan, saya punyai 3 teori, iaitu

1) Pegawai-pegawai kita malas dan tidak pergi membayar wang-wang bantuan ke rumah-rumah klien, tetapi percaya pada orang lain - - - dan orang inilah yang menyeleweng.

2) Pegawai-pegawai itu berpakat dengan pihak taktentu dan wang itu diperbahagi 50-50 atau 70-30 ikut "gentleman agreement" masing-masing:

3) Pegawai berkenaan yang menyeleweng dan bolot semua wang-wang itu.

Theori no. (3) tidak mungkin kerana jangkamasa yang panjang (2-3 tahun) dan melibatkan beberapa orang dan banyak klien. Theori (1) dan (2), mungkin.

Si saksi pula, menandatangani persah bayaran membuta-tuli. Kerana percaya dan menghormati Pegawai/Pembantu. Ada saksi yang bekerja sebagai pekerja sambilan di Pejabat Jitra. Mau tak mau, ia terpaksa turunkan tandatangannya, kalau "loyarburuk" perkhidmatannya tidak diingini.

Bila kita sorot kembali mengapa semua ini berlaku? Jawapannya sangat mudah: Disiplin. Tidak ada disiplin. Tidak ada pengawasan yang sistematik, main percaya saja dan tak mau bersusah payah. Inilah akibahnya!

Siapa malu?

Siapa rugi?

Ianya tidak memerlukan jawapan pada soalan "rhetoric" itu.

Apabila saya ubah kepada sistem yang lebih baik dan selamat, pihak KKA termakan fitnah setengah kakitangan yang menyeleweng, takut nanti kelemahan mereka terbongkar yang menggugat kedudukan harmoni mereka.

Inilah kelemahan, inilah "cover-up", dan rakyat Kedah sekarang sudah mulai buka mata!

PENUTUP

Berani bertindak

berani bertanggungjawab!

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

(Tidak seharusnya menjadi satu slogan kosong)

ANTI: "Kotor, Lembab, Penyeleweng".

"I have the honour to be,

SIR,

Your obedient servant",

.....^h.....
(WAN AZMI RAMLI)
Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri,
Kedah.

**SILA LIHAT
SURAT TERBUKA**




JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, NEGERI KEDAH
IBU PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT
NEGERI KEDAH,
ALOR SETAR
TELEPON:

Pejabat Am - 723322

Pengarah - 720326

Rumah - 722013

**SURAT TERBUKA
KEPADA**

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:

Tarikh: 4 Ogos, 1982

 YAB Dato' Kama Jaya,
Menteri Besar,
Kedah.

 Bkn: Pertukaran Pengarah
mulai 1.8.1982

Terlebih dahulu, patek mohon berbanyak-banyak ampun dan maaf sekiranya, dalam tempoh perkhidmatan patek selama 9 bulan di Negeri Kedah ini, berlaku apa-apa kesilapan yang mungkin patek tidak sedar. Dalam tempoh yang sangat singkat itu, patek menghadapi pelbagai cabaran - untuk menaikkan imej Jabatan, mengharumkan nama Kementerian Kebajikan Am, dan meningkatkan prestasi kerja kakitangan patek ke tahap yang boleh dibanggakan! Untuk segala ini, patek menghadapi masalah dengan kakitangan (yang kurang berminat) dan sikap Kementerian yang menakutkan. Berbagai fitnah, hasad pesona dan dengki disebar oleh mereka yang tidak bertanggungjawab, yang kelemahan, kemalasan dan ketidakjujuran mereka patek bongkar satu per satu - segala ini dibuat untuk memahami masalah, menimbulkan kesedaran dan bersama, coba pula menyelesaikannya, agar dapat memberi khidmat kepada masyarakat dengan lebih sempurna, teratur, licin dan berkesan sejajar dengan konsep - Bersih, Cekap dan Amanah. Patek sanjung tinggi konsep yang menjiwai patek ini dan melaksanakannya 100%. Malang sekali, dalam usaha gigih patek itu, patek ditohmahkan dengan surat fitnah kepada YB Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani, Menteri Kebajikan Am, Malaysia. Tanpa usul periksa, tanpa kaji dan selidik, patek disalahkan walaupun segala bukti nyata (fakta dan data) patek persampaikan kepada pihak Kementerian (Jilid I laporan patek yang dahulu dirojo'kan).

Syukur alhamdulillah, usaha dan niat jujur patek mendapat perhatian khas dari YAB Dato' Seri sendiri dan juga segala YB Wakil-Wakil Rakyat,

Tuan-Tuan Pegawai Daerah dan rakyat. Patek sanjung tinggi, rasa bangga dan sungguh megah atas budi baik YAB Dato' Seri mengirim telegram kepada YB Menteri Kebajikan 'Am untuk meminta pertukaran patek pada 1/8/82 itu dibatalkan. Disebabkan kesuntukan masa dan menurut nasihat YAB Dato' Seri, patek berkejar ke Kementerian di Kuala Lumpur pada hari Ahad 1/8, bersama membawa salinan surat yang patek hantar kepada Dato' SUK dan surat rayuan dari YB En. Fang, Pengerusi J/Kuasa Tetap Hal Ehwal Kebajikan/Malpetaka Negeri Kedah - yang mengadakan mesyuarat khas J/Kuasa pada 28/7 dan ahli-ahli YB sebulat suara pinta pertukaran "tanpa sebab" ini, dibatalkan sahaja.

Malang menimpa lagi apakala pada 2/8/82 (Isnen) YB Menteri tidak ada di Kementerian. Patek menemui Dato' Hj. Yahya b. Hj. Talib, Ketua Setiausaha Kementerian Kebajikan 'Am. Patek menjelaskan satu per satu dengan membawa bukti-buktinya tetapi disebabkan beliau menerima arahan tegas dan keras dari YB Menteri Kebajikan agar tidak ada tolak-ansur lagi dalam soal pertukaran patek, Dato' KSU seolah-olah tidak sedia mendengar apa-apa bukti dan pandangan Kerajaan Negeri malah menegaskan bahawa tidak ada kuasa apa dan siapa yang dapat dan boleh menahan Kementerian dari menukar patek keluar dari Negeri Kedah yang patek cintai ini. Itu adalah keputusan mutamad. Walaupun patek melahirkan hasrat YAB Dato Seri dan nasihat, patek di perintah oleh Dato' KSU mengetepikan kehendak YAB Dato' Seri dan para YB dalam J/Kuasa Tetap Hal Ehwal Kebajikan itu dan mesti melaporkan diri hari itu juga (2/8/82) dan diberi balik cuma untuk hadir upacara perasmian Rumah BUDI pada 3/8 dan membereskan tugas hingga 8/8/82.

Menyorot kembali kejadian-kejadian ini, patek rasa sungguh aneh. Kementerian patek sendiri tidak tahu menilai antara buruk-baiknya dan walaupun pihak YAB Dato' Seri sendiri campurtangan dalam hal kepincangan dan ketidakadilan ini, Kementerian tetap berdegil, dilalikan oleh jarum cucukan fitnah kakitangan yang tidak berasas, demi untuk menutup kelemahan dan kepincangan sesama sendiri di Kedah ini. Ini, patek tidak sanggup bersubahat (Laporan Terperinci Jilid II akan patek sampaikan kelak). **Patek tidak rela menjadi seorang Pengarah yang "buta mata dan buta hati"** oleh itu bersama kakitangan yang malas, menipu rakyat yang tidak berdosa. Patek rela menghadapi masa depan patek yang gelap dari tindakan gelojoh mereka ini di dalam Kementerian yang sudah hilang pedoman.

Patek meninggalkan Negeri Kedah Darul-Aman ini membawa rasa murni atas segala sokongan YAB Dato Seri, Wakil-wakil Rakyat, para Pegawai Kerajaan dan Badan Sukarela yang mahu melihat kemajuan rakyatnya, walau sekalipun dalam kegigihan patek menjalankan tugas ini

patek menjadi mangsa "BCA".

Anti" Kotor, Lembab, Penyeleweng".

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Patek yang menurut perintah,
(anak Kedah jati)

(WAN AZMI RAMLI)

Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri
Kedah

disebar kepada semua Dato/Tuan Pegawai Daerah/

YB Wakil-Wakil Rakyat dan

Mereka yang berkenaan _____:

supaya dapat kita membuat analisa sendiri dari
kejadian ganjil ini.

_____ Maaf, Zahir, Bathin!



18 (3) — OPERASI MAWAR

Masalah pengemis dan kuturayau di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pengenalan:

Sebagai sebuah bandar kosmopolitan, Kuala Lumpur mempunyai masalah rumit berkenaan dengan pengemis dan kuturayau. Mereka kelihatan bersepah di merata-rata, khususnya di mana orang awam tertumpu seperti di Chow Kit, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Masjid India, Benteng, Perhentian Bas Klang, Hentian Puduraya, Leboh Ampang, Leboh Pasar Besar, tidak ketinggalan di sekitar hotel dan kompleks membeli-belah. Mereka terdiri dari pelbagai kaum, majoritinya lelaki tua, dan tidak banyak yang cacat. Jika ada pun, tidak tulen. Ada yang kurang siuman dan mengutip makanan dari satu tong sampah ke satu tong sampah yang lain, dengan pakaian compang-campeng dan kesihatan tidak terjaga.

Ada orang begitu tertarik dan rasa simpati terhadap "golongan yang kurang bernasib baik" ini lalu memberi sedekah (tanpa mereka sedar, dengan melakukan ini mereka menggalakkan pengemis dan pengemisan dan "memaksa" terus hidup mengemis sepanjang hayat). Ada yang pandang hina dan jijik. Ada yang menganggap mereka sebagai bahan lucu.

Jenis Pengemis:

- a) **Pengemis biasa** - yang merayau meminta sedekah atau duduk dengan tangan tertadah lesu atau membaca "ayat-ayat suci" atau menggunakan bayi/kanak-kanak untuk menarik simpati.
- b) **Pengemis sambilan** - yang mengemis sewaktu menjelangnya sesuatu hari kebesaran.
- c) **Pengemis "agama"** (*holy beggars*) - kumpulan ini tidak diganggu.
- d) **Pengemis asing:**
 - (i) **Dewasa** - kebanyakannya wanita menggunakan bayi/kanak-kanak kecil bagi mengguris hati orang ramai;
 - (ii) **Kanak-kanak** yang akhir-akhir ini menggunakan pakaian mini-telekong dan pakaian sekolah dengan membawa surat palsu rayuan derma (lampiran 18(3) i) menipu orang awam!

Tindakan:

Apabila saya dilantik dan mulai bertugas pada 1 Oktober, 1985 selaku Pengarah Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, saya terus bertindak. Saya berazam membersihkan Kuala Lumpur dari pengemis dan kuturayau sedapat yang boleh.

Saya didesak bertindak begini kerana akibat apa yang saya alami di Barat. Saya dapati, akhbar-akhbar Barat sering buat liputan negatif terhadap negara-negara membangun, dan negara ini tidak terlepas dari laporan berat-sebelah mereka itu. Dan dengan berkeliarannya pengemis dan kuturayau sudah tentu menjadi bahan hangat pada pelancong menulis tentang negara ini. Juga gejala "pengemis kanak-kanak" seolah-olah penuntut sekolah kita begitu miskin hingga terpaksa meminta sedekah sebelum pergi ke sekolah. Itulah gambaran yang di bawa balik oleh pelancong. Ini merosakkan imej Kementerian Pelajaran, imej penuntut, keluarga, masyarakat, bangsa, agama, dan Negara.

Ada kanak-kanak yang berpuluh kali ditangkap oleh Jabatan ini dan diserahkan ke pihak Jabatan Imigresen tetapi masih balik mengemis (Lampiran 18(3).ii).

Adalah difahamkan antara mereka ini datangnya dari Negeri Thai, Kampuchea dan Bangladesh/Pakistan. Jika tidak dibanteras dengan berkesan bayangkanlah implikasi sosial yang akan wujud kalau mereka terus membanjiri negara ini untuk meminta sedekah.

Oleh itu apabila Y.B. Dato Hj. Abu Hassan Omar, Menteri Kebajikan Masyarakat Malaysia mengumumkan tentang "**KEBAJIKAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA**" dalam MINGGU KEBAJIKAN NEGARA akhir tahun lepas, saya bertindak dengan lebih positif. Sokongan yang saya dapati dari Y. Bhg. Dato Dr. Elyas Omar, Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Polis Di Raja sungguh memberangsangkan. Disamping itu pihak media massa dan orang ramai mulai sedar masalah sosial ini. Keinsafan dan kempen kesedaran melalui RTM, TV3, RMIK, akhbar-akhbar membuat orang awam memberi sokongan padu kepada Jabatan ini untuk "menghapuskan" pengemis dan Kuturayau di Kota Raya ini demi kebajikan mereka. Oleh itu, saya usahakan beberapa **OPERASI KEBAJIKAN** dengan kerjasama semua yang berkenaan dengan licin, teratur dan berkesan. Hanya dalam masa 3 bulan sahaja, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur sudah "bersih" dari fenomina sosial ini.

OPERASI MAWAR (mulai 2.00 pagi, 2 April)

Saya difahamkan Operasi MAWAR adalah arahan Kabinet menerusi Kementerian Dalam Negeri (bersabit dengan *PATA*) yang telah menghurai segala masalah bertindak di peringkat semua Kementerian yang terlibat, termasuklah Kementerian Kebajikan Masyarakat (KKM)!

Kementerian Kebajikan Masyarakat sedia maklum masalahnya dalam melaksanakan operasi ini secara berkesan. Malah saya telah "*brief*" kepada para pegawai saya yang akan menghadiri "Persidangan Pegawai-Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Seluruh Malaysia pada 24 - 25/3/86. Di Pantai Primula Hotel, Kuala Trengganu" mengenai masalah ini. Oleh itu, pihak KKM telah diberi pra-amaran masalah yang akan timbul tetapi pihak berkenaan tidak menerima ini secara serius dan akibatnya apakala para Pegawai/Pembantu Kebajikan Masyarakat; Pegawai Penguatkuasa Banda-raya, Pegawai Polis (Beruniform dan Bahagian D 8 - anti-dadah) dan Pegawai Imigeresen bertindak sebagai satu pasokan yang bersepadu, dengan kerjasama erat para wartawan (media massa) dan orang ramai, tiba-tiba Yang Berbahagia Tuan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia, membuat kecaman zalim, menuduh Pegawai saya "penipu" dan saya dijadikan "*SCAPE GOAT*"! Saya sungguh kecewa sikap negatif mencela sebegini tanpa usul periksa dan memberi "*credit where credit is due*".

Surat-surat seterusnya menjelaskan kedudukan ini dengan sendirinya...

Nota:

Semenjak Oktober 1985 hingga akhir Mei, 1986 hampir 600 orang telah diberkas dan diberi nasihat, pertolongan, bantuan, amaran dan latihan mana yang perlu. — pengarang.

Tel: 2442516/7
Surat kita: JPM (U) SULIT
2008 Jld. 3
Surat Tuan:

JABATAN AGAMA ISLAM
WILAYAH PERSEKUTUAN
29 JALAN RAJA
KUALA LUMPUR

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(7.8.6)

1.9.1985

(ASSALAMUALAIKUM)

Saya MUHAMMAD AZIZ dan berasal dari Thailand dan sekarang tinggal di Padang Besar.

Saya tidak mempunyai emak dan saya ada lima orang adik beradik dan semuanya bersekolah.

Saya tidak ada wang kerana saya orang susah cari makan pun susah. Kerana tidak mempunyai wang adik-adik saya tidak boleh pergi ke Sekolah.

Saya MUHAMMAD AZIZ mohon meminta derma kepada semua orang Islam dan saya beri hadiah ayat-ayat suci Quran untuk derma kepada saya dengan sesuka hati masing-masing.

SHUKUR ALHAMDULLILAH TERIMA KASIH

ASSALAMUALAIKUM - WALAIKUMSALAM.

MUHAMAD AZIZ.

Cop & t.t.
Jabatan Agama Islam
Wilayah Persekutuan

Lampiran 18(3).ii

**RUMAH KANAK-KANAK TENGGU BUDRIAH,
BATU 4, JALAN CHERAS,
56000 KUALA LUMPUR.**

Tel: 9318439

Bil (52) dlm. RK/TB/WP/KL.
25/71. Jld. 11.

Bertarikh: 9hb. Januari 1986.

Pengarah Kebajikan Masyarakat
Wilayah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

Tuan,

**Per: Laporan Temubual Kanak-kanak Pendetang Haram
Laila a/p Rashid (P) 12 tahun**

Merujuk kepada perkara yang tersebut di atas dengan segala hormatnya di maklumkan bahawa kanak-kanak ini telah mula di tahan di institusi ini oleh pihak Imigresen sejak 15.3.83, iaitu sebanyak 9 (sembilan) kali. Tarikh akhir sekali ia di tahan ialah pada 11.10.85.

| Tarikh Masuk | - | Tarikh Keluar |
|--------------|---|---------------|
| 1. 15.3.83 | - | 22.3.83 |
| 2. 20.8.83 | - | 1.9.83 |
| 3. 27.9.83 | - | 13.10.83 |
| 4. 26.10.83 | - | 7.12.83 |
| 5. 6.3.84 | - | 16.3.84 |
| 6. 28.3.84 | - | 4.5.84 |
| 7. 21.12.84 | - | 8.1.85 |
| 8. 9.3.85 | - | 12.4.85 |
| 9. 11.10.85 | - | 31.10.85 |

Penama adalah salah seorang dari kanak-kanak yang pandai bertutur dalam Bahasa Malaysia dan tidak suka menyimpan rahsia, memandangkan dia telah lama mengenali kakitangan di sini. Mengikut keterangan penama pada 11.10.85 yang lalu, dia telah mula di bawa ke Kuala Lumpur oleh seorang lelaki dikenali sebagai Pak Cik Jalal. Jalal berjanji dengan ibu penama untuk mendapatkan pekerjaan sebagai Penjual Kain, tetapi setelah tiba di Kuala Lumpur ia di suruh meminta sedekah dari orang ramai. Wang hasil dari meminta ini mesti di serahkan kepada Jalal. Pada masa itu penama dan kanak-kanak lain juga pendatang haram tinggal bersama Jalal dan isterinya di sebuah rumah sewa dalam kawasan Kuala Lumpur juga. Penama dan rakan-rakannya hanya di beri makan dan tempat tidur percuma

sahaja. Makanan ini di masak oleh isteri Jalal. Kira-kira 5 bulan kebelakangan Jalal di katakan telah pulang ke Burma dan penama meminta sedekah untuk perbelanjaan keluarganya sahaja (emak dan 3 orang adik adiknya) Mereka menyewa bilik di kawasan setingan belakang Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.

Pada 20.10.85, ia itu ketika penama dan enam orang lagi rakan-rakannya masih di tahan di sini, seorang lelaki yang mengenalkan dirinya sebagai Ustaz Abdul Rahman dan mengatakan ia berbangsa Arab telah datang ke institusi ini untuk melawat kanak-kanak yang bernama Hamid. Ia mengatakan Hamid ini adalah anak kandungnya. Pegawai bertugas tidak membenarkan ia menemui mereka kerana tiada surat kebenaran melawat. Ustaz Rahman telah memberi alamat tempat tinggalnya iaitu No: 183, Jalan Jujur 2, Kawasan Perusahaan, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur. Nombor talipon 617972. Mengikut keterangan Pegawai Bertugas, mulut penama berbau minuman keras dan semasa ia hendak keluar dari kawasan pejabat ini, ia telah menjerit dalam Bahasa Burma menyuruh kanak-kanak ini lari dari institusi ini.

Selepas kejadian itu saya cuba menghubungi nombor talipon yang di beri oleh Ustaz Rahman itu dan mendapati bahawa tempat tersebut adalah sebuah kilang dan tidak ada pekerja yang bernama Rahman di situ. Bila di soal Laila, ia memberitahu bahawa Rahman itu ialah salah seorang dari "boss" (Pengutip Wang) mereka.

Pada kebiasaannya semasa kemasukan ke institusi ini kanak-kanak pendatang haram ini membawa bersama mereka wang hasil dari meminta sedekah. Wang ini akan di simpan dan di serahkan balik kepada kanak-kanak di depan Pegawai Imigresen yang datang mengambil mereka.

Mengikut keterangan semua kanak-kanak pendatang haram yang di tahan di sini, mereka datang ke Kuala Lumpur menaiki Bas Ekspres dari Kota Bharu, Kelantan atau Padang Besar, Perlis. Mereka di bawa oleh saudara atau kawan-kawan yang di percayai boss mereka, kerana ada di antaranya mengutip wang dari kanak-kanak ini.

Sekian di maklumkan, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(Naurah bte Ibrahim)

Penguasa

Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah,
Kuala Lumpur.



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
 Bangunan Persatuan Barah Kebangsaan,
 66 Jalan Raja Muda,
 50564 Kuala Lumpur

Telefon: 2921262, 2921188, 2921601

Rujukan Tuan:

Rujukan Kami: (32) di JKM. WP. 0.32

Tarikh: 31/5/86

Bersamaan: 20 Ramadhan 1406

Yang Berusaha,
 Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat,
 Malaysia,
 Kuala Lumpur.

Tuan,

Bkn: OPERASI MAWAR

Saya, dengan rasa hati yang luka, mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga atas surat tuan KKM.O. 705/(59) tanggal 26hb. Mei, 1986 dan salinan surat KKM.O. 705/(60) tanggal 28hb. Mei, 1986 itu yang telah mematahkan semangat saya dan seluruh kakitangan di Jabatan ini. Saya masih berharap tuan dapat menghayati kandungan surat ini dengan fikiran yang terbuka dan beriman, dada yang lapang, perasaan yang tenang tanpa rasa prasangka dan "bias" demi menjaga keutuhan perkhidmatan kita. Saya kluatir ada pihak-pihak tertentu yang mencemburui kejayaan dan kegigihan tindakan, aktiviti dan program Jabatan ini oleh itu berbagai tohmah, fitnah, hasad dan dengki disogok kepada Pegawai atasan di Kementerian untuk "memusuhi" khususnya saya. Ini sungguh malang.

Menurut perenggan 2, surat Tuan, saya berasa dukacita kerana penyiasatan dijalankan sebelah pihak sahaja tanpa mengetahui kedudukan yang sebenar. Seandainya mereka yang diberkas dalam "Operasi Mawar" itu, dari jam 2.00 pagi hingga 6.00 pagi mempunyai tempat tinggal masing-masing maka adalah aneh bagi mereka tidur bersepah di tepi-tepi kakilima bandaraya dengan pakaian compang-campeng. Menurut **Akta Orang-Orang Papa, 1977** (Akta 183) takrif "mengemis" ialah:

"Kelakuan yang dikira akan mendorong pemberian sedekah, samada atau tidak ada perbuatan pura-pura menyanyi, bermain, berlakon, menawarkan sesuatu untuk jualan atau selainnya;

Takrif "**Orang Papa**" pula ialah:

- (a) seseorang yang didapati mengemis di sesuatu tempat awam dengan sebegitu cara hingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan kegusaran kepada orang-orang yang lazim mengunjungi tempat itu atau pun hingga mengadakan kacau-ganggu; atau -

- (b) **seseorang peleser** yang dijumpai di sesuatu tempat awam, samada atau tidak ia mengemis, yang **tidak mempunyai mata pencarian pada zahirnya atau tempat tinggal atau yang tidak dapat menyatakan hal dirinya dengan memuaskan"**

Sepertimana yang telah diarahkan oleh Kabinet melalui Kementerian Dalam Negeri **OPERASI MAWAR** bermula dari jam 2.00 pagi 2/4/86 serentak seluruh MALAYSIA. Waktu ini tiada manusia untuk mengemis melainkan yang bergelimpangan tidur di kakilima-kakilima sekitar Wilayah Persekutuan ini. Adalah mustahil memberkas pengemis pada masa yang ganjil itu. Dari arahan Kabinet itu, matlamatnya telah tercapai atas usaha gigih semua pihak.

Pada hemat saya tuan sedia maklum bahawa peringkat yang membincangkan operasi ini demi menjaga imej Negara kerana "PATA", dibuat dasarnya di peringkat atasan di mana telah dihadiri oleh Pegawai Tinggi Kementerian. Saya dan seluruh "gurkah" hanya menjalankan tugas, melaksanakan dasar yang diarah itu. Saya ingin petik arahan dalam mesyuarat tanggal 29hb. Mac 1986 jam 9.30 pagi di Kementerian Wilayah Persekutuan (minitnya dilampirkan), muka surat 4, perenggan 2.5 yang menegaskan "Sasaran"

"seperti yang dikehendaki oleh Kumpulan Kerja yang dipengerusikan oleh Kementerian Dalam Negeri, Setiausaha Keselamatan Wilayah Persekutuan memaklumkan sasaran operasi ini selain daripada pengemis asing termasuklah juga pengemis tempatan dan "destitute" iaitu "kuturayau". Mesyuarat juga bersetuju supaya sasaran di Kuala Lumpur termasuk juga penagih-penagih dadah dan 'jaga kereta' kerana adanya mereka juga mencemarkan Kuala Lumpur. Bagaimanapun orang-orang buta yang bermain muzik tidak termasuk di dalam sasaran operasi ini kerana mereka akan ditempatkan di kawasan-kawasan tertentu kemudian"

Untuk makluman tuan juga, saya diarah oleh Kementerian Dalam Negeri menjadi Ketua Operasi dalam penggemblengan tenaga dari pihak Polis Di Raja, Dewan Bandaraya, dan Jabatan Imigrasiyen.

Jawatankuasa Keselamatan tiada halangan juga jika liputan akhbar dibuat dalam operasi berkenaan.

Pihak saya dan seluruh kumpulan bertindak dan sedia serta amat hati-hati pada waktu OPERASI tersebut (Perenggan 3 surat tuan). Untuk membuktikannya, perangkaan ini jelas menunjukkan kegigihan kami bertindak supaya TIDAK berlaku "penganiayaan besar" iaitu:-

| Tarikh | Masa: | Bilangan Yang diberkas: |
|--------|---------------------------|-------------------------|
| 2.4.86 | 2.00 pagi - 6.00 pagi | 158 |
| 3.4.86 | 2.00 pagi - 6.00 pagi | 185 |
| 9.4.86 | 2.00 petang - 6.00 petang | 33 |
| | JUMLAH | <u>376</u> |

Kes-kes yang diserahkan kepifah berkenaan:

| | |
|----------------------------------------------------|------------|
| Polis D 8 (Anti Dadah) | 52 orang |
| Imigrasi | 23 orang |
| Dibebaskan pada malam tersebut setelah di "siasat" | 93 orang |
| Jumlah | <u>168</u> |

Mereka yang telah dibebaskan itu, setelah dinasihati jangan lagi tidur-tidur di tepi-tepi jalan (kakilima) dan agar menjaga imej Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur) adalah terdiri dari mereka yang terlepas bas, sedang menunggu untuk pergi kerja, seorang pelancong Bangladesh, dan yang berumahtangga. BUKANLAH kesemuanya dikaut, diberkas dengan zalim dan diperosok ke Rumah Seri Kenangan, kerana saya sedia maklum "kelemahan" yang ada di Institusi kita itu, sepertimana yang tuan nyatakan.

Perenggan 4 surat tuan, **saya ingin menafi tohmah yang dilemparkan kepada para pegawai saya yang menjalankan tugas sepanjang malam itu bersama pihak polis, Bandaraya dan Imigrasi.** Dari segi akal biasa, adalah sukar diterima "jaguh-jaguh" yang diberkas, yang didakwa mudalela dan perkasa belaka, boleh "ditipu" semudah itu, dibawa sebegitu jauh (Seremban) untuk dibebaskan di sana pula. Saya telah mengkaji hal ini dengan mendalam dan para pegawai sebulat suara menafi sekeras-kerasnya.

Izinkan saya menyorot kembali kejadian kelim-kabut yang tidak berperancangan, yang menimbulkan pelbagai kerumitan di pihak saya dan pegawai-pegawai. Pada mulanya saya difahamkan soal tempat tinggal tidak ada masalah, itu bukan bidangkuasa saya. **Saya dan kumpulan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri diarah bertindak MEMBERSIHKAN Kuala Lumpur dari gejala-gejala tersebut.** Dan mereka ini akan ditempatkan ke Penjara Kajang. Setelah tindakan diambil dan siap dengan permohonan Perintah Mahkamah, Pengarah Bahagian Keluarga dan Kanak-Kanak di Kementerian Kebajikan Masyarakat mengarahkan pula menempatkan mereka ini di Rumah-Rumah Orang Tua dan seluruh Rumah Orang Tua di Negara ini telah diberitahu. Kemudian diberitahu sekiranya terlampau banyak, boleh menempah bas-bas persendirian/pelancongan untuk membolehkan mereka ini dihantar ke Rumah Orang Tua di negeri-negeri lain (selain Cheras, Seremban) dan peruntukan khas senang didapati. Akhirnya, habok pun tidak ada dan saya dijadikan 'scape goat'!

Dalam mesyuarat Pengarah Bahagian, 6 Mei 1986 jam 8.30 pagi di Kementerian, di mana saya di jemput hadir, saya begitu terperanjat apakala Pengarah (Keluarga & Kanak-Kanak) mengeluarkan surat dari Penguasa Rumah Orang Tua Cheras yang dituju kepada tuan dengan salinannya kepada Pengarah Kebajikan Masyarakat negeri Selangor (dilampirkan) TANPA dimaju sesalinan kepada saya untuk mendapat ulasan dan pandangan kerana isu yang dibangkitkan itu dituju khas kepada Wilayah Persekutuan. **Perbuatan Penguasa ini saya anggap sebagai "nakal" dengan tohmah dan fantasinya itu.** (Jawapan dari Bahagian berkenaan dilampirkan).

Sebagai seorang pekerja sosial yang telah tua dalam pengalaman, cara

"siasatan"nya dangkal sekali. Adakah munasabah oleh akal biasa, "ditangkap" kerana duduk-duduk berehat di tempat-tempat awam. Untuk makluman tuan, yang mengikuti operasi ini terdiri dari pegawai-pegawai Polis, Bandaraya, Imigresyen dan Kebajikan Masyarakat yang matang dan bertanggungjawab. Tindakannya mengikut dasar yang telah ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri dan dipersetujui oleh Kementerian kita yang menghadiri mesyuarat berkenaan, dan tidak lain dari itu. Pihak Polis, Bandaraya, Imigresyen, dan Pegawai-Pegawai kita bekerja bertongkos-lomos, begitu dedikasi sekali dan mereka semua memberi **kerjasama erat kepada saya pada sepanjang operasi itu, disamping para wartawan dan orang awam yang melihatnya.** Seandainya perbuatan menganiaya itu berlaku sudah tentu heboh dilaporkan dalam media massa kerana mereka juga arif dalam tujuan, dasar dan sasarannya itu.

Bagi bertindakbalas kepada salinan surat tuan yang dituju kepada Y.B. Dato' Bandar, ingin saya memaparkan perangkaan pelarian, iaitu:-

| | | |
|------------------------------------------------|---|-----------|
| Jumlah 3 hari yang diberkas | - | 376 orang |
| dibebaskan dan lain-lain | - | 168 orang |
| dimasukkan ke 3 Institusi (Rumah Orang Tua) | - | 208 orang |

Kes-kes yang dimasuk/lari/masih tinggal di Institusi-Institusi ialah:

| Institusi | Bil. Masuk | Bil. lari | Bil. masih ada |
|----------------------------------------|------------|------------|----------------|
| 1) Rumah Seri Kenangan Cheras | 84 | 42 | 42 |
| 2) Rumah Seri Kenangan Seremban | 74 | 57 | 17 |
| 3) Rumah Seri Kenangan Cheng Melaka | 50 | 36 | 14 |
| JUMLAH: | <u>208</u> | <u>135</u> | <u>73</u> |

Jelas menunjukkan dari 208 orang yang dihantar ke 3 buah Rumah Seri Kenangan (Rumah Orang Tua) itu, cuma yang masih tinggal ialah 73 orang (135 sudah cabut 'lari'). Saya dan seluruh mereka yang bersengkang mata, berusaha tanpa kira masa, tenaga dan wang bagi menjayakan OPERASI MAWAR dan membersihkan Kuala Lumpur (Wilayah Persekutuan) dari gejala sosial ini "once and for all", rasa kecewa, dan masa, tenaga dan wang dibuang dengan sesia sahaja. Matlamat murni Kabinet dan Kementerian Dalam Negeri tidak tercapai. Kini sudah banyak desas-desus yang menyatakan Kuala Lumpur sudah ramai semula dengan pengemis dan seolah-olah tindakan kita sebagai "hangat-hangat tahi ayam" untuk kepentingan PATA saja. Apatah lagi sekarang saya ditegah bertindak terhadap pengemis walaupun orang ramai sering melaporkan kegiatan pengemis dan pengemis di Bandaraya ini. Tindakan saya baru-baru ini (21 Mei) dalam "Operasi Kebajikan" ialah untuk mengambil pengemis-pengemis dan ditempatkan ke tempat yang lebih sesuai, selesa, aman dan tenteram, lagipun mengelakkan tuduhan masyarakat terhadap Kerajaan dan Kementerian Kebajikan Masyarakat seolah-olah bertindak untuk sesuatu upacara,

oleh itu tidak tulus dan jujur. Saya didorong bertindak oleh sebab begitu ramai sekali telah berjaya "melarikan" diri di Institut kita, dan yang ada di Cheras akan dihantar ke Kelantan kelak.

Tuan, saya harap surat yang panjang lebar ini dapat menjernihkan perkara sebenar agar tuan tidak lagi menerima maklumbalas negatif terhadap apa yang saya usahakan demi kepentingan masyarakat dan negara. Niat saya dan seluruh kakitangan di Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur) ini, serta mereka yang telah membantu menjayakan segala projek, adalah jujur demi meneguhkan konsep "KEBAJIKAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA" hasrat yang telah diketengahkan oleh Y.B. Dato' Haji Abu Hassan b. Hj. Omar, Menteri Kebajikan Masyarakat yang dinamis itu. Sekian Wassalam.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(WAN AZMI RAMLI)

Pengarah Kebajikan Masyarakat
Wilayah Persekutuan,
S.K. Kuala Lumpur.

- 1) Y.B. Dato' Shahrir Abd. Samad
Menteri Wilayah Persekutuan
- 2) Yang Berbahagia Dato Dr. Elyas Omar
Dato' Bandar, Kuala Lumpur.
- 3) Yang Berusaha Dato Zaman Khan
Ketua Polis (Wilayah Persekutuan)
Kuala Lumpur.
- 4) Tuan Pengarah
Direktorat Penguatkuasa
Dewan Bandaraya
- 5) Tuan Setiausaha
Jawatankuasa Keselamatan W.P.

CATATAN TAMBAHAN:

Dalam **OPERASI MAWAR** yang telah diarah saya selaku Pengarah Kebajikan Masyarakat (Wilayah Persekutuan) Kuala Lumpur menyetuainya, sempat menjalankan tugasnya hanya 3 hari iaitu 2hb. April, 3hb. April dan 9hb. April. (Pada hari ke-2 operasi diarah berhenti, kemudian diarah sambung seminggu kemudian di sebelah siang (2.00 petang) yang boleh merosakkan imej) Negara jika para perwakilan PATA melihatnya!)

Perangkaan ini menjelaskan ketelitian pasokan OPERASI bertindak, iaitu:

| | | |
|----------------------------------------------------------|---|-----------|
| 1) Jumlah 3 hari mereka yang diberkas | - | 376 orang |
| 2) Jumlah dibebaskan (tapisan pertama) | - | 168 orang |
| 3) Jumlah dimasukkan ke tiga Institusi (Rumah Orang Tua) | - | 208 orang |
| 4) Jumlah yang "cabut lari" dari Rumah Orang Tua | - | 135 orang |
| 5) Jumlah dibebaskan setelah disiasat (tapisan kedua) | - | 33 orang |
| 6) Jumlah yang disokong untuk pemulihan di Institusi | - | 40 orang |

Perangkaan di atas JELAS menunjukkan dari bilangan 376 Kuturayau/Pengemis yang diberkas 201* dibebaskan (dalam 2 peringkat tapisan).

CUMA 40 orang sahaja yang disokong untuk tinggal di Institusi Kebajikan demi kepentingan mereka. Yang 33 orang (dalam tapisan Kedua) setelah disiasat, didapati pekerja sambilan dan ada tempat tinggal, yang sebelum ini tidak dapat memberi butir-butir menyakinkan. Mereka telah dinasihat supaya jangan lagi tidur bersepah di kakilima-kakilima Bandaraya ini. Ini telah memberi mereka satu pengajaran dan kesedaran dari maklumbalas positif yang diterima. **TIADA SESIAPA TERNIAT UNTUK MENGANIAYA dan tiada "PENIPUAN"**. Dengan penuh perasaan timbangrasalah, mereka yang diberkas diberi nasihat dan penerangan serta disediakan makan minum (kerana Kementerian Kebajikan Masyarakat - lewat beri arahan penempatan mereka) sedangkan para Pegawai Polis, Bandaraya, Imigeresen dan Kebajikan Masyarakat berperut kosong!

Saya juga difahamkan bahawa pemberkas penagih dadah/penjaga kereta yang tidur di kakilima selaku kuturayau dibuat bukan sahaja oleh pasokan saya di Wilayah Persekutuan ini malah di seluruh Negara. Misalnya di Johor, mereka dimasukkan ke Rumah Orang Tua (Rumah Seri Kenangan Tampoi) dan setelah panas diperbincangkan maka mereka dimasukkan ke Penjara. Tetapi ini cuma sekejap sahaja kerana pihak Penjara tiada arahan dari Kementerian Dalam Negeri oleh itu dihumban semula ke pihak Jabatan kita. Mereka tegas dalam hal ini.

* Termasuk 52 orang diambil oleh Pasokan Polis D 8 (Bahagian Anti-Dadah) dan 23 oleh Imigeresen.

Malangnya kita sebaliknya dan apakala perlaksanaan dasar melaksanakannya dengan gigih dan positif, disalahkan pula dan **dituduh "tidak ethical", "penganiayaan besar" "Penipuan", "tanpa membuat persediaan awal", "tidak berwaspada" dan demi Tuhan, entah apa lagi!**

Bersama-sama ini saya lampirkan salinan fotostat yang menerangkan maksud dengan sendirinya:

- 1) Surat PKM. WP. KL kepada KPKM - Lampiran 18(3) A
- 2) Surat KP. DBKL selaku tindakbalas surat PKM.WP.KL kepada KPKM - Lampiran 18(3) B
- 3) Surat KPKM kepada PKM.WP.KL mengenai OPS. MAWAR - Lampiran 18(3) C
- 4) Surat KPKM kepada YB. Dato' Bandar, K.L. - Lampiran 18(3) D
- 5) Surat Penguasa ROT kepada KPKM mengenai "pelarian" - Lampiran 18(3) E
- 6) Surat jawapan oleh Bah. Pengemis dll. JKM.WP.KL - Lampiran 18(3) F
- 7) Surat KPKM mengarah PKM.WP.KL berhenti serbuan pengemis - Lampiran 18(3) G.
- 8) Minit Mesyuarat di Kementerian Wilayah Persekutuan - Lampiran 18(3) H
- 9) Minit Mesyuarat Pengarah Bahagian - Lampiran 18(3) I.



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
WILAYAH PERSEKUTUAN
NO. 66, JALAN RAJA MUDA,
KUALA LUMPUR.

TEL: 2921188

Ruj. (26) dlm. JKM.WP.O. 38

Tarikh: 26hb. April, 1986

Tuan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Malaysia,
Kuala Lumpur.

Tuan,

"Operasi Mawar"

Mengenai perkara tersebut di atas inilah dengan segala hormatnya saya memaklumkan bahawa Operasi tersebut telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut arahan Kabinet menerusi Kementerian Dalam Negeri. Operasi tersebut dilancarkan bersama Jabatan Polis Di Raja Malaysia (Bahagian Anti Dadah), Dewan Bandaraya dan juga Jabatan Imigresen. Pada operasi yang pertama iaitu jam 2.00 pagi hingga 6.00 pagi 2hb. April, 1986, 158 orang yang terdiri dari pengemis, kutu rayau dan penagih dadah telah diberkas. Dalam operasi yang kedua pagi berikutnya 185 orang telah diberkas dan operasi yang ketiga yang diarahkan untuk diambil tindakan pada 9hb. April, 1986 dari 2.00 petang hingga 6.00 petang 33 orang telah diberkas. Kesemua mereka ini telah dimasukkan ke Rumah Seri Kenangan Cheras dan Rumah Seri Kenangan Seremban, Negeri Sembilan. Penagih dadah dan beberapa orang yang terlibat dengan pihak Imigresen telah dihantar ke Jabatan yang berkenaan.

2. Boleh dibanggakan bahawa akibat dari operasi berkenaan dan tindakan Jabatan ini sejak 1hb. Oktober, 1985 hingga kini yang tidak putus-putus bertindak terhadap pengemis dan kutu rayau pada keseluruhannya Wilayah Persekutuan sudah amat berkurangan dengan masalah pengemis dan pengemisan. Di samping itu pihak orang ramai sering menelefon Jabatan ini untuk melaporkan sekiranya terdapat kes-kes pengemis yang berkeliaran di bandaraya dan tindakan serta-merta diambil oleh Jabatan ini untuk membawa pengemis berkenaan ke Institusi kita. Kesedaran dan penyertaan orang ramai ini adalah diakibatkan oleh publisiti yang saya perolehi dari media-massa dan itu sejajar dengan konsep "Kebajikan Tanggungjawab Bersama".

3. Baru-baru ini begitu ramai pengemis-pengemis yang dihantar menerusi Perintah Mahkamah akibat dari Operasi Mawar ke Rumah Seri Kenangan Seremban telah "melarikan" diri. Yang anehnya hampir 30 orang berjaya melepaskan diri pada jam 2.30 petang iaitu semasa pegawai dan kakitangan Institusi tersebut giat bekerja dan penghuni-penghuni lain ada di kawasan tersebut. Perkara ini sungguh aneh dan dengan ini juga hasrat Jabatan ini untuk membersihkan Wilayah Persekutuan dari gejala pengemis dan pengemisan ini mungkin terjejas. Dilampirkan bersama-sama ini salinan photostat laporan tersebut untuk perhatian dan tindakan tuan selanjutnya. Saya berharap sangat-sangatlah perkara sebegini dapat disiasat demi menjaga mutu dan peraturan di Institusi tersebut.

Sekian dan terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menurut perintah

t. t.

(WAN AZMI RAMLI)

Pengarah Kebajikan Masyarakat
Wilayah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

- s.k. Y. Bhg. Dato' Azizan b. Zainal Abidin,
Ketua Setiausaha,
Kementerian Dalam Negeri,
Jalan Dato' Onn,
Kuala Lumpur.
- Perbincangan telefon antara saya dengan Y. Bhg. Dato' mengenai Operasi Mawar ini tempoh hari ada kaitannya.
- s.k. Y. Bhg. Dato' Dr. Elyas Omar,
Datuk Bandar,
Kuala Lumpur.
- Syabas kepada kakitangan Y. Bhg. Dato' yang sedia bekerjasama dengan Jabatan ini dan bertungkus-lumus menjayakan Operasi Mawar dan lain-lain operasi yang diusahakan oleh Jabatan ini.
- s.k. Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan,
Seremban,
Negeri Sembilan.
- supaya termaklum

LAMPIRAN 18(3) A-i

RUMAH SERI KENANGAN,
(KEMENTERIAN KEBAJIKAN MASYARAKAT)
JALAN HAN HUI FOONG, SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN

TEL: 06-723066

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: Bil (126) dlm. RSK.D.S. (11/v) Tarikh: 4hb. April, 1986.

Ketua Polis Daerah,
Daerah Seremban,
Seremban, Negeri Sembilan.

Tuan,

Per: Pelarian Pengemis Tangkapan Dari Rumah Seri Kenangan Seremban

Dengan segala hormatnya dimaklumkan iaitu seramai 22 orang pengemis yang dimasukkan untuk sementara dengan perintah Mahkamah Wilayah telah melarikan diri. Butir-butir diri mereka seperti berikut:-

| Bil. | Nama | Kad Pengenalan | Perintah Mahkamah | Tarikh/Masa |
|------|----------------------------------|----------------------|-------------------------------|------------------|
| 1. | Leaw Chi Min @ Lie Chie Meng | 3568999 | Sek: 3 (2) Akta Orang 1977 | 3.4.86/2.30 ptg. |
| 2. | Daud bin Jamaluddin | - | " | " " |
| 3. | Md. Isa bin | 6073320 | " | " " |
| 4. | Husin bin Hassan | 5760113 | " | " " |
| 5. | Mohd Fauzi bin Zainudin | 4415769 | " | " " |
| 6. | Mustafa bin Kasim | - | " | " " |
| 7. | Muhamad bin Baba | - | " | " " |
| 8. | Nasir bin Saliman | 5450376 | " | " " |
| 9. | Abu Bakar bin Mohd. Amin | 7373812 | " | " " |
| 10. | K.S. Tanggaih a/l K.S. Maniam | 7763008 | " | " " |
| 11. | Abdullah bin Mohamad | 4838379 | " | " " |
| 12. | Yusof bin Ahmad | A0116768 (Hilang) | " | " " |
| 13. | Balaraman a/l/ | | | |

| Bil. | Nama | Kad Pengenalan | Perintah Mahkamah | Tarikh/Masa |
|------|---------------------------|----------------|-------------------|------------------|
| | Vembily | 8188245 | " | " " |
| 14. | Mat Adman bin Abdullah | 0586375 | " | " " |
| 15. | Mohd. Yusof bin Mohammad. | 6912667 | " | " " |
| 16. | Vadivaailu a/l Arrumugam. | 8027609 | " | " " |
| 17. | Krishnan a/l Anamalai | - | " | 4.4.86/9.00 mlm. |
| 18. | Tan Gin Chang | - | " | " " |
| 19. | Tan Yok Kit | - | Tiada | " " |
| 20. | Mohd Rosli bin Saidin | - | " | " " |
| 21. | Mohd Nor bin Kamarudin | - | " | " " |
| 22. | A. Rahim bin Harith | - | " | " " |

Sekian dimaklumkan dengan ucapan terima kasih,

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(KEE LIK HOE)

Penguasa, RSK, Seremban.

s.k. Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri, Negeri Sembilan

s.k. Pengarah Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur

**DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

JALAN RAJA LAUT
KUALA LUMPUR 01-04
KAWAT DATOBANDAR

PETI SURAT 11022
TELEFON: 916011
TELEX: DBKL MA 30683

Bil Surat Kam: (81) dlm. DBKL/PKP

Bil Surat Tuan: 01/3/2 Bbg. II

Ketua Pengarah
Kementerian Kebajikan Masyarakat,
Tingkat 6-11, Wisma Shen,
Jalan Masjid India,
50562 Kuala Lumpur.

Tuan,

"Operasi Mawar"

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada surat Pengarah Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Bil. (26) dlm. JKM. WP. 0. 32 bertarikh 26 April 1986 di mana beliau telah melaporkan satu peristiwa 30 orang pengemis dan kuturayau yang telah dihantar ke Rumah Seri Kenangan. Seremban telah melepaskan diri serentak. Seperti yang tuan senda maklum, operasi tersebut telah melibatkan Dewan bandaraya mengadakan bantuan seperti ahli-ahli penguatkuasa dan juga kenderaan-kenderaan, beberapa hari untuk menangkap pengemis dan juga kuturayau. Tujuannya ialah untuk membersihkan ibu negara daripada gejala-gejala pengemis dan kuturayau yang pada satu ketika berleluasa di ibu kota.

2. Adalah sangat sedih apabila dilaporkan bahawa 30 orang berjaya melepaskan diri serentak daripada Rumah Kebajikan tersebut. Oleh yang demikian, Dewan Bandaraya sangat memandangi berat di atas kejadian ini kerana saya percaya kebanyakan daripada mereka akan kembali ke Kuala Lumpur semula untuk mengemis dan menjadi kuturayau di beberapa kawasan di pusat bandar.

3. Saya harap perkara ini disiasat dan juga tindakan-tindakan yang tertentu diambil supaya pengemis dan kuturayau yang ditangkap dari Kuala Lumpur tidak terlepas lari dari tahanan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

t.t.

(HAJI NAWI BIN EMBONG)

Ketua Pengarah,

b.p. Datuk Bandar Kuala Lumpur.

s.k.

Yang Berhormat,

Menteri Wilayah Persekutuan,

Tingkat 5, Wisma PKNS,

Jalan Raja Laut,

50350 Kuala Lumpur.

Yang Berbahagia,

Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Pengarah,

Jabatan Kebajikan Masyarakat,

Wilayah Persekutuan,

No. 66, Jalan Raja Muda,

50300 Kuala Lumpur.

Pengarah,

Direktorat Penguatkuasaan,

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur,

Jalan Tun Razak,

50050 Kuala Lumpur.

LAMPIRAN 18(3) C



KEMENTERIAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, MALAYSIA
 (MINISTRY OF WELFARE SERVICES, MALAYSIA)
 TINGKAT 6-16, WISMA SHEN,
 JALAN MASJID INDIA,
 50562, KUALA LUMPUR.

Telefon: 2925011
 2925284
 2925264
 Kawat: WELDEP

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: KKM.O. 705/(59)

Tarikh: 26hb. MEI, 1986

Pengarah Kebajikan Masyarakat,
 Wilayah Persekutuan,
 Jabatan Kebajikan Masyarakat,
 66, Jalan Raja Muda,
 Kuala Lumpur.

Saudara,

“Operasi Mawar”

Sukacita saya merujuk kepada surat saudara Bil. (26) dlm. JKM. WP.O. 32 bertarikh 26hb. April, 1986 berkenaan dengan perkara di atas. Tujuan serta tindakan saudara bersama dengan agensi-agensinya kerajaan yang lain dalam usaha membersihkan Bandaraya dari pengemis dan kutu rayau di samping penagih dadah, penjaga kereta dan sebagainya semasa menjalankan Operasi Mawar baru-baru ini adalah dihargai.

2. Ceraian 3 dalam surat saudara melaporkan seramai 30 orang yang diberkas telah melarikan diri dari Rumah Seri Kenangan Seremban selepas mereka dimasukkan ke sana. Menurut siasatan yang telah dijalankan, daripada 30 orang itu, 6 penagih dadah, 8 jaga kereta dan yang lainnya mempunyai pekerjaan sama ada kerja sendiri atau sebaliknya dan mempunyai tempat tinggal masing-masing. Pada pendapat saya, mereka tidak boleh dimasukkan dalam takrif “pengemis atau kutu rayau”.

3. Sebagaimana saudara sedia maklum, penagih dadah dan penjaga kereta bukanlah menjadi tanggungjawab kita. Dengan itu tidak seharusnya mereka dimasukkan ke Rumah Seri Kenangan yang tidak mempunyai kemampuan untuk menahan mereka itu, walaupun untuk beberapa jam sahaja. Dalam hubungan ini saudara seharusnya meneliti setiap orang yang diberkas sebelum dihantar ke mana-mana institusi. **Apa yang telah berlaku**

terutama sekali terhadap mereka yang mempunyai pekerjaan dan tempat tinggal, **menggambarkan satu penganiayaan besar** dan ini tidak seharusnya berlaku.

4. Saya juga difahamkan bahawa **beberapa orang pegawai saudara**, semasa mengiringi mereka yang diberkas pergi ke Rumah Seri Kenangan Seremban telah membuat pengakuan bahawa mereka akan dibebaskan apabila sampai ke Rumah tersebut. Tetapi apabila mereka dapati bahawa mereka akan ditahan barulah timbul pemberontakan sehingga keadaan menjadi tidak terkawal, dan sebilangan daripada mereka cabut lari. Para pegawai seharusnya berterus terang dan **saya menganggap penipuan** seperti ini sebagai satu yang **tidak ethical**.

5. **Saya merasai amat kesal di atas cara saudara menjalankan tugas ini**, yang dibuat tanpa penelitian dan perasaan timbangrasa terhadap mereka yang diberkas itu. Pelarian yang dilaporkan itu tidak akan berlaku jika saudara mengambil langkah dengan teliti dan berhati-hati.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

t.t.

(ABDULLAH MALIM BAGINDA)
Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Malaysia.

LAMPIRAN 18(3) D



KEMENTERIAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, MALAYSIA
 (MINISTRY OF WELFARE SERVICES, MALAYSIA)
 TINGKAT 6-16, WISMA SHEN,
 JALAN MASJID INDIA,
 50562, KUALA LUMPUR.

Telefon: 2925011
 2925284
 2925264

Kawat: WELDEP

SEGERA/DENGAN TANGAN

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: KKM.O. 705/(60)

Tarikh: 28hb. MEI, 1986

Yang Berbahagia Datuk Bandar,
 Pejabat Datuk Bandar,
 Dewan Bandaraya,
 Kuala Lumpur.

(u/p: Tuan Haji Nawi bin Embong)

Tuan,

“Operasi Mawar”

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat tuan Bil. (81) dlm. DBKL/ PKP. 01/3/2 Bhg. II bertarikh 15hb. Mei, 1986 berkenaan dengan perkara tersebut di atas.

2. Terlebih dahulu saya ingin memaklumkan bahawa Rumah Seri Kenangan iaitu Rumah Orang Tua adalah institusi bagi menampung orang tua dan pengemis tua yang berumur lebih dari 60 tahun. Institusi ini mengamalkan konsep “rumah terbuka” dan tidak mempunyai kelengkapan dan kakitangan sewajarnya untuk dijadikan tempat tahanan seperti lokap dan sebagainya.

3. Merujuk kepada kejadian yang berlaku di mana dilaporkan seramai 30 orang diberkas dalam Operasi Mawar lari dari Rumah Seri Kenangan Seremban, saya ingin memaklumkan bahawa daripada 30 orang ini, 6 orang penagih dadah, 8 orang jaja kereta dan yang lainnya orang muda yang mempunyai pekerjaan dan tempat tinggal masing-masing. Pada hemat saya, mereka itu tidak seharusnya dihantar ke Rumah Seri Kenangan bahkan pihak kerajaan telahpun menyediakan pusat pemulihan dadah bagi penagih dadah dan bagi penjaja kereta pula, mereka tidak tertakluk di bawah mana-aman undang-undang yang ditadbirkan oleh Kementerian saya. Seperti yang disebutkan di atas, juga terlibat dalam pemberkasan ini orang yang tidak kena mengena dengan pengemisan atau kutu rayau kerana ada di antara mereka yang ketinggalan bas ataupun yang tidur sementara menanti hari cerah untuk bekerja di pagi hari dan sebagainya.

4. Dalam hal yang demikian dan memandangkan keadaan institusi yang juga sudah penuh sesak dengan penghuninya, pelarian yang berlaku tidak dapat dikawal. **Saya berpendapat bahawa kerumitan ini timbul dari kesilapan Pengarah Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan juga kerana tanpa membuat persediaan awal dan mengatur strategi sebaik-baiknya** dan menghantar orang yang patut dan sesuai sahaja ke Rumah Seri Kenangan manakala yang lainnya diserahkan kepada pihak berkuasa tertentu.

5. Saya turut berasa dukacita di atas perkara yang telah berlaku itu dan saya telahpun mengingatkan Pengarah Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan supaya lebih berwaspada dalam menjalankan tugas seperti ini di masa akan datang.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(ABDULLAH MALIM BAGINDA)

Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Malaysia.

s.k.

Yang Berhormat,
Menteri Wilayah Persekutuan,
Kementerian Wilayah Persekutuan,
Tingkat 5, Wisma PKNS,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.

Pengarah Kebajikan Masyarakat
Wilayah Persekutuan,
Jabatan Kebajikan Masyarakat,
66, Jalan Raja Muda,
Kuala Lumpur.

Pengarah,
Direktorat Penguatkuasaan,
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur,
Jalan Tun Razak,
50050 Kuala Lumpur.

LAMPIRAN 18(3) E

Rumah Seri Kenangan Cheras,
Batu 11¼ Jalan Cheras,
4300 Kajang, Selangor.

Tel: Kajang 8331096

Ruj. Kami: Bil. (176) dlm.
RSKC. SL. 29/73
Tarikh: 3hb. Mei, 1986

Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Malaysia,
Bahagian Keluarga dan Kanak-kanak
Kementerian Kebajikan Masyarakat
Tingkat 6-16 Wisma Shen,
Jalan Masjid India,
Kuala Lumpur.

Tuan,

Per: LAPURAN PELARIAN DARI INSTITUSI TERHADAP
PENGEMIS-PENGEMIS DAN KUTU RAYAU DI BAWAH
SERBUAN PENGEMIS DAN OPERASI MAWAR

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perbualan talifon Penolong Pengarah Keluarga dan Kanak-Kanak Encik Ishak Abdul Rahman/Encik Mohd Sahir, Penguasa Rumah Seri Kenangan Cheras berkenaan perkara di atas adalah dilaporkan kepada tuan bahawa Pengemis-pengemis dan Kutu Rayau yang dihantar ke Rumah ini sebilangan besarnya adalah muda-muda serta mempunyai badan-badan yang tegap. Sebilangan pemuda-pemuda yang ditangkap itu ada mempunyai pekerjaan dan mempunyai keluarga anak/isteri. **Bila disoal siasat mereka tidak tahu kesalahan mereka mengapa mereka di tangkap dan dihantar ke Rumah Seri Kenangan Cheras. Apa yang mereka ketahui bahawa mereka cuma duduk di stesen bus hendak balek ke tempat mereka serta duduk-duduk berehat ditempat-tempat awam Bandaraya dan tidak sempena-sempena mereka ditangkap dan dimasukkan ke dalam kenderaan yang disediakan dan selanjutnya dihantar ke Rumah ini.** Menurut kata mereka yang mereka tidak berpeluang untuk menjelaskan kedudukan sebenar kepada Pegawai-pegawai yang menangkap mereka dan juga pegawai-pegawai berkenaan tidak memberi penerangan mengapa mereka ditangkap dan ditahan di Rumah Seri Kenangan Cheras. Dengan demikian Kutu Rayau-kutu rayau yang ditangkap di bawah operasi serbuan

pengemis itu merasa tidak puas hati atas tindakan yang dilakukan terhadap mereka dan mereka tidak senang hati ditahan di Rumah Seri Kenangan, Cheras. Oleh sebab tidak puas hati dan mereka tidak mahu ditahan di Rumah Seri Kenangan Cheras, kerana mereka akan hilang mata pencarian mereka dan juga anak/isteri serta keluarga mereka tidak tahu tentang mereka ditahan di Rumah ini maka ini adalah sebab-sebab yang besar berlakunya kelarian kutu-kutu rayau dan pengemis-pengemis yang ditangkap dibawah operasi yang dibuat seperti operasi mawar.

2. Untuk makluman tuan bahawa Pengemis-Pengemis dan Kutu-Kutu Rayau hasil serbuan yang dibuat dan dihantar ke Rumah ini dengan kumpulan yang besar. Bila sampai ke Rumah ini Pembantu-Pembantu Kebajikan sebagai Pegawai Pengiring menyediakan satu senarai nama-nama pengemis dan menyerahkan kepada pihak Rumah ini untuk tahan sementara (*Remand*). Lazimnya bila berlaku kemasukan pengemis ke Rumah ini dibawah serbuan pengemis pada ketika itu pihak Rumah ini tiada menerima surat kelulusan kemasukkan sementara daripada Pengarah Kebajikan Masyarakat, Wilayah dan apa yang ditentukan kepada pihak Rumah ini oleh Pegawai Pengiring ialah berjanji untuk mendapatkan Perintah Mahkamah Seksyen 3 (2) bagi tahan sementara. Walau bagaimana pun Rumah ini menyedia satu borang berbentuk surat dan mengarahkan Pegawai Pengiring mengisi borang tersebut bagi tiap-tiap kes kemasukkan untuk dokuman sementara serta ditandatangani oleh Pegawai Pengiring bagi pihak Pengarah Kebajikan Masyarakat Wilayah sebagai Authority kemasukkan sementara menanti Perintah Mahkamah 3/(2) (*Remand*).

3. Bagi tindakan Rumah ini untuk menempatkan Pengemis-pengemis dan Kutu Rayau itu untuk ditahan maka mereka ditempatkan disebuah Asrama Khas No. 8 dan tidak dibenarkan mereka merayau-rayau ke Asrama-asrama yang lain mengganggu ketenteraman orang-orang tua. Setiap masa disediakan seorang Atendan menjaga Asrama No. 8 tersebut. Keliling Asrama No. 8 itu adalah dipasang dengan *BRC Wire* mencegah mereka keluar dari tingkap-tingkap. Diwaktu malam 2 orang Atendan dan seorang Jaga ditugaskan untuk mengawal sekitar kawasan Institusi keseluruhannya. Asrama tahanan Pengemis tersebut ada kemudahan Bilik air, tandas dan jua makanan dihantar ke Asrama tersebut seperti Jadual.

4. Untuk makluman tuan Pelarian Pengemis di asrama Khas No. 8 ini berlaku adalah diwaktu malam dimasa Bekalan Elektrik diseluruhan Komplek terganggu. Di Rumah Seri Kenangan, Cheras, di Pusat Pemulihan Cheras dan di Taman Seri Putri Cheras sering kali berlaku gangguan Bekalan Elektrik menyebabkan bergelap seluruhan kawasan. Dimasa Asrama bergelap itu maka pengemis-pengemis dan Kutu Rayau

yang muda-muda memecahkan *wire BRC* ditingkap-tingkap dan seterusnya melarikan diri dengan memanjat pagar besar Institusi dan menghilangkan diri dalam gelap tersebut. Pihak Rumah ini pernah berhubung dengan Balai Polis Kajang untuk mendapatkan seorang anggota Polis mengawal setiap masa tapi pihak Balai Polis Kajang dukacita tidak dapat menyediakan seorang Polis kerana kekurangan Anggota. Walau bagaimana pun Balai Polis Kajang telah mengarahkan Radio Car Polis membuat lawatan ke Rumah ini setiap masa. Semua kelarian berlaku sudah dilaporkan kepada Balai Polis Kajang.

5. Pengemis-pengemis dan Kutu Rayau yang tidak melarikan diri dan ada ditahan di Rumah ini telah membuat bantahan ke Pejabat Rumah ini kerana mereka telah ditahan selama tiga minggu tapi Pegawai-pegawai dari Pejabat Kebajikan Masyarakat Wilayah belum datang ke Institusi untuk membuat siasatan. Mereka telah membuat ugutan bahawa kiranya mereka masih ditahan berlanjutan maka mereka akan memecah Asrama dan melarikan diri. Ugutan kedua mereka mogok lapar dan tidak mahu makan makanan yang dibekalkan kepada mereka sehingga Pegawai-Pegawai Kebajikan Masyarakat Wilayah datang membuat siasatan. Penguasa dan kakitangan-kakitangan bertugas Rumah ini telah memberi nasihat untuk menteraman mereka supaya mereka tidak bertindak ganas berterusan. Perkara ini juga telah dilaporkan kepada Ketua Balai Polis Kajang melalui talifon oleh Penguasa Rumah ini.

6. Bersama-sama ini saya kembalikan senarai nama-nama pengemis-pengemis dan Kutu Rayau yang ditangkap dan dihantar ke Rumah ini seterusnya melarikan diri dari Institusi ini.

Sekianlah dimaklumkan untuk tindakan tuan selanjutnya.

Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(Mohd Sihar bin Surah, PKK)

Penguasa

Rumah Seri Kenangan Cheras,

Kajang, Selangor.

s.k. Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri, Selangor, Shah Alam.

**SENARAI PENGEMIS-PENGEMIS DAN KUTU RAYAU YANG
DITANGKAP DALAM SERBUAN PENGEMIS YANG TELAH
MELARIKAN DIRI DARI RUMAH INI**

| Bil. | Nama | Jantina | Umor | Tarikh Lari | No. Report |
|------|---------------------------------|-----------|----------|-------------|--------------|
| 1. | Mohan Arumugam a/l Arumugam | Lelaki | 24 tahun | 2.4.86 | KJG. 1147/86 |
| 2. | Wei Ah Shi | " | 24 " | " | " |
| 3. | Abd. Manap b. Sulaiman | " | 23 " | " | " |
| 4. | Raja Gopal a/l Sanamukam | " | 25 " | " | " |
| 5. | Ibrahim bin Mamat | " | 22 " | " | " |
| 6. | Veerasingam a/l Ratnam | " | 23 " | " | " |
| 7. | Azhar bin Sudin | " | 23 " | " | " |
| 8. | Balakrishnan a/l Sivalingam | " | 22 " | " | " |
| 9. | Muhamad Razali b. Md. Nor | " | 26 " | " | " |
| 10. | A. Thomas a/l Aril Sayaimutu | " | 22 " | " | " |
| 11. | Lok Ah Khan | " | 23 " | " | " |
| 12. | Mat Tarmizi b. Mat Jasin | " | 22 " | " | " |
| 13. | K. Saygaran a/l K. Raman | " | 26 " | " | " |
| 14. | Mohamad bin Taib | " | 22 " | " | " |
| 15. | Radvichandran a/l Raju | " | 24 " | " | " |
| 16. | Sharudin bin Abd. Hamid | " | 40 " | " | " |
| 17. | Zainal bin Baba | " | 27 " | " | " |
| 18. | Mohd Yasin bin Mohamad | " | 28 " | " | " |
| 19. | Yeong Tat Seng | " | 45 " | " | " |
| 20. | Kamarul Anuar bin Musa | " | 23 " | " | " |
| 21. | Lew Kong Fee | " | 36 " | " | " |
| 22. | Azman bin Yaakob | " | 30 " | " | " |
| 23. | Ng Ah Kuan | " | 31 " | " | " |
| 24. | Tan Huck Teong | " | 47 " | " | " |
| 25. | Raju a/l Mamarimuthu | " | 25 " | " | " |
| 26. | Francis Davasagam | " | 35 " | 5.4.86 | KJG. 1193/86 |
| 27. | Ramli bin Mohd Said | " | 40 " | " | " |
| 28. | Sharif Imran bin S. Saidin | " | 28 " | " | " |
| 29. | Harun bin Mohamad | " | 21 " | " | " |
| 30. | Chiam Toon Jeng | " | 33 " | " | " |
| 31. | Azri bin Md. Kassim | " | 26 " | " | " |
| 32. | Ramakrishnan a/l Sadagoran | " | 27 " | " | " |
| 33. | Ab. Hamid bin Sharif | " | 25 " | " | " |
| 34. | Yee Ting | " | 46 " | " | " |
| 35. | Ayob bin Samin | " | 22 " | " | " |
| 36. | Many a/l Munisamy | " | 35 " | " | " |
| 37. | Suzana bte Abdullah | Perempuan | 31 " | 11.4.86 | KJG. 1253/86 |
| 38. | Chee Loon | Lelaki | 43 " | " | KJG. 1255/86 |
| 39. | Ab. Wahab bin Hamid | " | 32 " | 13.4.86 | KJG. 1274/86 |
| 40. | Weng Theeng Sing | " | 51 " | 23.4.86 | KJG. 1410/86 |
| 41. | Govindasamy a/l Ratnam | " | 40 " | " | " |
| 42. | Abu Bakar bin Abd. Rahman | " | 34 " | " | " |

Lampiran 18(3) F i

(39) dlm. JKM.WP.PP.
190/82. Jd. 11
29.hb. Mei, 1986
20 Ramadan 1406

Tuan Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Wilayah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

Tuan,

Per: Rujukan Bil. (176) dlm. RSKC. SL. 29/73
Bertarikh 3hb. Mei, 1986

Dengan hormatnya saya memberikan penjelasan mengenai perkara tersebut seperti berikut.

Operasi Mawar adalah merupakan sebuah Operasi Membasmi Pengemis dan Kuturayau seluruh negara yang diarahkan oleh Kementerian Dalam Negeri bersempena Persidangan PATA. Jabatan Kebajikan Masyarakat, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur berupa sebuah Agensi Kerajaan yang terlibat secara langsung menjalankan Operasi ini dengan dibantu oleh Agensi-agensi Kerajaan yang lain terdiri dari Dewan Bandaray, Kuala Lumpur, Polis, Imigresyen dan Jawatankuasa Keselamatan, Wilayah Persekutuan.

Atas arahan yang diterima seperti tersebut di atas Jabatan ini telah mengadakan tiga kali Operasi pada 2hb., 3hb. dan 9hb. April, 1986. Operasi yang diadakan pada 2hb. dan 3hb. April, 1986 dimulakan pada jam 2.00 pagi berakhir pada jam 6.00 pagi berikut. Operasi yang diadakan pada 9hb. April, 1986 pula dimulakan pada jam 2.00 petang dan berakhir pada jam 6.00 petang hari yang sama.

Dalam Operasi yang dijalankan selepas tengah malam pada 3hb., 4hb. dan 9hb. April, 1986, Jabatan ini dapat memberkas seramai 376 (sila lihat lampiran 1) orang kuturayau dan orang-orang papa yang kesemua mereka ini bergelimpangan tidur lena di kaki lima bangunan-bangunan dan di Perhentian-perhentian Bas di sekitar bandaraya.

Dari jumlah tersebut yang ditangkap pada 3 hari tersebut seramai 84 orang dimasukkan ke Rumah Seri Kenangan, Cheras. 74 orang pula dimasukkan ke Rumah Seri Kenangan, Seremban dan 50 orang lagi dimasukkan ke Rumah Seri Kenangan, Cheng.

Seramai 168 orang lain yang dikenalpasti sebagai penagih dadah dan pendatang haram telah diserahkan kepada pihak-pihak yang bertanggung-jawab termasuk mereka yang dibebaskan setelah mereka dapat memberi penjelasan yang munasabah mengapa mereka berada di tempat-tempat di mana mereka ditangkap pada waktu yang tidak sesuai.

Seramai 208 orang yang dimasukkan ke Rumah-rumah Seri Kenangan, Cheras, Seremban dan Cheng telah dikenalpasti sebagai kuturayau yang bersepah tidur di kaki lima dan mengemis semasa tangkapan dibuat dan bukan yang duduk rehat dan menunggu kenderaan seperti tersebut di para satu surat Bil. (176) dlm. RSKC. SL. 29/73 bertarikh 3hb. Mei, 1986. **Tuduhan ini tidak berasas dan adalah "fitnah" semata.**

Pengemis-pengemis dan kuturayau yang ditangkap di bawah Operasi Mawar telah dimasukkan ke Institusi-institusi Jabatan atas arahan Pengarah Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak, Kementerian Kebajikan Masyarakat Malaysia, yang sebelum ini saya difahamkan akan dihantar ke Penjara Kajang.

Perintah-perintah Mahkamah di bawah Seksyen 3(2) A.O.P. 1977 tidak dapat diserahkan bersama pengemis pada hari yang sama kerana tangkapan dibuat pada malam dan petang hari. Perintah-perintah Mahkamah telah dapat diserahkan pada hari keesokkannya setelah perubahan tempat-tempat tahanan dari Pusat Penjara Kajang ke Rumah-rumah Seri Kenangan berkenaan di buat dan ditandatangani oleh Pihak Mahkamah.

Ini berlaku kerana pada awalnya pihak Jabatan ini telah difahamkan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat Malaysia bahawa semua tangkapan pengemis boleh ditahan sementara di Pusat Penjara Kajang dengan arahan Kementerian Dalam Negeri. Apabila tangkapan telah dibuat pada 3hb. dan 4hb. April, 1986 barulah pihak Jabatan diarahkan untuk menghantar mereka yang ditangkap ke Rumah-rumah Seri Kenangan, Cheras, Seremban dan Cheng kerana menurut Pengarah Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak, Kementerian Kebajikan Masyarakat Malaysia kebenaran untuk memasuki pengemis dan kuturayau di bawah Akta Orang Papa 1977 ke Pusat Penjara Kajang tidak dapat dilaksanakan tanpa arahan Kementerian Dalam Negeri.

Menurut **senarai pelarian** penghuni-penghuni dari Rumah Seri Kenangan, Cheras seramai 36 orang telah melarikan diri dalam minggu pertama tahanan dan 6 orang lagi sebelum siasatan dapat dibuat. Apabila Pegawai-pegawai Jabatan ini pergi ke Rumah Seri Kenangan, Cheras, Rumah Seri Kenangan Seremban dan Rumah Seri Kenangan, Cheng untuk membuat siasatan terhadap kes-kes yang masih berada di tempat-

tempat berkenaan, mereka dapat menyasat di Rumah Seri Kenangan Cheras seramai 42 kes dari jumlah tahanan 84 orang, di Rumah Seri Kenangan, Seremban pula dapat menyasat 17 kes dari seramai 74 orang yang ditahan dan di Rumah Seri Kenangan Cheras hanya 14 kes dapat disiasat dari seramai 50 orang yang di tahan pada 28hb. hingga 30hb. April, 1986.

Dari penyasatan yang dibuat keatas 73 kes yang masih berada di Rumah-rumah Seri Kenangan, Cheras, Seremban dan Cheng, Jabatan telah mengesyorkan supaya seramai 33 orang dibebaskan seperti terkandung dalam surat Bil. (28) dlm. JKM.WP.PP.190/82/ Jld. II bertarikh 5hb. Mei, 1986, kerana mereka didapati ada rumah, keluarga dan pekerjaan. Baki seramai 40 orang lain pula telah disokong masuk ke Institusi-institusi Jabatan untuk pemulihan dengan mendapat Perintah-perintah Mahkamah di bawah Seksyen 3(4) Akta Orang Papa 1977 dan Perintah-perintah berkenaan telahpun diserahkan kepada Rumah-rumah Seri Kenangan berkenaan pada 27hb. Mei, 1986.

Senarainya adalah seperti berikut:

| | Bilangan Yang Disiasat | Bil. Disyorkan Bebas | Bil. disokong Untuk Pemulihan |
|---------------------------------|---------------------------|-------------------------|-------------------------------------|
| Rumah Seri Kenangan Cheras | 42 | 20 | 22 |
| Rumah Seri Kenangan Seremban | 17 | 7 | 10 |
| Rumah Seri Kenangan Cheng | 14 | 6 | 8 |
| Jumlah | <u>73</u> | <u>33</u> | <u>40</u> |

Jadi seramai 135 orang yang ditahan di Rumah Seri Kenangan, Cheras, Rumah Seri Kenangan Seremban dan Rumah Seri Kenangan Cheng dalam Operasi Mawar telah melarikan diri dalam tiga minggu setelah ditahan di tempat-tempat berkenaan di bawah Seksyen 3 (2) Akta Orang Papa 1977.

Semasa Pegawai dari Jabatan ini pergi ke Rumah Seri Kenangan Cheras bagi menyasat kes-kes yang masih ada di Institusi tersebut yang dikatakan telah memberontak dan mogok lapar Pegawai ini telah diberitahu tindakan yang diambil oleh mereka bukanlah kerana disebabkan lama ditahan, tetapi cara mereka ditahan dengan mengurong mereka sepanjang masa tanpa diberi kebebasan dan kemudahan asas seperti penghuni-penghuni lain di

situ. Mereka tidak diberi pakaian, sabun, rawatan semasa perlu dan secukup bilik mandi dan tandas untuk kegunaan dalam wad tahanan mereka.

Setelah bekerja bertungkus lumus dalam Operasi Mawar yang lalu, saya rasa sangat kesal di atas tuduhan-tuduhan liar yang dibuat terhadap Pegawai-pegawai Jabatan ini. Semasa tangkapan dibuat lewat malam, kuturayau didapati tidur di kaki lima, bawah jambatan dan di tempat-tempat awam dengan berpakaian kotor dan tidak mempunyai pengenalan.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(K. PATHMANATHAN)

Pegawai Kebajikan Masyarakat

(Bahagian Pengemis dan Urusan Orang Tua)
 Jabatan Kebajikan Masyarakat
 Wilayah Persekutuan,
 Kuala Lumpur.

LAMPIRAN 1:

- I. Butir-butir Mengenai 3 Serbuan Operasi Mawar Yang Diadakan Pada Tarikh-tarikh Seperti Berikut:

| Tarikh | Masa | Bilangan Yang Diberkas |
|--------|-------------------------------------|------------------------|
| 2.4.86 | mulai jam 2.00 pagi – 6.00 pagi | <u>158</u> |
| 3.4.86 | mulai jam 2.00 pagi – 6.00 pagi | 185 |
| 9.4.86 | mulai jam 2.00 petang – 6.00 petang | 33 |
| | Jumlah | 376 |

- II. Kes-kes Yang Dimasuk, Lari dan Masih Tinggal Di Institusi-institusi Seperti Berikut:

| Institusi | Bilangan Masuk | Bilangan Lari | Bilangan Masih Tinggal |
|------------------------------|----------------|---------------|------------------------|
| Rumah Seri Kenangan Cheras | <u>84</u> | <u>42</u> | <u>42</u> |
| Rumah Seri Kenangan Seremban | 74 | 57 | 17 |
| Rumah Seri Kenangan Cheng | 50 | 36 | 14 |
| Jumlah | 208 | 135 | 73 |

- III. Kes-kes Yang Diserah Ke Pihak Polis D 8 (Cawangan Anti Dadah) Imigresyen dan Dibebaskan Pada 2hb. 3hb. April, 1986.

| Pihak | Bilangan |
|--------------------------------|-----------|
| Polis D 8 | <u>52</u> |
| Imigresyen | 23 |
| Dibebaskan pada malam tersebut | 93 |
| Jumlah | 168 |

LAMPIRAN 18(3) G



KEMENTERIAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, MALAYSIA
 (MINISTRY OF WELFARE SERVICES, MALAYSIA)
 TINGKAT 6-16, WISMA SHEN,
 JALAN MASJID INDIA,
 50562, KUALA LUMPUR.

Telefon: 2925011
 2925184
 2925264

Kawat: WELDEP

SULIT

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: KKM.O. 705/(58)

Tarikh: 24hb. MEI, 1986

Pengarah Kebajikan Masyarakat,
 Wilayah Persekutuan,
 KUALA LUMPUR

“Operasi Mawar”

Suka saya menarik perhatian tuan kepada Mesyuarat Pengarah-Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri yang telah diadakan di Kementerian Kebajikan Masyarakat pada 21.4.86 di mana perkara yang tersebut di atas telah pun dibincang dengan panjang lebar. Di antaranya, Mesyuarat diberitahu bahawa oleh kerana Operasi Mawar tersebut, semua Rumah Seri Kenangan dan Desa Binadiri telah penuh sesak.

2. Oleh yang demikian, **tuan adalah diarahkan supaya memberhentikan serbuan terhadap pengemis-pengemis** buat sementara waktu dan sekiranya serbuan seterusnya perlu diadakan, tuan mestilah mendapat kebenaran daripada saya terlebih dahulu.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

t.t.

(ABDULLAH MALIM BAGINDA)
 Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat
 MALAYSIA.

LAMPIRAN 18(3) H

**MINIT MESYUARAT MENGENAI OPERASI
MEMBERSIHKAN KUALA LUMPUR DARIPADA
PENGEMIS-PENGEMIS ASING/TEMPATAN
SEMPENA PERSIDANGAN PATA**

Tarikh : 29hb. Mac 86 – hari Sabtu
Masa : 9.30 Pagi.
Tempat : Kementerian Wilayah Persekutuan
Tingkat 5, Wisma PKNS,
Jalan Raja Laut,
KUALA LUMPUR.

Yang Hazir

1. Encik Ismail bin Yusoff – Pengerusi
Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan
2. Encik Ali bin Bahari
Setiausaha Bahagian
Kementerian Wilayah Persekutuan.
3. YM Tengku Zain bin Tengku Daud
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
4. Encik Mohammad bin Yusoff
Direktorat Penguatkuasaan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
5. Encik Arshad bin Abdullah
Jabatan Imigresen Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur.
6. Encik Baharom bin Hamzah
Jabatan Imigresen Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur.
7. Encik Md. Ali bin Ahmad Setiausaha
Setiausaha Keselamatan
Wilayah Persekutuan.

1. Pendahuluan

- 1.1 Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mengalukan ahli-ahli yang hazir sekalian.

- 1.2 Seterusnya Tuan Pengerusi memaklumkan **tujuan mesyuarat ini diadakan adalah atas kehendak Kementerian Dalam Negeri yang pula menerima arahan daripada kabinet supaya seluruh negara lebih-lebih lagi Kuala Lumpur, dibersihkan daripada pengemis-pengemis** sempena Persidangan PATA nanti. Tiap-tiap negeri telah dimaklumkan perkara ini melalui Setiausaha-setiausaha Keselamatan Negeri yang akan menjadi penyelaras operasi ini dinegeri-negeri.
- 1.3 Seperti yang dikehendaki oleh Kementerian Dalam Negeri, operasi ini dipanggil '**Ops Mawar I**' yang akan dilancarkan serentak di Semenanjung Malaysia pada 2hb. April 1986 mulai jam 2.00 pagi dan akan berakhir pada 27hb. April, 1986 jam 2.00 pagi.
- 1.4 Mesyuarat kemudiannya dimaklumkan operasi seperti ini tidaklah asing lagi di Kuala Lumpur memandangkan operasi sebegini pernah diadakan dari masa kesemasa, cuma bezanya hasil '**Ops Mawar I**' ini dikehendaki dilaporkan kepada Kementerian Dalam Negeri.

2. Perbincangan/Tindakan

2.1 Ketua Operasi

- 2.1.1. Seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri, mesyuarat bersetuju supaya **Ketua Operasi** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah **Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.**

Tindakan: Pengarah Jab. Kebajikan
Masyarakat W. Persekutuan
Kuala Lumpur.

2.2 Jabatan-jabatan Terlibat

- 2.2.1. Mesyuarat bersetuju supaya untuk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, jabatan yang akan mengambil bahagian di dalam operasi ini ialah: **Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Polis Kontinjen Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Jabatan Imigresen.** Tiap-tiap Jabatan tersebut dikehendaki meng-hantar pegawai/anggota masing-masing untuk tujuan operasi ini pada masa, tarikh dan tempat yang ditetapkan.

Tindakan: JKM WP KL
Polis Kuala Lumpur DBKL
Jab. Imigresen Kuala Lumpur

2.3 Tempat Berkumpul

- 2.3.1. Mesyuarat bersetuju Bilik Gerakan Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Jalan Raja Muda dijadikan tempat untuk pegawai/anggota yang terlibat di dalam operasi ini berkumpul.

Tindakan: Untuk makluman.

2.4 Tarikh dan masa operasi

- 2.4.1. Mesyuarat bersetuju dengan pandangan wakil Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, iaitu operasi ini elok diadakan empat kali dan tarikh yang sesuai ialah 2hb, 3hb dan 4hb. April, 1986 jam 2.00 pagi hingga 6.00 pagi. Masa dan tarikh untuk operasi kali ke empat akan ditetapkan kemudian oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bergantung kepada kesesuaian masa.

Tindakan: JKM WP KL
Polis Kuala Lumpur
DBKL
Jab. Imigresen

2.5 Sasaran

- 2.5.1. Seperti yang dikehendaki oleh Kumpulan Kerja yang dipengerusikan oleh Kementerian Dalam Negeri, Setiausaha Keselamatan Wilayah Persekutuan memaklumkan **sasaran operasi ini selain daripada pengemis asing termasuklah juga pengemis tempatan dan 'destitute' iaitu 'kutu rayau'**. Mesyuarat juga bersetuju supaya **sasaran di Kuala Lumpur termasuk juga penagih-penagih dadah dan 'jaga kereta' kerana adanya mereka juga mencemarkan Kuala Lumpur**. Bagaimanapun orang-orang buta yang bermain muzik tidak termasuk di dalam sasaran operasi ini kerana mereka akan ditempatkan di kawasan-kawasan tertentu kemudian.

Tindakan: JKM WP KL
Polis Kuala Lumpur
DBKL
Jab. Imigresen

2.6 Buku Panduan

- 2.6.1. Buku Panduan berkaitan 'Ops Mawar I' yang diterbitkan oleh Kementerian Dalam Negeri ada dibahagikan kepada wakil-wakil jabatan yang hadir di mesyuarat ini untuk makluman dan panduan.

Tindakan: Untuk makluman

2.7 Maklumbalas ke Kementerian Dalam Negeri

- 2.7.1. Setiausaha Keselamatan Wilayah Persekutuan dikehendaki memaklumkan ke Kementerian Dalam Negeri akan hasil operasi ini.

Tindakan: Setiausaha Keselamatan.

3. Mesyuarat tamat pada jam 11.00 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Tuan Pengerusi.

Urusetia Keselamatan
Wilayah Persekutuan
1hb April, 1986.

MINIT MESYUARAT PENGARAH BAHAGIAN

Bil. Mesy : 5/86
Tarikh : 6 Mei 1986
Masa : 8.30 Pagi.
Tempat : Bilik Mesyuarat, Tingkat 14,
Kementerian Kebajikan Masyarakat

Butir-butir Kehadiran

En. Abdullah Malim Baginda – Pengerusi
KPKM

En. Mohd. Hassan bin Ngah Mahmud
TKP (PS)

En. Hitam bin Chik
P (PP)

En. M. Kandiah
P (PS)

Tuan Syed Kamarul Baharin bin Syed Bahaldin
P (KK)

En. Mohd. Khalil bin Mohd. Nasir
P (C)

En. Jaafar bin Abdul Wahid
P (L)

Cik C. Kunavathy
Wakil P (A)

Turut Hadir

Puan Laily bt. Ibrahim
PKMN Selangor

En. Wan Azmi Ramli
PKM W/P (KL)

Maaf:

En. Mohamad bin Hussain – bertugas luar
TKP (PP)

1. Pengesahan Minit Mesyuarat

Minit Mesyuarat Bil. 4/86 bertarikh 8 April 1986 telah diluluskan tanpa pindaan.

2. Perkara Berbangkit

2.1 Pindaan Akta

2.1.1. Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda dan Kaedah Tempat Keselamatan

Mesyuarat dimaklumkan bahawa kedua-dua perkara tersebut di atas telah dibincangkan dalam satu mesyuarat berasingan pada 18 April 1986. Draf pindaan kepada Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda dan kaedah tempat keselamatan sedang dalam tindakan P (KK) yang dinasihatkan berunding dengan pihak Peguam Negara.

Tindakan: P (KK)

2.1.2. Akta Orang Papa 1977

Mesyuarat bersetuju bahawa seksyen 8 dalam Akta Orang Papa 1977 dimana kuasa diberi kepada Penguasa untuk melepaskan seseorang penghuni patut dibatalkan memandangkan kuasa ini kini diberi kepada YB. Menteri.

Tindakan: P (KK)

2.1.3. J/K Penderaan dan Penganiayaan Kanak-Kanak

Mesyuarat J/K tersebut yang sepatutnya diadakan pada 23 April 1986 telah ditundakan kepada 15 Mei 1986 pukul 9.00 pagi.

Tindakan: P (KK)

2.1.4. Akta Perlindungan Wanita dan Gadis

Mesyuarat dimaklumkan bahawa perbincangan antara Kementerian kita dengan pihak Peguam Negara telah diadakan pada 28 April 1986 mengenai pindaan kepada Akta ini. Perbincangan telah menyentuh perkara-perkara ini:-

- i) '*Conjugal rights*' - hak suami perlu diteliti dengan terperinci.
- ii) Seksyen 10 dan 26 - perlu dibincangkan lagi.

Tindakan: P (A)

2.1.5. Akta Taska

Mesyuarat dimaklumkan bahawa perbincangan antara pihak Kementerian dan pihak Peguam Negara telah diadakan pada 28 April 1986 mengenai pindaan kecil dalam Akta tersebut. Mesyuarat dimaklumkan pada awalnya pihak Peguam Negara tidak berapa setuju dengan ukuran atau taraf yang ditetapkan dalam Akta dimana difikirkan terlalu tinggi untuk dipatuhi oleh setengah sektor.

Walau bagaimanapun setelah penjelasan diberi pihak Peguam Negara akhirnya bersetuju dengan pindaan kecil tersebut.

Tindakan: P (PS)

2.2 Bayaran Melalui Pos*

2.1.1. Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak Kementerian telah mengadakan beberapa perbincangan dengan pihak MAMPU bagi meningkatkan kemampuan komputer untuk kegunaan pemprosesan kerja-kerja berkaitan dengan Bayaran Melalui Pos khususnya dan juga untuk kegunaan perkhidmatan lain. Pihak MAMPU menerima baik syor daripada pihak Kementerian bahkan mereka mencadangkan komputer 2 buah FM 8 kita digantikan dengan 3 buah FM 16. Perbelanjaan untuk mempertingkatkan keupayaan komputer ini dianggarkan sebanyak \$56,000/-. KPKM mencadangkan 1 unit FM 8 diserahkan kepada Bahagian Latihan untuk maksud latihan.

2.2.2. P (KK) membangkitkan mengenai satu jawatan Pegawai Kerani daripada Bahagian KK yang dipinjamkan untuk sementara waktu ke Bahagian PP bagi mengendalikan kerja-kerja sistem Bayaran Melalui Pos. Oleh yang demikian adalah dipohon elaun tanggung kerja untuk pegawai kerani yang kini mengendali tugas yang ditinggalkan.

P (KK) diminta menghantarkan (P) fail berkenaan untuk tindakan KPKM.

Tindakan: P (PP)

P (KK)

2.3. Latihan Vokasional (khusus) dalam Institusi Akhlak

Mesyuarat dimaklumkan bahawa satu perbincangan akan diadakan pada 12.5.86 pukul 2.30 petang di antara pihak Kementerian dengan Dr. Ahmad Lisut seorang pakar psikologi dalam menentukan format penilaian yang diperlukan untuk latihan tersebut.

Tindakan: P (A)

2.4. Sistem Specialization

Mesyuarat dimaklumkan bahawa kini pihak Kementerian hanya menunggu laporan kemajuan daripada negeri yang terlibat 3 bulan selepas tarikh implementasinya.

Tindakan: P (KK)

P (A)

PKMN Selangor

PKMN P. Pinang

* sebenarnya yang betul ialah:

Bayaran Bantuan Melalui Pejabat Pos — pengarang.

2.5. Directory Orang Tua Yang Mempunyai Kepakaran

Mesyuarat dimaklumkan bahawa penyusunan maklumat bekas guru sedang diuruskan.

P (PS) diminta juga menyatakan tarikh lahir pesara supaya kita dapat mengetahui umur seseorang pesara itu bagi menentukan kemampuan mereka berkhidmat kelak.

Tindakan: P (PS)

2.6. Projek Sistem Pondok

Mesyuarat dimaklumkan bahawa satu majlis penyerahan *pledge* oleh Syarikat Amway (M) Sdn. Bhd. bersabit dengan projek tersebut di atas telah diadakan di Kementerian pada 6 Mei 1986.

Tindakan memohon tapak tanah dan lain-lain perkara yang berkaitan dengannya sedang diuruskan oleh P (PP).

Tindakan: P (PP)

2.7. Perbelanjaan Peruntukan 1986

KPKM sarankan supaya semua Pengarah mengikut (*monitor*) cara perbelanjaan diperingkat negeri terutama di Institusi.

Semua Ketua Institusi diminta melengkapkan penghuni dengan peralatan dan perlengkapan yang secukupnya seperti berikut:- katil, selimut (2 helai seorang) pakaian dan peralatan seperti tongkat, cermin mata, alat pendengaran, kerusi beroda dsbnya.

TKP (PP) diminta menyediakan draf pekeliling berkaitan perkara ini.

Tindakan: TKP (PP)

2.8. RSK Bedong

Mesyuarat dimaklumkan bahawa bilangan penghuni di RSK Bedong kini telah melebihi had yang ditetapkan baginya. Muatan maksimum rumah tersebut ialah 320 orang sedangkan bilangan penghuni yang ada sekarang ialah 518 orang. Keadaan ini dirumitkan lagi dengan masalah tandas rosak dan ketiadaan air.

KPKM memandang berat tentang perkara ini dan P (KK) diminta meninjau keadaan dengan segera. Beberapa cadangan tindakan dikemukakan seperti berikut:-

2.8.1 Pindahkan mana yang sesuai ke RSK lain yang ada kekosongan.

2.8.2. Mereka yang sihat dan masuk secara sukarela boleh dipindahkan ke Rumah Orang Tua yang dikendalikan oleh MPK.

2.8.3. Mereka yang mempunyai saudara mara boleh dibebaskan.

Tindakan: P (KK)

2.9. Banjir

P (KK) diminta mendapatkan minit mesyuarat J/K Banjir 1979 untuk tujuan dipinda.

Tindakan: P (KK)

2.10. Pengukuran Produktiviti

P (PP) memaklumkan bahawa ukuran produktiviti di JKM. WP (KL) dan 'control group' di Daerah Seremban sedang dijalankan. Laporan akan disediakan pada akhir bulan Mei 1986 untuk dihantar ke JK (JPM) pada bulan Jun 1986.

Tindakan: P (PP)

2.11. Masalah Mak Nyah**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa YB. Menteri kita telah mengadakan satu dialog dengan rombongan Mak Nyah pada 11 April 1986 di Bilik Gerakan Kementerian. Pegawai Kanan daripada Kementerian Kesihatan, Jabatan Peguan Negara, Jabatan Pendaftaran, Jabatan Buruh, Jabatan Ugama Wilayah dan Pusat Islam juga turut hadir.

KPKM berharap beberapa perubahan positif akan tercapai dengan intervensi kita dalam keperluan ini. Beliau memperingatkan bahawa penglibatan kita mesti berpandukan kepada prinsip kerja sosial.

Satu panel mengenai perkara ini akan mengadakan mesyuaratnya pada 15 Mei 1986. Dalam hubungan ini majlis bersetuju akan mengambil kira penglibatan badan ugama lain seperti Kristian, Hindu dan Budha.

Tindakan: P (PS)

2.12. Lampu Isyarat Jalanraya Menggunakan *Sound Effect (Pelican Crossing)*

Mesyuarat dimaklumkan bahawa draf kertas kerja mengepai perkara tersebut telah siap dan akan dikemukakan kepada KPKM untuk tindakan selanjutnya.

Tindakan: P (PS)

2.13. Struktur di Negeri

Mesyuarat dimaklumkan bahawa TKP (PP) sedang mendapatkan maklumat dari semua PKMN.

Tindakan: TKP (PP)

2.14. Pusat Pemulihan Dadah untuk Wanita

Mesyuarat dimaklumkan bahawa tinjauan 'on the spot' dan

perbincangan telah diadakan dengan pihak KDN dan 'Task Force 7' di Kota Bharu pada 17 April 1986.

Keputusannya pihak Kementerian bersetuju meninjau kawasan tambahan seperti yang dipohon dengan syarat pihak KDN membina rumah kakitangan yang boleh menampung 6 bulan keluarga.

Pusat Pemuliharaan Dadah Wanita ini akan diuruskan oleh pihak KDN. Kawasan baginya dipinjamkan untuk sementara waktu sehingga pihaknya mempunyai peruntukan secukupnya untuk membina Pusat Pemulihan baru ditempat lain.

Makluman

2.15. **Khalwat**

Mesyuarat bersetuju kes khalwat (khusus melacur) yang di bawah umur 21 tahun patut diserahkan kepada Jabatan kita.

TKP (PP) diminta menyediakan draf arahan bersabit perkara ini.

Tindakan: TKP (PP)

2.16. **Pemeriksaan Doktor**

Mesyuarat bersetuju bahawa kakitangan yang bekerja di Institusi Kebajikan perlu menjalani pemeriksaan doktor dari masa ke masa sebagai tindakan pencegahan.

P (KK) diminta menyediakan draf arahan kepada semua Ketua Institusi mengenai hal ini.

Tindakan: P (KK)

2.17. **Kenderaan**

KPKM menyarankan agar warna kenderaan kepunyaan Kementerian/Jabatan kita ditukarkan kepada satu warna yang lebih menarik, P (PP) diminta meninjau perkara ini segera.

Tindakan: P (PP)

2.18. **Pakaian Seragam**

Pengarah Bahagian yang berkenaan diminta meninjau sama ada perlu menukar pakaian seragam mereka yang tercatat di bawah ini:-

2.18.1 Penghuni Institusi Akhlak.

2.18.2 Kakitangan institusi seperti atendan, jaga, pemandu, tukang kebun dll.

Tindakan: P (A)

P (KK)

P (C)

3. Hal-hal Lain

3.1 Latihan

KPKM mengingatkan supaya latihan yang dijalankan di Pusat Latihan kita mengenai Taska hendaklah dilaksanakan oleh sepasukan yang mengandungi tiga bahagian dengan input masing-masing seperti:-

- i) Bahagian PP – konsep/kurikulum
- ii) Bahagian Latihan – latihan

3.2 Taklimat kepada Pelawat ke Institusi

Mesyuarat bersetuju bahawa satu arahan perlu dikeluarkan kepada semua Ketua Institusi sebagai panduan maklumat sampingan selain daripada Taklimat yang biasa diberikan kepada para pelawat. Maklumat yang dimaksudkan ini bertujuan menyediakan para pelawat '*psychologically*' tentang apa yang akan mereka saksikan misalnya keadaan orang cacat yang teruk, maruah manusia dsbnya. P (C) telah bersetuju untuk menyediakan draf arahan lawatan ini dan juga panduan kepada semua PKMN mengenai jenis lawatan yang boleh digalakkan dan sebaliknya.

Semua lawatan ke TSP hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada KPKM.

Tindakan: P (C)

3.3. Persatuan Duda dan Janda Malaysia**

P (KK) telah membangkitkan mengenai Persatuan Duda dan Janda Malaysia dan kegiatan Persatuan selama ini.

Mesyuarat seterusnya bersetuju bahawa Kementerian tidak perlu terlibat dengan kegiatan Persatuan ini dimana fungsi utamanya ialah mencari pasangan untuk duda dan janda.

Makluman: Semua

3.4 Operasi Mawar**

P (KK) memaklumkan kepada mesyuarat bahawa Penguasa RSK Cheras telah mengemukakan jawapan aduan secara bertulis mengenai masalah yang dihadapinya berikutan dengan Operasi Mawar dimana 25 orang yang ditangkap telah melarikan diri dalam masa 24 jam. Umur mereka yang terlibat dalam lingkungan 20 tahun. Kesemua yang dihantar ke RSK pada malam operasi itu tidak disertai dengan surat kuasa/kebenaran.

Mesyuarat seterusnya bersetuju bahawa PKMN dikehendaki memberi kuasa kemasukan secara bertulis kepada Penguasa sementara mendapatkan kebenaran daripada Mahkamah keesokannya.

Tindakan: P (KK)

** masalah dibangkitkan oleh PKM (WP) KL.

3.5 Masalah Ponteng Sekolah dan 'missing persons'

Mesyuarat telah dimaklumkan mengenai gejala sosial yang terdapat kini dikalangan anak-anak muda di Bandaraya K.L. dan Lembah Kelang. Masalah yang timbul adalah seperti berikut:-

- 3.5.1. Anak-anak muda berfoya-foya di kompleks membeli-belah.
- 3.5.2. Anak-anak berpakaian seragam sekolah berfoya-foya di kompleks membeli-belah, stesyen bas dll. tanpa tujuan
- 3.5.3. Laporan budak-budak perempuan berumur 14 tahun ke bawah '*frequenting*' disko dll.
- 3.5.4. Budak-budak perempuan lari daripada rumah dan lain-lain lagi.

KPKM memandang berat tentang perkara ini. Memandangkan di negara kita pelajaran masih lagi belum diwajibkan dan yang demikian '*in the absence of truant officers*' apakah tindakan yang perlu diambil oleh pihak kita?

Mesyuarat dimaklumkan juga bahawa ibubapa tidak begitu gemar membuat aduan kepada pihak polis kerana ditakuti implikasinya.

Mesyuarat bersetuju untuk mengadakan mesyuarat berasingan dengan Kementerian Pelajaran dan pihak polis mengenai masalah ini.

Tindakan: P (KK)

4. Mesyuarat tamat pukul 12.40 tengah hari dan mesyuarat seterusnya dijadualkan seperti berikut:-

Tarikh: 16 Jun 1986

Masa: 9.30 pagi

Tempat: Bilik Mesyuarat, Tingkat 14,
Kementerian Kebajikan Masyarakat.

s.k:

YB. Menteri;

KSU;

Pengarah Rawatan dan Pemulihan Dadah KDN;

Semua PKMN;

PKM W/P (KL);

PKM W/P (Labuan).

**CONTOH
KERATAN AKHBAR
&
OPERASI MAWAR**

Welfare officials conduct six-hour operation in the city BEGGARS ROUND-UP

A 10-YEAR-OLD girl who cradled a five-month-old baby to beg at the Puduraya bus terminal told her last sob story to Federal Territory Welfare officials yesterday.

The children, believed to be foreigners, were among 23 vagrants and beggars rounded up by Welfare officers in a six-hour operation in various parts of the city.

Investigations are under way to determine how the children entered the country. In the meantime, they will be placed in a welfare home.

Federal Territory Welfare Services Director Wan Azmi Ramli said others caught included elderly people, dadah addicts and some mentally-retarded men and women.

Buskers were let off after a warning to stay off the streets or face action under the Destitute Persons Act 1977.

Wan Azmi, who led the operation, said some were subsequently charged in the magistrate's court and sent to various homes.

The elderly people were taken to the Old folks Home in Cheras while the rest were sent to Pusat Latihan at Sungai Besi.

Wan Azmi said similar operations would be conducted over the next two weeks. Welfare officials would also keep an eye on nightmarkets frequented by beggars.

Yesterday's checks which began at 10.30 am were concentrated around the Klang bus stand area, Puduraya and Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Sixteen people were roped in at the Klang bus terminal, nine at Jalan Tuanku Abdul Rahman and three at Puduraya.

On-lookers helped the officers by pointing out corners used by vagrants. Some beggars refused to budge when asked to get into the vans and one elderly woman even bit an officer.

Wan Azmi, who took up the post of director a week ago, said the crackdown is to rid the city of beggars and vagrants.

Self-supporting

He called for public co-operation to keep the streets clear of these people. Those who know the whereabouts of these people can contact him or his officers at tel: 921188.

He said officers conduct weekly checks on beggars and vagrants. Able-bodied ones are sent to homes where they are taught to be self-supporting while the elderly are sent to old folks homes.

"Buskers can approach the department for help and advice," he said. "We have qualified people to teach them music and possibly even find employment for them." — by Indira Nayar.

GIRL AMONG 155 PICKED UP IN CITY CLEAN-UP DRIVE

KUALA LUMPUR, Wed. — Four women and a 17-year-old girl were among 155 people detained early this morning in a sweep by the authorities on suspected drug addicts, beggars, vagrants and illegal immigrants in the city.

Eleven of those picked up were suspected drug addicts.

The operation, a joint effort by the Federal Territory Welfare Department, police and City Hall, started at 2 am.

It was learnt that the Immigration Department was also supposed to have participated in the operation but its officers did not turn up.

The department's spokesmen could not be reached for comments.

The operation, condemned Mawar (rose), was to clean up the city for the Pacific Area Travel Association (Pata) conference this month. It involved 10 officers from the Welfare Department and City Hall and six policemen.

Federal Territory Welfare Department Director Wan Azmi Ramli, who led the operation said the operation was scheduled for six hours but it had to be called off after four hours because the workshop for the disabled at Jalan Raja Muda, to where the suspects were taken, had become overcrowded.

The raid covered Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Masjid India, the Klang bus station, Puduraya, Jalan Raja Laut and Chow Kit.

Wan Azmi said the addicts would be handed over to the police for investigations while the teenage girl would be sent to the Cheras rehabilitation centre.

The others would be sent to the old folks home in Cheras, Seremban or Malacca. — by Azman Awalludin

155 DITAHAN BAGI JAGA IMEJ KL

KUALA LUMPUR, Rabu — Seramai 155, pengemis dan kutu rayau, termasuk 20 orang disyaki penagih dadah dan seorang gadis bawah umur, ditahan dalam satu gerakan empat jam diberi nama Gerakan Mawar di beberapa kawasan di sini bermula jam 2 pagi tadi.

Gerakan bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan, polis dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu diadakan sebagai persiapan menentukan sekitar kawasan bandaraya bersih daripada kegiatan pengemis dan kutu rayau menjelang persidangan Pata daripada 9 hingga 16 April.

Sepuluh pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan kerjasama pasukan polis dan pegawai penguatkuasa DBKL meredah hujan dalam gerakan yang berakhir kira-kira jam 6 pagi itu.

Antara kawasan yang terbabit dalam gerakan itu ialah Jalan Chow Kit, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Raja Laut, Jalan Bunus, Jalan Masjid India, Stesen Bas Kelang dan Pudu Raya.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan, Wan Azmi Ramli, yang mengetuai gerakan itu, berkata gerakan itu adalah atas arahan kabinet yang dibuat menerusi Kementerian Dalam Negeri.

Katanya, gerakan itu dilancarkan di seluruh negara sebagai persediaan menghadapi persidangan Pata tahun ini dan membersihkan bandaraya daripada dicemarkan dengan kegiatan mengemis dan kutu rayau.

Beliau berkata tujuan utama gerakan itu ialah untuk menangkap pengemis asing dan mengatasi penyakit sosial yang berleluasa di bandaraya demi menjaga imej negara.

Difahamkan ada ejen tertentu yang menjalankan kegiatan membawa masuk pengemis asing untuk mencari wang. Pengemis itu dikehendaki mengemis dan wang yang diterima diserahkan kepada ejen itu.

Bagaimanapun, setakat ini Jabatan Kebajikan Masyarakat belum menangkap ejen itu. Usaha mengesan mereka sedang dijalankan.

Dalam itu kebanyakan pengemis dan kutu rayau ditahan ketika tidur di kaki lima kedai, di bawah jambatan di bangku-bangku di stesen bas dan dalam gua di Taman Tunku Abdul Rahman.

Seorang pengawal keselamatan ditahan sewaktu tidur di kaki lima kedai di Jalan Tuanku Abdul Rahman bersama rakannya.

Dua orang pondan ditahan ketika merayau-rayau di kawasan itu. Mereka bagaimanapun, dibebaskan setelah disoal.

Seorang kutu rayau dapat melepaskan diri melalui paip tandas tingkat atau bangunan Stesen Bas Kelang ketika pasukan itu cuba menahannya.

Seorang gadis berusia 17 tahun yang turut menyaksikan gerakan itu juga ditahan setelah gagal memberi keterangan yang memuaskan kepada polis kenapa dia merayau-rayau bersama seorang pemuda di bawah bangunan stesen itu.

Tiga pemuda pula ditahan ketika tidur dalam gua di Taman Tunku Abdul Rahman dan apabila ditanya oleh polis, seorang daripada mereka menjawab dia baru sampai ke Kuala Lumpur untuk mencari pekerjaan.

Di pasar Chow Kit, dua pemuda disyaki penagih dadah yang terjaga ketika pemeriksaan itu dibuat, cuba lari tetapi dapat ditangkap. — oleh Hatta Robiki

Berita Harian, 3/4/86

Tiga (3)* contoh terbaik, contoh unggul pentadbiran songsang telah saya paparkan dengan begitu detail analisisnya atas perkara yang sebenarnya berlaku supaya ianya menjadi suatu iktibar kepada kita semua dalam memahami pentadbir dan pentadbiran — (berserta teori baru saya itu) — di samping fil dan sikap penjawat awam.

Di Kedah saya dituduh tidak pandai mengurus kakitangan (personnel) dan di Wilayah Persekutuan (KL) pula saya dituduh tidak pandai "menjaga hati" Kementerian (kerana dengan kakitangan di WP. KL adalah *tip-top* atau intim sekali!)

Justeru itu, biarlah apa orang lain hendak kata asalkan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada kita, kita laksanakan dengan ikhlas, jujur, bersih, berani, tegas dan adil!

POSTSCRIPT:

Akibat pertukaran pengarah secara aneh ini, seorang ahli YB Wakil Rakyat ingin mendapat kepastian di Dewan Rakyat (lihat pertanyaan mulut no. 9) Jawapan yang diberi (bukan oleh Menteri tetapi wakil beliau — Setiausaha Parlimen (SUP). Pihak Kementerian sedia dan rela berbohong di Dewan yang mulia itu (sila rujuk *hansert* (25-4-82 atau butiran perjalanan persidangan Dewan) dan sengaja tidak mahu dan tidak berani menjawab beberapa soalnya.

Laporan lengkapnya juga ada tersimpan di Arkib Negara Malaysia (Rujukan SP210) selain yang tiga laporan di atas itu

Nota: Kementerian Kebajikan Masyarakat dibubarkan pada 27 Oktober 1990.

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM
MALAYSIA

PENGGAL YANG PERTAMA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI SELASA, 12^{HB} OKTOBER, 1982, PUKUL 2.30 PETANG

Bil. 2

LAPORAN TITAH UCAPAN KEBAWAH DULI YANG MAHA
MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB MULUT

***1. Tuan Ismail bin Said** minta Perdana Menteri menyatakan kriteria-kriteria bagi pentadbiran yang dikatakan bersih, cekap dan amanah. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mewujudkan pentadbiran ini dan adakah beliau berpuashati bahawa pentadbiran sekarang (sama ada di peringkat pusat atau negeri) telah memenuhi kriteria-kriteria ini.

***2. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengkaji perkara-perkara yang berkaitan dengan hak dan kuasa menentukan tarikh mula berpuasa dan berhariraya supaya ianya dapat diselaraskan serta dipatuhi di seluruh Malaysia.

***3. Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, oleh kerana komputer-komputer digunakan dengan cara meluas di dalam negara ini, adakah langkah-langkah sedang diambil bagi memulakan suatu kursus jenayah berhubung dengan komputer bagi menyediakan Pegawai-pegawai Polis negeri ini untuk mengatasi kesalahan-kesalahan seumpama itu di masa hadapan. Jika tiada, bilakah kursus seperti yang dimaksudkan itu akan dimulakan.

***4. Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah tenaga-kerja Badan Pencegah Rasuah pada masa ini dan adakah semua kekosongan telah diisi;
- (b) berapakah jumlah kes yang sedang disiasat oleh BPR sepanjang tempoh tahun 1981 dan daripada 1-1-1982 hingga 30-9-1982, dan daripada jumlah itu berapakah tangkapan telah dilakukan;
- (c) apakah jenis kes-kes itu dari berapakah bilangan tiap-tiap jenis kes yang disiasat itu; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang telah diambil setakat ini untuk memperkukuhkan BPR supaya ianya lebih berkesan dalam menjalankan tugas-tugasnya.

- *11. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementeriannya untuk memperkembangkan sistem perakaunan kewangan semua jabatan Kerajaan supaya kawalan dan pengurusan kewangan rakyat menjadi lebih berkesan.
- *12. Dr George Chan Hong Nam** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlahnya hasil minyak didapati bagi tahun 1980 dan 1981 daripada negeri Sarawak.
- *13. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Kewangan menyatakan peratus peruntukan Kumpulanwang Pembangunan Negara yang dipotong akibat kemerosotan ekonomi dunia dan sama ada beliau akan mengkaji semula pemotongan ini apabila keadaan ekonomi negara pulih semula.
- *14. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan murid-murid mengikut kaum yang telah lulus Peperiksaan SPM di Sekolah Menengah Sains Bukit Mertajam pada tahun 1981 dan apakah sebab-sebab munasabah tidak ada seseorang pun murid keturunan China telah dipilih untuk melanjutkan pelajaran ke kelas "Matrikulasi" di sekolah itu bagi tahun 1982.
- *15. Datuk Edwin Tangkun** minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah masih banyak kes-kes yang menunggu pembicaraan di mahkamah tinggi dan mahkamah rendah di Sarawak di mana surat-surat saman telah terdapat di fail hampir dua dan tiga tahun dan apakah tindakan telah diambil untuk mempercepatkan pembicaraan kes-kes ini.
- *16. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kes-kes pengaduan yang diterima pada tahun 1979, 1980, 1981 dan 1982 dan nyatakan apakah tindakan yang akan diambil terhadap ketua pejabat yang tidak membalas pengaduan-pengaduan yang berkenaan dengan berkesan dan memuaskan.
- *17. Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa jumlah perbelanjaan pembangunan (Development Fund) yang diperuntukkan bagi Negeri Sarawak yang telah dipotong kerana kemelesetan ekonomi.

HARI KHAMIS, 25^{HB} NOVEMBER, 1982 PUKUL 2.30 PETANG

- *1. Tuan Yeoh Poh San** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilangan pemborong-pemborong kelas C ke atas bagi tiap-tiap negeri dalam Semenanjung Malaysia mengikut pecahan bangsa yang telah berjaya mendapat kontrak dari Jabatan Kerja Raya dalam tempoh dua tahun yang lalu untuk membina sekolah, hospital daerah dan rumah kediaman kakitangan kerajaan.

***2. Dato' Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah rancangan Kerajaan untuk membantu pesawah-pesawah padi supaya mendapat pendapatan yang lebih tinggi dari yang diterima sekarang dengan berusaha menambah penghasilan dan keluasan tanah sawah yang ada sekarang dan tidak semestinya dengan menambah keluasanya.

***3. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Perdana Menteri menyatakan apa tindakan yang Kerajaan telah ambil untuk menyelesaikan masalah kafir mengkafir, masalah sembahyang dua imam dan pengebumian jenazah berasingan yang menjadi-jadi di negara ini dan adakah beliau akan mengujudkan suatu undang-undang untuk menghentikan amalan-amalan ini.

***4. Tuan Quah Wee Liam** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak mengadakan dan menambah lagi bilangan pusat pemulihan penagih dadah di seluruh negara kita.

***5. Dato Michael Chen Wing Sum** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan telah menyusun rancangan jangka panjang untuk memerangi demam denggi termasuk langkah-langkah mencegah dan menyelidiki mengenai rawatan perubatan yang berkesan dan jika benar apakah langkah-langkah telah diambil sekarang dan apakah langkah-langkah yang akan diambil di masa depan bagi mencapai rancangan ini.

***6. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk melindungi kepentingan para penyimpan wang (depositors) yang menyimpan wang mereka dalam syarikat-syarikat kerjasama.

***7. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop** Majlis minta Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau mempunyai rancangan untuk mengambil alih penyenggaraan semua jalan-jalan yang pada masa ini di bawah jagaan Kerajaan-kerajaan Negeri seperti jalan dari Parit ke Telok Intan dan Sabak Bernam memandangkan jalan ini digunakan oleh kenderaan-kenderaan berat dan ringan walaupun jalan ini dibina untuk kegunaan kenderaan-kenderaan yang beratnya tidak melebihi 13 ton dan jalan ini adalah dalam keadaan yang sangat buruk dan jika ya, bila.

***8. Tuan Khadri bin Sabran** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyerapkan faktor-faktor modal, teknologi dan kepakaran dalam usaha menjalan serta menjayakan aktiviti-aktiviti Koperasi Pembangunan Daerah.

*9. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Kebajikan Am menyatakan adakah benar pertukaran Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah yang baharu sahaja bertugas 9 bulan di sana dengan dedikasi, adalah disebabkan perbuatan fitnah, hasad pesona dan dengki khianat yang disebarkan oleh kakitangan Jabatannya yang kurang berminat dan tidak bersikap bersih, cekap dan amanah. Adakah benar pertukaran tersebut tidak dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Kedah, dan apakah tindakan Kementerian kepada mereka yang membuatkan fitnah kepada Pengarah mereka ini selama ini.

*10. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan terdapatnya banyak kejadian-kejadian dalam mana Doktor-doktor palsu memberi rawatan kepada pesakit-pesakit menyebabkan kepercayaan orang ramai terhadap hospital-hospital Kerajaan kian merosot sekarang, apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

PENUTUP

Telah banyak diperkatakan tentang pentadbiran dan unsur-unsurnya yang penting, untuk mentadbir perlulah ada disediakan prasarana dan *facilities* yang cukup dan sempurna. Oleh itu kerja mentadbir ini boleh dilaksanakan dalam suasana agensi/birokrasi/organisasi yang tertubuh bagi menjayakan matlamatnya. Segala yang hendak dilakukan itu perlulah pula didasari oleh sesuatu falsafah dan tujuan bagi mensahihkan kewujudannya organisasi itu. Dasar ini penting sebagai suatu asas tindakan dan arah-haluan yang patut dan perlu ditujui.

Agensi atau birokrasi ataupun organisasi dianggotai oleh manusia bagi menggerakkan segala aktiviti atau programnya. Tanpa manusia (*kakitangan/personnel/staff*) tidak guna adanya organisasi kerana ianya 'mati', beku, statik tanpa sebarang apapun tujuan.

Unsur "manusia" ini amat penting untuk 'menghidupkan' agensi/birokrasi/organisasi. Justeru itu, ianya heboh, bising, sibuk, dengan pelbagai cara dan kaedah: kepemimpinan (dan kuasa); pendorongan (motivasi); perancangan; penyelidikan (R&D); penilaian; perhubungan (komunikasi); pengambilan keputusan; dan penyelarasan. Segala ini diuruskan dengan begitu sistematik dan profesional agar strateginya tercapai dan dimanfaatkan sepenuhnya. Disebabkan ini bukanlah sebuah organisasi sukarela dikuasai oleh NGOs maka anggaran belanjawan perlu disediakan setiap tahun untuk menggaji kakitangannya dan untuk melaksanakan aktiviti/program/projek secara berperancangan, teratur, berkesan, dan juga berkualiti.

Suatu *teori motivasi* baru yang pernah saya ketengahkan dulu ialah **TEORI MAT JENIN** – yang bertindak mengikut motivasi-dan-minatnya, ikut akal kebijaksanaannya, dan ikut tenaga keupayaannya dalam strategi merancang dan bertindak sebegitu teliti, hati-hati, waspada tegas dan berani. Usaha kegigihan dan keberaniannya itulah yang harus kita contohi, kita teladani, bukan dijadikan bahan ketawa jenaka dan "dibuat lawak", kata orang Kedah, kerana kisah lucunya itu dipopularkan

dalam zaman penjajah demi menghina dan mematikan usaha suku-sakat kaum "mat jenin" ini. Perlulah kita fikir bersama teori saya itu.

Di samping itu pula saya menyetengahkan suatu teori baru yang saya namakan "**Teori Robot**". Di bawahnya terdapat 4 kaedah Pentadbiran Songsang, satu antaranya ialah **Pentadbiran cara setan** dengan ciri-ciri pentadbir pincang. **Prinsip** yang digunakan ialah "**Kalau tidak boleh buat betul, buat salah tidak dapat dielak**".

Bagi menanganinya maka elok digunakan **HUKUM WAMI (WAMI'S LAW)** ataupun berpandu kepadanya agar pentadbiran tidak terus kucar-kacir dan tumbang-terbalik.

Dalam satu sesi perbincangan pada April 1992 di JKMM di mana saya terlibat secara langsung untuk membincangkan segala "Amalan Yang Tidak Produktif" dalam pengurusan dan pentadbiran maka rumusannya ialah dari segi:

A: Gaya Pengurusan

1. Mencari kesalahan pegawai rendah apabila gagal mengatasi masalah.
2. Pilih kasih di kalangan kakitangan
3. Terlalu mematuhi kepada tekanan politik/istana
4. Menegur/memarahi pegawai di khalayak ramai
5. Suka mendengar hasutan/fitnah orang
6. Mewujudkan perasaan tidak puashati kerana bertindak di atas 'dengar cakap orang' (*hearsay*) tanpa menghadapkan pegawai berkenaan untuk perbincangan.
7. Tidak mempunyai sikap bertimbang rasa.
8. Terlalu 'rigid' dan tidak 'flexible'
9. Tidak berani bertanggungjawab di atas sesuatu keputusan yang dibuat bersama.
10. Bertutur tidak seperti apa yang dilakukan (cakap tak serupa bikin)
11. Tidak pandai menyimpan rahsia kakitangan
12. 'slave-driver'

B: Tenaga Manusia

1. Kurang perhatian dan teliti kepada kerja-kerja yang lazim (*routine*)
2. Rasa khuatir kepada persaingan
3. Terlalu sensitif terhadap teguran
4. Selalu rasa rendah diri
5. Sikap pura-pura tidak tahu untuk mengelakkan tanggungjawab
6. Sikap berlagak pandai sungguhpun tidak tahu
7. Membiarkan masalah peribadi mempengaruhi kerja/tugas
8. Sering membawa fail balik dan menjejaskan pengedaran fail untuk tindakan di pejabat

9. Tulisan yang sukar dibaca/kotor
10. Menciplak hasil dayausaha orang lain

C: Sistem dan Prosedur

1. Membuka beberapa fail di atas perkara/tajuk yang sama.
2. Melabelkan 'sulit' ke atas perkara yang tidak sulit.
3. Tidak mengemaskinikan catatan dalam fail.

D: Struktur Organisasi

1. Penempatan pegawai yang kurang arif.
2. Meletakkan pegawai yang setaraf dengan pegawai yang diselia sebagai ketua.
3. Tidak ada '*line of command*' yang jelas
4. Membebankan tugas kepada Pegawai tidak setaraf dengan jawatannya.

E: Persekitaran Kerja

1. Pejabat yang ditempatkan di bangunan usang dan tidak sesuai
2. Pejabat yang terletak di kawasan yang mengalami kesesakan lalulintas/bising
3. Kegunaan perhiasan yang tidak sesuai di dalam pejabat
4. Pejabat yang mempunyai tandas yang kotor.
5. Kerusi meja yang lapok dan buruk

Dalam satu sesi perbincangan oleh para Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) mengenai disiplin dan prestasi pula – mengapa perkara ini menimbulkan masalah bagi kakitangan – maka pada keseluruhannya mereka mendakwa ada sebilangan kakitangan yang:

- Tidak datang kerja tanpa mendapati kelulusan bercuti dahulu.
- Membuang masa seperti menjalankan kerja persendirian, duduk bersembang dan lain-lain.
- Menjalankan kerja sampingan di dalam masa Pejabat seperti menjalankan perniagaan.
- Tidak amanah dalam menjalankan kerja.
- Keluar Pejabat tanpa urusan rasmi.
- Membuang masa lama semasa waktu minum.
- Penipuan melalui cuti sakit dan ponteng kerja.
- Datang lewat tanpa alasan yang munasabah dan balik awal.
- Engkar perintah (rasmi)
- Kurang sopan kepada pegawai atasan atau sesama rakan sekerja.
- Tidak cekap dalam menjalankan kerja.
- Semangat bekerja telah luntur.
- Tidak mengikut perancangan kerja yang teratur.
- Tidak menjalankan kerja mengikut keutamaan.

- Tidak mengikut sistem bekerja yang telah ditetapkan seperti melawat dan merakam kes dan lain-lain.
- Kurang kefahaman dari segi peraturan kerja seperti pengetahuan Undang-undang/Akta dan sebagainya.
- Tidak boleh membuat kerja tanpa ada arahan (tiada inisiatif).
- Mencampur-adukkan masalah kerja dan masalah peribadi.
- Kekurangan kemudahan fizikal dan alat-alat pejabat.
- Terlalu banyak sekatan dari pihak atasan seperti untuk buat lawatan dan lain-lain.

Begitulah sikap, peri laku, fiil manusia yang dibelenggu masalah peribadi yang tidak kuat pendorongan atau motivasinya, bekerja dengan semangat luntur dan jiwa yang 'kotor' — yakni, tidak tulen, dedikasi, dan *committed*.

Kita tidak terperanjat masa kini kalau segala peri laku negatif terhadap kerja itu wujud akibat lahirnya **Sistem Saraan Baru (SSB)** yang diberi pelbagai jenama 'kotor' dan merosakkan, seperti misalnya: **Sistem Suka Bodek***; **Sistem Sogokkan Boss***; **Susah Susah Berhenti/Bersara**; **Sistem Suka Bohong**, **Sistem Suka "Bersandiwara"** — adalah sebahagian kecil dari pelbagai rasa kekecewaan, dengan tuduhan **Sistem Saraan 'Brahmin'** — khusus menguntungkan mereka yang berkedudukan tinggi, duduk selesa di dalam hierarki terkeatas dalam birokrasi yang mereka kuasai.

Sayogia dimaklumkan, dan harus saya tegaskan di sini, bahawa sebagai satu sistem, ianya dirancang begitu teratur dan baik sekali. Ianya jadi kotor, pincang dan cacat apakala di tangan orang-orang, khususnya ketua/*boss*, yang juga bersikap dan bersifat kotor dan pincang. Jenis manusia ini ramai dalam birokrasi, yang saya beri nama sebaliknya: birokrezi — para pentadbir gila atau kegilaan pentadbiran yang gian kuasa!

Setelah pelaksanaan *SSB* ini, di manapun kita pergi ke agensi kerajaan, atau dengar dari kawan-kawan penjawat awam, kita berasa sungguh sedih, 'kagum', tergamam, dukacita, kerana apa yang dulunya suatu pentadbiran yang baik, sempurna, aman-damai telah bertukar menjadi pergeseran dan permusuhan, hasad dengki dan berpuak-puak, akibat tidak senang hati, tidak puas hati, dengki dan khianat, si kawan setugas dapat taksiran cemerlang dan dinaikkan skala gaji, melintang. Oleh itu, yang lain-lainnya *boycott*, pulaukannya. Dan ada yang mendesak, mengancam ketua Bahagian untuk beri giliran kepada mereka pada tahun akan datang. Kalau tidak siketua tidak akan dapat *co-operation*, mereka tidak mahu bekerjasama dan suruh pegawai yang 'cemerlang' itu sahaja buat kerja. *Boss* rasa tertekan. Penilaian dan taksiran sudah jauh menyimpang dari hasrat asalnya.

* rujuk teori saya dalam buku Strategi dan Taktik Cinta (1994) **Teori - 3P** mengenai **Pengurusan Cara Merenyeh**. (Golden Books Centre Sdn. Bhd)

Permusuhan di kalangan kakitangan sudah menjejaskan prestasi kerja. Produktivi menurun. *Quality, out*. Sudah semarak rasa benci, cemburu, meluat, dan *fed up* hendak berusaha gigih – kerana kerja kuat pun boss tak iktiraf, orang lain yang dapat cemerlang – kerana mereka tak pandai jek boss, tak tahu nak bodek boss, tak bijak “ambil hati” boss dan “TAK” macam-macam lagi. Lalu prasangka, buruk-sangka, *bias*, dan cakap-cakap angin pun bertiup kencang, apatah lagi kalau si boss itu lelaki dan yang diberi tahap ‘cemerlang’ itu ‘anak dara molek’. Lalu soal maruah, soal integriti dan kredibiliti, soal macam-macam lagi dipersoalkan. Dan lahirlah pentadbiran kucar-kacir kerana tamakkan pangkat lalu “*go to hell*” kerja rajin – persetankan segala *quality* dan *productivity*.

Kongres Kesatuan Sekerja Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (*Cuepac*), mahu Sistem Penilaian Prestasi Perkhidmatan Awam Untuk Pergerakan Gaji Tahunan disemak semula. Ini kerana pelaksanaannya menimbulkan keresahan dan rasa tidak puas hati di kalangan 800,000 pegawai dan kakitangan sektor awam, kata Setiausaha Agungnya, A H Ponniah.

Ketika dihubungi beliau berkata pelaksanaan sistem itu tahun ini menurut Sistem Saraan Baru (SSB), gagal mencerminkan prestasi sebenar setiap pekerja. Pengenalan sistem kuota bagi kenaikan gaji disetiap jabatan juga menyebabkan hanya sebilangan kecil kakitangan yang berkhidmat dengan cemerlang diberi pengiktirafan.

Pada Majlis Penyampaian Sijil Perkhidmatan Cemerlang 1992, Kementerian Kerjaraya, walaupun 3,177 atau 32.5 peratus daripada pegawai dan kakitangan kementerian itu mendapat markah prestasi cemerlang, hanya 195 diberi pengiktirafan kerana dasar kuota dua peratus untuk setiap jabatan.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam Pekeliling Perkhidmatan Awam Bilangan 4/92 mengenalkan empat jenis pergerakan gaji dinilai berdasarkan peratus markah prestasi.

Pegawai Perhubungan Awam JPA, Nik Mohd Mustapha, ketika dihubungi berkata, kakitangan yang mendapat markah di antara 90 dan 100, diberi kenaikan gaji melintang iaitu kenaikan gaji tahunan tiga kali ganda serta bonus sebulan gaji dan cuti tambahan tujuh hari.

Bilangan yang layak untuk kategori ini dihadkan kepada dua peratus daripada setiap jabatan.

Kategori kedua menetapkan jumlah markah di antara 80 dan 89.9 dan mereka yang layak akan menerima pergerakan gaji menegak iaitu kenaikan gaji tahunan dua kali ganda.

Kategori ketiga dan keempat membabitkan kenaikan biasa dan penahanan kenaikan gaji bagi kakitangan yang gagal menjalankan tugasnya dengan sempurna.

Menurut Ponniah, *Cuepacs* menerima aduan keresahan dan rasa tidak puas hati dengan sistem penilaian baru itu daripada hampir semua jabatan dan agensi kerajaan.*

Dua tahun setelah Skim Penilaian Prestasi (SPP) dalam SSB dijalankan di mana *Cuepacs* bantah teruk lalu mahu diadakan picket jika Kerajaan tidak memansuhkannya**. Apapun *excuse* yang diberi JPA, sistem pelaksanaannya itu lebih banyak buruk dari baiknya, yang lebih mudarat dari manfaat. Inilah *realitynya*

Mari kita renungi surat ini – *Forum UM*, 11 April 1995 hlm. 17.

“SSB mematahkan semangat bekerja”

Saudara Pengarang,

PERNYATAAN yang dibuat oleh Anuar Md. Noor, Timbalan Pendaftar USM (*Forum, Utusan Malaysia, Selasa 21 Mac, 1995*) berhubung dengan rungutan terhadap penilaian prestasi kerja di USM sangat menarik.

Hujah yang dibuat oleh Anuar adalah hujah yang sama yang sering dibuat oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berhubung dengan perkara tersebut.

Satu perkara yang ‘tidak mahu difahami’ oleh pihak JPA dan birokrat-birokrat tertinggi negara ialah tentang kelemahan sistem SSB itu sendiri.

Jika pihak berkuasa menerima hakikat bahawa sistem itu tidak baik maka masalah yang wujud di kalangan kakitangan kerajaan berhubung dengan SSB tidak akan timbul. Kelemahan elit-elit birokrasi ini ialah tidak mahu menerima atau mengakui kelemahan yang terdapat di dalam sistem tersebut.

Sebaliknya seberapa boleh usaha dibuat untuk mempertahankannya. Beginilah sempit dan tertutupnya minda elit-elit yang mengepalai birokrasi di negara ini. Mengakui kelemahan bukanlah perkara mengaibkan. Sebaliknya ia mencerminkan kebijaksanaan.

Pernyataan Anuar itu jelas mencerminkan mentaliti birokrat-birokrat elit ini. Kesannya ialah SSB telah menghasilkan ‘mentaliti tak kisah’ di kalangan kakitangan USM dan ini satu fenomena membimbangkan.

Penyelewengan

Berdasarkan laporan-laporan akhbar, fenomena yang sama berlaku di institusi-institusi lain di negara ini.

Anuar telah menghuraikan mekanisme berhubung dengan penilaian prestasi kakitangan dan mencadangkan supaya semua bekerja lebih keras untuk mendapatkan penilaian yang cemerlang. Dalam hal ini saya meminta Anuar menjawab ‘penyelewengan’ yang berlaku di USM sejak SSB dilaksanakan.

• Untuk penilaian tahun 1994, kakitangan yang bercuti belajar telah mendapat pergerakan gaji melintang. Ini menunjukkan prestasinya yang cemerlang.

* Wee You Lee – Kaji Semula Penilaian SSB – BH, 12 Jun 1993 hlm. 8.

** UM, 3 Mei 1995

Paradoksnya ialah kakitangan yang bertungkus lumus mengajar, membentangkan kertas kerja dan membuat apa sahaja kerja akademik dan kerja masyarakat hanya mendapat pergerakan gaji biasa sahaja. Bahkan ada seorang kakitangan akademik yang tidak mendapat sebarang pergerakan gaji walaupun ia melaksanakan tugasnya.

- USM juga memberi prestasi cemerlang kepada kakitangannya yang berjaya memperolehi ijazah Ph.D. Kakitangan ini diberi pergerakan gaji melintang. Sayangnya ia tidak menyeluruh. Ada kakitangan yang tidak menerima sebarang ganjaran. Adakah kriteria yang digunakan berdasarkan laporan penyelia? Atau ada kriteria-kriteria lain yang digunakan. Tetapi yang nyata, ia dijadikan bahan ketawa.

Bagaimanakah reaksi Anuar apabila mengetahui bahawa seorang yang mendapat ijazah Ph.D. daripada sebuah 'universiti yang terkenal di dunia' tetapi tidak mendapat apa-apa pengiktirafan?

- Apakah kriteria yang digunakan apabila hampir semua Dekan dan Timbalan Dekan mendapat 'pergerakan gaji menegak' atau 'melintang'? Adakah semua Dekan atau Timbalan Dekan ini menunjukkan prestasi yang baik?

Dua ganjaran

Jika mereka memang menunjukkan prestasi yang baik, apakah kayu ukur yang digunakan. Bagi masyarakat di luar USM yang tidak biasa dengan sistem yang ada, semua Dekan, Timbalan Dekan, Pengarah, Penyelaras Unit dilantik oleh Naib Canselor.

Oleh itu, mereka yang memegang jawatan pentadbiran akademik dapat dua ganjaran. Pertama dilantik ke jawatan tersebut hingga pencen dan kedua diberi pergerakan gaji menegak atau melintang.

- Apakah penilaian yang digunakan apabila pentadbir kanan USM mendapat dua kali prestasi cemerlang dan diberi pergerakan gaji melintang (Penilaian prestasi 1992/1993)?

Bagi kakitangan akademik, tidak susah untuk menilai kecemerlangan seseorang. Oleh itu apabila ada seorang kakitangan akademik yang mendapat cemerlang sedangkan hasil kerjanya nyata tidak menunjukkan ciri-ciri kecemerlangan maka sudah tentulah sistem yang ada menunjukkan kelemahannya. Akhimya ia bukan sahaja menjadi bahan lawak tetapi ia juga melemahkan semangat bekerja.

Oleh itu perlu bagi pihak kerajaan membuang sama sekali sistem yang memang merosakkan ini. Bagi birokrat-birokrat elit yang masih ingin mempertahankan 'Sistem Saraan Baru', janganlah fikirkan diri sendiri. Fikirkan lebih daripada 800,000 kakitangan awam yang telah dipatahkan semangat mereka. -

PENSYARAH MUDA, Mindon Height, Pulau Pinang.

Saya setuju 200% kenyataan apa yang diujulkan di atas itu. Syabas! Dan di sini ingin saya beri beberapa contoh kepincangannya itu, yang semua orang (pegawai kerajaan) tahu, bukan lagi jadi satu rahsia yang hendak disulitkan.

Marilah kita kongsi bersama ganjil dan uniknya perbuatan orang yang memegang kuasa dalam sistem ini:

(i) Seorang Pegawai Pendidikan Daerah (PPD), di sebuah negeri di utara Malaysia, hidup berpoligami. Kedua-dua isterinya bekerja dan di bawah perkhidmatan bidang kuasanya. Bila tiba masanya untuk diberi perakuan dan tindakan, kedua-dua isterinya ini dapat pangkat cemerlang dan peroleh kenaikan gaji secara melintang walaupun ramai ketua dan rakan sekerja mereka tahu yang SKT (sukatan kerja tahun isteri-isteri itu) tidak mencapai matlamat atau tahap cemerlang itu. Oleh itu ini telah menimbulkan rasa tidak senang hati ramai perkerja kerana sikap pilih kasih. Semangat bekerja, lemah, patah dan hilang.

(ii) Seorang Kerani Besar yang pandai 'main peranan' dengan waktu kerja yang tertentu tetapi si ketua tidak tahu si kerani "berjiwa kerdil dan kotor" itu. Dia selalu "kelihatan bekerja" bila boss masuk pejabat dan bila boss balik —walaupun pukul 5.00 petang dan semua kakitangan sudah balik ke rumah dan ruang pejabat, kosong. Melainkan boss nampak si Kerani Besar yang bekerja tak kira masa, lalu diberinya 'cemerlang'.

Sesungguhnya semua pegawai di bawahnya tahu sikap kerja menipu dan bohong si Kerani Besar ini. Antara masa boss masuk dan keluar pejabat K.B. nampak ada, lepas itu dia ghaib, hilang entah ke mana dengan 'private business'-nya tapi malangnya, si boss tidak tahu. Dan boss kena tipu tetapi kakitangan yang tahu tersemay perasaan benci hendak kerja gigih.

(iii) Seorang Pegawai Tadbir Am (PTA) di sebuah Jabatan yang *powerful*, terkenal, dan ramai kakitangan dengan boss-boss yang hebat-hebat buat penilaian ganjil. Kesemua jurutaip di Bahagiannya dapat pangkat cemerlang dan peroleh kenaikan gaji, skala melintang. Ini heboh diperkatakan. Cuma yang tidak dapat ialah jurutaip sambilan. Lalu melimpah-ruahlah puji-pujian dari kumpulan *typist* ini betapa mulia dan *bestnya* si ketua PTA ini.

Dibuatnya sebegini biar 'padan muka' pentadbiran. Kerana dia *frust* pergeseran antara PTA/PTD* ini sudah berlarutan. Ini caranya sabotaj, caranya menentang *establishment*.

Dalam hal ini saya tahu ada orang-orang (penjawat awam) yang merekemen dirinya sendiri untuk dapat cemerlang dan dapat gaji melintang, kemudian tahun berikutnya pula dapat gaji, menegak.

Oleh itu betapa mudahnya sistem ini ditipu, disalahgunakan, digunakan secara licik, diguna oleh ketua-ketua bagi kepentingan diri untuk "mendapatkan sesuatu" daripada anak buahnya. Oleh itu dia perlu dijek, diampu, dibodek, disogok, di"kelentong" dan dilakukan 1001 lagi perkara yang terkeluar dari amalan pentadbiran yang betul.

* lihat buku saya: *Dasar Awam di Malaysia*, Jilid 2, hlm 351-56; 359-62.

Oleh itu, saya juga sependapat dengan kesatuan sekerja CUEPACS agar SSB bukan sahaja dikaji semula tetapi segera dimansuhkan. Justeru itu rasa kecewa, luntur semangat bekerja dan *fed up* itu tidak menyerap ke dalam jiwa, menjalar bak wabak ganas yang boleh "melumpuhkan" sistem pentadbiran negara ini. Kalau ini berlaku maka sesialah segala usaha gigih KSN yang dinamis itu. Yang selalu ada saja perkara baru untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti para penjawat awam dalam perkhidmatan kerajaan, khususnya.

Mari sejenak kita renungi mesej ini ditulis oleh aktivis sosial, kawan baik yang saya sanjung tinggi, YBhg Datuk Lee Lam Thye:

Menzahirkan piagam pelanggan sektor awam

BARU-BARU ini ketika berucap di satu majlis forum mengenai perkhidmatan awam, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji telah menyentuh mengenai perlunya agensi kerajaan di negara ini memandangkan serius akan ikrar agensi kerajaan yang dizahirkan melalui piagam pelanggan untuk berurusan dengan orang ramai.

Ketua Setiausaha Negara juga telah mengumumkan tentang enam dimensi perkhidmatan awam yang cemerlang iaitu khidmat kaunter yang efisien, menjalankan perkhidmatan tanpa sebarang kesilapan, tidak banyak kerumitan dalam urusan dengan kerajaan, sensitif kepada keperluan pelanggan, maklumat penerangan yang mencukupi, dan interaksi sektor awam dan swasta yang rapat.

Pendirian konsisten yang ditunjukkan oleh Ketua Setiausaha Negara untuk berusaha mencapai matlamat khidmat cemerlang dalam perkhidmatan awam ternyata selaras dengan aspirasi dan harapan rakyat agar kerajaan memberi khidmat yang efisien dan berkesan. Namun, mewujudkan atau memperkenalkan piagam pelanggan satu perkara tetapi untuk memastikan ia dapat berfungsi dengan berkesan merupakan satu soal yang lain pula.

Berhubung dengan pelaksanaan piagam pelanggan, apa yang penting dan perlu diperkenalkan oleh kerajaan ialah mewujudkan satu struktur mekanisme bagi mengawasi pelaksanaannya. Pengawasan pelaksanaan piagam pelanggan ini penting bukan sahaja untuk menjayakan matlamat dan objektif piagam pelanggan tersebut tetapi juga mustahak untuk merealisasikan harapan rakyat bagi memperlihatkan kewujudan perkhidmatan awam yang efisien.

Untuk mengawasi

Persoalan yang harus difikirkan ialah bagaimana dan pihak manakah yang sanggup mengawasi pelaksanaan piagam pelanggan ini. Menurut Ketua Setiausaha Negara, senarai mekanisme yang wujud di sektor perkhidmatan

awam untuk mengawasi piagam pelanggan ini termasuk Biro Pengaduan Awam, Bahagian Budget di Perbendaharaan dan Jabatan Audit Negara.

Saya percaya bahawa jika semua agensi kerajaan yang dinyatakan ini dapat menjalankan tugas masing-masing dengan berkesan dan efisien tanpa takut dan pilih kasih, ia boleh berusaha memainkan peranan bagi memastikan perkhidmatan awam lebih terbuka dan bertanggungjawab.

Misalnya, memastikan agensi-agensi kerajaan menyampaikan atau mengeluarkan laporan prestasi tahunan masing-masing termasuk laporan terhadap piagam pelanggan merupakan salah satu usaha boleh menuju ke arah memperlihatkan agensi kerajaan yang berkenaan menjalankan urusan dengan lebih terbuka tanpa menyembunyikan sesuatu.

Biro Pengaduan Awam yang bebas yang mempunyai peranan bertindak lebih berkesan tidak dinafikan boleh memberi jawapan untuk menolong orang ramai dalam membuat aduan terhadap jabatan atau agensi kerajaan yang didapati memberi khidmat yang kurang baik.

Lebih penting

Bagaimanapun, lebih penting ialah maklum balas daripada orang ramai dan badan-badan bukan kerajaan mengenai khidmat kerajaan melalui piagam pelanggan tersebut.

Orang ramai harus digalakkan supaya tidak berasa takut atau bimbang bila melaporkan sesuatu aduan bagi memastikan kejayaan piagam pelanggan yang diperkenalkan.

Sejumlah 318 piagam pelanggan yang diwujudkan setakat ini oleh agensi dan jabatan kerajaan menjadi cabaran utama kepada perkhidmatan awam untuk mempunyai kualiti perkhidmatan yang lebih efisien dan berkualiti kepada orang ramai yang merupakan pelanggan mereka.

Semua kakitangan perkhidmatan awam haruslah dapat memberikan perkhidmatan yang lebih efisien dan komited bila berhadapan dengan orang ramai dalam memenuhi aspirasi dan harapan untuk melahirkan perkhidmatan cemerlang kepada rakyat. Prestasi kerja perkhidmatan awam menjadi kunci kejayaan kepada piagam pelanggan.

Kakitangan perkhidmatan awam merupakan tulang belakang kepada negara. Oleh itu, penting bagi kita untuk berusaha sedaya upaya ke arah mewujudkan perkhidmatan awam yang cemerlang.

Menjadi harapan kita semua agar pihak perkhidmatan awam di negara ini dapat mengambil langkah yang sewajarnya bagi memenuhi kehendak orang ramai yang mahukan perkhidmatan awam yang cekap dan efisien.

Tidak dinafikan bahawa perkhidmatan awam di Malaysia telah mencapai tahap pembaharuan dan kemajuan sejak negara kita merdeka, namun penting bagi pihak perkhidmatan awam sentiasa menitikberatkan per-

khidmatan yang terpuji dan cemerlang dalam memenuhi cabaran-cabaran bagi Malaysia menjadi negara maju menjelang abad ke-21.*

Begitulah gigihnya usaha KSN yang patut dihargai dan dipatuhi tindakannya demi masa depan pentadbiran awam yang unggul.

Dalam Bahagian Dua buku saya ini di bawah tajuk **Etika Pentadbiran**, saya beri tiga contoh klasik perkhidmatan songsang iaitu (1) *Dilemma Perkhidmatan*, (2) *A Cover Up* – mangsa B.C.A, dan (3) Operasi Mawar dan *Scape-goat* K.K.M.

Dalam laporan satu (1) mendapat pelbagai reaksi apabila ianya dihebahkan, dan saya petik:

- i) **Laporan Orang Gila** – Datin Aishah Ghani, Menteri Kebajikan Am Malaysia.
- ii) Ingat Orang Luar Buat Fitnah Kepada Kementerian Kita – Dato' Yahya Hj. Talib, Ketua Setiausaha Kementerian.
- iii) Macam Baca Novel Khayal – Abdullah Malim Baginda, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

DAN

- a) Kalau tahu mereka yang buat surat fitnah kepada Menteri boleh diambil tindakan tatatertib – Abu Bakar b. Ahmad, BCK, Penasihat Undang-undang Negeri Kedah.
- b) Laporan Sungguh Berani. Mereka Yang Hendak Ambil Tindakan Tatatertib Ke Atas Pengarah itu, *stupid* – Hj. Ahmad Pirun, Ketua Cawangan Odit Kedah
- c) **Kalau Cetak, Boleh Jadi Best Seller** – Hj. Mohamad Ishak, Ketua Penolong Setiausaha (Cawangan Perkhidmatan) Kedah.

Laporan yang diketengahkan ini adalah yang asal tanpa perubahan apa-apa juapun yang telah dikelilingkan kepada semua Wakil Rakyat Kedah, para Pegawai tinggi kerajaan Negeri, Pegawai Daerah dan seumpamanya, sejajar dengan edaran surat fitnah dan khianat para kakitangan JKM Kedah itu.

Apa yang sudah berlaku, bolehlah kita anggap sebagai suatu sejarah hitam tetapi sejarah boleh pula berulang. Kalaulah ini berlaku lagi maka memang betullah yang manusia itu tidak pernah belajar serik dari kesilapannya.

Jika kita teliti laporan-laporan lengkap itu, ada ketika-ketikanya Ketua Pengarah didapati kurang tegas dan lepas tangan – serta kurang arif dengan undang-undang dan peraturan, yang seolah-olah pula “dengki” melihat orang lain gigih bekerja dan dapat pengiktirafan. Tak kurang juga sikap Ketua Setiausaha dan Menteri yang dirasuk oleh sekumpulan kakitangan pincang dan berkepentingan peribadi, tidak hirau klien yang sepatutnya ditolongi. Inilah masalah manusia dan kemanusiaan!

Saya amat berharap semoga buku Pentadbiran Awam Malaysia ini yang ditulis seikhlas dan sebenar (setulen) mungkin dapat dijadikan sebagai suatu iktibar bagi kita semua dan buanglah yang keruh, ambil yang jernih DAN cuba perbaiki hidup kita secara jujur, ikhlas, amanah dan bermaruah.

Sekian dan wassalam.

Muar, Johor.
Mei 1995

Wan Azmi Ramli